

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 42

Isnin

7 November 2016

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2017 (Halaman 33)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 32)

Usul Anggaran Pembangunan 2017 (Halaman 33)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 7 November 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Budiman bin Mohd. Zohdi [Sungai Besar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan prestasi semasa literasi Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar dan apakah langkah-langkah utama yang diambil kementerian bagi mengurangkan jurang pencapaian dan penguasaan bahasa tersebut di bandar dan di luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Budiman kerana menang dalam Pilihan Raya Kecil Sungai Besar tempoh hari. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, prestasi semasa literasi Bahasa Inggeris bagi murid Tahun 3 sehingga 31 Mei 2016 adalah berdasarkan saringan 1 LINUS 2.0/2016. Dapatan daripada saringan tersebut menunjukkan bahawa sekolah-sekolah luar bandar telah mencapai penguasaan 83.37% iaitu menguasai Konstruk 1 hingga 12. Manakala bagi sekolah bandar pula, tahap penguasaan literasi Bahasa Inggeris adalah 89.19%. Sungguhpun masih terdapat jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar, namun Kementerian Pendidikan Malaysia terus komited untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dalam kalangan murid seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mengurangkan jurang penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid di bandar dan luar bandar. Antaranya ialah:

- (i) pemantapan pelaksanaan LINUS 2.0 melalui langkah-langkah berikut:
 - penyediaan modul pedagogi LINUS 2.0 kepada murid yang belum menguasai;

- pelaksanaan latihan kepada guru di sekolah rendah terutama kepada guru Bahasa Inggeris dan guru pemulihan khas semasa proses pengajaran dan pembelajaran;
 - penyediaan instrumen saringan LINUS 2.0 bagi mengenal pasti dan mengetahui tahap penguasaan murid yang sebenar dari semasa ke semasa;
 - perkongsian maklumat dalam kalangan pentadbir sekolah, guru-guru dan ibu bapa dalam pengurusan dan pelaksanaan LINUS 2.0 untuk memperkembangkan tahap penguasaan murid;
 - pemeriksaan khas LINUS 2.0 di sekolah rendah dan pementapan pedagogi guru kepada murid di sekolah;
 - kesediaan fasih LINUS iaitu Bahasa Melayu, numerasi dan Bahasa Inggeris semasa melaksanakan intervensi, bimbingan dan pementoran kepada guru, murid dan ibu bapa.
- (ii) melaksanakan inisiatif *Professional Upskilling of English Language Teachers* (Pro-ELT) bagi meningkatkan *proficiency* guru Bahasa Inggeris dalam perkhidmatan untuk mencapai standard minimum yang telah ditetapkan;
- (iii) peluasan pelaksanaan *Highly Immersive Programme* ataupun HIP melalui amalan terbaik Bahasa Inggeris di luar bilik darjah.

Terima kasih.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Adakah jurang antara bandar dan luar bandar ini ada kaitan dengan jumlah kekurangan guru kerana berdasarkan data yang saya perolehi dalam PPD Sabak Bernam, di Sabak Bernam sahaja kita kekurangan kira-kira 20 orang guru Bahasa Inggeris. Adakah ini ada kaitan?

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat. kita mengenal pasti salah satu unsur pencapaiannya adalah kekurangan guru Bahasa Inggeris ataupun pencapaian guru Bahasa Inggeris itu sendiri. Maka kita mengadakan pelbagai program seperti mana yang telah saya jawab tadi Pro-ELT meningkatkan mutu penguasaan *proficiency* guru Bahasa Inggeris dan pada masa yang sama kita akan memastikan bahawa penempatan guru yang mencukupi di setiap sekolah. Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin melanjutkan soalan kepada kementerian, berapa *percent* kah kadar literasi yang menjadi sasaran kepada kementerian bagi sekolah-sekolah bandar dan juga sekolah luar bandar? Apakah kementerian menyedari sebenarnya faktor perbezaan antara kadar literasi di sekolah-sekolah luar bandar dan bandar? Adakah perbezaan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Banyak soalan itu Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Satu soalan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah tiga cabang.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tiga cabang. Kita sambungkan semua ini. Adakah perbezaan itu berpunca daripada faktor-faktor di sekolah ataupun sebenarnya faktor di luar sekolah yang *beyond the control of the ministry*? Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sememangnya pencapaian keputusan murid-murid di sekolah itu mempunyai banyak unsur, faktor sekolah dan faktor luar sekolah memainkan peranan yang amat penting. Walau bagaimanapun, dengan sasaran yang ditetapkan oleh kementerian, saya boleh memberikan satu perbandingan pencapaian ataupun jurang yang semakin dikurangkan antara bandar dengan luar bandar.

Pencapaian Mengikut Tahun	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
2014	75.45	64.37
2015	86.64	80.07
2016	95.91	93.56

■1010

Bukan sahaja pencapaian kita meningkat di kedua-dua kategori tetapi jurangnya semakin kita kurangkan. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) sehingga Januari 2016, berapakah jumlah pinjaman yang diberikan kepada peminjam di bawah skim *Agriculture Entrepreneurs Scheme for Graduates*; dan
- (b) bagaimana rekod pembayaran semula pinjaman tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Skim *Agriculture Entrepreneurs* untuk *graduate* ini telah diwujudkan pada tahun 2001. Pada ketika itu kita menghadapi banyak masalah di kalangan *graduate* yang tidak ada pekerjaan. Jadi diwujudkan skim ini untuk memberi peluang kepada *graduate* menjadi usahawan dalam bidang pertanian dan juga perniagaan, dalam bidang pertanian. Kerajaan telah memberikan peruntukan sebanyak RM20 juta pada tahun 2001 bila ia dilancarkan dan ditambah lagi pada tahun 2006 menjadikan jumlahnya RM20 juta.

Daripada jumlah tersebut, seramai 479 orang *graduate* menjadi usahawan mendapat pinjaman. Daripada jumlah tersebut, Yang Berhormat bertanya yang telah dikutip balik iaitu sebanyak RM15 juta, kira-kira 69 peratus manakala bakinya sebanyak RM5 juta lagi tidak dapat dikutip. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Soalan tambahan. Tahniah kepada mereka yang membayar RM15 juta daripada RM20 juta. Soalan tambahan saya ialah kita tahu terma-terma pinjaman iaitu 3 peratus kadar faedah setahun selama enam tahun dan maksimum pinjaman RM500,000.

Saya ingin bertanya, adakah kerajaan bersedia dan boleh pertamanya melonggarkan tempoh bayaran memandangkan kalau kita membeli kereta pun boleh bayar sehingga sembilan tahun dan kepada mereka yang layak itu bolehkah tidak kita menetapkan pinjaman sebanyak RM500,000. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman bukan RM500,000, banyak sangat itu. RM50,000 untuk sebagai modal permulaan dan setelah itu ia berkembang lagi boleh pinjam RM50,000 lagilah. Yang tak bayar ini lebih kurang RM4 juta sahaja kerana daripada RM5 juta itu tadi sebenarnya RM1 juta digunakan untuk latihan.

Pinjaman yang tak berbayar lebih kurang RM4 juta. Sudah sekian lama pun sejak daripada tahun 2012 skim ini telah pun diberhentikan dan kita cuma tinggal mengutip hutang sahaja. Kita bagi tempoh banyak lama dah. Boleh bayar ansur-ansur, tak ada masalah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan saya laluan dan ingin mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian. Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khususnya telah mengeluarkan beberapa faedah skim kepada pelajar-pelajar lepasan universiti untuk membuat pinjaman untuk melaksanakan program pertanian dan yang paling berjaya adalah program Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan iaitu salah satunya adalah di Lanchang, Temerloh. Soalan saya, di Lipis terdapat satu usaha secara besar-besaran yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian Lipis iaitu tanaman herba yang melibatkan RM12 juta.

Soalan saya, apakah langkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian Daerah mencari graduan-graduan ini untuk bersama dalam program tanaman herba ini bagi menggalakkan mungkin penduduk setempat tidak hanya khusus di Lipis tetapi penduduk setempat, saya mengambil contoh di Lipislah, tetapi penduduk setempat di seluruh negara program seperti ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Tuan Yang di-Pertua, kita menggalakkan Agropreneur dalam bidang pertanian ini dalam semua sektor termasuk herba dan lain-lain. Yang Berhormat bertanya bagaimana kita hendak menggalakkan mereka terutama sekali graduan-graduan untuk menyahut cabaran ini yang mana kita sebenarnya sentiasa *publicized*, kita menguar-uarkan tentang peluang ini. Jadi, kita tidak putus asa walaupun sambutan agak lembap, bidang pertanian tidak begitu diminati oleh generasi muda *but* dengan izin *we still have to go on campaigning* supaya generasi ini lebih ramai lagi.

Kita ada selain daripada skim yang saya sebut ini tadi ialah seperti MyAgroSIS di bawah FAMA. Pada masa ini 26,000 peserta program MYAGROSIS yang mana ia memberi latihan kepada siswazah-siswazah dan jumlah 26,000 ini akan meningkat kepada 40,000 dijangkakan dalam tahun 2017 ini. Mereka yang menerima latihan semasa program MYAGROSIS di kelab-kelab usahawan mereka di IPTA-IPTA adalah bakal-bakal usahawan apabila mereka keluar daripada universiti-universiti dan ini telah saya hendak maklumkan sedikit tentang keusahawanan di kalangan generasi muda ini, telah bermula sejak daripada lima tahun yang lalu. Sekarang kita sudah dapat yang betul-betul menjadi *entrepreneurs* setelah keluar daripada universiti dan melalui program MYAGROSIS ada seramai 500 orang usahawan yang *genuine* yang sungguh-sungguh terlibat dalam keusahawanan.

Selain daripada itu, satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah Program Agropreneur Muda. Program Agropreneur Muda pun ramai juga yang terlibat ialah terdiri daripada

graduate iaitu program yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri. Terima kasih.

3. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah prosedur yang perlu dijalankan oleh bank-bank perdagangan sebelum memulakan proses lelongan rumah untuk melindungi hak peminjam.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat Setiu, proses lelongan merupakan proses remedi bagi pemegang gadaian apabila peminjam gagal membayar balik pinjaman yang tertunggak dan digariskan di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Lelongan rumah adalah langkah terakhir untuk mendapatkan pembayaran balik pinjaman daripada peminjam selepas usaha-usaha lain gagal. Jadi prosesnya selalu lazimnya bank akan memberi surat peringatan menghubungi pelanggan pinjaman mereka termasuk tindakan yang akan diambil sekiranya mereka gagal membayar balik pinjaman tersebut.

■1020

Manakala tindakan perundangan itu apabila peminjam gagal melunaskan tunggakan, selalunya diberikan surat sama tuntutan ataupun *notice of demand*, surat memaklumkan tarikh sebutan dan bicara ataupun *notice of hearing*. Kemudian, penghakiman mahkamah untuk perintah lelongan. Kemudian notis lelongan iaitu melibatkan tarikh dan harga rizab dan maklumat hartanah dan kemudian proses lelongan berjalan. Walau bagaimanapun sebelum proses-proses lelongan yang terakhir itu dilaksanakan, ada langkah-langkah yang diambil untuk melindungi pengguna.

Antaranya peminjam yang menghadapi masalah pembayaran balik pinjaman dinasihatkan berbincang dengan institusi perbankan untuk mencari penyelesaian terbaik yang dipersetujui oleh kedua pihak, sama ada hendak *reschedule the* hutang dan sebagainya. Kemudian sekiranya masih gagal, peminjam boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapat khidmat nasihat tentang penstrukturan semula pinjaman dan sebagainya. Sebelum lelongan dibuat, institusi perbankan juga dikehendaki memberi ruang dan peluang kepada peminjam untuk mencari bakal pembeli hartanah yang terbaik untuk membuat penjualan peribadi ataupun *private sale* sebelum tindakan lelongan awam.

Ini membolehkan peminjam mengekalkan nilai hartanah dan membantu peminjam menyelesaikan pinjaman yang tertunggak itu dalam jangka masa yang lebih

pendek. Walaupun arahan lelongan telah diperolehi, institusi perbankan juga bersedia mendengar cadangan pembayaran yang dapat dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang timbul sekarang, bila kebiasaannya kalau kes-kes pinjaman perumahan ini sudah sampai ke peringkat lelong, akan berlaku kebiasaannya penipuan dan sebagainya. Contoh saya bagi, kalau dalam- bila sampai ke peringkat lelong, akan adanya sindiket-sindiket lelong, ulat-ulat lelong dan sebagainya. Dia akan ada, sama ada di mahkamah ataupun di pejabat tanah. Dia satu lagi kadang kita lihat kepada *reserve price*, harga jualan, harga rizab itu dia lebih rendah daripada harga pasaran dan bila dijual, bila dilelong, akhirnya hasil jualan lelong itu ataupun *proceed of sale* itu tidak boleh hendak menemui dia punya hutang. Makna tidak selesai hutang.

Jadi, sudahlah rumah kena lelong, hutang tidak selesai. Jadi tanggungan akan berterusan. Jadi apa langkah-langkah ataupun sama ada pihak kementerian ada melihat berapa banyak penipuan berlaku setakat ini dalam kes-kes pelelongan ini dan apa langkah-langkah yang sepatut diambil. Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memang kita kadang-kadang ada mendengar keluhan daripada peminjam apabila hartanah mereka, hartanah milikan mereka dilelong, harga yang dilelong itu rendah daripada baki hutang yang ditanggung oleh mereka yang untuk dibuat penyelesaian. Jadi sudah tentulah ini merupakan menjadi satu bebanan kepada mereka dan selalunyalah bank apabila selesai urusan keputusan harga lelongan yang dibuat itu, maka bank akan memaklumkan peminjam, berapakah jumlah yang masih mereka perlu bayar kepada bank dan bagaimanakah cara untuk menyelesaikan pinjaman tersebut.

Jadi sebagai salah langkah untuk menangani masalah-masalah seperti ini, kerajaan telah pun menubuhkan satu badan yang disebutkan sebagai *ombudsman* perkhidmatan kewangan yang berperanan sebagai mekanisme bantuan untuk penyelesaian yang bebas dengan formaliti yang minimum bagi pengguna kewangan menyelesaikan pertikaian dengan penyedia khidmat perbankan ataupun perkhidmatan kewangan. Perkhidmatan ini merupakan alternatif dan bukannya untuk menggantikan tindakan undang-undang yang diambil oleh mahkamah. Perkhidmatan *ombudsman* untuk perkhidmatan kewangan ini diberikan secara percuma kepada pengguna kewangan.

Jadi, mungkin memang akan wujud rasa tidak puas hati sama ada harga yang dilelong itu kerana faktor mainan kumpulan ataupun sindiket tertentu. Tapi ini

sebenarnya kita dapat cuba membantu bagi mengatasi bebanan yang ditanggung oleh mereka yang terlibat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mudah sahaja iaitu adakah jumlah pinjaman perumahan pada tahun ini bertambah, berbanding misalnya dengan tahun lepas dan berkaitan dengan itu adakah jumlah lelongan rumah tahun ini bertambah berbanding dengan misalnya tahun lepas. Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan Yang Berhormat Tumpat itu tidak berapa hendak kena dengan tajuk ini tapi saya cuba hendak jawab. Saya hanya dapat memberi semacam contoh jumlah kebangkrapan yang berlaku kerana masalah lelongan rumah dan sebagainya. Sebagai satu indikator, di mana pada tahun 2013 sebanyak 5,396 cases bankrap kerana pinjaman perumahan. Tapi 2014 turun kepada 3,880 dan 2015 turun lagi kepada 2,504. Jadi pada sayalah soal jumlah pinjaman dan sebagainya yang diberikan antara tahun ini dengan tahun lalu, saya kira itu akan kita bagi jawapannya kemudian.

Tapi daripada trend ini melihat bahawa peminjam-peminjam jauh lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dan meminjam apabila hanya mereka mampu untuk membayar. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi ada di atas jawapan kata kalau *loan* tidak boleh bayar, boleh *restructuring*. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sedar atau tidak, banyak bank sekarang *reluctant* bagi *loan* kalau siapa-siapa tidak boleh bayar, pergi *restructuring*. Fasal kalau dia orang pergi *restructuring*, terus saya difahamkan Bank Negara sudah beritahu kalau *loan* pergi *restructuring*, *consider* NPL. NPL itu terus mahu *provide in the*, di dalam dia punya audit. Kira itu, mesti mahu *provide* itu *write off*.

Itulah sekarang punya masalah, banyak komersial sama *housing loan*. Dia orang tidak dalam kegawatan ekonomi, dia orang tidak mampu bayar, mahu minta *restructuring*, bank *reluctant* bekerjasama. Itulah, saya tanya adakah satu cadangan daripada kementerian berbincang sama *central* bank, dilonggarkan dia punya syarat-syarat ini, membantu dalam masa sekarang kegawatan ekonomi. Itu lah sekarang ekonomi tidak boleh dimaju juga. Pada masa yang sama, komersial bank itu tidak mahu kasi pinjam pergi, *business loan* juga dia tidak mahu kasi pinjam. Dia takut nanti kerana

provide juga, dia punya *profit margin* semua jatuh. Itu saya hendak minta, adakah kementerian ada satu perbincangan sama Bank Negara tak?

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu di atas soalan tambahan lagi. Kita tahu bahawa kita bercakap soal konteks pinjaman perumahan. Selalunya apabila peminjam itu memulakan proses meminjam, sudah tentulah ketika penilaian dibuat, peminjam tersebut *qualified* ataupun layak untuk meminjam. Contohnya beliau adalah seorang penjawat ataupun seorang pekerja sektor swasta yang mampu meminjam. Tapi mungkin dalam keadaan-keadaan tertentu, atas apa-apa jua sebab yang berlaku seperti mungkin diberhentikan kerja ataupun mungkin masalah kesihatan dan sebagainya, beliau tidak dapat lagi bekerja. Maka sudah tentu beliau tidak mampu untuk menjelaskan tanggungan beliau. Jadi sudah tentu ianya akan memberi kesan dan akhirnya proses itu sampailah kepada penghujungnya iaitu terpaksa dilelong.

■1030

Akan tetapi berbalik kepada apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Bintulu dalam keadaan suasana ketika ini, keadaan ekonomi yang mungkin agak mencengkam keadaan persekitaran ekonomi yang mungkin tidak berapa baik ini seperti yang kita lalui pada tahun 1998, 1999. Ketika kita menghadapi kegawatan yang amat teruk ketika itu, saya rasa sudah tentulah kerajaan amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu yang mempunyai cadangan ini iaitu untuk menimbang sama ada kita perlu menggalakkan bank-bank komersial ini untuk menimbang semula, menstrukturkan semula pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh pihak-pihak ini kerana keadaan-keadaan yang memaksa.

Jadi saya ingat cadangan ini kita boleh bawa dan *insya-Allah*, Bank Negara akan terus memberi pinjaman kepada individu-individu yang mampu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi.

4. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta Menteri Pendidikan menyatakan Projek i-THINK, termasuk jumlah sekolah yang terlibat, bilangan guru yang dilatih serta bilangan murid yang terkesan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Yang di-Pertua, program i-THINK ialah program yang bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif dan inovatif. Program ini merupakan elemen penting dalam Strategi Inovasi Kebangsaan, *Innovating Malaysia* untuk memacu inovasi

negara demi mencapai Wawasan 2020 serta memenuhi salah satu daripada enam aspirasi kemenjadian murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu mempunyai kemahiran berfikir.

Program ini dilaksanakan pada tahun 2012 secara bersemuka di 1,058 buah sekolah dan melibatkan 103,000 orang guru melalui kursus i-THINK dalam talian mulai tahun 2014. Pada masa yang sama, semua SIS Plus, SIS C-Plus dan SI Partners Plus juga telah dilatih melalui program i-THINK bagi membolehkan mereka menjalankan bimbingan dan latihan di sekolah. Sekian, terima kasih.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Projek i-THINK ini berkait hubung dengan usaha memperkenalkan berfikiran aras tinggi seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi dan juga penaksiran berasaskan sekolah. Sehubungan dengan itu, terdapat banyak kekeliruan mengenai pelaksanaan program-program tersebut khususnya dalam ujian UPSR.

Pada tahun 2011, kementerian melalui pekeliling telah memaklumkan bahawa ujian UPSR akan bertukar daripada 100 peratus ujian bertulis berpusat kepada formula 60-40 di mana 60 peratus akan berasaskan kepada PBS. Akan tetapi pada tahun lepas keputusan ini telah ditangguhkan dan namun pada bulan lepas Yang Berhormat Menteri telah dilaporkan berkata bahawa UPSR akan bertukar kepada PBS.

Jadi nampak macam terlalu banyak kekeliruan. Saya rasa ini menimbulkan keraguan dalam kalangan murid, dalam kalangan guru, ibu bapa dan sebagainya. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan mengenai perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih soalan tambahan walaupun soalan tambahannya tidak ada berkaitan dengan soalan asal mengenai i-THINK. Sebenarnya kementerian seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa memang menjadi matlamat dan rancangan kementerian supaya penilaian berasaskan sekolah itu diteruskan.

Kita tidak pernah berhenti walaupun Menteri membuat keputusan supaya 100 peratus mengambil keputusan UPSR pada tahun yang lepas tetapi perjalanan Ujian Berasaskan Sekolah itu masih diteruskan. Sama ada peratusan UPSR itu 100 peratus atau 60-40, itu masih dalam perbincangan kementerian tetapi hasrat dan matlamat supaya kita tidak lagi hanya berlandaskan kepada peperiksaan itu masih merupakan dasar kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sesuai dengan peraturan mesyuarat jika soalan itu tergelincir daripada soalan asal tidak perlu dijawab, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa projek ini adalah satu projek yang berjaya. Oleh sebab itu daripada 1,000 buah sekolah kemudian diperkembangkan kepada semua sekolah di dalam Malaysia. Soalan saya ialah, sejauh manakah keberhasilan projek ini kepada pelajar-pelajar tersebut terutamanya selepas tamat pengajian dan menyambung di peringkat tinggi? Saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah apa-apa *success story* berikutan daripada pelaksanaan projek ini kerana Kementerian Pendidikan Malaysia bekerjasama dengan jabatan ataupun Jabatan Inovasi, Jabatan Perdana Menteri? Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih kepada soalan tambahan. Memang betul ini merupakan satu program di bawah Agensi Inovasi Malaysia yang di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri. Ini merupakan satu program supaya guru-guru kita didedahkan dengan kemahiran berfikir tinggi secara kreatif dan inovatif supaya pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah kita itu tidak lagi seperti dahulu iaitu dengan izin, *spoon feeding*.

Guru sekarang sebagai fasilitator supaya PDP di dalam bilik darjah kita lebih inovatif, lebih kreatif dan itu merupakan satu hala tuju. Pengujian itu ataupun *test* yang akan dilakukan adalah melalui TIMSS dan PISA yang mana kita mendapati bahawa pencapaian sekolah kita rendah tetapi pencapaian yang terkini akan diumumkan pada tahun ini. Kita berharap bahawa dengan usaha-usaha dalam i-THINK ini kedudukan Malaysia akan meningkat. Matlamat kita supaya Malaysia akan mencapai *wanted* dengan izin, *on top* yang terbaik di dunia menjelang tahun 2025 melalui program ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulung. Hari jadi Yang Berhormat Parit Sulung hari ini. So, bagi soalan tambahan ya.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulung]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang ke berapa ini, yang ke-67 kah?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulung]: Okeylah soalan tambahan saya terus sahajalah. *[Ketawa]*

Okey, cuma saya menuju langkah yang dibuat oleh kementerian dengan sasaran ada peningkatan terutamanya dalam keberhasilan daripada pelajar-pelajar itu nanti.

Cuma saya, soalan tambahan saya adalah bagaimanakah kementerian mengukur kadar keberkesanan program-program ini? Sebagai rujukan, daripada manakah kementerian mendapat model kokurikulum ini kalau sekiranya ianya diambil daripada luar negara? Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih atas soalan tambahan, Selamat Hari Jadi ya. Kita menilai pencapaian murid-murid kita terhadap *the High Order Thinking* dengan izin, ataupun KBAT melalui peperiksaan ataupun ujian antarabangsa iaitu TIMSS dan PISA seperti mana yang saya jawab. Keputusan terbaru untuk tahun ini akan diumumkan dalam tahun ini dan kita berharap bahawa kedudukan Malaysia itu akan meningkat seperti mana yang telah dijawab saya.

Oleh itu ujian ataupun penilaian terhadap pencapaian anak-anak kita di sekolah khususnya daripada segi kemahiran berfikir itu bukanlah ujian SPM ataupun UPSR yang dilakukan di dalam negara tetapi di peringkat antarabangsa. Maka bersama-samalah kita melihat dan menunggu keputusan yang akan atau bakal diumumkan nanti. Sekian, terima kasih.

5. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah seriusnya masalah kekurangan doktor pakar di negara ini dan mampukah Malaysia mencapai sasaran nisbah 1 doktor 400 pesakit menjelang 2020 seperti ditetapkan sebelum ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan dengan doktor pakar dan juga doktor bukan pakar, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa tiada negara di dunia yang mempunyai bilangan doktor pakar yang mencukupi bagi memenuhi keperluan negara masing-masing.

Di Kementerian Kesihatan Malaysia, bilangan pegawai perubatan pakar telah meningkat sebanyak 12.6 peratus daripada 3,855 pada tahun 2013 kepada 4,333 pada tahun 2014. Sehingga September 2016, terdapat sebanyak 4,434 pengisian pegawai perubatan pakar yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu sebanyak 91.9 peratus daripada 4,870 keseluruhan jawatan tersebut.

■1040

Walau bagaimanapun, terdapat penambahan bilangan pakar, namun jumlah ini masih perlu dipertingkatkan untuk menampung keperluan negara akibat faktor seperti peningkatan bilangan penduduk, peningkatan beban dan *complexity* penyakit,

peningkatan perkhidmatan khususnya yang memerlukan tahap kepakaran yang tinggi serta peningkatan *expectancy* rakyat. Berdasarkan kepada hasil dapatan awal ataupun *primary findings* yang telah dilakukan oleh KKM menggunakan kaedah WISN yang menekankan kaedah yang ditetapkan oleh WHO, keperluan Pegawai Perubatan Pakar di KKM sahaja berdasarkan kepada bebanan kerja tahunan *regardless of specialty* dengan tidak mengambil kira jenis kepakaran adalah masih berkurangan sebanyak 58 peratus. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bagi Kementerian Kesihatan tetapi kalau dimasukkan sekali dengan pakar-pakar di pihak swasta di Kementerian Pendidikan dan juga tentera, jumlah pakar sebenarnya adalah lebih kurang 12,000 orang pakar semuanya Tuan Yang di-Pertua.

Pertubuhan WHO tidak pernah mengeluarkan sebarang *indicator* keperluan doktor untuk sesuatu negara. Nisbah satu kepada 400 penduduk merupakan *indicator* yang nisbah doktor berdasarkan keperluan penduduk ataupun *need based* di Malaysia. Sehingga 31 Disember 2015, nisbah terkini doktor kepada penduduk berdasarkan bekalan ataupun *supply* doktor adalah satu kepada 650 orang. Manakala nisbah doktor berdasarkan permintaan ataupun *demand* adalah satu kepada 520 orang. Dengan kadar pengeluaran *graduate* perubatan dari dalam dan luar negara yang semakin meningkat pada masa sekarang serta ditambah pula dengan corak perubahan demografi adalah dijangkakan bahawa pada tahun 2020 nisbah doktor berdasarkan bekalan ataupun *supply* ialah 1,000 orang kepada 500 orang. Nisbah doktor berdasarkan permintaan *demand* ialah satu kepada 480 orang doktor. Nisbah satu kepada 400 orang berdasarkan bekalan *supply* mungkin dicapai sekitar tahun 2028. Bagi nisbah berdasarkan permintaan ataupun *demand* hanya akan tercapai selepas tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan doktor pakar di Kementerian Kesihatan. Antara usaha yang telah diambil adalah seperti berikut;-

- (i) meningkatkan pengambilan Pegawai Perubatan menjalani Program Sarjana Kepakaran dengan hadiah latihan persatuan daripada 800 slot pada tahun 2014 kepada 1,000 slot pada tahun 2015;
- (ii) menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan kepakaran melalui Program Laluan Paralel Tuan Yang di-Pertua, dengan universiti luar negara;
- (iii) melantik semula Pegawai Perubatan Pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;

- (iv) melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;
- (v) mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara *sessional*; dan
- (vi) menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan terus berusaha memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengekalkan Pegawai Perubatan Pakar berkhidmat di sektor awam termasuk:

- (i) meningkatkan jumlah pembayaran elaun kritikal daripada RM500 kepada RM750 mulai 1 Januari 2008;
- (ii) meningkatkan elaun *on call* dengan izin, pakar kepada RM230 bagi *on call* dengan izin, pada hari bekerja dan RM250 bagi *on call* pada hari cuti awam;
- (iii) menambah baik Skim Bayaran Insentif Pakar iaitu peningkatan sebanyak RM300 hingga RM700 mulai 1 Januari 2009;
- (iv) membenarkan pakar yang berkhidmat di KKM membuat lokum di hospital swasta dengan syarat-syarat tertentu;
- (v) pakar yang melakukan kes-kes pembedahan pada hari cuti umum untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan *elective* akan diberi elaun seperti pembayaran elaun bekerja *sessional* iaitu RM200 sejam; dan
- (vi) pengenalan *Full Paying Patient* dengan izin, di Hotel KKM; p
- (vii) peluang latihan di luar negara bagi kursus jangka pendek dan kenaikan pangkat pakar lebih cepat mengikut tempoh pakar tersebut berkhidmat di KKM ataupun *time-based promotion* Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, kerajaan bersetuju mewujudkan lapisan gred tambahan iaitu Gred 56 bagi Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Pergigian Pakar. Kajian mengenainya masih lagi di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan jawapan yang diberikan Yang Berhormat Menteri. Saya nampaklah, saya nampak keperluan doktor pakar kita dengan berbagai-bagai insentif dan elaun yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi, saya nampak tidak akan cukup dan juga kekurangan akan sentiasa ada kerana ramai doktor pakar kita apabila sudah satu masa, mereka akan berpindah kepada, berhijrah ke hospital swasta. Ini kerana salah satu tarikan sudah tentulah pendapatan, elaun yang diberi di hospital swasta cukup menarik. Kalau saya tahu gaji pokok doktor pakar kita RM8,000 hingga RM10,000 sahaja, berbanding kalau swasta mereka menawarkan gaji hingga RM30,000 sebulan.

Akan tetapi saya juga difahamkan salah satu sebab utama doktor pakar kita berhenti dan memilih untuk bekerja di hospital swasta kerana beban kerja di hospital awam adalah tinggi. Doktor-doktor pakar kita selain daripada tugas merawat pesakit, doktor-doktor pakar kita juga terpaksa melakukan tugas-tugas pentadbiran termasuklah terpaksa menghadiri mesyuarat, tugas meningkatkan kualiti, melakukan kajian (*research*), audit bagi menambahbaikkan perkhidmatan kepada pesakit untuk mengharumkan nama hospital tempat mereka bertugas, kementerian dan juga untuk negara. Ini belum lagi mereka ini ditugaskan untuk mengetuai berbagai-bagai jawatankuasa dan tugas termasuk menjaga *housemen* di hospital awam.

Jadi, saya nampak beban dan tugas tanggungjawab doktor pakar kita cukup tinggi. Jadi, adakah sebarang langkah atau usaha supaya tindakan kementerian bagi membantu, memastikan doktor-doktor pakar kita tidak dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran. Biarlah mereka ini kita bagi fokus kepada kepakaran masing-masing iaitu merawat pesakit-pesakit sahaja. Jadi, tidaklah perlu mereka kena dibebani. Oleh sebab itulah kita tengok mereka *stress out* menyebabkan mereka bila ada tawaran dari hospital swasta mereka akan, tarikan mereka akan berhijrah ke hospital swasta. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dia berbeza sedikit Tuan Yang di-Pertua di antara tugas dibuat oleh pakar-pakar di pihak kementerian dan juga pakar-pakar di pihak swasta. Di pihak pakar di hospital swasta memang dia bekerja seorang diri, maknanya daripada *clerking patient* melihat *patient* daripada peringkat awal sehingga bagi *treatment, follow-up* dan *operation* dan sebagainya. Akan tetapi dalam hal Pegawai Pakar kita, dia bekerja berpasukan. Kes itu telah pun dilihat dahulu oleh *housemen*, oleh MO, oleh *clinical specialist*, lepas itulah baru pergi ke pakar yang melihat ataupun yang membuat *operation*. Maknanya dia bekerja berpasukan. Jadi dia memang ada, sebagai Ketua Jabatan, memanglah dia kena ada tugas. Akan tetapi bukan maksud bila ditinggalkan dia pergi mesyuarat, kerja tidak jalan. Kerja jalan

juga oleh pakar-pakar dan *assistant* yang lain, makna bekerja dalam pasukan Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu, dia memang sebenarnya tarikan di luar sana memang lebih hebat. Kalau kita saya sebut tadi tentang pelbagai insentif yang telah kita cuba wujudkan untuk pakar-pakar ini, tetapi tarikan dia kerana pendapatan mereka lebih sepuluh kali ganda daripada pendapatan di pihak kerajaan, pihak KKM. Oleh sebab itu saya sebut tadi kita wujudkan *Full Paying Patient (FPP)* atau yang disebut insentif. Ini tujuan hendak bagi pendapatan, hendak tambahkan pendapatan pakar-pakar kira supaya mereka lebih minat kekal dengan kita. Itu pun sebenarnya tidak seberapa kalau dibandingkan dengan kebaikan di luar. Walaupun ada *Full Paying Patient*, mereka dapat habuan dia, tetapi masih lagi rendah dibandingkan dengan pakar di luar sana, di pihak swasta.

■1050

Walau bagaimanapun kami di pihak Kementerian memang amat *appreciate* tentang keprihatinan pakar-pakar kita yang terus bekerja di Kementerian Kesihatan walaupun pendapatan tidak seberapa, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Saya pasti kami hargai usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian, khususnya berkait dengan bayaran elaun tambahan ya. Akan tetapi saya ingin merujuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri awal tahun ini berkait dengan keperluan 900 orang doktor pakar kecemasan atau *on call* yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tiga universiti yang telah dikenal pasti USM, UM dan UKM memerlukan ruang-ruang perjawatan yang bertambah, kursus-kursus, khusus bagi pakar dan doktor pakar kecemasan. Akan tetapi ternyata bila masa peringkat pelaksanaan yang berlaku dalam bajet tahun ini, adalah potongan bajet bagi USM sebanyak 28 peratus, UM sebanyak 20 peratus dan UKM sebanyak 31.16 peratus yang mana lebih kurang RM563 juta bajet operasi itu berkurangan.

Saya hanya menanyakan di bawah portfolio Yang Berhormat, bagaimanakah Yang Berhormat dapat memastikan koordinasi yang lebih baik, yang mana ruang-ruang perjawatan dan juga ruang-ruang untuk *courses*, kursus-kursus ini diselaraskan supaya memadai dan mencukupi lebih menepati sasaran misalan. Contoh saya tahu beberapa universiti itu bawah tanggungjawab Kementerian Pengajian Tinggi. Akan tetapi apa pun supaya dapat dilihat secara holistik dan akhirnya kita mampu untuk mendapatkan 900 orang doktor pakar kecemasan seperti Yang Berhormat tegaskan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, iaitu disebut tentang apa nama hospital di pihak MOE, yang itu sebenarnya di bawah MOE dan yang saya bercakap adalah berkenaan dengan kepakaran di hospital KKM Tuan Yang di-Pertua. Memang seperti yang saya sebut tadi dalam jawapan bahawa pihak Kementerian memang telah bagi tambahan slot latihan kepada pakar-pakar kita yang buat program yang mengikuti program di dalam negara dari pelbagai universiti.

Selain daripada itu, kita galakkan mereka yang ingin juga, yang tidak dapat tempat di *local university* mereka boleh membuat *parole program* dengan pelbagai universiti di luar. Kita jangka memang akan berlaku pertambahan pakar-pakar yang lulus. Kebanyakan pakar lebih kurang 400-500 yang lulus kita jangka dalam masa akan datang. Walau bagaimanapun, masalah dia memang masalah peletakan jawatan. Kita lihat di sini, peletakan jawatan lebih kurang hampir 150 setahun Tuan Yang di-Pertua, banyak. Pada tahun ini sahaja, yang meletak jawatan sehingga bulan September sudah 128, tahun lepas 154 ya. Lebih kurang kalau ikut unjuran dalam enam tahun yang lepas, lebih kurang hampir 150 setahun yang mana kita terus kehilangan mereka dan masalah dia ialah masalah perjawatan Tuan Yang di-Pertua, kenaikan pangkat.

Kita lihat di sini perangkaan ya, pada Gred U53, 54 yang paling ramai meletak jawatan. Oleh sebab mereka menunggu lama ada yang lima tahun ada yang 10 tahun menunggu tidak dapat naik pangkat JUSA, maka mereka meletak jawatan. Jadi, dalam hal ini Perdana Menteri telah umum dalam bajet yang lepas ada kenaikan pangkat sikit, ada satu gred tambahan Gred U56. Ini masih lagi di peringkat perincian oleh JPA, Tuan Yang di-Pertua.

6. Laksamana Pertama (B) Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut] minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah pembinaan Jambatan Kampung Baharu-Kampung Teluk Telaga Nenas dalam Daerah Manjung Perak boleh digunakan setelah melewati tarikh siap 8 April 2015.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]
: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lumut atas soalan yang dikemukakan. *Bismilahir Rahmanir Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jambatan Kampung Baharu ke Kampung Teluk Manjung ialah projek Kerajaan Negeri Perak yang dilaksanakan oleh JKR Daerah Manjung. Kementerian ini dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek dibuat secara berfasa. Fasa pertama melibatkan skop pembinaan jambatan yang mana ia dijadualkan

siap pada 30 Oktober 2016 lalu. Walau bagaimanapun, jambatan tersebut masih belum boleh digunakan kerana projek membina jalan tuju atau *approach road* dengan izin, fasa dua masih sedang dalam peringkat pembinaan yang kemajuan fizikal semasa adalah 34 peratus.

Fasa dua ini dijangka akan siap pada 3 Januari 2018, manakala fasa tiga pula iaitu melibatkan skop menaik taraf jalan dari Kampung Baharu ke Kampung Teluk yang akan di tender pada bulan Disember 2016 dan dirancang memulakan pembinaan pada suku kedua tahun 2017. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya saya kerap melawat ke tapak projek ini memang dari asal lagi saya risau akan kelewatannya. Memandangkan peruntukannya telah wujud untuk bayaran pada tahun hadapan, mungkin rakyat merayu supaya kerajaan boleh membantu jalan tuju disiapkan lebih awal. Kalau boleh bulan enam tahun hadapan. Oleh sebab saya lihat projek jalan tuju ini dibuat bukan jalan tuju naik jambatan, dibuat jalan tuju selepas jambatan. Jadi bila jalan tuju selepas jambatan itu siap pun masih jambatan tidak boleh digunakan. Oleh memandangkan demikian, saya memohon pihak kerajaan supaya melihat langkah-langkah yang boleh, yang membolehkan jambatan itu digunakan dengan lebih awal. Rakyat amat mengharapkannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Lumut di atas cadangan dan juga gesaan untuk melihat supaya fasa kedua projek ini dapat dilaksanakan dengan lebih cepat. Yang Berhormat, sebenarnya kita di peringkat Kementerian dan juga sudah tentu JKR Manjung melihat proses ini dengan teliti. Malah Yang Berhormat Menteri Besar Perak juga sering melakukan lawatan hampir setiap bulan Yang Berhormat ya untuk melihat projek ini berjalan mengikut perancangan yang telah disusun atur.

Namun demikian Yang Berhormat, kita juga perlu melihat jadual kerja. Seperti Yang Berhormat maklum sebagai wakil rakyat di kawasan tersebut, Yang Berhormat maklum mengenai permasalahan cuaca yang kita hadapi sekarang. Jadi ada beberapa projek perlu melalui penjadualan semula Yang Berhormat disebabkan oleh ancaman iaitu fenomena air pasang besar yang melanda pantai barat termasuk negeri Perak, Yang Berhormat. Jadi penjadualan semula tetapi saya dimaklumkan oleh JD (Jurutera Daerah Manjung) beliau mengatakan *progress* untuk kerja-kerja di bawah fasa dua berjalan dengan lancar Yang Berhormat ya. Untuk memendekkan tempoh itu kita perlu melihat kembali jadual kerja antara kontraktor dan pihak JD.

Insya-Allah, akan disampaikan Yang Berhormat namun saya juga pada masa yang sama memohon *understanding* ataupun pemahaman Yang Berhormat bahawa projek ini sekiranya kita melihat pada jadualnya akan siap pada awal tahun 2018. Untuk melihat ia dapat disempurnakan enam bulan lebih awal, itu kita kena berbincang dengan pihak kontraktor untuk melihat sama ada pihak kontraktor dapat melaksanakannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terlibat, Yang Berhormat?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jambatan umum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai, saya fikir soalan ini spesifik Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang. Saya nak tanya berkenaan dengan jambatan juga. Jambatan, jalan ke sekolah berkenaan dengan kerja-kerja kontraktor ini. Cerita kerja lewat dan tidak mengikut *spec* ini bukan cerita baharu, cerita lama jika kita lihat bangunan sudah siap lama lepas itu retak. Jadi saya nak tanya kementerian, apakah tindakan kerajaan terhadap kontraktor yang lewat menyiapkan projek dan kontraktor yang tidak mengikut spesifikasi pembinaan yang dilakukan? Itu sahaja soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Spesifik, Yang Berhormat.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Banyak tindakan yang boleh diambil di atas kontraktor Yang Berhormat, pertamanya kita akan memberi ruang kepada kontraktor untuk menyiapkan projek dan sekiranya tidak dapat dilakukan, kita akan meletakkan ataupun membuat kontraktor tersebut untuk LAD Yang Berhormat—*liquidated and ascertained damages* iaitu untuk kerja-kerja yang lewat disiapkan kita akan mengenakan LAD Yang Berhormat ya. Sekiranya *progress* di tapak itu masih belum memenuhi syarat-syarat kontrak dan juga tidak ada *progress* ataupun kontraktor tidak menunjukkan kesungguhan untuk melaksanakan untuk meneruskan projek.

■1100

Kita akan mengambil tindakan kadang-kadang menamatkan kontrak dan seterusnya menawarkan kontrak tersebut kepada pihak lain Yang Berhormat. Itu antara tindakan-tindakan yang boleh diambil ke atas kontraktor. Di samping tindakan-tindakan yang lain yang diambil oleh agensi kita termasuklah CIDB dan sebagainya untuk menggantung lesen dan seterusnya mengenakan *disciplinary action*, dengan izin kepada pihak kontraktor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah spesifikasi rumah/rumah kedai dua tingkat atau lebih bagi mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat berikutan isu Pusat Jagaan Kanak-kanak yang gagal mendapat kelulusan daripada pihak bomba kerana tidak mempunyai laluan keluar kedua di tingkat atas.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Pasir Gudang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, di antara aspek perlindungan kebakaran yang paling utama dalam membenarkan sesebuah premis beroperasi adalah jalan keluar keselamatan dengan izin, *means of escape*. Bagi tujuan perlepasan diri sekiranya berlaku apa-apa kebakaran. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Pindaan) 2012 menetapkan kegunaan tangga tunggal bagi rumah atau rumah kedai dua tingkat hanya untuk tujuan kediaman dan pejabat sahaja. Sekiranya rumah atau rumah kedai dua tingkat hendak dijadikan pusat jagaan kanak-kanak ia melibatkan proses tukar kegunaan daripada kediaman atau pejabat kepada pusat jagaan kanak-kanak.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, keperluan keselamatan perlu dikaji semula bagi kegunaan premis tersebut. Dalam isu ini pusat jagaan kanak-kanak tersebut hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua jalan keluar keselamatan. Bagi bangunan pejabat had ketinggian maksimum Tuan Yang di-Pertua, dibenarkan bagi pusat penjagaan kanak-kanak adalah sehingga aras lima atau tidak melebihi 18.3 meter. Sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan Keperluan Keselamatan Kebakaran bagi pusat asuhan kanak-kanak, taska dan tabika. Kementerian tidak akan berkompromi dalam isu keselamatan kebakaran kerana ia boleh membahayakan nyawa kanak-kanak, bayi dan juga kakitangan sekiranya berlaku apa-apa kebakaran.

Sebagai saranan kepada pengusaha pusat jagaan kanak-kanak hendaklah mendapat khidmat nasihat daripada agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, pihak berkuasa tempatan dan pejabat kesihatan sebelum membuat apa-apa keputusan bagi mengusahakan mana-mana premis untuk dijadikan pusat jagaan kanak-kanak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang sungguh jelas dan saya yakin jawapan ini akan

membantu pengusaha-pengusaha di luar sana. Soalan tambahan saya kepada Menteri dan kementerian adalah mohon nyatakan jumlah pusat jagaan kanak-kanak yang telah dikenakan tindakan akibat pengabaian aspek keselamatan premis dan apakah bentuk tindakan yang telah dikenakan, juga pendekatan memberi kesedaran kepada pengusaha-pengusaha ini agar tidak memulakan pusat mereka sehingga mendapat kelulusan. Terima kasih Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, selain daripada pemeriksaan bagi tujuan permohonan apabila mana-mana individu mohon untuk memulakan pusat jagaan kanak-kanak ini. Jadi bagi tujuan permohonan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan membuat pemeriksaan sekurang-kurangnya setahun sekali ke atas premis yang tersebut. Sekiranya pusat jagaan kanak-kanak ini beroperasi tanpa mematuhi apa-apa keperluan keselamatan kebakaran maka pemilik premis ini akan diberikan notis menghapuskan bahaya kebakaran di bawah seksyen 8, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu Akta 341 di mana pemilik premis perlu mematuhi semua kehendak notis.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan seterusnya oleh Yang Berhormat, sehingga bulan September 2016 sebanyak 19 pusat jagaan kanak-kanak telah pun diberikan notis menghapuskan bahaya kebakaran di bawah seksyen 8 Akta 341. Walau bagaimanapun kesemua 19 pusat jagaan kanak-kanak tersebut akhirnya telah pun mematuhi segala kehendak notis yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada mana-mana pemilik yang gagal mematuhi notis menurut seksyen 8 Akta 341 seperti yang saya nyatakan tadi, dalam tempoh yang telah pun ditetapkan maka tindakan boleh dikenakan di bawah seksyen 10 Akta 341 seperti berikut iaitu denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun ataupun kedua-duanya sekali. Pemilik premis juga boleh dikenakan denda tambahan sebanyak RM100 bagi setiap hari untuk setiap kesalahan seterusnya selepas disabitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah usaha pencegahan yang telah diambil oleh kementerian bagi mengkaji beberapa tempat rekreasi dan perkelahan air terjun yang telah mengakibatkan kematian para pelajar disebabkan jangkitan kuman kencing tikus (*leptospirosis*) di Kelantan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan dengan *leptospirosis* ataupun

penyakit kencing tikus. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu soalan lain yang menyentuh isu yang berkaitan yang sama iaitu soalan oleh Yang Berhormat Kangar pada 14 hari bulan November.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit *leptospirosis* ini berlaku di seluruh dunia dan adalah *endemic* di negara beriklim tropika dan kajian kes dilaporkan berlaku dari semasa ke semasa di negara-negara tersebut termasuk di Malaysia. Lebih daripada 90 peratus kes *leptospirosis* yang dilaporkan di Malaysia adalah *sporadic* iaitu bukan wabak Tuan Yang di-Pertua. Di antara faktor penyumbang kepada penyakit *leptospirosis* adalah makan dan minuman di premis makanan yang tidak bersih dan terdedah kepada persekitaran yang kotor dan sebagainya.

Semenjak *leptospirosis* diwartakan sebagai penyakit yang perlu dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 pada Disember 2010, didapati kes *leptospirosis* meningkat secara konsisten iaitu:

Tahun	Bilangan kes
2011	2,268
2012	3,665
2013	4,457
2014	7,806
2015	8,291

Namun begitu sehingga Jun tahun ini 2016 sebanyak 2,765 kes iaitu penurunan sebanyak 40.6 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015. Begitu juga dengan kematian, purata kematian setahun bagi tempoh lima tahun dari 2011 hingga 2015 adalah seramai 66 orang. Pada tahun ini jumlah kematian juga menurun dengan ketara. Sehingga Jun 2016 hanya 12 kematian direkodkan iaitu penurunan sebanyak 58.6 peratus berbanding tempoh yang sama 2015 iaitu sebanyak 29 kematian.

Tuan Yang di-Pertua, *leptospirosis* merupakan isu kebersihan persekitaran yang berhubung kait dengan amalan kebersihan diri dan kebersihan persekitaran. Kebersihan persekitaran perlu diberi perhatian dalam mengawal pembiakan tikus dan penyakit bawaan haiwan tersebut seperti penyakit *leptospirosis*. Isu *leptospirosis* ini adalah isu yang melibatkan pelbagai agensi selain daripada agensi kesihatan Tuan Yang di-Pertua. Bagi menangani kes-kes *leptospirosis* KKM dengan kerjasama pelbagai agensi telah mengambil tindakan dan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk Pejabat Daerah dengan usaha meningkatkan kesedaran tentang kebersihan persekitaran termasuk pembuangan-pembuangan sisa makanan dan sampah secara sempurna;
- (ii) Kerjasama KKM dengan agensi lain serta NGO seperti Jabatan Perhutanan dan Pertubuhan Pencinta Air Terjun Malaysia (PPATM).

■1110

Bagi memastikan persekitaran termasuk pusat rekreasi dan kawasan air terjun agar bersih dan bebas daripada tikus dan haiwan perosak. Selain itu papan tanda amaran kesihatan berkaitan penyakit berjangkit yang boleh diletakkan di kawasan rekreasi yang berisiko tinggi bagi peringatan orang awam;

- (iii) mulai Julai 2013 KKM telah meningkatkan penguatkuasaan ke atas kebersihan premis makanan secara bersepadu dengan PBT, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan agensi-agensi yang berkaitan;
- (iv) KKM juga bekerjasama dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara ataupun PLKN serta menyarankan langkah-langkah penambahbaikan bagi mengurangkan risiko kejadian penyakit leptospirosis di kalangan pelatih-pelatih PLKN;
- (v) perkongsian maklumat dan informasi dengan pihak media massa, media elektronik dan surat khabar sebagai hebahan ataupun sebaran kepada orang awam berkaitan penyakit leptospirosis seperti gejala penyakit, cara berlakunya jangkitan dan faktor risiko mendapat jangkitan; dan
- (vi) perkongsian data serta maklumat berkaitan leptospirosis dengan pihak PBT, agensi berkaitan serta institusi untuk merancang serta mengenal pasti kaedah berkesan bagi menangani kes-kes leptospirosis dan punca-punca yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu KKM melalui Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah di seluruh negara termasuk di negeri Sabah dan

Sarawak telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut bagi mencegah dan mengawal leptospirosis iaitu:

- (i) meningkatkan kemahiran dan pengetahuan di kalangan kakitangan kesihatan bagi pengesanan awal kes leptospirosis agar diagnosis awal dapat dilakukan dan rawatan diberi dengan segera;
- (ii) melaksanakan aktiviti kawalan persekitaran termasuk penilaian kawasan yang berisiko tinggi terhadap jangkitan leptospirosis;
- (iii) mewujudkan pengurusan data dan maklumat berkaitan leptospirosis; dan
- (iv) meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasar Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan yang saya rasakan cukup baik dan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengawal penyakit ini telah dilakukan dengan baik. Walau bagaimanapun, kita lihat bahawa peningkatan bilangan pesakit yang dijangkiti penyakit ini semakin meningkat, bermakna ancaman itu semakin meningkat. Masalahnya ialah selalunya penyakit ini tidaklah mendatangkan masalah kematian atau penyakit yang serius tapi jarang-jarang sekali ia boleh mengundang kepada penyakit yang melibatkan kematian. Sedangkan ubat untuk merawatnya adalah cukup mudah dengan antibiotik sahaja kerana ia adalah bakteria bukan virus seperti mana denggi.

Jadi soalan saya ialah dipihak Kementerian Kesihatan bagaimanakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memberikan kesedaran kepada doktor-doktor peringkat primer untuk mengenali penyakit ini dan seterusnya mengubati dengan cara yang mudah dan tidak berlaku penyakit ini menjadi suatu yang boleh mengancam kehidupan manusia itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya sebut tadi, memanglah daripada peningkatan kes-kes leptospirosis memang meningkat laju. Sehingga pada tahun 2015 sehingga 8,221 kes tetapi tahun ini nampaknya menurun sedikit pada bulan Jun, saya sebut tadi 2,766 kes menurun dalam peratus yang begitu tinggi. Memang sekarang ini kita sudah ada *awareness campaign* di kalangan doktor-doktor, kakitangan kesihatan sendiri dan juga dengan pihak awam tentang gejala dan cara-cara untuk mencegah penyakit berjangkit ini, satu yang saya sebut tadi tentang kebersihan kawasan.

Sebab leptospirosis ini dia bukan hanya tikus yang bawa leptospirosis ini yang menjadi penyakit ini tetapi lain-lain mamalia juga boleh ada kuman dalam badan dia dan dia boleh merebak kepada manusia. Manusia sendiri pun boleh menyimpan leptospirosis dalam diri dia tetapi dia tidak kena sebab dia punya 'viral biotic' rendah. Apa yang penting kita kena bagi faham pada rakyat dan pada orang ramai bahawa jaga kebersihan. Kalau ada makanan yang lebih ditinggal di kawasan rekreasi ini akan membawa banyak tikus ya.

Tikus ini dia kencing dan berak sekali gus, dia kencing, dia berak sekali gus. Maknanya kalau ada najis tikus itu makna ada kencing di situ. Kuman dia boleh hidup kalau dalam keadaan kering dalam beberapa jam, dia masih hidup. Akan tetapi kalau keadaan basah cuaca macam - keadaan basah lembap, dia boleh hidup lama lagi. Jadi makna kalau tikus itu dia kencing di tepi sungai kemudian hujan, lepas seminggu pun kuman itu boleh sampai ke dalam air. Bila kita mandi kita kena pesan kepada mereka yang mandi ini di sungai-sungai yang tidak bersih ini supaya – sebab kuman ini dia merebak melalui mukosa dalam mulut ataupun di mata ataupun kalau ada sikit luka-luka di badan, sikit cukuplah dia boleh masuk ke dalam badan kita, jadi dia boleh merebak.

Awareness itu sangat penting Tuan Yang di-Pertua. Kita kena beritahu kepada semua kakitangan kita supaya mesti ada *awareness*, makna kena ada *suspicion*. Maknanya kalau kita lihat dan diberitahu dia pergi mandi di mana-mana dan kita kena ada *suspicion*, makna kita hendak kesan daripada awal lagi. Kadang-kadang dia datang dengan keadaan demam biasa tetapi kita tengok *history*, sejarahnya dia ada pergi mandi, ini kita kena *suspect* dan kita *investigate* berkenaan leptospirosis. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi memanglah dia punya *treatment* sangat mudah, bagi *doxycycline*, bagi *cephalosporin* atau penisilin sudah cukup ya. Jadi makna masing-masing kena faham tentang penyakit ini barulah kita mudah mengesan penyakit pada awal lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jawapan Timbalan Menteri tadi, saya melahirkan rasa kekusaran kerana melihatkan ramai hari ini, anak-anak kita terutamanya anak-anak kecil bermain di kawasan-kawasan sungai, di kawasan-kawasan taman rekreasi dan sebagainya. Apakah ada usaha-usaha lain daripada pihak kementerian contohnya bekerjasama juga dengan kementerian yang bertanggungjawab untuk meletakkan papan tanda amaran di kawasan-kawasan rekreasi ini bagi mengingatkan mereka tentang bahayanya kes jangkitan kencing tikus ini.

Adakah kementerian juga menjalankan penyelidikan dengan mana-mana agensi ataupun badan-badan penyelidikan antarabangsa dalam mencari kaedah terbaik untuk merawat kes jangkitan kencing tikus ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat Sekijang. Memang dalam usaha kita untuk memberi amaran kepada semua rakyat kita yang pergi berkelah dan sebagainya, memang ada kita pasang papan-papan tanda. Ini dengan kerjasama pihak Kementerian Kesihatan bersama dengan PBT, pejabat daerah dan juga Jabatan Perhutanan dan kita pasang papan-papan tanda amaran ini supaya mereka amat berhati-hati dalam perkara ini.

Seperti yang sebut tadi tentang *treatment* Tuan Yang di-Pertua, memang *treatmentnya* sangat *simple*, sangat mudah bagi antibiotik dan dia boleh sembuh. Akan tetapi bila dia terlibat *degree* Tuan Yang di-Pertua, *degree* penyakit itulah, kadang-kadang sikit sangat, kadang-kadang dia terlibat dengan *multi organ failure*, ini yang boleh menyebabkan kematian. Walaupun dia kena paru-paru, kalau kena paru-paru yang ini amat-amat serius, dia boleh berdarah dan boleh berlaku kematian akibat terkena paru-paru. Jadi terpulang kepada keadaan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *seriousness* pesakit itu.

Setakat ini tidak ada *treatment* baru yang telah pun diunjurkan oleh mana-mana pihak di dalam negeri ataupun di luar negara Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kita masih kekalkan dengan *treatment* yang biasa dengan antibiotik dan juga *life support* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

9. Ir. Shharuddin bin Ismail [Kangar] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menetapkan "harga siling" bagi pasaran buah mangga Harum Manis agar dapat mengawal pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan meletakkan harga yang tidak setimpal dengan kualiti buah sekiranya hasil pengeluaran buah pada tahun tertentu kurang memberangsangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kangar.

■1120

Ini berkenaan dengan harga buah mangga harum manis. Yang Berhormat bertanya adakah kementerian bercadang nak meletakkan harga siling. Jawapannya, tidak ada. Cukup setakat itu? Tambah sedikit lagi. *[Ketawa]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Buah-buahan yang lain ada?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tidaklah, saya hendak tambah, itu berguraulah sikit. Apa ini, serius saja daripada pagi. Ya, gelaklah sikit. *[Dewan ketawa]* Ini kena pakai ini. *[Sambil memakai cermin mata]* Kena buang selaput.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekali tengok macam A. Rahman Hassan lah. *[Dewan ketawa]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Nak suruh menyanyi ke? Sebab apa, tidak perlu kita letakkan harga siling kerana kalau ada harga siling, jadi pekebun-pekebun nanti dia ada peluang buah dia cantik, sedap, kualiti bagus, tentu boleh jual harga yang baik dan berapa harga terpulang kepada pasaran, permintaan dan juga bekalan, *supply and demand. I think that is a better way. If you* dengan izin, *fixed a ceiling price, you are denying the farmers from getting a better price when they produce better fruits.* Okey kan? Akan tetapi cuma saya nak ingat, harum manis ni Indonesia pula dah mula eksport ke Malaysia. Jadi berhati-hati ya. Ya, Yang Berhormat Sungai Petani?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, lambat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Apa yang lambat?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Lambat tanam.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Lambat tanam?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Kita tanam *you* lah senang. *[Dewan ketawa]*

Seorang Ahli: Mata dah buta itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kangar.

Ir. Shahrudin bin Ismail [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada tahun ini, pengeluaran harum manis biasanya berlaku pada bulan April ataupun Mei tetapi pada tahun ini terdapat ladang di Perlis yang menghasilkan buah pada bulan Oktober dan November. Jadi ada kemungkinan untuk harum manis mengeluarkan hasil dua kali setahun. Jadi soalan saya, apakah kementerian bercadang untuk menjalankan R&D supaya hasil harum manis dapat dikeluarkan dua kali setahun. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih, ada. Tadi saya bincang pun dengan pegawai-pegawai, saya kata saya macam dah boleh bacalah Yang Berhormat punya pemikiran. Saya dah tanya pegawai tadi, *ya sixth sense* dipanggil, 6 sen sahaja ke? *[Ketawa]* Ada *sixth sense* kata Yang Berhormat. Iaitu mungkin kita kena buat kajian, kalau boleh tanam pokok mangga harum manis ini boleh berbuah dua kali setahun, tiga kali setahun. *So this I share with you* Yang Berhormat. *Insyallah* nanti saya balik, bincang dengan MARDI dan pegawai-pegawai ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor sepuluh, ada sedikit pembetulan yang mana sepatutnya merujuk kepada 'Loji Rawatan Air Semenyih', bukannya 'Loji Rawatan Baru Labuhan' Dagang. Terima kasih.

10. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan tindakan yang diambil terhadap pihak yang membuang sisa toksik di Bentong, Pahang pada 7 Oktober 2016 dan Nilai, Negeri Sembilan pada 23 Oktober 2016 yang mencemar kualiti air Sungai Semenyih yang menyebabkan 'loji rawatan baru di Labuhan Dagang' terpaksa berhenti operasi sehingga mengakibatkan banyak kawasan di Selangor terputus bekalan air.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jawapan berpandukan kepada soalan yang mana Yang Berhormat? Loji mana?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Okeylah, mana yang berkaitan sajalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada pembetulan tadi, jadi jawapan Yang Berhormat itu?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ini yang berkaitan sahajalah, maknanya jawapannya ialah tiada penemuan pembuangan sisa toksik di Bentong, Pahang, satu. Kedua, bagi Nilai yang dimaksudkan tentang Semenyih itu, siasatan bersepadu yang melibatkan JAS, Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Nilai, JUPEM ataupun Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pun kita bersepadu, Badan Kawal Selia Air dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) masih diteruskan selaras dengan atau mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pihak JAS juga telah mengemukakan empat buah lokasi sampel air kepada Jabatan Kimia untuk dianalisis. Maknanya setakat ini, siasatan terus dijalankan termasuklah isu yang dikaitkan dengan tumpahan minyak yang disebabkan oleh kemalangan lori pengangkut minyak sawit di Kilometer 46 Lebuhraya ELITE. Sekian, terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tahu adakah setakat ini kita ada satu rang undang-undang yang khusus untuk mencegah pencemaran air yang merentasi sempadan di mana insiden yang berlaku di Selangor ini bukan kerana Kerajaan Negeri Selangor tidak cekap untuk

menguruskan air, bukan kerana kita tidak cukup air, bukan kerana seperti mana yang sekumpulan orang UMNO, Barisan Nasional membuat demonstrasi di depan Kerajaan Negeri Selangor...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Balik kepada soalan Yang Berhormat. Tidak perlu masuk isu politik.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: ...Yang mengatakan Kerajaan Negeri Selangor tidak cekap untuk menguruskan air. Ini semua fitnah, ini semua bohong.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Soalan, soalan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang dikenal pasti adalah kerana pencemaran air merentasi sempadan. So saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kementerian untuk memastikan terutamanya sempadan-sempadan tiada pencemaran toksik-toksik yang dibuang kerana Kerajaan Negeri Selangor tidak ada kuasa dari segi penguat kuasa bahkan sama ada dari segi polis ataupun penguat kuasa daripada Jabatan Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Beginilah Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah isu atau masalah rakyat selesai sebab isu pencemaran sungai ini sangat kompleks. Ia boleh jadi daripada satu sumber, boleh jadi daripada dengan izin *accumulation*, pencemaran daripada banyak sumber dan sebagainya. Sangat kompleks untuk kita siasat secara terperinci. Kita berpandukan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Betul akta tersebut masih dalam proses untuk naik taraf dan sebagainya tetapi kita melihat dari sudut holistik. Sumber air boleh datang— sungai ini boleh datang daripada banyak sumber. Boleh jadi daripada satu negeri, boleh jadi dalam negeri tetapi kita berpegang kepada prinsip kefahaman bahawa boleh berlaku dengan izin *accumulation*, ataupun pengumpulan pencemaran kepada satu sungai yang berpunca daripada banyak sungai.

Jadi terbaru, kita telah pun membuat siasatan. Umpamanya kejadian di Sungai Semenyih yang berpunca katanya daripada Sungai Buah. Kami turun padang bersama juga dengan pihak LUAS dan setakat ini kita dapati betul ada bau yang disebabkan oleh pencemaran, sumbernya masih kita siasat dan *alhamdulillah* setakat ini dengan pendekatan holistik daripada semua jabatan yang berkaitan, setakat ini air Sungai Buah yang disalurkan kepada Sungai Semenyih telah pun tidak berbau lagi kerana kita menggunakan pendekatan rawatan secara terus iaitu menggunakan *activated carbon*, itu contohnya.

Saya hendak tekankan di sini, Yang Berhormat Menteri sendiri, Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar daripada Santubong sendiri telah pun berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dengan barisan Exco dan sebagainya dan akhirnya kita semua bersetuju bahawa pemantauan dan tindakan bersepadu hendaklah dan boleh dijalankan secara berterusan kerana yang penting ialah isu rakyat diselesaikan secara bersama. Sekian, terima kasih.

11. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah kejayaan yang dicapai sejak Dasar Industri Kreatif Negara diperkenalkan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kota Tinggi yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan telah menggubal Dasar Industri Kreatif Negara pada tahun 2010 hasil dari kerangka Rancangan Malaysia Kesepuluh. Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) merupakan salah satu pemangkin yang seiringan dengan hasrat dan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

■1130

DIKN telah dirangka berpaksikan kepada tiga skop utama;

- (i) multimedia,
- (ii) seni budaya,
- (iii) warisan budaya.

Ia adalah bagi memenuhi keperluan industri dan menyokong pembangunan dan kemajuan setiap industri di bawahnya. Berbalik kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, pada keseluruhannya pencapaian pelaksanaan projek Dasar Industri Kreatif ini telah dapat menghasilkan banyak peluang pekerjaan baru hasil pelaburan serta jualan media yang memberangsangkan. Daripada segi statistik, secara ringkasnya bagi tempoh 2010 hingga 2014, pulangan yang diperolehi hasil daripada industri kreatif:

- (i) daripada segi peluang pekerjaan, sejumlah 28,799 pekerjaan baru telah disediakan;
- (ii) daripada segi hasil pelaburan, RM684.8 juta pulangan telah dihasilkan; dan

- (iii) daripada segi jualan media, sejumlah RM11.29 juta jualan telah pun dihasilkan.

Jadi, kita dapat merumuskan bahawa dalam memacu negara ke kemuncak kemajuan, kreativiti dan daya pemikiran di luar kotak, ianya perlu dicambahkan dan dirangsang. Seajar dengan hasrat tersebut, pihak kerajaan juga telah menyediakan pelbagai dana bagi membantu perkembangan industri kreatif melalui agensi seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, MDeC dan juga Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia ataupun FINAS. Selain daripada itu, Content Malaysia Pitching Centre merupakan salah satu lagi inisiatif yang telah ditubuhkan pada April 2015 bagi membantu perkembangan industri kreatif negara. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ingat negara kita mempunyai *talent* yang baik zaman arwah P.Ramlee dan juga kreativiti anak tempatan yang tinggi. Jadi saya hendak Malaysia menjadi macam KPOP. Ada kapasiti macam KPOP, Bollywood dan Hollywood, *insya-Allah*. Jadi saya hendak tanya, berapa banyakkah hasil karya penggiat filem tempatan yang berjaya menembusi pasaran filem luar negara dan mendapat pengiktirafan antarabangsa atas karya mereka.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Menurut maklumat yang telah diberikan kepada pihak kementerian, pihak kementerian sebenarnya melalui FINAS sentiasa memberikan sokongan kepada filem-filem tempatan untuk menembusi pasaran di luar negara dan juga menggalakkan penyertaan filem tempatan ke festival-festival filem antarabangsa. Sehingga tahun 2016, sebanyak 30 buah filem telah pun dihantar ke luar negara untuk menyertai sebanyak 17 festival filem antarabangsa dan antara filem-filem menarik yang pernah menyertai festival filem antarabangsa seperti filem Redha, Jagat, Munafik, Ola Bola, filem Polis Evo, filem Maravan dan filem Interchange. Bagi filem Redha yang dihasilkan oleh Current Pictures Sdn. Bhd, ianya mengisahkan cabaran dan perjuangan sepasang suami isteri untuk mendidik anak autisme dan filem ini telah mencapai beberapa kejayaan.

Antaranya di *World Premieres International Film Festival Philippines* pada awal tahun ini di mana telah mendapat *award* untuk *Best Actress Award* dan juga *Special Festival Prize for Humanism* dan yang keduanya, *Special Prize Nominated Award by the President of Tatarstan Republic for Humanism* dan juga mendapat *Special Prize Award by The Russian Film Critics Guild, Best Actors di 12th Kazan International Film Festival, Merit Award di Los Angeles International Film Festival, Discretionary Jury Award for Courage in Story Telling 2016 Asian World Film Festival*, dengan izin.

Pihak FINAS telah bercadang untuk menghantar filem ini sebagai salah satu calon potensi bagi Kategori Filem Bahasa Asing terbaik *insya-Allah* untuk Oscar Award tahun hadapan dan daripada segi pasaran filem yang telah disertai oleh pihak Malaysia sehingga kini seperti MIPCOM di Cannes, Hong Kong (FILMART), European Film Market dan ATF Singapore dan setakat ini untuk tahun 2016, ianya telah menjana sebanyak RM57.6 juta hasil jualan daripada segi penyertaan filem. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itu sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.30 pg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran semua kementerian-kementerian menjawab perbahasan di Peringkat Dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan diputuskan bacaan kali yang kedua dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Selasa, 8 November 2016.”

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017
Bacaan Kali Yang Kedua
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” Menyambung semula Perbahasan atas masalah **[3 November 2016]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Giliran Kementerian Kesihatan, saya jemput Yang Berhormat Menteri.

11.36 pg.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dalam isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mula jawapan saya, berapa masa yang dibenarkan untuk jawab?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, memandangkan kita ada sembilan lagi kementerian, kalau boleh satu kementerian hadkan satu jam.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Satu jam, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Boleh Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat PJ. Selatan, Sekijang dan Bintulu telah minta penjelasan dan tindakan susulan akibat daripada insiden kebakaran yang telah berlaku di Hospital Sultanah Aminah di Johor.

Tuan Yang di-Pertua, selepas insiden yang telah menyedihkan kita yang telah berlaku di dalam negara, beberapa perkara telah dibuat oleh kementerian sebagai tindakan susulan. Pada masa sekarang, kami masih menunggu keputusan siasatan punca kebakaran itu daripada pihak bomba dan penyelamat dan selepas menerima laporan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, satu Jawatankuasa Siasatan Bebas seperti yang saya telah umumkan di dalam Parlimen selepas sahaja insiden itu berlaku telah ditubuhkan dan Jawatankuasa Siasatan Bebas ini akan mempunyai perwakilan daripada pihak JKR, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, ada wakil-wakil daripada Lembaga Kejuruteraan dan Lembaga *Architecture* dan pakar-pakar di universiti yang berkaitan dengan bidang ini.

Jawatankuasa ini akan diberi tanggungjawab untuk membuat siasatan kepada laporan yang telah dibuat oleh jabatan bomba terhadap puncanya dan memberi peluang untuk lihat kepada keadaan yang tersedia ada di dalam hospital-hospital yang lain dan memberi cadangan kepada kementerian tentang apa langkah-langkah yang sepatutnya diambil dan tindakan susulan yang perlu diambil untuk memastikan bahawa perkara sedemikian ini tidak berlaku di dalam mana-mana kemudahan kesihatan yang lain.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang kita sudah mula buat ialah untuk buat audit kebakaran terhadap 48 hospital yang usianya lebih daripada 50 tahun dan ini dibuat dengan kerjasama daripada pihak JKR, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Kementerian Kesihatan dan di dalam perkara ini, kita ada minta bahawa syarikat *concessionaire* selari dengan tanggungjawab mereka untuk melantik pakar-pakar perunding yang mempunyai kepakaran di dalam bidang ini untuk membantu di dalam proses audit ini.

■1140

Kita berharap selepas sahaja habisnya proses pengauditan keselamatan kebakaran di hospital-hospital ini. Berasaskan kepada laporan yang kita akan kemukakan kepada mereka, tindakan susulan untuk menambah baik kemudahan-kemudahan sedia ada atau menambah baik prosedur-prosedur yang sedia akan di buat

oleh pihak kementerian sebagai satu langkah untuk memastikan perkara sedemikian ini tidak akan berlaku pada masa yang akan datang.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang...

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada Yang Berhormat Tumpat bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Kalau boleh ringkas sahaja Yang Berhormat Menteri apa Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Kaitannya dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri berikan apabila kebakaran tersebut berlaku. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri ketika itu, Yang Berhormat Menteri menyebut tentang penubuhan jawatankuasa ini.

Akan tetapi selepas sahaja ucapan dan kata-kata itu, Yang Berhormat Menteri terus mengangkat-angkat, memuji-muji dan cuba mempertahankan Medinvest setakat yang saya faham. Jadi saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri masih mempunyai sikap yang terbuka dan tidak memberi apa-apa kenyataan yang pada saat ini seperti seolah-olah mempertahankan Medinvest yang saya pun tidak tahu apa prestasi mereka. Akan tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri mempunyai sikap terbuka dan bukan sebaliknya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Yang Berhormat, sebenarnya saya tidak pernah mengeluarkan apa-apa kenyataan seolah-olah mempertahankan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mereka selain daripada memberitahu bahawa mengikut laporan yang telah diberi oleh mereka kepada kita, hasil kepada apa yang mereka telah lakukan sampai masa sekarang, kita diberitahu semua ada dalam keadaan yang baik.

So perkara itu akan diperiksa sekarang oleh suruhanjaya atau jawatankuasa ini untuk memastikan bahawa adakah mereka telah menjalankan tugas mereka seperti yang telah ditetapkan dalam *concession* mereka atau mereka- walaupun laporan cakup semuanya baik tetapi apa yang dilakukan itu tidak menunaikan apa yang ditetapkan di dalam *concessioner*. So ini penjelasan berkaitan dengan perkara itu.

Yang Berhormat Sekijang minta apakah proses yang telah digunakan untuk memastikan pemantauan dilakukan ke atas peralatan-peralatan perubahan yang sedia ada. Dalam sistem ...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Minta penjelasan mengenai kebakaran hospital di Johor Bharu. Bukankah keperluan ialah untuk mengadakan satu siasatan diraja yang lebih, *terms reference* yang lebih luas. Selain terhad daripada kebakaran di hospital oleh kerana kita mahu memastikan apa yang berlaku dalam kebakaran itu tidak berlaku dalam hospital-hospital yang lain. Oleh sebab kita pun tahu ada beberapa kebakaran berlaku sebelum itu. Perlu ada satu kajian yang lebih menyeluruh yang diadakan. Adakah Yang Berhormat boleh timbangkan perkara ini?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti yang saya telah jelaskan tadi dan sebelum itu pun, suruhanjaya atau jawatankuasa yang kita sedang wujudkan pada masa sekarang akan mempunyai ahli-ahli dan perwakilan daripada pihak-pihak yang bebas daripada sistem kerajaan.

Saya berpendapat dengan adanya mereka dalam jawatankuasa yang ditubuhkan itu, mereka akan diberikan kebebasan untuk membuat siasatan tanpa apa-apa gangguan dan tujuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa untuk sampai kepada puncanya. Macam mana daripada ini akan menjadi pengajaran kepada kita supaya perkara sedemikian ini tidak akan berlaku. Biarlah saya memberi satu keyakinan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam proses membuat siasatan ini memang ini pun ialah satu perkara yang mustahak untuk kementerian sendiri untuk memastikan bahawa kita menjalankan segala langkah yang sepatutnya dijalankan supaya untuk memperbetulkan apa-apa kekurangan atau apa-apa kesilapan yang mungkin ada. Untuk memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi sekali.

Oleh itu, bagi kita selepas bincang dan untuk memastikan bahawa perkara ini boleh dibuat secara cepat dan proses ini boleh dimulakan secara cepat, keputusan yang dibuat di peringkat kementerian selepas di bincang di peringkat Jemaah Menteri pun ialah untuk mewujudkan satu suruhanjaya bebas dengan perwakilan daripada beberapa pihak yang mempunyai kepakaran daripada luar agensi-agensi kerajaan yang saya telah beritahu tadi supaya proses ini boleh diteruskan.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang sebenar...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih menteri. Sebelum pergi lebih jauh lagi, saya ingin hendak menyatakan tentang berlakunya kebakaran ini. Kebakaran besar yang berlaku di

hospital di Johor Bahru baru-baru ini sebenarnya telah didahului dengan dua kebakaran klinik kesihatan di Parlimen Bagan Serai iaitu Klinik Kesihatan Teluk Medan dan Klinik Kesihatan Bagan Serai sendiri yang saya difahamkan puncanya adalah litar pintas dan juga penyaman udara meletup.

Jadi syukurlah tidak ada kehilangan jiwa tetapi peralatan ada yang rosak. Saya juga setuju dengan apa yang menteri kata tadi perlunya ada pemantauan dan sebagainya. Perlu kita lihat, saya rasa menteri saya mohon untuk melihat pendawaian dan juga peralatan di hospital, di klinik-klinik di kawasan luar bandar yang sudah begitu lama. Sekarang ini kita menghadapi masalah untuk mendapat balik servis, perkhidmatan yang baik untuk masyarakat di Parlimen Bagan Serai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya menerima pandangan yang telah dikemukakan secara terbuka. Kita akan membuat apa yang sepatutnya kita buat seperti yang saya telah jelaskan tadi untuk menjalankan proses-proses pemeriksaan dan pengauditan supaya perkara sedemikian tidak berlaku. Saya pun setuju bahawa dalam keadaan di mana ada keperluan di mana pendawaian semula kena dilakukan kepada fasilitet-fasilitet yang sedia ada. Ini kena dibuat dan kita berharap selepas ini kita boleh mendapat peruntukan yang mencukupi supaya apa aktiviti-aktiviti boleh dijalankan demi menjamin perkara ini tidak berlaku lagi sekali.

Semasa menggunakan alat-alat perubatan dalam kemudahan kesihatan, ada beberapa proses yang ditetapkan untuk pastikan alat ini, penyenggaraannya dibuat mengikut jadual-jadual yang telah ditetapkan dan pada masa yang sama latihan diberi kepada penggunaanya supaya mereka memahami cara yang sebenar dan terbaik untuk menggunakan alat itu. Ada sistem *hospital engineering plan preventive maintenance* yang telah dikemukakan untuk pastikan penyelenggaraan peralatan perubatan ini boleh dibuat mengikut *guidelines* dan cara yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, dengan adanya Akta 737 iaitu *Medical Device Act 2012* semua syarikat yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pengedaran, penjualan dan penyelenggaraan alat-alat perubatan kena didaftarkan dengan *Medical Device Act Authority* dan mereka mesti mempunyai kelayakan dan kompetensi untuk menjalankan tugas mereka.

Melalui kaedah-kaedah sedemikian dan proses-proses yang telah ditetapkan ini, kerajaan telah pastikan bahawa penyelenggaraan alat-alat perubatan yang digunakan di hospital mengikut proses yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Stampin...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri, Sekijang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya di belakang, Yang Berhormat Sekijang. Sila.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya Yang Berhormat Sekijang.

■1150

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri boleh duduk sekejap ya Yang Berhormat Menteri sementara ada celahan. Dapat rehat sekejap. Sila Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita faham pihak hospital menjaga dengan elok peralatan-peralatan daripada hospital ini dan kita amat yakin rutin penjagaan itu memang diberikan secara berkala. Cuma saya hendak bertanya dengan pihak kementerian, selain daripada peralatan yang digunakan oleh pihak hospital, adakah pihak kementerian memantau juga peralatan yang digunakan oleh pesakit. Kadang-kadang pesakit ini menggunakan telefon, kemudian menggunakan *power bank*, caj dan sebagainya *power bank* di kawasan hospital itu. Adakah perkara-perkara ini dipantau oleh pihak kementerian kerana kita khuatir juga mungkin peralatan-peralatan sebegini juga menyebabkan berlakunya kebakaran-kebakaran di kawasan hospital. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Setiap bahagian di hospital yang mempunyai risiko yang berbeza bergantung pada peralatan yang digunakan oleh mereka mempunyai syarat-syarat tentang apa yang boleh digunakan dan apa yang tidak boleh digunakan di dalam kawasan-kawasan yang berkaitan.

Saya menerima pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sekijang bahawa walaupun kadang-kadang kita mempunyai garis-garis panduan macam ini, di dalam pemantauan dan penguatkuasaan ini kadang-kadang saya tidak boleh nafikan mungkin ada kelemahan. Ini adalah satu perkara yang akan diberi tumpuan yang lebih kuat oleh kementerian untuk memastikan bahawa garis panduan yang telah dikeluarkan daripada segi teknikal ini dipantau dan dipastikan diikuti oleh semua orang termasuk pesakit yang ada di dalam hospital. Ya boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada sedikit soalan tentang keperluan untuk mendapat kelulusan untuk *medical device* ini. Saya rasa sekarang kita ada banyak klinik kulit ataupun kita cakap *skin centre*. Kebelakangan ini ada sebuah klinik kulit PPP Laser Centre yang buka di Johor Bahru. Saya terima aduan bahawa PPP Laser Centre ini mereka tidak ada kelulusan daripada kementerian.

Jadi di sini saya hendak tanya, sama ada kementerian ada satu *website* atau satu tempat untuk kita boleh semak sama ada klinik kulit ini, *skin centre* atau apa-apa swasta punya mereka memang ada kelulusan daripada kementerian untuk mengenali semua ini *medical device*. Kalau tidak, saya rasa bagaimana kita memastikan bahawa pengguna-pengguna ataupun orang yang pergi ke klinik kulit ini memang mendapat perlindungan yang sepenuhnya. Itu sahaja dan tidak tertipu. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Di dalam perkara kosmetik dan estetik ini memang kita ada perkara ada daripada *beautician* sampai ke doktor pakar. Cuma apa yang dijalankan oleh doktor-doktor pakar ini mereka menggunakan alat-alat yang lebih *sophisticated* yang telah ditetapkan bahawa ianya cuma boleh digunakan oleh doktor yang mempunyai kelayakan sahaja dan alat-alat ini mestilah didaftar di dalam *Medical Device Act*. Akan tetapi ada pihak *beautician* yang menggunakan alat-alat yang digunakan oleh mereka di dalam bidang kuasa mereka. Pada masa sekarang kita tidak mempunyai apa-apa sistem perundangan untuk dilihat kepada apa yang digunakan oleh mereka.

Walaupun ada usaha untuk mewujudkan satu Akta Kosmetik untuk mengawal perkara ini. Itu mungkin boleh jadi satu sebab mengapa keadaan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu wujud. Akan tetapi kalau sebenarnya ada seorang doktor yang membuka klinik dan beliau menggunakan peralatan yang dijual kepada beliau dan telah beli peralatan yang tidak didaftar dengan *medical device*, maka kalau kita sakit, boleh semak perkara ini tindakan boleh diambil terhadap klinik tersebut.

Pada masa sekarang saya menerima cadangan yang diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat bahawa mungkin kalau ada satu senarai rasmi diterbitkan di dalam laman web kementerian, ini boleh bantu pihak pengguna supaya mereka boleh pilih klinik-klinik yang sebenarnya boleh dikatakan rasmi dan yang menggunakan peralatan yang telah diiktiraf dan mempunyai kelulusan daripada pihak kementerian. Yang Berhormat Stampin telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Sebelum itu Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong bangun.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, apakah kaedah dan langkah-langkah yang diambil daripada pihak kementerian untuk memastikan sama ada doktor pakar atau sesiapa sahaja yang menggunakan alat-alat seperti laser yang benar-benar dilatih bukan satu minggu, dua minggu sahaja tetapi benar-benar berlatih. Benar-benar menggunakan alat itu dengan melindungi kepentingan orang ramai.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat, pada masa sekarang seperti Ahli Yang Berhormat maklum kerajaan telah mengemukakan apa yang dipanggil *The National Specialist Register* yang sebenarnya akan menyenaraikan semua doktor-doktor yang telah diiktiraf sebagai pakar di dalam satu-satu bidang. Ada beberapa proses yang kita telah tetapkan cuma boleh dibuat oleh mereka yang mempunyai kepakaran di dalam bidang-bidang tertentu itu.

Akan tetapi di dalam bidang *dermatology* dan *cosmetology* yang ada, Yang Berhormat pun maklum bahawa ada doktor yang bukan menjadi pakar yang telah mula adakan klinik-klinik estetik dan mereka menggunakan beberapa peralatan berkaitan dengan itu. Untuk memastikan bahawa semasa kementerian telah mengemukakan garis panduan bahawa cuma mereka yang mempunyai kepakaran boleh digunakan ini, memang ada tentangan daripada kumpulan ini. Ini kerana mereka ini sudah buat perkara ini untuk beberapa tahun secara berterusan dan bila ada satu dasar yang baru di mana mereka tidak boleh buat aktiviti, proses, atau rawatan yang mereka sudah buat selama, mereka membawa pandangan bahawa kita pun mempunyai pengalaman di dalam bidang ini kerana sudah buat beberapa tahun.

Untuk mengatasi isu ini, kementerian telah memastikan bahawa satu jenis ujian, satu jenis saringan dibuat melalui adakan satu peperiksaan yang mesti diduduki oleh mereka yang bukan pakar tetapi mereka mahu melibatkan diri di dalam aktiviti kosmetik termasuk menggunakan laser, *botox* atau perkara-perkara yang lain. Kalau mereka tidak mendapat kelulusan di dalam ujian ini yang dijalankan melalui *National Specialist Register and MMC* mereka tidak dibenarkan untuk menggunakan alat itu.

Sememangnya kita sudah ada satu sistem untuk mengambil kira keperluan semua pihak di mana ia pakar yang mempunyai kelayakan kepakaran yang penuh dan seorang doktor *general physician* yang telah menjalankan, telah melibatkan di dalam bidang estetik supaya mereka boleh buat kerja. Akan tetapi dengan memastikan bahawa mereka mempunyai pengalaman minimum dan mempunyai pengetahuan yang

diperlukan supaya mereka boleh terus menjalankan jenis-jenis rawatan yang sudah dibuat oleh mereka sebelum itu.

Ini berkaitan dengan isu lif yang telah diminta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Stampin. Saya memberitahu bahawa pihak kementerian sudah mendapat peruntukan sebanyak RM5.4 juta daripada EPU dan JKR Sawarak sedang dalam proses penilaian tender dan pemilihan kontraktor untuk menukar beberapa lif yang ada di dalam hospital umum Sarawak yang sudah lebih daripada 21 tahun.

So, dengan pelaksanaan projek ini, saya berharap isu lif yang ada di dalam Hospital Umum Sarawak ini dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat...

■1200

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, kalau boleh tanya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri, saya mengalu-alukan peruntukan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Akan tetapi soalan saya, saya diberitahu bahawa projek lif itu hanya akan dilaksanakan pada April 2018. Adakah itu betul? Kerana isu lif ini sudah, seperti Yang Berhormat katakan, adalah menjadi satu krisis di SGH yang begitu kian lama sudah berlaku. Jadi saya harap kita tidak akan tunggu sampai April 2018 tapi dilaksanakan dengan segera. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, saya akan lihat kepada proses perolehan ini dan minta supaya ia boleh dipercepatkan dan dilaksanakan lebih awal kerana kita dah ada kelulusan daripada segi peruntukan, cuma isu ialah penilaian tender dan pemilihan kontraktor dan ini adalah proses daripada segi pentadbiran. Saya mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dan kita akan cuba untuk mempercepatkan proses perolehan.

Yang Berhormat Kapar...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, minta maaf. Kalau boleh ya, sikit lagi? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat, tentang isu lif ini, sementara kita menunggu peruntukan yang dikatakan oleh Yang Berhormat, bolehkah kita memastikan bahawa penyelenggaraan lif itu perlu dibuat dengan kadar yang begitu efektif? Kerana dalam masa 20 tahun ini, lif itu sentiasa diselenggarakan tetapi masih rosak. Jadi, apa yang berlaku? Adakah *company* yang kita *assign* itu tidak *competent*, dengan izin? Dan bolehkah saya mendapat satu janji daripada Yang Berhormat supaya hal ini boleh diselesaikan, bagi satu jangka masa. Janganlah kita— *it is very vex*. Janganlah kita tunggu sampai tahun 2018 nanti. Itu saya tidak boleh terima. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Sebenarnya bila pihak *concessionaire* yang telah diberi tanggungjawab untuk menjaga *facility maintenances* di dalam Hospital Umum Sarawak, mereka mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan aktiviti penyelenggaraan ini secara optimum supaya semua *facility* yang ada di situ boleh berfungsi secara penuh.

Tapi apa yang kadang-kadang berlaku seperti di dalam keadaan ini ialah kerana usia lif ini lebih daripada 20 tahun. Walaupun aktiviti-aktiviti penyelenggaraan ini dijalankan secara baik tetapi masih dia tidak boleh fungsi kerana usianya dan ini cuma boleh diselesaikan kalau kita ganti *facility* yang tersedia ada.

Akan tetapi apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat itu bahawa penyelenggaraan ini mesti dibuat secara baik mengikut garis panduan telah ditetapkan dan mengikut tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh pihak *concessionaire* ini adalah satu perkara yang saya terima dan saya akan minta pihak kejuruteraan Kementerian Kesihatan untuk memantau perkara ini supaya proses penyelenggaraan ini dilakukan secara baik.

Soalan berikutan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Bintulu ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching bangun. Depan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya nampak Yang Berhormat Menteri tidak jawab dengan tepatnya mengenai apa soalan yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Stampin. Soalannya adalah adakah itu peruntukan untuk lif yang baru ini, adakah projek ini akan dijalankan dalam tahun 2017 atau 2018. Kerana, sekarang kita membahaskan Bajet 2017. Yang Berhormat Menteri memberi penggulungan untuk perbahasan Bajet 2017 dan soalan yang disebutkan tadi adalah adakah lif ini akan diganti dalam tahun 2018 atau 2017. Kalau mengikut Yang Berhormat Menteri, sudah diluluskan. Apa hal tidak boleh jawab soalan yang tepat ini?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya dah jawab. Saya dah beritahu bahawa peruntukan sudah dapat RM5.4 juta. Selepas peruntukan diberi, JKR yang akan menjalankan proses penilaian tender dan pemilihan kontraktor. Itulah proses yang akan diambil. Itulah sebab saya ingat proses ini akan dilakukan secara cepat mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh JKR dan tak semestinya sampai tahun 2018. Saya dah beritahu, saya akan beritahu mereka untuk mempercepatkan proses ini seberapa

cepat yang boleh. Akan tetapi bagi pihak JKR, kalau saya beritahu tiga bulan atau empat bulan, ini luar daripada tanggungjawab Kementerian Kesihatan

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, ini tak berapa bertanggungjawablah kerana *the Cabinet speak as one*.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak boleh tolakkan tanggungjawab kepada Kementerian Kerja Raya.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya dah jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya dah jawab soalan ini...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri satu jaminan bahawa ia akan dilaksanakan dalam tahun 2017?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Bahawa peruntukan sudah diluluskan dan kita akan mengikut proses-proses yang telah ditetapkan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, jangan lari, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri beri satu jaminan? Kerana saya sendiri yang tolong pegawai mengangkat mayat turun tangga dalam Hospital Umum Sarawak.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu teruskan dengan jawapan kepada soalan yang lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini amat memalukan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...laitu bahawa apakah langkah-langkah yang sedia ada...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: ...Saya baca sikit bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Minta pengesahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin.

[Dewan riuh]

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya dah beri penjelasan. Saya mahu lalu dari topik ini. Saya dah beritahu tadi...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah lif itu akan digantikan dalam tahun 2017?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya sudah jawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak boleh, tidak boleh.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, ini bercanggah dengan apa yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Kalau boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Stampin...

[Dewan riuh]

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Jawapan kepada saya adalah lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Stampin.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya sudah jawab soalan, so saya akan teruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila duduk, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Topik ini saya sudah jawab.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, *just once*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat!

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: *You* sudah minta, saya sudah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat, ikut peraturan, Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Lif ini hanya akan dibuat pada April 2018.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Stampin, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Yang Berhormat minta untuk lihat kepada apa langkah-langkah...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, saya minta pengesahan sahaja, boleh tak?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Yang dijalankan oleh kementerian untuk menghadapi...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya hendak minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang saya dapat berlainan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya mewakili penduduk Stampin. Jawapan...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ini adalah soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Kapar bahawa setiap hospital kerajaan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, sekejap ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin, sila duduk Yang Berhormat.

Yang Berhormat, berapa kali diingatkan oleh Speaker dan Timbalan-timbalan Speaker, kita ada peraturan. Ada peraturan. Hormat kepada peraturan. Saya menjalankan tugas atas peraturan, bukan sengaja tidak membenarkan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, saya belum...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang bagi penjelasan boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Kita ada peraturan 37, peraturan mesyuarat kita. Cuba baca, teliti. Betul, kalau Yang Berhormat Menteri sedang menjawab dan kita ingin membuat pencelahan, Yang Berhormat Menteri tidak mengalah untuk duduk dan saya belum jempit, Yang Berhormat tidak boleh bercakap, tidak boleh buat pencelahan. Mula-mula tadikan kita

elok, aman, tertib. Kan elok Yang Berhormat Gelang Patah dia bagi soalan, pencelahan secara tertib.

Kalau Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat sekalian bertelagah atau sama-sama serentak bercakap, tidak akan dicatat apa dalam *Hansard* Dewan kita. Jadi jawapan Yang Berhormat Menteri pun tidak akan dicatat, pertanyaan Yang Berhormat pun tidak akan dicatat. Akan tercatat 'Dewan riuh' sahaja. Jadi, rugi. Kedua-dua belah pihak rugi. Jadi, sila Yang Berhormat Menteri.

■1210

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, setiap hospital kerajaan mempunyai *emergency response plan* sendiri yang telah dirangka oleh Jawatankuasa Keselamatan Peringkat Hospital. *Emergency response plan* ini akan diaktifkan apabila berlaku kejadian-kejadian yang dikategorikan sebagai bencana seperti kebakaran, banjir dan lain-lain. Pada masa yang sama juga, pihak kementerian telah mengarahkan semua pihak berkaitan seperti hospital dan syarikat penyelenggaraan untuk mengenal pasti elemen-elemen yang boleh mengakibatkan kebakaran supaya tindakan awal pencegahan dapat dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kota Raja...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta maaf. Yang Berhormat, minta pencerahan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan saya spesifik Yang Berhormat Menteri tetapi tidak dijawab, dijawab sekali dengan Yang Berhormat Bintulu. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri dari sudut *Malaysian Medical Council* yang telah memberi nasihat dan cadangan supaya semua wad ICU, CCU sepatutnya dikhaskan di tingkat bawah, *groud floor* dan saranan itu perlu diambil sebagai langkah-langkah keselamatan. Kalau kita rujuk kepada hospital di Johor Bharu, ia di tingkat atas. Itu yang saya tekankan hari itu. Kalau kita ikut langkah-langkah keselamatan yang telah dinasihatkan oleh *Malaysian Medical Council*, mungkin perkara ini tidak akan berlaku. Saya juga telah bertanyakan dalam soalan saya, dalam peruntukan yang telah disediakan pada tahun ini, apakah kerajaan bersedia untuk mengalihkan semua wad ICU dan CCU ke tingkat bawah? Adakah peruntukan ini memadai?

So, soalan saya spesifik kerana tempoh hari semasa Yang Berhormat Menteri beri penjelasan, sehari selepas kejadian, Yang Berhormat Menteri langsung tidak menyentuh tentang wad-wad ICU dan CCU akan dibawa ke *ground floor* mengikut saranan *Malaysian Medical Council*. Bahagian ini langsung tidak disentuh. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan untuk menetapkan struktur sesuatu hospital ialah di bawah Bahagian Amalan di bawah Kementerian Kesihatan. Di mana Bahagian Amalan akan mengambil kira semua perkara berkaitan dengan keselamatan di dalam memberi kelulusan untuk ke badan-badan yang ada di hospital. Walaupun secara *ideal*, ICU diletakkan di tingkat bawah tetapi di banyak hospital, bukan sahaja di kerajaan tetapi di swasta pun, ICU tidak ada di *ground floor* tetapi berada di tingkat-tingkat yang atas. Apabila kelulusan diberi oleh pihak Bahagian Amalan supaya ini diteruskan, mereka mengambil kira perkara-perkara keselamatan. Mereka menetapkan pelbagai jenis syarat untuk memastikan walaupun ICU ini tidak diletakkan di bawah, di *ground floor* seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa ia akan menunaikan segala syarat keselamatan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Amalan. Supaya kalau ada berlakunya keadaan seperti apa yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah ini, ia adalah langkah-langkah untuk memberi penyelamatan boleh dilakukan tanpa apa-apa gangguan.

So, pada masa itu walaupun secara prinsip kita menggalakkan hospital untuk mengadakan ICU, bahagian *accident and emergency* di bawah, di *ground floor* tetapi pada masa sekarang saya kena menerima bahawa ada banyak hospital di mana ICU tidak ada di dalam *ground floor*. Walaupun ini telah ada di tempat yang lain, mereka mesti menunaikan segala syarat-syarat keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Amalan perubatan di bawah kementerian dan agensi-agensi yang lain seperti bomba dan sebagainya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana memberikan cadangan ini. Kita akan mengambil kira di dalam program-program yang akan datang semasa pembinaan hospital baru. Akan tetapi untuk hospital sedia ada, apa yang kena diberi penekanan ialah bahawa syarat-syarat keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memberi kelulusan dipatuhi dengan sepenuhnya. Isu yang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar bangun lagi.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Disebabkan kejadian telah berlaku tempoh hari di Johor Bharu, ini nasihat dan pandangan saya yang boleh diteliti dan diperhalusi oleh kementerian. Saya cadangkan hospital-hospital yang lama perlu dikunjungi oleh Yang Berhormat Menteri dan pasukan-pasukan, kru Yang Berhormat Menteri, berinteraksi dengan Jabatan Bomba. Jika hospital-hospital lama ini tidak dapat menangani isu keselamatan untuk wad-wad ICU dan CCU, saya mencadangkan bahawa mereka ditukar ke tingkat bawah. Untuk hospital baru, saya terima pandangan Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Akan tetapi untuk hospital yang sedia ada, saya rasa Yang Berhormat Menteri kena memantau jika mereka tidak boleh melengkapkan keselamatan SOP yang sedia ada, minta disegerakan, tukar ke wad bawah. Itu pandangan saya untuk hospital-hospital yang lama. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat, saya menerima pandangan itu secara baik. Tuan Yang di-Pertua, isu berikut yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Pengakalan Chepa ialah berkaitan dengan pelantikan doktor secara kontrak yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan di dalam bajet.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang sehingga September 2016, ada 4,457 orang graduan perubatan, 880 orang graduan pergigian dan 1,250 orang graduan farmasi yang telah mendaftar dan dipanggil temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah ini, 57.4 peratus telah diberikan penempatan. Manakala, baki lagi 42 peratus ini tidak boleh diberi penempatan kerana tidak ada jawatan-jawatan yang mencukupi. Puncanya ialah kerana jumlah graduan-graduan yang keluar dari institusi-institusi mahu pun dari dalam negara atau pun dari luar negara ialah lebih daripada jumlah jawatan yang sedia ada di bawah kementerian dan lebih daripada jawatan-jawatan yang diwujudkan oleh JPA dari semasa ke semasa.

Dengan mengambil kira perkara ini, dengan ada keperluan dan di dalam sistem perundangan supaya mereka ini diberi latihan wajib. Contohnya, untuk doktor perubatan, mengikut Akta Perubatan, mereka mengikut latihan doktor siswazah, *housemanship* untuk dua tahun. Selepas itu, mereka kena menjalankan perkhidmatan wajib, dua tahun. Untuk farmasi dan doktor pergigian, mereka diwajibkan untuk menjalani latihan sebagai doktor pergigian dan farmasi untuk satu tahun. Ini adalah kerana latihan wajib dan sebenarnya ini memang diperlukan kerana mereka baru keluar dari institusi pengajian tinggi dan tiada pengalaman yang mencukupi.

Adalah tanggungjawab kerajaan untuk memastikan mereka kena didedahkan kepada suasana kerja yang sebenarnya dan melalui itu mereka mendapat pengalaman. Kerajaan memang mempunyai tanggungjawab untuk memastikan mereka mendapat pengalaman ini. Apabila tiada jawatan yang mencukupi supaya semua yang ada lebih kurang 50,000 orang doktor yang datang tiap-tiap tahun mendapat jawatan yang kekal, salah satu jalan yang telah ditetapkan selepas perbincangan panjang dengan SPA, JPA ialah untuk mewujudkan jawatan kontrak. Melalui ini kita berharap semua doktor yang akan keluar, mahu pun daripada dalam negara atau daripada luar negara, mereka akan menjalani perkhidmatan sekurang-kurangnya untuk empat tahun.

■1220

Dalam masa itu mereka boleh mendapat pengalaman yang mencukupi. Selepas itu kalau mereka keluar, mereka boleh dikatakan selamat. Kalau tidak wujudkan sistem seperti ini, tiada lagi peluang supaya mereka mendapat latihan dan mendapat pengalaman. Kalau mereka mahu berfungsi secara sendiri, mereka akan menghadapi pelbagai jenis isu. Ya Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan kepada Dewan mengapa boleh wujud 2,600 orang yang tidak dapat kerja? Adakah sistem latihan di dalam negara adalah cacat? Mengapa kita tidak ada anggaran yang tepat untuk mengatasi masalah ini termasuk yang mengambil kursus di luar negara? Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan kepada kita di mana lagi negara yang lain yang mempunyai masalah yang sama?.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja juga bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin memahami sedikit— Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kita ada 5,000 orang graduan perubatan dan hanya 57 peratus yang ada jawatan untuk *houseman* dan bakinya akan diberi jawatan kontrak. Jadi maknanya persoalan di sini ialah persoalan ketiadaan jawatan diwujudkan, bukan ketiadaan tempat yang sesuai untuk dilatih, begitu? *I'm trying to understand. So, that means actually there is enough places for training, enough hospital for training* tetapi jawatan itu tidak ada. *Is that right?*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terlebih dahulu saya jawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong. Tentang bolehkah kerajaan mengawal jumlah mereka yang masuk untuk dilatih di dalam bidang perubatan? Di dalam negara kita, kita mempunyai 33 buah institusi pengajian tinggi yang ada bidang perubatan di dalamnya. Sebanyak 11 buah daripada pihak sektor awam, 22 buah lagi daripada sektor swasta. Sebanyak 33 buah ini boleh dikawal di dalam negara melalui Kementerian Kesihatan Malaysia, melalui MMC dan kerjasama dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi-agensi di bawahnya. Ada kuota-kuota yang telah ditetapkan untuk semua hospital institusi pengajian tinggi mahupun swasta atau dalam sektor awam yang ada di dalam negara. Akan tetapi untuk mereka yang pergi ke luar negara, ini memang tidak boleh dikawal. Kementerian Kesihatan Malaysia cuma mempunyai satu kuasa sahaja iaitu kuasa untuk membuat pengiktirafan kepada ijazah yang dikeluarkan oleh institusi di luar.

Pada masa sekarang, kita memberi pengiktirafan kepada lebih daripada 350 buah institusi pengajian tinggi di luar yang mengeluarkan ijazah dalam bidang perubatan. Ini bukannya yang diluluskan pada masa sekarang, ini adalah yang diluluskan pada masa dahulu dan sudah diteruskan sehingga sekarang. Walaupun pada masa sekarang kita sudah ada moratorium dan tidak ada kursus baru yang diluluskan dan tidak ada kursus baru yang diiktiraf.

Pada masa sekarang, ini pengiktirafan baru sudah digantung tetapi pengiktirafan lama itu masih diteruskan dan banyak daripada anak-anak murid dari Malaysia, mereka meneruskan pendidikan mereka di Indonesia, Rusia, India, Mesir dan sebagainya yang di luar kawalan. Oleh sebab perkara ini, kita ada mungkin 3,000 orang lebih yang datang daripada negara dan 1,500 orang yang datang dari luar negara, apabila dicampurkan seramai 5,500 orang.

Walaupun kita sudah berbincang beberapa kaedah untuk macam mana kita boleh mengatasinya tetapi satu keputusan yang menerima sokongan sebulat suara belum diterima. Salah satu daripada kaedah ialah, bolehkah kita mengukur satu

peperiksaan *license* [*Tidak jelas*] seperti yang telah dikemukakan di dalam negara-negara yang lain? Contoh di Amerika Syarikat, tidak kira mereka datang daripada mana-mana institusi termasuk mereka yang keluar daripada institusi di Amerika Syarikat sendiri, mereka kena adakan peperiksaan untuk mendapat *licensing*.

Yang Berhormat mungkin tahu di dalam negara United Kingdom, mereka datang dari luar negara kena menduduki peperiksaan PLAB sebelum mereka diiktiraf. Seperti yang pergi ke Australia, mereka ada peperiksaan *licensing exam*. Adakah kaedah ini boleh digunakan di sini sebagai satu langkah yang boleh mengawal? Ini satu cara kerana selain daripada itu, kita tidak ada cara yang lain bagaimana kita boleh mengawal mereka yang pergi ke luar negara. So, itulah sebabnya jumlah itu sudah meningkat. Walaupun kepada mereka yang berada di dalam negara, ada pelbagai jenis syarat yang telah ditetapkan supaya jumlah murid yang mereka boleh ambil pada setiap sesi adalah mengikut apa telah diluluskan oleh pihak MMC dan pihak MQA yang secara bersama ada jawatankuasa yang menetapkan jumlah yang boleh diambil.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja ialah adakah isu ini tiada jawatan atau tidak ada tempat di hospital? Isunya ialah kedua-duanya kerana sekarang *housemanship* dijalankan lebih daripada 40 buah hospital kerajaan termasuk di dalam tiga buah hospital universiti. Mengikut itu memang ada untuk mendapat latihan yang optimum, ada satu nisbah. Pada masa sekarang kita sudah sampai ke tahap maksimum nisbah ini.

Kalau dalam satu unit, kalau latihan optimum cuma boleh dapat 40 orang doktor sahaja kerana ada jumlah yang kita hantar lebih 70 hingga 80. Walaupun boleh dihantar, tidak ada isu tetapi kualiti latihan yang mereka boleh dapat dan pendedahan mereka kepada kes *mix* dan pemeriksaan itu memang terhad. So, itu satu daripada kelemahan yang kita hadapi di dalam perkara ini. Itulah sebab secara jangka masa panjang, saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong.

Kita kena lihat kepada *supply demand factor* ini dan memastikan bahawa jumlah yang mereka keluar adalah selaras dengan apa yang diperlukan. Akan tetapi apa yang kita sedang warisi pada masa sekarang ialah satu perkara bersejarah di mana sejumlah institusi pengajian tinggi dibuka secara begitu banyak. Sebanyak 33 buah institusi perubatan di dalam negara kita begitu banyak ini...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [*Bangun*]

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Memang jumlah mereka yang keluar itu terlampau banyak. Itulah sebabnya pada masa sekarang untuk menangani ini, kementerian mempunyai tanggungjawab untuk memastikan mereka yang keluar ini

diberikan latihan. Untuk memastikan bahawa ini boleh dibuat, kita sekarang sudah memperluaskan kepada hospital-hospital yang lain.

Hospital-hospital lain yang mempunyai kepakaran dan sekarang memperluaskan penempatan doktor-doktor siswazah ini ke klinik-klinik kesihatan yang besar supaya mereka pun boleh mendapat latihan di situ. Supaya dapat memperluaskan cara latihan yang diberikan dengan satu tujuan sahaja untuk memastikan mereka sebenarnya mendapat latihan mencukupi, supaya mereka selamat selepas mereka keluar. Kalau membuka klinik sendiri atau bekerja dengan pihak swasta, mereka sudah dapat pengalaman yang mencukupi.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Krai. Yang mana satu Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Alor Setar.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ...Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih, Kuala Krai ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1230

Saya rasa penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi agak menggerunkan saya iaitu apabila terfikir oleh Yang Berhormat Menteri, kita hendak mengenakan suatu bentuk peperiksaan kepada *graduate-graduate* kita yang kembali daripada luar negara.

Kita mempunyai sistem pemeriksaan bagi universiti-universiti yang tidak diiktiraf, yang kita sebut Seksyen 13, yang doktor dahulu. Ini kita sudah terima pakai. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ada 300 lebih institusi luar negara yang kita iktiraf. Bila kita kata kita iktiraf universiti ini, kita telah menjalankan suatu penilaian dan *graduate* mereka ini adalah bertepatan dengan keperluan dalam bidang ini di negara kita.

Jadi, kalau hari ini terfikir oleh Yang Berhormat Menteri untuk mewujudkan suatu sistem pemeriksaan apabila mereka kembali untuk berkhidmat, saya rasa ini sudah menimbulkan suatu soalan baru, suatu delima baru yang mungkin akan dihadapi oleh para-para pelajar kita yang datang daripada universiti yang diiktiraf di luar negara.

Apakah Yang Berhormat Menteri serius dengan cadangan ini atau hanya sekadar memberikan suatu alternatif Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Semua bangun ini adalah doktor.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya hendak —Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk menggunakan hospital swasta untuk melatih doktor-doktor kita? Ini kerana apa, kerana doktor-doktor yang lahir daripada perut Kementerian Kesihatan ini akhirnya berhijrah ke hospital swasta *and* hospital swasta, pihak swasta menerima manfaat yang paling besar. Kita tahu 70 peratus daripada doktor pakar kita berada di hospital swasta.

Jadi, adakah kerajaan merancang untuk mengguna - *this is about efficiency of the services in our country*. Adakah ada perancangan itu? Saya kira bila ada, tentulah ada peraturan baru yang perlu kerajaan adakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar penjelasan tadi dan rasa bimbang tentang satu kemungkinan. Kita ada banyak graduan yang kita ambil dengan susah payah untuk menjadi latihan *housemanship*. Maka, apakah kriteria yang telah difikirkan oleh kementerian untuk menerima graduan ini seterusnya kerja dengan kementerian?

Kebimbangan saya ialah kerana kadang-kadang pelajar atau doktor muda itu mereka sangat *passionate* dan berupaya, tetapi mereka mempunyai masalah menyesuaikan diri dan mereka *late bloomers*, lambat untuk cemerlang. Kalau kriteria itu tidak digunakan — kalau kita pemilihan mereka itu tidak dilakukan dengan objektif, dengan baik, dengan mengenal pasti bakat kebolehan minat dengan betul, cuma berdasarkan penilaian subjektif pakar-pakar daripada pengalaman saya 29 tahun lalu, memang ada banyak kecacatannya. Maka kita akan hilang ramai graduan yang berpotensi, yang berbakat, yang boleh cemerlang dalam bidang perubatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiawangsa minat? Ya. Sila.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Saya bukan doktor Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hanya hendak tanya tentang *ratio* yang ditetapkan oleh kerajaan antara doktor dan rakyat ini supaya seolah-olah bila kita dengar ini, seolah-olah macam ada lambakan. Kalau ada lambakan, maka kita mesti harus serius tentang menilai semula tentang pengeluaran graduan ini, baik dari dalam negeri dan di luar negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Bagan Serai. Daripada lima yang bertanya, seorang minta doktor.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga gerun dengar *figure* ini tadi, 5,000 akan datang lagi. Sekarang ini kita ada *supply more than demand*. Maknanya, yang datang jawatan sudah tiada, tempat latihan pun pada yang kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri tidak cukup.

Jadi, kebimbangan-kebimbangan antaranya tentu terdapat perbezaan mereka-mereka yang ditempatkan di hospital universiti, umpamanya Universiti Kebangsaan Malaysia ataupun Universiti Malaya dengan mereka yang ditempatkan latihan di Hospital Taiping ataupun Hospital Sungai Petani, keadaan kualiti yang akan lahir nanti. Kalau lihat ini, daripada dulu lagi lebih daripada 350 universiti luar negara telah diberi pengiktirafan.

Saya berpendapat Yang Berhormat Menteri, untuk mengurangkan masalah ini kita sekarang ini di Malaysia ada 11 universiti yang - 33 universiti yang menjalankan kursus perubatan. Saya fikir mereka dilatih di negara, pendapat sayalah jauh lagi mengenali pesakit dan memahami penyakit-penyakit di negara ini daripada mereka yang dilatih di luar. Adalah lebih mudah dan lebih murah mengadakan kursus di dalam negara daripada menghantar ke luar negara.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kemungkinan kerajaan akan mengurangkan pengiktirafan kepada 350 universiti di luar negara? Ini kita boleh kawal, jadi kita kurangkan yang telah dibuat selama ini dan tempatkan mereka di hospital dalam negara. Contohnya, kuota-kuota diberikan dari dalam negara. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, pencerahan jangan panjang-panjang. Ini ucapan Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, sikit. Contohnya saya bagi lebih sedikit Tuan Yang di-Pertua, di *Royal College of Medicine*, Ipoh yang mana saya mempengeruskannya. Saya melihat kuota yang diberikan hanya 90 dan di RCMP, telah bagi keputusan yang kita boleh tambah 200 pelajar dan mereka ini saya berpendapat dapat dilatih dengan baik kerana tenaga pengajar, fasiliti adalah baik di RCMP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Seorang lagi doktor bangun. Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada fikiran saya berlegar-legar juga apa yang Yang Berhormat Menteri cakap sebelum ini. Akan tetapi saya ingat satu soalan, tidak panjang Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja. Saya hendak tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Sesuai dengan orangnya.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Ya. Tadi Yang Berhormat Menteri kata disebabkan oleh banyak hospital swasta, *medical college* swasta yang ditubuhkan dan banyak *graduate-graduate* doktor dilahirkan, ini menyebabkan lambakan doktor *housemanship*. Jadi, setakat ini, apakah tindakan kerajaan yang dilaporkan terhadap hospital-hospital swasta ataupun kolej-kolej swasta yang ditubuhkan sebelum ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Sebenarnya Yang Berhormat Menteri, masa pun sudah habis sebenarnya. Saya tengok tebal jawapan Yang Berhormat Menteri, 100 lebih muka surat. Saya perhatikan baru lima muka surat.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: [*Berucap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Mikrofon Yang Berhormat Menteri. Ya. Sila.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai berkaitan dengan apa yang saya sudah kemukakan tadi, bila kita dihadapi dengan situasi ini, beberapa perkara dibincangkan. Ini adalah salah satu daripada perkara kerana kalau Yang Berhormat lihat, ada seterusnya, ada pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Kedah tadi, Yang Berhormat Bagan Serai tadi bahawa, mungkin kita kena mengurangkan kolej-kolej yang telah diiktiraf. So, ini ialah antara beberapa cadangan yang diberikan kerana salah satu faktor yang dihadapi oleh pihak MMC ialah untuk menentukan mutu 350 kolej ini. Kita sudah iktiraf pada suatu ketika. Akan tetapi, untuk memastikan bahawa secara berterusan mereka masih mempunyai mutu yang sama, kita kena terus membuat penilaian secara berterusan, mungkin beberapa tahun sekali. Ini ialah suatu beban yang besar ke atas pihak MMC.

So, apakah langkah yang boleh dijalankan? Adakah ia ikut apa yang di buat oleh Yang Berhormat Bagan Serai, kita tidak iktiraf semua. Kalau macam itu, apa yang akan berlaku kepada mereka yang pergi dan belajar di luar negara, selain daripada seksyen 13 yang tersedia ada. Inilah perkara yang di antara yang telah dibincangkan di bawah peringkat kementerian. Walaupun tiada keputusan yang dibuat, ini ialah cuma *brain*

storming dan pandangan yang dikeluarkan dan memang ada yang sokong dan ada yang mempunyai pandangan macam Yang Berhormat Kuala Krai berkaitan dengan perkara ini.

Akan tetapi, kita mesti menghadapi perkara ini dan mencari satu penyelesaian. Ikut apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Raja, bolehkah hospital swasta digunakan? Pada masa sekarang walaupun secara prinsip kita ada kesudian untuk membenarkan doktor siswazah pergi ke hospital swasta kalau mereka menunaikan beberapa syarat yang di mana doktor ini boleh mendapat latihan yang sama taraf dengan apa yang mereka dapat di hospital kerajaan, iaitu mereka mesti mempunyai jumlah pesakit yang mencukupi, jumlah jenis penyakit yang mencukupi dan selepas sistem di dalam *administration* hospital swasta yang boleh menerima doktor siswazah. Ini kerana banyak hospital siswazah, tiap-tiap doktor pakar ini dia berfungsi sebagai satu individu sahaja.

■1240

Mereka tidak ada unit, tiada *the hierarchy of unit*, tiada *the consultant registrar medical officer* yang mana *housemen* boleh terus bekerja. Oleh itu— dan walaupun daripada prinsip kita sudi supaya mereka boleh bekerja tetapi secara amalan ini satu perkara yang susah.

Lagi satu perkara yang memang menjadi halangan yang besar, pesakit yang pergi ke hospital swasta mereka buat bayaran. Bila membuat bayaran, mereka kadang-kadang tidak sudi supaya *the houseman* yang memberi rawatan kepada mereka atau mereka diperiksa oleh pihak-pihak yang lain. So, inilah beberapa kekangan mengapa kita tidak boleh menggunakan hospital *private*.

Lagi satu soalan yang dibangkitkan oleh saya ingat Yang Berhormat Kuala Kedah ialah berkenaan apa yang akan berlaku selepas kontrak sudah tamat. Ini satu isu yang memang di kementerian kita memberi satu penekanan yang tinggi. Saya berkongsi pandangan Yang Berhormat bahawa banyak doktor ini khususnya yang mahu jadi pakar dan sebagainya, kadang-kadang mereka membuat keputusan selepas beberapa tahun dan kumpulan ini mesti diberi peluang. So dalam proses untuk menetapkan apa yang akan berlaku kepada kumpulan ini selepas kontrak mereka tamat, kita akan memberi keutamaan kepada mereka yang sudah ada komitmen untuk mengikuti kursus-kursus kepakaran dan mereka yang mempunyai prestasi yang baik dan tiada isu-isu disiplin dan sebagainya tetapi seboleh-bolehnya untuk memastikan tiada ada orang siapa-siapa pun akan menjadi mangsa akibat daripada sistem yang kita akan kemukakan. Ini di bawah pandangan kementerian.

Ratio doktor untuk pesakit di dalam negara kita pada masa sekarang ialah lebih kurang 1:600 dan sebelum 2020, kita berpendapat ini akan sampai 1:400. Ini mengikut dengan nisbah yang telah ditetapkan oleh pihak antarabangsa. So, jumlah yang ada ialah mencukupi. Akan tetapi masalah yang kita hadapi ialah pembangunan sumber manusia lebih cepat daripada pembangunan infrastruktur. So ini yang isu, pembangunan infrastruktur tidak seimbang dengan pembangunan sumber manusia. Itulah sebab jumlah sumber manusia lebih banyak, jumlah tempat itu tidak cukup. So itu sebab kita akan ambil masa sebelum kedua-dua ini akan mendapat satu keseimbangan.

Walaupun sistem berbeza, saya akan menekankan bahawa kementerian melalui semua jawatankuasa pakar yang ada di dalam kementerian telah membuat pelbagai jenis langkah untuk memastikan mutu latihan yang diberikan oleh doktor-doktor *housemanship* ini ialah bermutu tinggi seperti apa yang mereka telah dapat pada masa yang lalu dan tidak berbeza daripada hospital-hospital yang lain.

Tadi satu contoh telah diberi apakah perbezaan dengan hospital universiti atau Hospital Taiping. Akan tetapi dengan kes-kes yang tersedia ada kemudahan-kemudahan yang ada di dalam semua hospital di mana *housemanship* ada, mereka boleh mendapat latihan yang sama taraf dan kadang-kadang mereka yang pergi ke hospital kecil mendapat latihan yang lebih baik daripada hospital yang besar kerana pendedahan kepada pesakit yang lebih banyak.

Sekarang kita telah menggalakkan seboleh-bolehnya khususnya kepada agensi-agensi kerajaan macam JPA, MARA dan sebagainya, jangan hantar doktor kita menjalani latihan di luar negara. Seboleh-bolehnya mereka buat latihan dalam negara supaya melalui proses ini kita boleh menentukan kaedah ini.

Inilah beberapa— salah satu isu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sentuh sebelum saya— lain-lain perkara saya akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Inilah berkaitan dengan penempatan pakar dalam Gred 56. Ini pun telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam pengumuman bajet. Pada masa sekarang, kita mempunyai lebih kurang 1,000 doktor dalam Gred U54 yang telah mendapat U54 pada tahun 2010. So mereka ini memang sudah layak untuk mendapat dinaikkan pangkat kepada JUSA C. Akan tetapi jumlah jawatan JUSA C yang tersedia ada tidak cukup. Tiap-tiap tahun jumlah yang boleh dinaikkan pangkat ke JUSA C, jumlah itu amat kurang. Oleh sebab ini, mereka ini selepas menunggu sudah enam tahun atau tujuh tahun, jumlah yang paling banyak

yang keluar daripada perkhidmatan awam iaitu doktor pakar ialah daripada kumpulan ini.

So, sebagai satu langkah untuk memastikan bahawa mereka tidak akan meletakkan jawatan dan pergi ke sektor swasta, selepas perbincangan dengan SPA dan JPA, satu keputusan dibuat supaya mewujudkan satu *post* baru iaitu Gred 56 supaya 1,000 yang ada di sini ada satu peluang untuk mendapat *promotion* secara lebih cepat. Kita berharap melalui kaedah ini— ini tidak bermakna mereka ini tidak akan mendapat JUSA C. Masih mereka ada peluang tetapi lebih banyak boleh mendapat Gred 56 dan ini mungkin akan mengurangkan jumlah mereka yang akan meletakkan jawatan dan pergi ke sektor swasta. Ini salah satu daripada langkah yang telah dikemukakan oleh Kementerian sebagai satu usaha untuk memastikan mereka yang sudah ada dalam Gred 54 untuk satu jangka masa yang begitu panjang dan lepas satu masa kalau tidak puas hati, kita harap bahawa dengan adanya peluang untuk naik pangkat ini, mereka tidak akan letak jawatan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Isu-isu yang lain kita akan menjawab secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada segala pandangan murni yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan akan mengambil kira segala pandangan yang telah dikemukakan dalam program untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang disampaikan nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sila Yang Berhormat Menteri.

12.47 tgh.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang berkaitan dengan Kementerian saya dan ingin saya rakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berikut iaitu Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Alor Star, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Sepanggar.

Secara keseluruhannya, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan membaca satu-persatu daripada apa yang telah disoal dan menjawab satu-persatu. Saya cuba untuk merangkumi jawapan saya dalam dua atau tiga aspek yang besar supaya segala-galanya dapat dilihat sebagai rumusan dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mendapatkan penjelasan, saya cuba sama ada menjawab pada hari ini ataupun secara bertulis ataupun kaedah-kaedah yang dirasakan sesuai oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Pada keseluruhannya, saya dapat simpulkan bahawa soalan-soalan yang ditimbulkan berasaskan kepada tiga aspek yang besar iaitu yang pertama, berkaitan dengan bagaimana untuk mengukuhkan sistem pengeluaran makanan negara dan ini termasuk juga bagaimana untuk mengimbangi keseimbangan perdagangan kita yang dianggap tidak begitu seimbang sekarang. Kedua, soalan yang berkaitan dengan pembangunan usahawan tani dan termasuklah soal kebajikan petani, nelayan dan sebagainya dan sudah tentu soalan yang agak popular pada kali ini yang berkaitan dengan makanan ruji negara iaitu bagi sektor padi dan beras.

Bagi perkara yang pertama yang berkaitan dengan soal sektor tanaman ataupun yang berkaitan dengan pengeluaran makanan negara, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan dua tiga isu termasuk soal bagaimana untuk kita meningkatkan tanaman lain selain daripada tanaman padi kita ada sekarang termasuk yang berkaitan dengan tanaman jagung.

■1250

Saya pernah jawab di dalam Dewan yang mulia ini bahawa jagung adalah merupakan satu bidang yang perlu kita bangunkan kerana buat masa sekarang aspek yang berkaitan dengan makanan ternakan, kita ternak cukup ayam misalnya tetapi makanan ayam itu sendiri kita import hampir 100 peratus termasuk kacang soya dan jagung yang diproses untuk makanan ayam dan kita perlu melihat bahawa tanaman jagung yang dirasakan berkemungkinan boleh kita kembangkan di dalam negara kita, kita memberikan tumpuan pada kali ini.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat semua, beberapa projek rintisan sudah pun dimulakan di Terengganu, di Kedah dan insya-Allah kita akan kembangkan di beberapa negeri yang lain untuk melihat kesesuaian bahawa jagung adalah merupakan satu pilihan yang mungkin kita kembangkan sebagai tanaman kedua kita kerana sehingga sekarang kita mengimport lebih daripada 3 juta metrik tan, nilainya lebih daripada RM3 bilion setahun dan sekiranya kalau kita dapat mencapai dalam masa yang terdekat 20 peratus pun daripada RM3 bilion ini akan dapat mewujudkan kekayaan baru sebanyak RM600 juta yang akan diperolehi di kalangan petani, mereka yang terlibat

dalam pengurusan, logistik, soal membekalkan benih, baja dan sebagainya. Jadi ini antara perkara yang kita mesti bina, apa yang disebutkan *roadmap* kita bagi memberikan keupayaan kepada negara untuk menghasilkan jagung kita.

Soalan lain itu, antara lain juga telah memberikan pandangan-pandangan misalnya tentang keperluan kita untuk menghasilkan tanaman kelapa kita sendiri. Satu ketika dahulu kita dilihat mempunyai keupayaan menghasilkan kelapa sendiri tetapi berlaku satu peringkat harga kelapa jatuh merudum, maka ramai yang sudah melihat kelapa tidak ada masa depan pada ketika itu. Akan tetapi sekarang ini keadaan berubah. Pandangan-pandangan yang dulunya orang menganggap bahawa kelapa tidak sihat, minyak kelapa itu mengandungi kandungan kolesterol yang tinggi, makanan yang berasaskan santan dan sebagainya tidak baik dan sebagainya, sekarang ini ada perubahan-perubahan melalui beberapa penemuan saintifik yang baru bahawa ada produk-produk kelapa dianggap baik. Misalnya, VCO, *virgin coconut oil* ataupun minyak kelapa dara misalnya, didapati mengandungi kandungan-kandungan *essential Fatty Acid* yang baik yang boleh membantu untuk mengurangkan kolesterol dalam badan kita dan produk-produk lain seperti minum air kelapa muda dan sebagainya di samping keperluan-keperluan lain menjadikan permintaan terhadap kelapa dalam negara bertambah.

Oleh sebab itu, sekarang ini kita katakan bahawa keperluan sebenar kelapa dalam negara kita adalah lebih daripada 630 juta biji kelapa bagi setahun sedangkan kita hanya menghasilkan kira-kira 500 juta, kita mengimport lebih daripada 100 juta setahun. Jadi ini menyebabkan kita katakan bahawa perlu antara apa yang disebutkan projek-projek yang berkaitan dengan pertanian kita berikan tumpuan bagaimana untuk membangunkan kembali termasuk memulihkan tanah-tanah yang dahulu sudah ditanam kelapa dan kita boleh tanam kembali kelapa ini dan ia memerlukan beberapa langkah yang perlu diambil. Misalnya, kelapa juga mempunyai pelbagai jenis-jenisnya yang popular sekarang ini kelapa matag. Semua orang hendakkan kelapa matag. Ada isu yang berkaitan dengan soal benih tidak cukup.

Kita perlu faham bahawa mengeluarkan benih ini ada cabaran yang tertentu kerana kelapa matag namanya matag ialah kerana ialah kombinasi dua spesies iaitu 'ma' itu daripada Malayan Dua dan 'Tag' itu daripada spesies daripada Filipina 'tagnanan'. Dikatakan itulah maknanya matag. Akan tetapi matag ini mempunyai cabaran yang tertentu iaitu apabila dikahwinkan antara malayan dua dengan tagnanan ini hanyalah anaknya sahaja dipanggil matag. Anak kepada matag sudah tidak lagi dipanggil matag. Jadi setiap kali dikahwinkan, hendak jadikan itu adalah cabaran sehinggakan sekarang ini berlaku permintaan yang tinggi bagi mereka yang ingin tanam

kelapa dia cari matag kerana dikatakan lebih sedap, dikatakan harganya lebih tinggi tetapi ada cabaran untuk menghasilkan benih-benih yang diperlukan.

Sekarang ini hanya dua syarikat sahaja mengeluarkan dan yang ketiganya ialah jabatan sendiri mengeluarkan untuk kita membantu tetapi dalam masa yang sama kita menggalakkan juga dan memberi penerangan ada juga jenis-jenis kelapa lain yang sedap dimakan, yang kualiti yang hampir sama dengan matag termasuk kelapa pandan, mawar dan sebagainya. Jadi ini juga adalah perkara-perkara yang disebutkan di dalam bajet kali ini. Ada peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk membantu mereka untuk mengusahakannya.

Ada beberapa isu yang lain yang berkaitan dengan keusahawanan kita. Ini dinyatakan dan disebutkan di dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri kita, bagaimana untuk menghasilkan lebih ramai usahawan-usahawan kita, disebutkan tambahan bajet kepada TEKUN. Tambahan ini termasuk tambahan Temanita.

Sekarang ini sudah ada, sebelum ini ada RM200 juta, tambah lagi RM100 juta di dalam bajet ini dan pengkhususan kepada golongan-golongan wanita untuk mengembangkan keusahawanan dia dan kita rasakan bahawa model ini akan dapat membantu lebih banyak lagi usahawan. Yang pentingnya, kita ingin mendidik kepada petani-petani ataupun usahawan-usahawan tani dalam bidang agromakanan iaitu apa yang mereka hasilkan bukan sekadar dapat dihasilkan untuk dipakai dan diguna oleh pengguna-pengguna tempatan.

Akan tetapi bagaimana untuk meningkatkannya bagi tujuan eksport dan kita mesti mencari apakah produk-produk yang dianggap *champion product*, produk-produk juara yang boleh kita eksport ke luar negara dan sebagainya dan ia akan dapat membantu bagaimana mengurangkan defisit imbalan perdagangan yang berkaitan dengan *agrofood* kita sekarang. sekarang ini kita sudah mengeksport lebih kurang 27 bilion hasil yang dikaitkan dengan *agrofood* ataupun agromakanan kita dan kita hendak tambah supaya ia akan dapat mengurangkan defisit tersebut.

Saya ingin sebutkan bahawa di sini ada beberapa bidang seperti perikanan, ayam dan sebagainya, antara hasil-hasil yang telah pun kita eksport dengan menyeluruh tetapi juga kita sebutkan bahawa ada bidang-bidang baru yang perlu kita kembangkan. Misalnya permintaan terhadap durian kita bertambah. Ada isu yang berkaitan dengan permintaan yang tinggi, misalnya negara China di mana China mensyaratkan bahawa durian yang kita eksport hanyalah durian yang telah dikeluarkan daripada kulitnya dan juga telah dibuat *pasting* bagi tujuan perasa dan sebagainya.

Tetapi kita berusaha satu ketika nanti kita akan dapat mengeksport seluruh biji durian kita itu supaya permintaannya akan dapat meningkat dan pendapatan di kalangan petani dan pengusaha kita juga akan meningkat. Saya maklumkan misalnya durian 'Musang King' sekarang ini kalau di Hong Kong misalnya harganya sudah mencecah misalnya dalam musim yang baru-baru ini, dia mencecah sehingga 400 Hong Kong Dollar iaitu lebih kurang RM200 kita bagi satu kilo dan itu pun tidak mencukupi, laris. Kalau kita dapat masuk ke negara China misalnya sudah tentu harga yang lebih kurang sama dan kita akan berusaha supaya ia dapat kita masuk di sana dan ia akan menjadikan durian adalah antara makanan premium yang digemari oleh negara lain.

Yang keduanya kita juga mengatakan bahawa misalnya sarang burung, kita adalah merupakan antara produk yang boleh dieksport dengan tingginya permintaan sarang burung di negara China kita adalah tinggi. Ada isu sebelum ini, tiga tahun kita bergelut dengan isu yang tertanggung apabila di kalangan pengusaha-pengusaha rumah-rumah sarang burung yang ghairah. Satu ketika dahulu sarang burung boleh dijual dengan harga RM13,000 satu kilogram, tiba-tiba turun apabila ada sekatan daripada negara China yang mengatakan sarang burung itu mestilah yang dibersihkan dahulu, boleh dimasukkan. Harganya turun sebelum ini kepada RM800, RM900. Ramai di kalangan usahawan-usahawan jatuh susah, termasuk mereka yang meminjam daripada bank-bank dan sebagainya untuk membina rumah sarang burung. Akan tetapi berita baik hasil daripada lawatan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri baru-baru ini saya maklumkan bahawa sekarang ini sudah pun kita tandatangani protokol mengenai kita boleh mengeksport sarang burung yang mentah, yang belum dibersihkan.

Sebelum ini saya maklumkan perkara ini, reaksi pasaran begitu baik sekali dan sekarang ini harga pasaran sarang burung kita sudah naik kembali kepada RM3,000 dan lebih daripada RM3,000 per kilogram. Jadi ini adalah antara perkara-perkara yang mungkin belum lagi sampai sekarang ini, belum kita eksport lagi. Kita akan membina satu sistem platform yang baik tetapi ia sudah tentu akan dapat membantu lebih daripada 10,000 pengusaha-pengusaha sarang burung dalam negara kita.

Jadi ini adalah merupakan pendekatan-pendekatan yang kita kira baik untuk negara kita. Ada isu lain yang berkaitan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Menteri, jam pukul 1 tengah hari.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih. Saya sambung sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Lama Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Kalau macam ini baik semua, tak tanya, saya rasa sekejap lagi 10 mini boleh selesaikan selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kita sambung ya. Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

14.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kita Jawatankuasa? Majlis dalam Jawatankuasa kah apa? Okey sila.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan jawapan kepada apa yang telah dikemukakan. Saya cuba seringkam mungkin dalam sesi petang ini dengan mengucapkan setinggi penghargaan. Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Parit, Sabak Bernam dan Tanjong Manis. Sebahagian daripada apa yang disuarakan itu adalah merupakan perkara-perkara dan permintaan yang berkaitan kawasan masing-masing yang saya akan uruskan dengan Yang Berhormat yang berkenaan di samping ada beberapa cadangan yang dikemukakan.

Insyallah saya akan mengambil pandangan-pandangan itu dengan sebaik mungkin. Begitu juga dengan Yang Berhormat Sepanggar yang mencadangkan supaya kita membantu pengusaha-pengusaha pam bot di kawasan beliau dan ini juga adalah perkara-perkara yang dianggap strategik untuk dipertimbangkan oleh pihak kementerian. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Alor Setar atas pandangan-pandangan yang berkaitan dengan hal yang bersangkutan dengan industri padi dan beras kita. Banyak pandangan yang boleh kita pertimbangkan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih pada semua yang telah mengambil bahagian.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri ada banyak soalan, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Yang Berhormat Menteri, saya ada tanya banyak soalan mengenai MyBeras, Bernas, subsidi, beras import dan sebagainya. Ada banyak isu yang melibatkan pendapatan pesawah padi kita. Jadi tidak ada jawapan

langsung yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Harap pihak Yang Berhormat Menteri boleh meluangkan sedikit masa untuk jawab soalan-soalan itu.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kerana mengingatkan perkara. Sebab itu saya ucap terima kasih. Yang Berhormat dari Alor Star banyak sekali. Sebahagian daripada apa yang disoal sudah pun saya jawab sebelum ini. Tetapi saya katakan misalnya Yang Berhormat bertanya perkara-perkara tertentu, soal insurans. Saya menghargai satu pandangan dan suatu yang dikatakan kecaknaan Yang Berhormat tentang perlunya kita lindungi para petani kita dengan skim insurans.

Ingin saya maklumkan bahawa perkara ini masih lagi dalam pembentukan usaha yang dibuat oleh pihak Agrobank yang telah dipertanggungjawabkan untuk memikirkan satu kaedah yang terbaik yang diterima oleh petani, yang diterima oleh syarikat-syarikat insurans dan akhirnya dapat membantu untuk memberikan suatu perlindungan yang baik di kalangan pesawah-pesawah kita terutama sekali dan petani yang lain. Sekiranya usaha yang mereka hadapi, yang mereka lakukan itu berhadapan dengan pelbagai masalah bencana dan sebagainya, ia masih lagi di peringkat pembangunan, suatu dasar yang boleh diterima pakai oleh semua pihak kerana isunya ialah berapakah yang perlu diberi pampasan? Apakah bentuk premium yang perlu dibayar yang mesti diterima oleh syarikat-syarikat dan sebagainya.

Saya ingin— saya kirakan ini akan dapat sedikit kesabaran dari pihak, kepada pihak Yang Berhormat untuk kita carikan yang terbaik tentang soal ini kerana sebagaimana yang kita tahu sekarang ini kita ada tabung bencana tetapi tabung bencana tidak meluas, tidak merangkumi semua perkara dan kaedah yang digunakan mengambil masa yang lama. Sebab itu kita fikirkan mesti mencari kaedah baru dan dasar insurans sebagaimana yang dilakukan oleh negara-negara lain itu adalah satu kaedah yang perlu kita dalami. Perkara-perkara yang lain ya tentang hal yang berkaitan dengan soal yang Yang Berhormat daripada Alor Star bertanya, tentang model yang kita gunakan menggunakan satu syarikat seperti Bernas yang dikatakan dimiliki apa yang disebutkan hak untuk mengimport beras-beras daripada luar.

Pandangan yang mengatakan apakah perlu kita meliberalkan perkara ini. Ini juga perkara yang perlu kita lihat kerana model yang digunakan sebahagian besar negara-negara yang mempunyai penduduk yang sebahagian mereka terlibat dalam usaha pertanian dalam menanam padi dan mengeluarkan beras. Negara-negara ini seperti di Philipines, seperti di Indonesia, seperti di Cambodia dan sebagainya, mereka juga memiliki syarikat-syarikat khusus yang diberikan kuasa untuk mengimport. Mereka juga tidak meliberalkan dalam soal mengimport kerana perlunya ada kawalan daripada

kerajaan supaya tidak semua orang boleh mengimport kerana mengimport kemungkinan dikatakan menyebabkan tekanan yang terpaksa dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ataupun petani-petani dalam.

Misalnya dalam keadaan sekarang ini, dikatakan bahawa harga beras dunia adalah rendah. Sekiranya kita benarkan semua orang mengimport dan menjualnya di luar, menjualnya dalam negara kita, siapakah yang akan beli beras kita. Sebagai contoh ya dikatakan dan ini akan memberi kesan pada petani kita jangka pendek dan jangka panjang kerana akhirnya yang rugi dikatakan petani kita. Maka sebab itu disebutkan bahawa perlu ada kawalan dari segi mengimport dan dengan adanya syarikat di mana kerajaan ada kuasa untuk mengawal dan memantau syarikat yang berkenaan, ia akan dapat membantu untuk membuat kawalan tersebut.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Dengan izin Yang Berhormat Menteri, saya bersetuju bahawa memang perlunya ada kawalan mengenai industri beras khususnya daripada aspek import beras.

■1440

Itu sebabnya sebelum ini, ramai Ahli-ahli Parlimen dan juga pesawah padi dan pengilang padi telah pun meminta supaya melihat semula peranan BERNAS sekarang ini supaya BERNAS ini bawa balik kepada Lembaga Padi Negara (LPN) sebab sekarang ini BERNAS dimiliki sepenuhnya oleh seorang individu dan apabila syarikat itu menjadi satu syarikat peribadi, maka tumpuannya adalah untuk keuntungan. *So that is the problem*, itu yang pertama.

Yang kedua, sebelum ini Menteri Pertanian yang lalu telah pun memberikan seperti satu jaminan bahawa pada masa itu BERNAS hendak dibawa keluar daripada Bursa Saham dan kita diberitahu bahawa ini adalah hanya buat sementara waktu dan selepas penstrukturan semula BERNAS, BERNAS akan disenaraikan balik ke dalam Bursa Saham dengan NAFAS dan sebagainya. Pihak-pihak yang mempunyai *stakeholders* akan diberi saham dalam BERNAS tetapi kita lihat sudah dua tahun pun berlalu, saya tidak tahu apakah penstrukturan semula yang sedang dijalankan. Rakyat jelata pun tidak tahu dan sekarang BERNAS bukan lagi satu *public listed company* di mana kita boleh melihat dia punya operasi dan sebagainya, keadaan kewangan dan sebagainya *so we do not know, we are in the total darkness*, Yang Berhormat Menteri.

Saya sendiri telah pun berkali-kali meminta Kementerian Pertanian untuk memberi penjelasan bilakah penstrukturan semula itu akan disempurnakan, *what is the status* dan bila ia akan disenaraikan balik dalam Bursa Saham. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi sedikit penjelasan mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan yang dikemukakan dan saya kira saya juga telah menimbulkan perkara ini pada pihak BERNAS untuk mengemukakan seberapa cepat yang boleh tentang penstrukturan kembali. Yang penting di sini ialah beberapa keputusan yang berkaitan dengan keputusan *business* yang berkenaan dan juga tentang yang lebih penting lagi kepentingan-kepentingan terutama sekali di kalangan petani kita. Sebagai contohnya, saya juga ada mengemukakan kalau apa pun yang berlaku selepas ini, kepentingan misalnya kemungkinan dicadangkan pihak-pihak seperti NAFAS, seperti NEKMAT dan sebagainya diberikan kembali hak mereka berada dalam struktur BERNAS yang akan distrukturkan kembali dan berikan kami sedikit masa untuk mendapatkan yang terbaik daripada soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang lain yang saya sebutkan tadi tentang soal MyBeras misalnya. Ya, pada pandangan asalnya ialah selepas kita menghentikan program ST15 di mana terdapat beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah-masalah yang sentiasa ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini, kita cuba mencari jalan, bagaimanakah untuk membantu di kalangan rakyat yang termiskin dalam negara kita dan ada isu yang kita dapatkan daripada senarai yang dikemukakan oleh eKasih lebih kurang 80,000 hingga 100,000 orang tetapi bila sampai ke peringkat pelaksanaan, terdapat perkara-perkara yang dikaitkan dengan integriti senarai yang dikemukakan. Ini ada masalah. Sebab itu pihak kami terus bercakap dengan kementerian-kementerian lain termasuk kementerian yang bertanggungjawab mengenai kebajikan masyarakat untuk selain daripada mengemaskinikan senarai yang disebutkan, untuk terus mengenal pasti. Sekiranya ada di kalangan rakyat yang termiskin dalam negara kita lapar misalnya, kita akan terus berhubung dengan pihak yang berkenaan.

Begitu juga tentang kenaikan BR1M dan sebagainya, ianya adalah sebahagian daripada program yang dibuatkan bagi membantu mereka-mereka yang termiskin supaya kita tidak mahu satu program baru yang dibuat, ia ada menimbulkan kesan-kesan yang negatif misalnya kalau diandaikan bahawa orang yang berpendapatan di bawah RM700 ataupun RM740 yang menerima Program MyBeras, mungkin timbul keresahan di kalangan mereka yang berpendapatan RM750. Dia katakan, "*Apa bezanya saya dengan yang berpendapatan RM740, saya cuma RM10 lebih*". Jadi, ini perkara yang memerlukan soal pendalaman daripada segi melihat dan penelitian dan sebagainya dan kita rasakan bahawa sehingga sekarang walaupun program pada asalnya sudah bersedia untuk dilaksanakan, ia tidak dapat dilaksanakan lagi. Saya kira Yang Berhormat ada lagi perkara lain yang selain daripada MyBeras.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: MyBeras, yang sama. Yang Berhormat Menteri, perkara ini telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri semasa ucapan Bajet Pengubahsuaian (*restructuring*) dan pada masa itu, memang dinyatakan bahawa program itu akan dilaksanakan pada bulan Mac. Program ini pun pada asalnya diberi *planning* untuk sampai ke bulan Disember sahaja dan kita dimaklumkan beberapa kali bahawa ini telah pun *dipostpone*, ditangguhkan dan tak boleh dijalankan dan akhirnya kita diberitahu bahawa program ini telah pun sepenuhnya dibatalkan, *totally cancel*.

Now, saya boleh faham situasi Kementerian Pertanian tentang masalah yang telah pun dikemukakan dan diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri *but we are also very frustrated because* apabila ST15 ini yang menggunakan beratus-ratus juta ringgit setahun untuk sejak 2009 dilaksanakan dengan sebegitu banyak ketirisan sehingga ditamatkan, pada masa itu pun tidak ada program gantian pada masa itu dan apabila MyBeras dilancarkan, juga tidak boleh dilaksanakan.

Jadi, bagaimana Kerajaan Barisan Nasional boleh menjelaskan kepada rakyat khususnya golongan miskin tegar *you know*, apakah bantuan yang harus diberikan kepada mereka khusus daripada segi beraslah, *not BR1M. We are not talking about BR1M, we are talking about beras and* ini memang dalam kawalan kementerian Yang Berhormat. *So, we must have a substitute plan, we cannot now wait and say okay* kita tunggu lagi dua tiga bulan, enam bulan. Apa yang akan berlaku selepas itu? *I can understand* Yang Berhormat punya *frustration but the rakyat frustration is also there*, Yang Berhormat. Harap boleh jelaskan.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana memahami apabila kita ingin melaksanakan kerana kita juga tidak mahu keseronokan sekiranya kita dapat memberi. Tidak ada apa yang menjadikan keseronokan bagi kita ialah kalau kita dapat memberi kepada orang lain. Sebab itu asalnya matlamat walaupun daripada ST15 kepada MyBeras untuk memberi tetapi kita tidak mahu apabila kita memberi, berlaku lagi kekecewaan bagi mereka yang merasakan mereka layak tetapi mereka tidak mendapatkannya.

Sebab itu sebuah kerajaan yang besar, dia tidak hanya melihat tentang soal beras sebagai beras tetapi ialah untuk meningkatkan keupayaan rakyat terutama sekali mereka yang miskin untuk keluar daripada garis kemiskinan ataupun menyelesaikan perkara-perkara yang asas. Misalnya kalau dikatakan nelayan, isu dulu memang ada nelayan yang miskin sampai tak mampu untuk beli beras pada waktu musim tengkujuh misalnya. Kerajaan tak beri beras kepada mereka tetapi memberikan elaun sara hidup sebanyak mula-mula RM200 selepas itu ditingkatkan kepada RM300 dan sepatutnya

tidak ada lagi nelayan yang waktu musim tengkujuh ataupun pada waktu mereka tidak dapat menangkap ikan, mereka susah sehingga tidak dapat makanan asas seperti beras kerana jumlah yang diberikan itu lebih daripada mencukupi.

Jadi soalnya sekarang ini apakah semestinya kalau saya cadangkan supaya kita beri beras, beras kepada mereka yang pendapatannya yang di bawah pada garis kemiskinan yang saya sebutkan tadi mencukupi pada mereka ataupun ada isu-isu lain misalnya yang berkaitan dengan semestinya kita beri beras ataupun meningkatkan pendapatan yang lain.

■1450

Oleh sebab itu pada pandangan bahawa kita tingkatkan sedikit BR1M yang diberikan dan sebahagiannya sekurang-kurangnya dapat digunakan untuk beli beras ataupun perkara yang dikaitkan. Jadi itu yang keputusan yang dibuat kemudiannya. Terima kasihlah dalam soal ini. Saya katakan saya tidak mahu untuk memanjangkan perkara ini sekiranya ini dianggap sebagai kesilapan daripada pihak saya mencadangkan perkara ini, ini adalah sesuatu yang saya mengambil tanggungjawab tentang sebelum ini. Walau bagaimanapun saya sentiasa mengingati kementerian bersama dengan kementerian-kementerian lain untuk sentiasa melihat di kalangan masyarakat bawahan. Sekiranya ada dalam negara kita ini terdiri dari orang yang benar-benar miskin, yang terpaksa mengikat perutnya maka ini tanggungjawab pelbagai pihak yang lain. Dari segi organisasi kemasyarakatan kita, peringkat akar umbi dan sebagainya untuk memaklumkan kepada kami dan kami akan menyelesaikannya.

Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih banyak di atas penglibatan yang diberikan. Saya katakan ada beberapa cadangan yang lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Alor Setar, saya sentiasa menghargai. Beliau menunjukkan kepekaan...

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Menteri hendak mencelah sedikit?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Boleh sedikit?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat Parit pun ada tanya tetapi itu bersifat *straight forward, IADA di...*

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Boleh dipertimbangkan?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Itu akan kita pertimbangkan.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Saya akan terus beritahu kepada Yang Berhormat tentang perkara ini.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Kemudian yang kedua Tuan Yang di-Pertua, sedikit Menteri. Fasal BERNAS bila pemotongan mutu padi. Bendang yang sama, lori yang berbeza. Lori depan potong lima *percent*, lori belakang 50 *percent*. Jadi macam mana sistem pemotongan itu dibuat oleh BERNAS yang berbeza Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, seorang pesawah ada hak untuk menghantar ke mana-mana kilang yang dia rasakan selesa. Bahkan ada juga sistem di setengah-setengah tempat itu mereka boleh menghantar kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang berkenaan. Ianya adalah merupakan sebagai seperti koperasi yang dimiliki oleh pesawah itu sendiri dan mereka akan membuat pemutuan. Mereka gunakan menjadi pusat belian dan mereka akan hantar kepada tempat yang lain, itu adalah milik mereka sendiri. Jadi tidaklah dikatakan bahawa hanya BERNAS sahaja tempat yang mereka perlu hantar, mereka tidak puas hati mereka boleh buat di tempat lain.

Namun begitu pihak kementerian sudah mengarahkan kepada bahagian Industri Padi dan Beras Negara untuk melihat soal isu yang berkaitan dengan pemutuan ini sebagai suatu yang serius untuk dibangunkan. Satu kaedah dan mekanisme yang boleh diguna pakai, yang mempunyai integriti yang lebih tinggi, yang boleh memuaskan hati semua pihak. Ini kerana dalam industri ini bukan sahaja pengeluar, dalam rantaianya bukan sahaja pengeluar. Di kalangan pesawah, di kalangan orang yang menyediakan baja, menyediakan benih dan di kalangan pengilang-pengilang. Sekiranya pengilang tidak dapat membuat potongan di atas padi yang sememangnya kualitasnya rendah misalnya. Kilang ini juga akan berhadapan dengan masalah.

Oleh sebab itu apa yang berlaku di Kelantan misalnya, satu ketika dahulu Kelantan mempunyai 16 kilang padi. Akan tetapi apabila harga padi dinaikkan dan tidak boleh kenakan pemutuan yang sepatutnya maka mereka tidak boleh menjual padi mereka dengan harga yang sepatutnya dan mereka terpaksa tutup. Apabila mereka terpaksa tutup maka hanya BERNAS yang dipaksa oleh pihak kerajaan untuk berada di situ sebagai pembeli yang terakhir. Di kalangan pesawah juga yang rasakan bahawa mereka tidak ada pilihan melainkan BERNAS. Jadi sebab itu isu-isu yang berkaitan dengan soal industri padi ini bukan sahaja di kalangan pengeluar tetapi juga di kalangan pengilang, di kalangan mereka yang berada dalam sistem rangkaian ini.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat minta maaf ya. Berkenaan isu yang sama. Saya difahamkan oleh pengilang-pengilang Melayu bahawa masalahnya bukan harga padi tetapi masalahnya sekarang mereka tidak beli sebab lambakan yang disebabkan oleh beras import. Jadi mereka tidak dapat – apabila ini

berlaku dan pengilang-pengilang tidak boleh jual beras mereka kepada pemborong-pemborong. Maka mereka mengenakan pemotongan yang tinggi ke atas pesawah padi. Ini semuanya mempunyai rantaian *connection* sampailah kepada pesawah padi yang sekarang pendapatan mereka dikurangkan sebanyak 20 peratus sampai 30 peratus hasil pendapatan mereka sebab pemotongan yang cukup tinggi. Ini disebabkan seperti yang pengilang-pengilang Melayu memberitahu saya disebabkan oleh BERNAS. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri atas isu ini?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendengar aduan ini tetapi ia adalah bersifat sementara pada waktu tersebut. Kalau dalam istilah pertanian dikata kadang kalanya *post harvest pressure*, bila *harvest* itu terlalu banyak ada kilang-kilang yang tidak dapat untuk terus mengilang padi yang dihantar dan terus hantar kepada pasaran, ada berlaku *back log* dan ia berlaku pada satu ketika. Akan tetapi sekarang ini kita katakan bahawa ia tidak berlaku. Jadi soal BERNAS melambakkan misalnya beras import itu tidak benar kerana beras import tidak boleh dijual dengan harga yang lebih murah daripada harga beras yang dikeluarkan oleh pesawah kita.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri, *I just* hendak tanya sebab yang saya dengar itu BERNAS menjual beras import lima peratus kepada pemborong di bawah harga RM2,550 satu setan. Adakah itu benar? Ini sebab yang saya difahamkan harga pasaran runcit iaitu RM2.60 *for local rice*.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya kalau sekiranya berlaku tolong berikan maklumat kepada kami. Senang buat *police report* kerana ianya adalah bercanggah daripada peraturan yang kita berikan. Sekiranya ada orang menjual beras import lebih rendah daripada beras yang dihasilkan dalam negara. Ianya dari segi dasarnya tidak dibenarkan sekiranya ia berlaku tolong buat satu laporan polis kita boleh siasat dan kita akan ambil tindakan.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri untuk penjelasan. Sekiranya pengilang ataupun BERNAS dalam kes ini menjual beras kepada pemborong di bawah harga RM2.60 atau RM2,600 satu tan, itu adalah satu kesalahan. Benar?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. *Insyah-Allah* perkara-perkara yang lain kita akan, saya berikan jawapan pada Ahli Yang Berhormat yang ingin mendapatkannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan.

2.58 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Brig. Jen. Khairy Jamaluddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon panduan Tuan Yang di-Pertua tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu Kementerian Belia dan Sukan yang ada dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh panjangkan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya kita pernah buat ini Yang Berhormat kalau itu yang Yang Berhormat pilih untuk buat.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Saya cuma hendak pastikan bahawa kementerian yang seterusnya ada. Ada? Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada ucapan saya jawab seketika dahulu sementara menunggu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey sila.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Pertamanya terima kasih kepada Yang Berhormat Gerik kerana sudi menyokong hasrat kementerian untuk mewujudkan 50 peratus rakyat berbudaya sukan menjelang tahun 2020. Untuk makluman Hari Sukan Negara telah ditetapkan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Hari Sukan Negara dijadikan agenda nasional yang merangkumi penglibatan dan penyertaan segenap lapisan masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi tanpa mengira usia, bangsa, agama, ideologi dan fahaman politik.

■1500

Pelaksanaan Hari Sukan Negara ini menggariskan lima objektif iaitu:

- (i) meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bersukan bagi mewujudkan masyarakat yang cergas, sihat dan aktif;
- (ii) memupuk dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum;
- (iii) menggalakkan pembangunan ekonomi negara melalui industri sukan;
- (iv) meningkatkan pengetahuan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia; dan
- (v) memberi pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti membangunkan sukan di peringkat akar umbi.

Untuk makluman Yang Berhormat, sambutan Hari Sukan Negara kali pertama telah berjaya dilaksanakan pada 10 Oktober 2015 dengan jumlah penyertaan seramai

lima juta lebih orang dengan mengambil kira penglibatan seramai satu juta orang daripada sekolah-sekolah tambahan dari seluruh negara. Pada tahun ini, Hari Sukan Negara disambut pada 8 Oktober 2016, dan mencapai penyertaan sehingga 7,658,899 orang dan 26,323 program di seluruh negara termasuk di peringkat negeri, Parlimen, daerah dan kampung.

Program Berjalan 10,000 Langkah merupakan cetusan idea dari Kementerian Kesihatan yang sememangnya disokong sepenuhnya oleh Kementerian Belia dan Sukan dan bagi memastikan semua lapisan masyarakat untuk kekal sihat serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan tercapai. Penglibatan secara langsung oleh setiap kementerian dan agensi-agensi kerajaan adalah wajar dan perlu dilaksanakan khususnya dalam program-program kecergasan.

Untuk makluman Yang Berhormat Gerik, sukan memanah adalah merupakan salah satu sukan yang telah dipilih sebagai sukan teras oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan sejak tahun 2004 lagi. Sukan ini telah pun mencapai kejayaan yang cemerlang di peringkat antarabangsa, melalui pemanah-pemanah seperti Mon Redee dan Muhammad Marbawi Sulaiman yang berasal dari Pengkalan Hulu di bawah kawasan Gerik dan juga Cheng Shu Siang, Wan Mohd Kalmizan Wan Abd Aziz, Khairul Anuar Mohamad, Haziq Kamaruddin, dan Muhammad Akmal Nor Hasrin. Atlet-atlet memanah negara juga telah menyertai Temasya Sukan Olimpik pada tahun 2004, 2008, 2012 dan 2016.

Manakala sukan tinju telah disenaraikan dalam program pelapis Majlis Sukan Negara sejak tahun 2007, bagi mengenal pasti atlet-atlet yang akan menggantikan atlet senior yang cemerlang di peringkat Asia Tenggara pada ketika itu seperti Eddy Kalai, Zamzai Azizi, Fernandez Paulus dan Muhammad Farkhan Mohd Haron.

Majlis Sukan Negara yang melaksanakan program pembangunan sukan memanah dan tinju seluruh negara sedang melatih 668 atlet sukan memanah dan 355 atlet sukan tinju di peringkat bakat pelapis negeri, pelapis serantau dan pelapis kebangsaan. Sukan-sukan ini juga turut dipertandingkan di Sukan Malaysia, yang juga merupakan salah satu platform bagi mengenal pasti atlet-atlet di peringkat pelapis. Sukan memanah dan tinju juga telah diserapkan ke dalam Program Kita Juara sebagai persediaan atlet kita ke Temasya Sukan SEA di Kuala Lumpur dengan jumlah atlet seramai 17 atlet sukan memanah dan enam atlet sukan tinju.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, KBS buat masa ini tiada perancangan untuk pada waktu ini menaik taraf stadium yang ada di Kapit dan tiada perancangan untuk membina stadium baru di Belaga. Namun demikian, KBS bersedia untuk melihat semula kemudahan tersebut yang terdapat di Kapit dan Belaga untuk di

naik taraf bagi memastikan ianya dapat digunakan oleh penduduk tempatan. Seterusnya mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan di peringkat yang lebih tinggi saya sendiri akan memberi perhatian kepada isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selebihnya saya akan menjawab secara bertulis.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya Yang Berhormat Menteri sedikit? Habis sudah, boleh tanya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pendek saja Yang Berhormat Menteri. Nombor satu, pandangan saya sampai masa kita ada universiti sukan. Keduanya, *eSport* ini satu sukan yang paling berkembang paling cepat sekarang. Adakah kerajaan bercadang nak buat *framework* untuk *eSport* ini dan— itu dua dah cukup. Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Pertama saya setuju dan saya akan usulkan cadangan tersebut kepada pihak Jemaah Menteri— universiti sukan. Saya rasa tepat pada waktu dan masa bergantung kepada kemampuan kerajaan untuk kita memikirkan penubuhan sebuah universiti sukan. Kedua, saya telah minta sebuah Persatuan *eSport* didaftar di bawah Jabatan Pesuruhjaya Sukan Negara dan kita sedang merangka satu *framework* untuk kita kawal selia dan membantu pembangunan tersebut.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sikit lagi, sikit. Cuma *eSport* tadi Yang Berhormat Menteri, sekarang ini pun ada *tournaments* yang bersifat antarabangsa dan kita tahu ada peserta kita, kelab kita, pasukan kita menang Fnatic, *world champion*. Akan tetapi apabila mengadakan program-program *tournament* ini, ada cerita kononnya bayaran tidak sampai, hadiah tidak sampai. Jadi perkara-perkara macam ini yang kita harap dapat elakkan supaya tidak menjadi satu kekangan atau *negativity* untuk perkembangan sihat sukan ini. Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Oleh sebab itu dalam peraturan di bawah Akta Pembangunan Sukan nanti kita akan masukkan *eSport* supaya kita dapat kawal selia dari segi penganjurannya. Kita dapat memastikan bahawa penganjuran di dalam negara dapat mematuhi segala pembayaran hadiah dan sebagainya. Di luar negara itu, di luar kawalan Kementerian di bawah Akta Pembangunan Sukan. Akan tetapi yang berlaku di dalam negara, *insya-Allah* kita akan dapat kawal melalui pindaan kepada jadual sukan yang bakal dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong ada di sini. Tadi saya tak nampak dia. Yang Berhormat Lenggong antara lain telah membangkitkan isu yang ada kaitan dengan program Transformasi Nasional 2050 ataupun TN50. Kementerian Belia dan Sukan sedang merangka kaedah dan pelaksanaan TN50 dengan memastikan penglibatan semua peringkat dan lapisan masyarakat termasuk pertubuhan bukan

kerajaan, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, wakil-wakil rakyat dan terutamanya golongan muda di peringkat umbi.

Program TN50 ini akan digerakkan secara holistik bagi mendapatkan pandangan dan idea anak muda berkaitan hala tuju, pembangunan negara pasca Wawasan 2020 dengan berpaksikan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan kontrak sosial. Semua pandangan dan idea anak muda akan diteliti dan disusun mengikut sembilan bidang keutamaan belia dalam Dasar Belia Malaysia dan akan menghasilkan satu kanvas anak muda harapan untuk tahun 2050. Kanvas ini akan menjadi rujukan kepada kerajaan dan rakyat sebagai panduan utama dalam memacu pembangunan dan hala tuju negara menjelang tahun 2050. Dalam menjayakan pelaksanaan TN50, keterlibatan serta sumbangan masyarakat belia adalah penting dalam mengerakkan pelbagai program yang dibahagikan kepada empat fasa iaitu *pre-activation*, *activation*, *intermediate* dan *advance* bermula tahun ini hingga tahun 2018.

Setakat ini sahaja Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

3.07 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Panglima Madius Tangau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, dalam perbahasan Bajet 2017 yang menyentuh isu-isu berkaitan sains, teknologi dan inovasi dan perkara-perkara yang lain yang di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Yang Berhormat Parit Sulong telah mencadangkan supaya Kementerian Sains, dan Teknologi mengambil inisiatif terutama sekali dalam hal-hal berkaitan dengan ekonomi korporat kolaboratif dan cadangan Yang Berhormat Parit Sulong ini adalah tepat pada masanya. Beliau telah membangkitkan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mempersiapkan negara untuk menyahut pendekatan ekonomi kolaboratif agar ekonomi negara menjadi kompetitif.

Salah sebuah negara yang berjaya melonjakkan ekonominya melalui pengetahuan sains dan teknologi tinggi ialah Republik Korea. Pada tahun 1960,

pendapatan per kapita negara adalah setara dengan Republik Korea di mana Malaysia ketika itu adalah USD300, manakala pendapatan per kapita Republik Korea adalah USD157. Namun begitu pada tahun 2015, apabila pendapatan per kapita Malaysia adalah lebih kurang USD10,000 pendapatan per kapita Republik Korea pula telah melonjak kepada satu angka yang begitu menakjubkan iaitu lebih kurang USD25,000.

Apa yang kita telah pelajari atau pun *lesson learnt* melalui beberapa siri lawatan saya ke Korea termasuk baru-baru ini ke beberapa institusi bawah Kementerian Science, ICT and Future Planning, Korea. Saya melihat bahawa Malaysia perlu memperkasa tiga perkara utama seperti mana yang dilaksanakan oleh pihak kepimpinan Republik Korea sejak tahun 1960. Pendekatan strategik ini ialah menjadikan mereka antara negara-negara yang paling berjaya ketika ini.

■1510

Tiga perkara yang saya maksudkan ini ialah:-

- (i) penumpuan Kerajaan Republik Korea dalam pembangunan bakat STIA atau STI Talent Development.
- (ii) tumpuan kepada pembangunan pengetahuan STI menerusi penyelidikan, pembangunan, dan mengkomersialkan.
- (iii) bagi saya ini adalah nilai yang paling penting di mana kita melihat Kerajaan Republik Korea menerapkan nilai-nilai nasionalisme yang tinggi untuk bangga dengan teknologi dan produk tempatan sehingga membolehkan generasi muda Republik Korea berani berinovasi dengan falsafah '*High Risk, High Return*'.

Bagi memastikan ekonomi negara tidak ketinggalan di era revolusi industri 4.0, MOSTI telah menyusun beberapa langkah strategik agar negara bersedia meneroka bidang pendekatan ekonomi kolaboratif untuk terus kompetitif dan stabil demi kesejahteraan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selama setahun saya menerajui agenda sains, teknologi dan inovasi negara. Keutamaan saya adalah untuk menyediakan ekosistem yang terbaik dalam menggembelngkan semua sumber yang ada bagi memperkasakan R&D *value change framework* iaitu bermula daripada penjana idea, pembangunan ilmu baru dan seterusnya kepada aktiviti mengkomersialkan. Sebagai *the way forward*, MOSTI telah mengambil langkah strategi berikut;

Pertama, dalam peringkat akhir pengumpulan inisiatif *Foresight Malaysia 2050*. Tuan Yang di-Pertua, bagi pengetahuan Dewan yang Mulia ini, MOSTI sedang giat

melaksanakan inisiatif *Foresight Malaysia 2050* untuk mengenal pasti trend mega dan risiko global yang memberi kesan kepada Malaysia dalam masa 35 tahun akan datang.

Kedua, membangunkan pelan induk STI negara iaitu bermula tahun 2020 hingga tahun 2030 untuk memperkukuhkan pendapatan STI - '*fore' policy and policy for STI*. Ini merupakan kali pertama dalam sejarah negara kita di mana MOSTI sedang dalam proses menghasilkan Pelan Induk STI negara ataupun *STI Master Plan* untuk mengkaji kesemua 87 dasar negara yang sedia ada. Ini akan membolehkan negara membentuk visi dan aspirasi nasional dalam menyahut cabaran masa hadapan.

Langkah strategik seterusnya adalah untuk membangunkan bakat STI melalui Pelan Tindakan **STEM** Kebangsaan. MOSTI berusaha mengarusperdanakan inovasi untuk mencapai bakat yang berkemahiran tinggi seperti kemahiran pengaturcaraan ataupun *programming*, ICT dan '*Big Data Analytics*'. Kemahiran strategik ini adalah penggerak utama negara untuk memacu ekonomi kolaboratif. Saya percaya dengan adanya lebih ramai rakyat yang berinovasi, ekonomi negara akan lebih berkembang.

Oleh yang demikian dalam pembangunan bakat, pembangunan Pelan Tindakan STEM Kebangsaan adalah satu lagi langkah yang diambil oleh MOSTI, Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan penawaran dan projek berkemahiran tinggi memenuhi kesiapsiagaan keperluan industri serta institusi penyelidikan. Kita perlu melihat modal-modal insan ini dari rangkaian yang lengkap bermula dari peringkat membangun, memupuk dan menggilap bakat ataupun *to develop harness and intensify talent*.

Peranan dimandatkan kepada MOSTI oleh Majlis Sains Negara pula. Ini adalah bertujuan untuk memastikan modal insan negara dirancang dengan teliti dalam erti kata lain memupuk pembangunan modal insan *by design and not by chance*. Dalam bajet 2017, yang baru dibentangkan, kementerian saya ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meluluskan peruntukkan sebanyak RM570 juta bagi menaik taraf 1,800 makmal sains di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Saya percaya ini adalah penting dalam usaha kita memupuk pembangunan modal insan khususnya daripada aliran sains *by design and not by chance*.

Tuan Yang di-Pertua, kesinambungan dari tahun 2016 sebagai tahun mengkomersialkan Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan tahun 2017 sebagai tahun *Startup and SME Promotion* dengan jumlah peruntukan permohonan peruntukkan *startup* dan PKS sebanyak RM6.7 bilion. MOSTI menyokong pengisytiharan ini kerana kita perlu menyokong kemunculan *startup* terutamanya yang menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berasaskan teknologi

tinggi. Ini adalah tulang belakang kepada agenda ekonomi kolaboratif dan menyahut cabaran revolusi industri keempat.

Bagi memastikan pelaburan kita kepada *Startup and SME* berkesan dan berjaya memberi impak besar kepada ekonomi, negara perlu mewujudkan ekosistem dan platform yang kukuh. Saya percaya Malaysia perlu membangunkan ekosistem yang boleh memudahkan pembangunan *startup* seperti mana yang wujud di Republik Korea. Kini negara tersebut mempunyai pusat khusus di setiap *province* yang memupuk *startup* dan menyediakan fasiliti inkubator kepada purata lebih dari 800 *startup* yang muncul setiap hari.

Kita harus mempelajari daripada *Centre of Creative Economy and Innovation* Korea untuk memastikan usahawan Malaysia dapat bersaing di peringkat global. Saya ingin menegaskan di sini, MOSTI berada di kedudukan yang penting dalam merealisasikan kejayaan *Startup dan SME negara*. Saya menyatakan sedemikian kerana peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi di bawah pimpinan saya, contohnya Akademi Sains Malaysia dan kajian *foresight* mereka untuk mengenal pasti industri penting masa depan. Agensi seperti MTDC, MEDSCAPE dan modal perdana yang menyediakan dana untuk *startup dan SME*.

Selain itu, untuk pengetahuan Dewan yang Mulia ini, satu lagi inisiatif MOSTI untuk membantu pembangunan ekosistem *startup* adalah melalui Makmal **Big Data Iodic Technology Acceleration** atau..... yang telah ditubuhkan di MIMOS untuk menyokong pihak industri dan akademia untuk menguji aplikasi dan alatan 'iodin'. Platform ini berjaya membawa iaitu industri akademia kerajaan komuniti bersama dan membolehkan aplikasi LP dengan lebih pantas. Antara penggunaannya ialah agensi kerajaan seperti NAHRIM, GPS, Startup sebagai contoh *Intelligent Chiller Energy Efficiency Control System* yang dibangunkan oleh *iCEE International Sdn Bhd*. telah diuji keberkesanannya di *Battic's lab* untuk menghasilkan produk yang telah dikomersialkan di rantau ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melonjakkan ekonomi negara, kita perlu memperbanyakkan syarikat yang mengguna pakai teknologi tempatan untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan. Kita perlu mempertahankan ekosistem marin negara untuk membolehkan pengkomersialan output RND secara lebih berkesan. Selama setahun ini banyak perkara yang telah saya pelajari dan fahami mengenai ekosistem STI negara. Saya berpendapat bahawa terdapat banyak peluang untuk STI di Malaysia maju ke hadapan dan memacu pembangunan ekonomi negara. Dalam konteks ini saya ingin berkongsi beberapa kejayaan ataupun *success story* hasil penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan tempatan yang menjadi kebanggaan kami di

MOSTI. Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh *startup* negara kita telah di sokong oleh agensi-agensi di bawah pimpinan saya.

Success story number one, Cell Tissue Technology Sdn Bhd (CTT) ialah sebuah syarikat *startup* yang dilahirkan pada tahun 2013 melalui program UKM-MTDC *Symbiosis* dan dibiayai oleh dana pengkomersialan hasil R&D yang diurus oleh MTDC bagi pihak MOSTI. Syarikat yang diterajui oleh Dr. Khairul Idzwan Dato' Baharin mengkomersialkan MyDerm atau iaitu hasil penyelidikan selama hampir 10 tahun oleh saintis Pusat Kejuruteraan Tisu, Universiti Kebangsaan Malaysia yang diketuai Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Rozaima Idris. MyDerm telah mendapat pelbagai pengiktirafan daripada dalam dan luar negara dan juga telah dipatenkan sejak tahun 2008. Ujian klinikal telah berjaya disempurnakan baru-baru ini dan MyDerm ini telah bersedia untuk dikomersialkan.

Cell Tissue Technology Sdn. Bhd adalah salah satu bukti kejayaan Program Simbiosis MTDC yang juga dikenali sebagai Program Keusahawanan Graduan Berteknologi MTDC adalah program *startup* yang menjadi platform bagi mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan universiti dan institusi penyelidikan tempatan melalui syarikat *startup* yang diterajui dan dimiliki oleh graduan.

■1520

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, MTDC menyasarkan sekurang-kurangnya 150 usahawan berteknologi akan diwujudkan, 50 syarikat simbiosis akan ditubuhkan dan 50 teknologi tempatan akan dikomersialkan.

Success story number two. Baru-baru ini syarikat yang disenaraikan di NASDAQ, Chembio Diagnostics Incorporated mengambil alih 100 peratus pegangan dalam RVR Diagnostik Sdn. Bhd.. RVR merupakan syarikat permulaan berteknologi yang dibiayai oleh MTDC bagi membangunkan ujian *point of care* dan penyelesaian terhadap penyakit-penyakit utama yang menjadi ancaman kepada Malaysia dan seluruh dunia. Chembio pula berfungsi untuk membangun, mengeluarkan, melesen dan memasarkan ujian diagnostik serta teknologi POC bagi mengesan penyakit berjangkit dengan sasaran meningkatkan taraf kesihatan.

Menurut Ketua Eksekutif MTDC, pengambilalihan ini mencerminkan keupayaan syarikat berteknologi tempatan berkembang menjadi syarikat bertaraf dunia. Tambahan beliau, kita melihat pembelian RVR oleh Chembio bukan sahaja dari sudut kejayaan RVR dan MTDC malah lebih penting lagi dari aspek impaknya kepada negara. Pembelian ini adalah satu kejayaan kepada usaha kerajaan selama ini dalam membentuk ekosistem setaraf yang mana terbukti bukan sahaja syarikat berteknologi

tinggi dari Amerika mengambil alih syarikat tempatan kita tetapi sekali gus menjadikan Malaysia sebagai hab pertama mereka di luar Amerika Syarikat. Selanjutnya, pengambilalihan ini juga adalah pengiktirafan kemampuan kepakaran pakar tempatan dalam bidang bioteknologi di mana penyelidik RVR adalah kebanyakannya dari graduan universiti tempatan.

Kedua-dua *success story* ini menunjukkan bahawa pendekatan STI mampu memberi penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh negara dan seterusnya membuka peluang untuk pertumbuhan industri tempatan yang baru. Inilah yang saya maksudkan di sepanjang ucapan saya pada hari ini akan kepentingan pembangunan ekosistem yang terbaik bagi memupuk *start-up* dan memantapkan SME di Malaysia. Inilah MOSTI yang sentiasa, dengan izin, *the cultivate the culture of think science, celebrate technology and inspire innovation. This is the way for Malaysia 2050.*

Tuan Yang di-Pertua, menjadi kepentingan STI dalam memacu ekonomi baru negara dan kesejahteraan masyarakat dan adalah sangat penting bagi negara memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti R&D. Ini dapat direalisasikan melalui peruntukan R&D yang mencukupi yang jauh lebih besar. Oleh sebab itu, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tenom bahawa negara kita perlu menyalurkan lebih banyak peruntukan untuk penyelidikan, lebih-lebih lagi untuk melaksanakan *economy collaborative* dan bagi memastikan ekonomi negara lebih kompetitif di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, MOSTI juga memainkan peranan utama dalam mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang SNT seperti bioteknologi, nanoteknologi, nuklear, ICT, keselamatan siber termasuk juga R&D dalam bidang tenaga, air dan alam sekitar. Dalam pada itu, MOSTI juga melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan bakat dan mengukuhkan kepakaran dalam bidang ICT. Langkah ini bertujuan menyokong agenda R&D...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, minta.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Silakan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin bertanya tentang sama ada, ada atau tidak R&D di bidang perubatan tradisional? Ini kerana negara kita mempunyai banyak herba-herba dan juga fauna dan flora dan kita banyak mengimport bahan-bahan herba dari luar negara. Saya cuba bagi contoh sahajalah. Misalnya sedikit masa dahulu buah mengkudu, kita ada banyak pokok mengkudu tetapi akhirnya kita mengimport noni, satu minuman kesihatan dari Haiti. Sekarang ini kunyit ataupun kurkum, itu pun sudah menjadi satu *alternative medicine* di

dalam mengubati radang dan sebagainya. Jadi sejauh mana MOSTI terlibat dalam penyelidikan perubatan tradisional dan herba? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Kita memang juga membuat penyelidikan untuk perubatan-perubatan tradisional dan banyak sudah yang dikomersialkan, malah ada produk-produk contohnya daripada tongkat ali, daripada kacip fatimah dan sebagainya yang sudah pun dikomersialkan di bawah bioekonomi.

Apa yang penting sekarang bagi MOSTI ialah bagaimana kita mahu menjenamakan produk-produk ini supaya dia menjadi *national signature brand for Malaysia* seperti mana di Korea, ginseng sudah menjadi satu *national brand* dan seolah-olah ginseng tidak terdapat di mana-mana buah negara hanya terdapat di Korea sedangkan di Sabah pun ada ginseng juga. Begitu juga dengan herba-herba tradisional kita, memang banyak potensi malah beberapa paten sudah kita dapati dan proses sekarang ini ialah untuk pengkomersilan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih. Tambahan ya. Saya rasa ingin saya cadangkan supaya ada kolaborasi di antara MOSTI dengan Kementerian Kesihatan kerana saya ada bertanya kepada beberapa orang yang melakukan penyelidikan, kalau mungkin Yang Berhormat mengenali Dr. Ghani Hussain, yang ada buat penyelidikan herba-herba tradisional ini.

Cuma, bila kita singkapkan maknanya, sepatutnya Kementerian Kesihatan kita menjadi pelanggan kepada produk-produk ini dan kemudiannya diguna sebahagian daripadanya produk untuk penjagaan kesihatan jangka panjang. *Not for acute* mungkin, mengubati penyakit yang *acute* tetapi untuk penjagaan kesihatan yang panjang seperti yang selalu disebut oleh Yang Berhormat Alor Star, sekarang ini *virgin coconut oil* dan banyak lagi. Selagi tidak ada kerjasama di antara MOSTI dengan Kementerian Kesihatan, saya nampak produk kita itu tidak akan mendapat pengiktirafan arus perdana dalam perubatan Malaysia. Terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. *All along the same line*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, saya dalam satu lawatan ke Australia, saya pergi melihat di Gold Coast satu ladang dipanggil *scientific orchard*. Apabila mereka berbicara dengan mereka, mereka bertanya dengan saya— mereka cuba menanam semua jenis pokok buah-buahan Malaysia di sana. Dia tanya sama saya, *“Do you know what fruit from Malaysia that no insect can penetrate into it?”* Saya tidak tahu sama ada Menteri tahu tidak, ada buah di Malaysia ini dia kata tidak akan jumpa ulat masuk ke dalamnya.

Saya pun hairan. Akhirnya dia menyatakan bahawa buah itu adalah *mangosteen*. Jepun dan Amerika membuat kajian bahawa buah manggis inilah adalah *the only fruit* yang tidak dapat ulat *penetrate* kerana ada enzim dalam buah itu, *the inner lining*.

Jadi saya percaya seperti mana Yang Berhormat Kota Raja katakan, *I think we have to* mempergiatkan kita punya *research* khususnya di dalam unsur-unsur perubatan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Terima kasih. Sebenarnya kita di MOSTI sedar dan tahu buah manggis ini. Cabaran kita sekarang ialah— kita sudah mahu mengkomersialkan. Sudah ada syarikat yang mengkomersialkan di bawah bioekonomi. Cabaran kita sekarang ialah bagaimana kita mendapatkan bahan-bahan mentah dia sebab hari ini manggis ini hanya ditanam di belakang rumah. Dia belum lagi ditanam secara ladang. Jadi, kita sebenarnya sudah tahu dan terima kasih di atas cadangan itu.

Apa yang penting ialah dalam soal kolaborasi— untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Kota Raja— kolaborasi di antara kementerian-kementerian hari ini kita sedang berurusan kerana dengan penubuhan Majlis Sains Negara, kita boleh bentangkan pelbagai isu yang berkaitan. Saya ambil contoh kalau selama ini *Institute of Medical Research* (IMR) menghadapi pelbagai cabaran, masalah dan sebagainya, melalui Majlis Sains Negara, mereka telah membentangkan cabaran-cabaran yang dihadapi, bagaimana kita pertingkatkan, bagaimana kita boleh menyelesaikan pelbagai cabaran. Hari ini sudah dibentangkan dan kita sedang mengatasi masalah tersebut.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu MOSTI juga melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan bakat dan melakukan kepakaran dalam bidang STI. Langkah ini bertujuan menyokong agenda R&D dan kepakaran, keperluan modal insan negara di samping mengadakan pembangunan industri berasaskan inovasi. Pembangunan dalam bidang STI secara langsung juga menyumbang kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan. Agensi di bawah MOSTI seperti Jabatan Meteorologi menawarkan perkhidmatan kaji cuaca yang berkualiti manakala agensi seperti CyberSecurity Malaysia pula memberikan perkhidmatan kepakaran khusus dalam keselamatan *cyber* dan forensik digital untuk menangani jenayah *cyber*.

Tuan Yang di-Pertua, melalui hujah yang saya bentangkan jelas menunjukkan kita berpotensi dengan izin, kita boleh *bring Malaysia to the next level*. Kita mesti mengarusperdanakan sains, teknologi dan inovasi di setiap peringkat perancangan.

Oleh yang demikian Malaysia perlu menerima dan mengguna pakai anjakan paradigma, ekonomi *collaborative* dan inovasi *destructive* untuk kekal berdaya saing dan berdaya tahan melalui pendekatan kolaborasi pelbagai pihak untuk sektor-sektor terpilih bagi membantu perkembangan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini ekonomi global sering disifatkan sebagai tidak menentu. Ini telah menyebabkan dunia meneroka strategi perkembangan terbaru yang berkesan.

Semakin banyak negara menerima pakai strategi pertumbuhan yang disokong oleh sains, teknologi dan inovasi...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Ya, silakan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan untuk mengukuhkan inovasi. Jadi saya ingin tahu kalau kita tengok dari sudut bilangan paten ataupun cap dagangan dan reka bentuk perindustrian dalam negara kita masih negara kita jauh ketinggalan masih rendah jika hendak dibandingkan oleh negara-negara maju yang lain. Saya ingin tahu sejauh mana penglibatan sektor swasta ataupun dari sudut pegawai tenaga penyelidik yang mencukupi dan juga dana yang mencukupi untuk memastikan tahap inovasi di Malaysia ini dapat dilonjakkan?

Sebab ini penting untuk masa depan negara jadi macam mana kita hendak menghasilkan hasil negara yang lebih baik masa depan sedangkan kita lihat banyak lagi kelemahan-kelemahan yang kita boleh buktikan dari sudut bilangan paten, bilangan cap dagangan dan reka bentuk kita masih rendah. Jadi sejauh mana perkara ini diatasi oleh pihak kementerian.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Saya akui bahawa jumlah dana penyelidikan memang masih rendah berbanding negara jiran. Singapura sebagai contoh dana penyelidikan dalam satu tahun SGD19 bilion berbanding dengan kita saya tak bercerita bilion. Barangkali kita belum lagi mempunyai satu kesedaran tentang pentingnya penyelidikan. Apa yang sedang kita lakukan pada hari ini ialah berkolaborasi di antara kementerian, di antara agensi dan pertamanya dari segi paten tadi. Banyak paten yang sudah difailkan dan sebagainya perlu dikomersialkan, itu harus kita akui. Di antara agensi antara kementerian dalam proses mengkomersialkan IP dan paten ini soal penilaian ini juga amat penting.

Masih ada lagi pemilik-pemilik paten yang meminta sebagai contohlah dia nak milikan 90 peratus. Kalau boleh keseluruhan, jadi ini tidak bolehlah ini kita kena atur

supaya bagaimana kita dapat komersialkan supaya semua pihak, semua *stakeholders* yang berkepentingan mendapat manfaat. Kita akui, kelemahan-kelemahan tersebut dan kita sedang menangani apa yang penting ialah semua pihak harus sedar bahawa *knowledge is the currency of the new economy*. Itu yang paling penting. Oleh itu dalam usaha untuk membawa sektor ekonomi Malaysia ke tahap yang seterusnya kita perlu memastikan percambahan perusahaan pengetahuan intensif yang memanfaatkan sains dan teknologi untuk membawa inovasi destruktif.

Dalam menerajui agenda sains, teknologi inovasi negara saya ingin menekankan bahawa STI tidak harus dilihat secara berasingan kerana STI merentasi sektor ekonomi, kementerian dan domain pengetahuan. Ia tidak boleh dilihat sebagai bidang kuasa sesebuah kementerian tertentu sahaja bahkan perlu menjadi agenda utama bagi ke semua agensi, semua kementerian. Sebab itu kita melaksanakan, membudayakan apa yang kita panggil sebagai STI populasi. Supaya STI itu diberikan keutamaan dalam semua dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kita perlu merangka strategi yang terbaik agar negara yang akan kita tinggalkan untuk anak cucu kita pada tahun 2050 mempunyai ciri-ciri pembangunan yang lestari, ekonomi yang makmur berlandaskan sains dan teknologi dan masyarakat yang harmoni bersatu padu ke arah pembentukan komuniti pintar 2050.

Sekianlah saya punya penjelasan tentang dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Tenom. Seterusnya Yang Berhormat Kuantan telah membangkitkan mengenai pengurusan *residue* oleh kilang Lynas dan lokasi *Permanent Disposal Facility*. Isu ini telah banyak kali dibangkitkan di Dewan ini dan pihak kementerian juga telah menjawab semua persoalan tersebut. Namun begitu izinkan saya sekali lagi memberi penjelasan mengenai isu ini. Pada 30 Januari 2012, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) telah meletakkan bahawa pihak Lynas Malaysia Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan perancangan pelan dan lokasi ataupun *Permanent Disposal Facility* (PDF) sebagai salah satu syarat di bawah lesen pengendalian sementara ataupun *Temporary Operating License* (TOL).

Bagi pengurusan pembuangan sisa toksik dan radioaktif dari loji kilang Lynas di Gebeng, Pahang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *residue* yang dihasilkan daripada operasi Lynas disimpan di kemudahan penstoran sementara atau *Residue Storage Facility* (RSF) di dalam premis Lynas. *Residue Storage Facility* sedia ada ini mampu menampung jumlah *residue* yang dihasilkan selama tempoh 5 tahun operasinya. Keluasan kawasan dalam premis Lynas boleh dibina *facility* penstoran sementara yang serupa yang mampu menampung jumlah *residue* yang dihasilkan untuk tempoh 20 tahun operasinya.

Pemantauan radiologi alam sekitar dibuat secara berkala oleh Lynas di dalam premis dan luar premis sehingga jarak 20 kilometer mencakupi bandar Kuantan. Keputusan pemantauan sejak Lynas mula beroperasi pada hujung tahun 2012 sehingga sekarang adalah di bawah had kawalan dan ini menunjukkan aktiviti Lynas adalah terkawal dan selamat. Lynas juga telah memasang alat pemantauan pencemaran udara ataupun *Airborne Monitoring System (AMS)* di tapak kilang dan di Bandar Kuantan yang memberikan bacaan secara digital sepanjang masa. Di samping itu LPTA juga melakukan permonitoran verifikasi bagi memastikan keselamatan pekerja, orang awam dan alam sekitar terpelihara.

Hasil permonitoran menunjukkan semua parameter radiologi alam sekitar adalah di bawah had kawalan. Berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom atau LPTA Lynas telah mengemukakan maklumat perancangan pelan dan lokasi PDF kepada LPTA. LPTA telah meneliti dan berpuas hati bahawa Lynas telah mematuhi ke semua 46 syarat lesen yang ditetapkan. Antaranya termasuklah syarat perkaitan pemantauan alam sekitar, pengurusan *residue Water Leach Purification (WLP)*, kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi *residue Water Leach Purification (WLP)*, kemudahan penstoran dan syarat-syarat lain.

Lynas diberi lesen untuk beroperasi tertakluk kepada 46 syarat antara lainnya termasuklah pemantauan radiologi, kemudahan penstoran dan pelupusan, pengurusan *residue* dan lain-lain. Spesifik kepada pengurusan *residue*, Lynas adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Lynas hendaklah melakukan penyelidikan dan pembangunan bagi menukarkan *residue WLP* kepada produk komersial;
- (ii) Sekiranya gagal dikomersialkan, maka Lynas perlu memulakan kerja-kerja awalan bagi menentukan penempatan tapak PDF;
- (iii) hanya jika gagal mendapat tapak yang sesuai, Lynas perlu membawa keluar dari Malaysia *residue* yang dihasilkan. Adalah dimaklumkan bahawa Lynas kini dalam proses melakukan R&D bagi menukarkan *residue WLP* kepada *product soil conditioner* dengan kerjasama pusat penyelidikan dan institusi pengajian tinggi tempatan seperti UPM dan MARDI.

■1540

Kajian menampakkan hasil positif, namun kementerian saya telah menetapkan agar Lynas melakukan kajian lapangan atau *field test* yang dijangka mengambil masa lebih kurang 18 bulan lagi bagi membuktikan kajian R&D. Kajian lapangan ini dijangka

berakhir pada pertengahan tahun 2017. Jika hasil R&D ini berjaya dikomersialkan, maka tiada lagi keperluan untuk mengadakan PDF.

Sekiranya Lynas gagal dalam R&D untuk menukar *residue* kepada produk komersial, maka Lynas perlu memulakan aktiviti mencari tapak yang sesuai bagi PDF. Menurut dokumen perangan pelan dan lokasi yang diterima oleh lembaga, Lynas menggunakan kriteria antarabangsa saranan IAEA bagi mengenal pasti tapak bagi kemudahan pelupusan.

Bagi pembaharuan lesen operasi Lynas, lembaga telah membuat penelitian rapi dari semua aspek berkaitan perlindungan sinaran dan peruntukan undang-undang berkaitan di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984, Akta 304 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Syarat bagi mengemukakan dokumen perancangan lokasi PDF dalam masa 10 bulan selepas Lesen Peringkat Pengendalian Sementara atau TOL telah dipatuhi oleh Lynas pada Julai 2013.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Sehubungan dengan itu— saya siap dahulu. Sehubungan dengan itu, syarat tersebut bukan lagi menjadi syarat pembaharuan Lesen Peringkat Pengendalian Penuh. Silakan.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak betul-betul tanya Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Berhormat Menteri dengan sepenuh yakin bahawa *the question of* sinaran ataupun *radioactivity* betul-betul dalam kawalan kita. Satu.

Kedua, dalam masalah PDF. Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kata tadi tidak silap saya jika dapat dicari jalan dia menjanakan *by-product* itu kepada *something* yang *more* yang produktif, maka tidak perlu PDF. Akan tetapi kalau tidak silap saya, syaratnya yang pertama sebelum Lynas diberi kebenaran untuk operasi, PDF merupakan satu syarat yang pertama. Kalau sekiranya tidak dapat dia mencari tempat yang sesuai, hendaklah dia keluarkan segala *residue* yang tidak kita gunakan.

Ini sebab Tuan Yang di-Pertua cukup aneh materialnya, *raw material* datang daripada *center Australia*. Dibawa beribu-ribu batu daripada *center Australia* ke *coastal Australia*. Daripada *coastal Australia* beribu-ribu batu ke Kuantan. Di situ pula dilakukan perkara yang saya percaya Australia menolaknya. Jadi saya minta benar-benarlah kerajaan dan juga kementerian MOSTI khususnya benar-benar bertanggungjawab— *be sincere*, sebab akhirnya kalau kita ingat satu ketika dahulu Bukit Merah, semua Yang Berhormat Menteri, semua jabatan kata jamin selamat, jamin selamat. Akhirnya selepas

10 tahun, 20 tahun dihentikan atas beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan. Saya minta bukan— saya merayulah bagi pihak rakyat di kawasan setempat kebetulan kilangnya dalam kawasan saya. Keselamatan rakyat tidak boleh digadaikan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat. Ini soal keselamatan adalah amat penting dan kerajaan bukan semberono membuat keputusan. Sebenarnya sebelum dan selepas pemberian lesen kepada Lynas, kerajaan telah mendapat perkhidmatan khidmat pakar-pakar daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa atau *International Atomic Energy Agency* (IAEA). Kesemua peraturan yang telah ditetapkan, kita mengikut.

Kalau Yang Berhormat telah mengikut perkembangan dari mula sampai sekarang, kalau saya boleh izinkan untuk menceritakan ini semua. Ini harus memberi keyakinan kepada kita. Ini bukan keputusan kita sendiri, ini bukan fakta-fakta kita sendiri tetapi ini daripada pakar-pakar Agensi Tenaga Atom Antarabangsa ya. Kita lihat antara fakta. Selain daripada itu, kita telah menubuhkan jawatankuasa teknikal bagi menilai dokumen permohonan lesen Lynas. Jawatankuasa Perundingan Awam yang ahlinya terdiri daripada pakar-pakar tempatan yang tempatan seperti UKM, USM, UTM, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerja, Agensi Nuklear Malaysia dan lain-lain lagi.

Dengan lain perkataan seperti mana saya katakan, selain daripada pakar-pakar yang telah memberi input ini, kita telah juga mengadakan pameran awam, *public scrutiny*. *I am sure*, saya yakin Yang Berhormat pun sedar tentang apa yang telah dilakukan dahulu. Apa penjelasan saya lebih awal tadi untuk menjawab beberapa pertanyaan dan kemusykilan daripada Yang Berhormat Kuantan. Kita *monitor*, memantau daripada segi alam sekitar, parameter-parameternya. Sama ada daripada segi pertama sekali daripada segi sinaran. Jadi kalau ditanya saya secara peribadi sebagai Menteri, saya amat yakin. Saya amat yakin, *I can give you the assurance*.

Soal PDF ini macam ini, kalau kita lihat daripada segi syarat-syarat kelulusan lesen. Pertamanya, *residue* itu hendaklah dibuat penyelidikan yang dapat menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan. Seperti mana yang saya katakan tadi antara produknya adalah *soil conditioner* penyelidikan yang dibuat oleh UPM dan MARDI. Pada ketika ini dalam proses untuk *field test* dan saya sudah jelaskan tadi. Jika dalam masa 18 bulan akan datang, dia selesai, kita berpuas hati dengan penyelidikan ini, kita pun berkeyakinan untuk mengkomersialkan.

Kalau ini dapat dikomersialkan, bererti bahawa ini lagi menjadi satu produk Lynas sebenarnya. Dengan itu tidak ada lagi timbul masalah *residue*. Hanya sekiranya ini gagal, jika kita dapat komersialkan, penyelidikan tidak dapat menghasilkan suatu produk yang dapat dikomersialkan, barulah kita bermula dengan mencari PDF. Lynas kena cari PDF. Rancangan untuk ini dan kriteria-kriteria untuk PDF ini memang sudah ditentukan dan sudah ditetapkan. Hanya sekiranya kita gagal mengenal pasti lokasi PDF yang sesuai— katakan seluruh negara tidak ada tapak sesuai untuk PDF, maka keputusannya ialah *residue* itu hendaklah dihantar balik ke tempat asalnya iaitu di Australia. Silakan.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya seronok juga apabila Yang Berhormat Menteri sudah bagi keyakinan atas keselamatan rakyat setempat. Saya hanya hendak memberi amaran seperti mana terjadi di Bukit Merah, Perak. Semua jabatan, semua agensi, semua Menteri, semua yang berkait memberi jaminan pengurusan itu selamat.

Akan tetapi akhirnya setelah 10 tahun ke 20 tahun kemudian didapati ramai anak lahir cacat, janin yang mati dalam kandungan dan sebagainya, baru didapati bahawasanya kilang itu ada mengeluarkan perkara-perkara yang tidak secocok dengan pembangunan manusia. Bukan saya hendak menentang tetapi saya hendak mengatakan begini. Kalau jawapan Yang Berhormat Menteri ini 20 tahun akan datang boleh *to be proven true, I will be the happiest man*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jaminan? Ya, jaminan saya kata apa?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: [Bangun]

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Silakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ada dua perkara Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, berkenaan dengan aspek keselamatan. Yang Berhormat Menteri, kita akui bahawa kadar radiasi daripada *residue* kilang Lynas memang di tahap rendah. Akan tetapi ia *low-level long-life*.

■1550

Maksudnya kesan ia bukan setahun dua tahun, tetapi mengambil masa mungkin 20 tahun. Kita tidak ada cara pada hari ini untuk mengetahui kesan radiasi terhadap pekerja ataupun penduduk-penduduk di sekitar tempat tersebut. Isunya bukannya bacaannya di bawah kadar selamat. Isunya ialah *long life*, isunya ialah jangka masa panjang. Sebab itu kami warga Kuantan amat-amat kluatir apabila keputusannya ialah untuk membiarkan – apabila Menteri kata boleh membenarkan RSF itu boleh 20 tahun pun, ada tempat untuk meletakkan selama 20 tahun. Itu menimbulkan kerisauan kami. Itu bukan *assurances* bagi warga Kuantan Tuan Yang di-Pertua.

Lagi satu perkara yang saya ingin bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri, saya dengar apa Yang Berhormat Menteri cakap tadi. Yang Berhormat Menteri kata kalau sekiranya kita tidak dapat mencari cara untuk *recycle, reuse, commercialize* dia punya *radioactivitynya less than one Becquerel per gram*. Maksudnya kena di bawah paras *radioactivity*. Kita ada beberapa perkara yang kita tidak berapa puas hati ataupun tidak berapa selesa dengan perkara tersebut sebabnya *instead of containing* kita *dispersing the radioactive materials*, itu memerlukan perbincangan yang panjang.

Akan tetapi yang saya kesal dan ralatnya apabila saya dengar Yang Berhormat Menteri kata sekiranya tidak dapat jalan untuk *commercialize*, maka baru kita kenal pasti lokasi PDF. Sedangkan di dalam dokumen AELB sendiri, dokumen AELB bukan dokumen saya Yang Berhormat Menteri. Di sini dokumen AELB mengatakan bahawa "*Lynas hendaklah mengemukakan pelan dan lokasi PDF untuk kelulusan AELB dalam tempoh masa lesen tidak melebihi 10 bulan daripada tarikh pengeluaran TOL...*". Saya dengar Yang Berhormat Menteri kata "*Okey, sudah ada pelan PDF...*", tetapi Yang Berhormat Menteri tidak kata tidak ada lokasi.

Mula-mula *silent*, tidak sebut di mana tetapi saya dengar di akhir tadi kata tidak perlu dikenal pasti sekarang. Kalau tidak jumpa cara hendak *reuse* baru hendak kenal pasti tapak lokasi, sedangkan ini syarat. Ini yang kita dok tanya setiap kali. Setiap kali kita tanya, sebelum-sebelum ini memang tidak pernah sebut di mana tapak lokasi PDF. Disebut juga di sini, "*Tapak lokasi PDF must be located away from populated areas...*". Kami hendak tahu, jangan *don't mislead the Dewan*. *This is your document. How can you tell differently here and inside here is different*. Pohon penjelasan.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Yang Berhormat Kuantan, maka tersilap dengar. Saya mengatakan proses itu jika sekiranya kita – penyelidikan ini tidak menghasilkan satu produk yang dapat dikomersialkan yang dalam proses sekarang, kita akan tetapkan di mana lokasinya PDF ini. Ini bukan bererti...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Akan tetapi sudah berapa lama? Akan tetapi dalam syarat...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Akan tetapi kena kenal pasti masa 10 bulan!

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *The condition...*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: *The location must be identifying.*

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *The condition you said must have the PDF in 10 month.*

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Saya terus, okey-okey.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya, *this is your own...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Bagi peluang dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Indera Mahkota, biar Menteri perelaskan dulu.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Bagi peluang dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Ini bukan bererti yang proses mengenal lokasi itu tidak berlaku. Itu bukan bererti proses tidak berlaku. Saya hendak nyatakan apa yang disebutkan tadi tentang kriteria-kriteria itu. Kriteria kita sudah kenal pasti dan saya hendak sebutkan di sini bukan sahaja yang disebut oleh Yang Berhormat Kuantan tadi, saya hendak sebut kesemuanya.

Pertamanya kawasan – okey, di antara lokasi yang perlu dielak, yang perlu dielak untuk tapak PDF ini ialah:

- (i) kawasan hutan kekal, kawasan hutan simpan, kawasan terpelihara termasuk taman hidupan laut;
- (ii) kawasan kajian purba (*ecologically significant areas*);
- (iii) kawasan berisiko tsunami;
- (iv) kawasan berisiko gempa bumi;
- (v) kawasan dengan aktiviti gunung berapi (*areas with tectonic activity*);
- (vi) kawasan berisiko bahaya (*areas front to slope failures, high erosion rates*) dan sebagainya;
- (vii) kawasan berciri air permukaan (*surface water features rivers trims or lakes with the buffer of 1,500 meters minimum to play clod in countering areas exhibiting shallow ground water*);
- (viii) kawasan bebas banjir;
- (ix) kawasan potensi tadahan air ataupun *catchment*;
- (x) kawasan populasi tinggi termasuk pusat bandar; dan
- (xi) kawasan di mana air bawah tanah diguna untuk minuman ataupun pertanian atau industri (*areas where groundwater easier to lisle or portable uses or agricultural or industry uses*).

Dalam lain perkataan semua kriteria ini kita sudah kenal pasti dan inilah yang digunakan untuk mengenal tapak ini. Kita tidak boleh mengumumkan di mana tapak ini dan sebagainya pada ketika ini. Seperti mana saya katakan tadi, jika sekiranya gagal dari segi penyelidikan tadi itu yang sebagai contoh *soil conditioner* dan dinyatakan, “*Oh, you are spreading it...*”, soal *radiation* ini. Ini juga tertakluk kepada hasil penyelidikan. Jika sekiranya penyelidikan itu menyatakan ini tidak sesuai, tidak boleh, tidak selamat

dan sebagainya dan kita tidak akan teruskan. Kita akan menetapkan tempat PDF ini dan jika sekiranya tidak ada tapak yang sesuai untuk memenuhi kriteria-kriteria ini, tadi kita ambil pilihan yang terakhir iaitu menghantar balik ke Australia. Itu pilihannya.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Akan tetapi...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Australia sudah cakap, Australia takkan terima.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Nanti dulu, nanti dulu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Australia sudah cakap Australia takkan terima. Dia sudah cakap, Menteri Australia sudah cakap takkan terima.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, saya kasihan juga dekat Menteri ini. *I think* tentang *your part* kita tidak ada, yang kita sangsi ialah laporan. Tadi Yang Berhormat Menteri kalau tidak silap sayalah, masa mula-mula kami berjumpa dengan pihak yang berkenaan, dia kata *that syarat within in 10 months you must identify the PDF. But until now, Lynas hasn't still identified the PDF. Now* datang dengan syarat baru, bahawasanya akan buat kajian dan sebagainya.

Jadi benda macam inilah dia beralih. *You move the good post, so* yang ini saya katakan bahawasanya kita bimbanglah, kita bimbang. Saya masa itu sudah tidak ada sudah. Akan tetapi saya tidak tahulah 10 tahun, 20 tahun akan datang, saya tidak tahulah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tambahan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Okey, nanti, nanti.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tambahan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Saya respons dulu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tambahan Yang Berhormat Menteri, tambahan kepada poin.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Mengenai PDF juga.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Saya respons dulu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tambahan kepada poin yang sama.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Saya respons dulu, saya respons dulu. Saya ingat ada kekeliruan tentang 10 bulan itu. Tempoh 10 bulan itu adalah *temporary license*. Itu, selepas 10 bulan kita sudah kaji dan sebagainya, hari ini kita sudah bagi lesen yang *permanent*. Saya ingat itu yang kekeliruan, bukan tapak tetapi lesen. Lesen Lynas. Silakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Jadi Yang Berhormat Menteri, saya refer balik kepada dokumen AELB ini. "*Lynas must submit the plan and location of the PDF regardless of their R&D results, where they are able to commercialize, recycle and whether they are able to do or not to do*". Maksudnya "...*Regardless, must submit the plan and the location of the PDF...*". Saya tidak lihat ini sebagai *submit the plan and criteria for the location*. Apa Yang Berhormat Menteri cakap tadi *is the criteria for the location*. *We are very aware of that*, malah daripada jangkaan kami, kami tidak lihat ada tempat di Malaysia yang *fulfill those criteria*.

Kita bukan cakap tentang kriteria, kita sudah faham kriteria tersebut. Kita hendak tahu di mana lokasinya sebab kita tahu Australia, Menteri Australia sudah cakap, *the Minister for Mining of Western Australia* sudah cakap dalam Parlimen Western Australia bahawa mereka tidak akan terima, *it is Malaysian waste. It is Malaysian waste, is our waste and is our backyard. It is our backyard. The people of Kuantan have the right to know where the PDF is*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

[Tepuk]

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, memandangkan Yang Berhormat Kuantan dan rakan-rakan lain membincangkan mengenai PDF, tapak PDF iaitu tapak pembuangan kekal, saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Menteri sebab apa yang saya lihat di Negeri Sembilan, kita mempunyai satu-satunya kilang memproses sisa toksik berjadual.

■1600

Adakah Pusat Kualiti Alam akan menjadi tapak PDF jikalau kerajaan tidak dapat mengenal pasti mana-mana tempat yang lebih sesuai? Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Itu tiada kaitan dengan perbahasan kitalah, lokasi yang disebutkan itu. Saya tidak ada kena-mengena. Apa yang penting saya fikir Yang Berhormat Kuantan dan Yang Berhormat Indera Mahkota, apa yang sedang dilakukan sekarang dari segi menangani Lynas ini, *we are on track* dari segi pemantauan alam sekitarnya, sinarannya dan sebagainya. *We are on track*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]

Yang Berhormat Kuantan pun tahu tentang parameter-parameter yang sedang diukur dan tahap yang -- bahawa tahap ini adalah dalam tahap selamat. Yang penting ialah jika sekiranya tapak itu tidak ada selepas kajian yang saya sebutkan tadi dalam masa 18 bulan akan datang, jika sekiranya ini tidak dapat dikomersialkan dan menurut kajian dan segala penyelidikan telah selesai, maka kita akan mengambil tindakan sewajarnya di peringkat yang terakhir iaitu menghantar balik ke Australia. Jika sekiranya dia tidak terima, *then we will cross the bridge when we comes to it.*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: *How can you do that to us? It's the people of Kuantan, how can you say we cross the bridge when it comes to it?*

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Bagaimana Yang Berhormat Menteri, kementerian telah luluskan lesen, *this is the diagram within ten months. Please put it on record that you do not have the PDF, the location of the PDF as at now. You fail to do that and you have to take responsibility. [Tepuk]*

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Yang Berhormat, memang pada hari ini kita masih dalam kajian untuk mengenal pasti PDF ini. *All right?* Pada masa yang sama...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: *Why did you renew the license?*

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: *Let me finish.*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: *Why did you renew the license in September sekiranya mereka tidak tepati masa TOL lagi? We were very concern dalam bulan September.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: *Let me finish.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi bagi, Yang Berhormat. Seorang seorang Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: *You could have not given them the extension* Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: *Let me finish.* Pada masa yang sama seperti mana yang saya katakan tadi dari segi bacaan parameter-parameter alam sekitar yang kita pantau, kita berada dalam terkawal, ia selamat. Itu yang penting. Kita

berpuas hati berasaskan penyelidikan-penyelidikan yang ada bahawa kita berpuas hati, sebab itu kita telah memperbaharui lesen. Terima kasih.

Saya ingat itu sahaja yang saya boleh gulungkan untuk kementerian ini dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan juga bertanya dalam penggulangan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

4.03 ptg.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 32 orang Ahli Parlimen yang membahaskan beberapa perkara di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan daripada awal lagi kita mempunyai hampir 50 muka jawapan. Jadi kalau saya gunakan semua jawapan *detail* sedemikian, maka peluang saya mungkin perlu dua jam ataupun tiga jam. Jadi dalam keadaan sedemikian, saya telah mendapat arahan daripada Tuan Yang di-Pertua mengatakan tidak lebih daripada satu jam. *[Ketawa]* Jadi saya telah *tailor made* saya punya soalan ini, jadi saya berharap saya ikut Parlimen punya soal jawab. Saya menjawab, Ahli Parlimen menyoal. Jadi persoalan kalau jawapan saya tidak betul, itu soal Yang Berhormat menilai.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama saya hendak bangkitkan di sini ialah soalan banjir. Saya mulakan ucapan saya pada hari ini dengan isu berkaitan banjir memandangkan ianya merupakan isu yang paling hangat dibangkitkan dalam kementerian ini semasa sesi perbahasan. Justeru saya akan memberikan penjelasan bagi isu ini terlebih dahulu sebab ini pun Tuan Yang di-Pertua, musim banjir juga.

Fenomena banjir ini berpunca daripada kenaikan paras air laut dan sungai, kejadian air pasang besar dan banjir kilat. Jadi fenomena ini ada hubung kait berlainan Tuan Yang di-Pertua. Ini juga berkait rapat dengan perubahan iklim ataupun *climate change*, pelepasan gas rumah kaca iaitu *green house cases* ke atmosfera dan telah menyebabkan kenaikan suhu bumi mengakibatkan fenomena pemanasan global dan seterusnya menyebabkan kenaikan paras air laut dan mengakibatkan banjir.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan bahawa kejadian banjir di dalam bandar iaitu *flash flood* adalah sebenarnya bukan dalam bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, kita juga diberi mandat oleh Kerajaan Pusat untuk membantu kerajaan

negeri menangani masalah banjir kilat di dalam bandar sebabnya ini terletak di bawah bidang kuasa kementerian yang jaga bandar walaupun di sini EXCO negeri masing-masing dan majlis berkuasa tempatan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada Yang Berhormat yang dah bangun, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sikit saja.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebelum sikit itu, saya panjang sikit nak habis. Selepas itu Yang Berhormat. Kita juga membantu kerajaan negeri, kalau di Sarawak dan Sabah, menteri-menteri yang jaga Kementerian Dalam Negeri mereka. Jadi kita bantu saja Yang Berhormat. Sebenarnya bukan tugas hakiki kementerian ini. Sila Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sejauh mana kemampuan teknologi mengesan banjir ataupun bencana alam di negara kita yang kita miliki? Contohnya kalau di Amerika, di London, dia tahu, dia fokus minggu depan, *one week* dia kata sudah ada salji turun, memang salji turun. Tempat kita ini, bulan 11 dan 12 ini ada tak banjir akan turun? Ada banjir akan berlaku atau tidak? Jadi itu yang kita mahu, itu yang rakyat mahu tahu. Kalau ada bermakna, kita akan mempersiapkan apa juga keperluan-keperluan kita. Jadi *forecast* itu kena tepat. Kalau tidak adakah kementerian berhasrat menggunakan kaedah-kaedah yang ada di Eropah itu yang boleh mengesan sekian hari bulan, banjir berlaku? Itu yang kita mahu, terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sayang tidak ditanya semasa perbincangan, kalau tidak saya mempunyai jawapan yang amat lengkap berhubung dengan perkara ini. Akan tetapi malangnya ia *a little bit technical*.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan satu konsesi kepada satu syarikat yang kita nilai dan selama perbincangan selama setahun lebih, akhirnya pada masa sekarang kita tengah melaksanakan tekaan ataupun *forecast* sistem ini kita laksanakan. *Insyah-Allah* kalau semua sistem ini telah dapat dilaksanakan nanti, kita berupaya Tuan Yang di-Pertua, memberi maklumat kepada masyarakat yang mana sekarang kita hanya mempunyai jangka masa enam jam memberitahu bahawa banjir yang akan berlaku. Akan tetapi bila sistem telah *in place*, telah mengkaji sistem yang di Amerika juga di England yang kita dekati, bahawa sistem ini *corporate* dua sistem bersama dan kita boleh meneka yang air hujan, banjir akan berlaku dalam masa

7 hari Yang Berhormat. Jadi *insya-Allah* kita akan laksanakan apa Yang Berhormat sebut itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu banjir ini balik. Tebatan banjir sebagai jawapan yang khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Besar, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Penampang, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

■1610

Jadi saya ingin menjawab sedemikian Yang Berhormat. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir tahun 2016 di negeri Sabah, ini untuk Sabah. Peruntukan bagi Rancangan Tebatan Banjir Negeri Sabah, projek sambungan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah diluluskan merangkumi Sungai Petagas, Sungai Darau, Sungai Kibabaig, Sungai Padas dan Sungai Pangkalan serta projek baru dalam *Rolling Plan* Satu, Rancangan Malaysia Kesebelas bernilai RM377 juta iaitu Sungai Moyog, kawasan Lido, Sungai Gurung-Gurung.

Kementerian juga di dalam *Rolling Plan* Satu Rancangan Malaysia Kesebelas telah meluluskan RM300 juta untuk pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok (KESBAN) fasa satu di Kelantan. Itu yang pertama iaitu RM300 juta bakal dilaksanakan dan satu lagi projek ialah berjumlah RM572 juta untuk Lembangan Bersepadu Sungai Kelantan. Ini termasuk 'penggorokkan' yang turut mengandungi komponen tebatan banjir selain struktur perlindungan pantai.

Seterusnya bagi projek di Pulau Pinang. Ada banyak bertanya soal Pulau Pinang ini juga bahkan dalam surat khabar pun ada keluar. Saya diminta *reporter* untuk menjawab tetapi saya jawab di Dewan dulu sebelum menjawab kepada *reporter*-lah. Kerajaan telah meluluskan jumlah RM150 juta untuk dilaksanakan kerja Rancangan Tebatan Banjir Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Pinang dalam *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Kesebelas.

Selain kerajaan mengambil maklum isu yang telah dibangkit dan akan meneliti cadangan bagi melaksana projek RTB di kawasan-kawasan tersebut berdasarkan keperluan dan keutamaan projek-projek tersebut. Jadi Tuan Yang di-Pertua apa yang di makna dibawa ini ialah kita ada cadangan dan perancangan di bawah rancangan pada tahun 2017. Jadi sebelum belanjawan ini diluluskan, kita belum boleh membincangkan itu sebagai telah diluluskan oleh kerajaan untuk dilaksanakan.

Jadi itulah, kita menunggulah bajet ini diluluskan nanti kita baru bincang soalan projek-projek yang bakal kita laksanakan ataupun kita kenal pasti sebagai yang kritikal.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, Menteri sikit.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dua yang bangun yang mana Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak apa, *ladies first*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan RM300 juta untuk tebatan banjir Sungai Golok dan dalam jawapan yang lepas kita dimaklumkan bahawa projek ini akan bermula pada bulan Jun 2016. Akan tetapi apa yang kita lihat tebatan banjir masih belum lagi dibina yang dibuat sekarang hanya penstabilan tebing sungai bukan lagi tebatan banjir.

Jadi saya ingin tahu apakah yang dimaksudkan tebatan banjir yang RM300 juta dan di mana sebab ini sudah hendak habis tahun 2016. Jadi, apakah yang dimaksudkan yang disebut tadi? Dan untuk tahun 2017 ini apakah programnya dan saya telah berbincang dengan pihak JPS di peringkat jajahan, katanya peruntukan untuk Sungai Golok itu dibawa ke Sungai Kelantan. Jadi saya hendak tahu sejauh mana kebenaran dalam perkara ini.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu projek itu dikenal pasti ataupun diluluskan, pada ketika itu apabila sumber kewangan telah diluluskan oleh Dewan ini dan dipersetujui pelaksanaannya mengandungi jumlah yang ada kepada Kementerian Kewangan. Maka barulah kementerian saya boleh mengambil tindakan dan pelan memberi arahan ke Jabatan Perairan dan Saliran membuat pelan yang terperinci dan kadang-kadang pelan ini Tuan Yang di-Pertua secara teknikalnya perlukan kajian. Ada kadang-kadang kajian ini melebihi masa satu tahun. Ia bukan boleh dibuat semacam begitu sahaja Yang Berhormat. Ini sebabnya dikaji dengan terperinci dan dilaksanakan dengan terperinci.

Jadi itulah tapi saya mengetahui secara khusus bahawa peruntukan-peruntukan ini memang sudah diluluskan oleh pihak kerajaan dan bakal kita laksanakan hanya pada sudut teknikalnya sahaja menunggu *drawing* dia, kajian dia, penyelidikan dia, EIA dia semua kena dilaksanakan sebelum kita boleh melaksanakan projek sebesar ini Yang

Berhormat. Lainlah kalau projek itu hanya RM10 juta, RM20 juta mungkin boleh dilaksanakan secepat yang boleh, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ramai yang bangun Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih, Menteri menjawab bahawa RM150 juta kepada Sungai Pinang. Walau bagaimanapun, Sungai Pinang itu daerahnya- satu buah daerah tetapi yang di tempat lain seperti di Bayan Baru, ia adalah di kawasan daerah barat daya yang- tahun ini sahaja telah mengalami enam kali banjir dan kita telah bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan telah ada satu rancangan tapi saya minta, tetapi walau bagaimanapun belum dipertimbangkan oleh kementerian.

Jadi saya minta supaya kalau boleh Menteri boleh panggil Pengarah JPS untuk menimbang rancangan dari daerah Barat Daya dan saya pun boleh hadir bersama untuk berjumpa Menteri supaya kita boleh adakan satu rancangan RTB di daerah Barat Daya. Ini kerana memang telah serius sangat serius terutama hari ini sahaja hari ini pagi tadi banjir sampai ke tahap pinggang banyak tempat di kawasan di daerah Barat Daya, minta Menteri pertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tambah soalan bagi pihak Yang Berhormat Rantau Panjang kerana saya dapati jawapan Yang Berhormat Menteri agak kurang menyenangkan iaitu apabila sudah diluluskan RM300 juta sebagai bajetnya tiba-tiba bila ditanya bila hendak dilaksanakan maka diberikan jawapan yang memberi gambaran seolah-olah bajet yang diluluskan itu sebenarnya tidak ada benda lagi. Masih lagi hendak kena buat dia punya *environmental impact analysis*, masih lagi hendak kena buat dia punya *design*, masih lagi nak kena buat ini, masih kena buat kajian, masih kena buat itu lalu apa makna RM300 juta yang diluluskan itu.

Tidakkah sepatutnya sebelum sesuatu bajet diluluskan maka kesemua kajian yang seperti ini telah pun diambil kira ataupun telah pun dilakukan sehingga apabila diumumkan ada bajet RM300 juta untuk hendak laksanakan yang soal- yang hendak tangani masalah banjir itu maka rakyat pun seronoklah kerana sudah ada bajet, sudah, tiba-tiba sudah lulus RM300 juta tapi bila sudah dekat hujung tahun kata oh, macam-macam lagi perlu dibuat.

Kalau macam ini Yang Berhormat Menteri saya hendak nasihatlah yang Sabah dan Sarawak ini sudah dapat bajet macam-macam bajet dah dapat. Nak apa punya-

highway-lah, inilah, itulah berbilion-bilion lah, berbilion-bilion lah tapi hujung tahun 2017 tahun depan ya hujung tahun depan tuan-tuan jangan datang tanya bila projek ini hendak dilaksanakan kerana jawapannya adalah *environmental impact analysis* hendak kena buat dulu, *drawing* kena buat dulu, ini kena buat dulu dan *please*-lah saya minta maaf lah ya bukan saya bertujuan untuk hendak memperlekehkan ataupun memperkecilkan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi soalan yang dikemukakan satu soalan yang serius berhubung dengan bajet yang telah diluluskan, bila hendak buat, bilakah hendak buat? Itu soalannya. Terima kasihlah Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, Yang Berhormat. Tidak ada soalan Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, Simpang Renggam.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya mintalah kalau ada bertanya itu bertanya dengan saya. Minta tolong tanya.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Yang Berhormat Shah Alam ini dia bagi *lecture* sebenarnya. Jadi saya tidak apalah, saya terima *lecture* sebab Yang Berhormat Shah Alam ini memang pandai ber-*lecture*. Yang Berhormat biarlah saya hendak jawab ini dulu.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Menteri, Simpang Renggam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, dia masalah ini masalah serius saya sendiri pergi ke Rantau Panjang tahun lepas tidak bolehlah main-main begini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya dimaklumkan di Sungai Pinang ini kerana ada kerja-kerja melibatkan penempatan semula kuarters di tepi sungai, di mana ia adalah di bawah skop Kerajaan Pulau Pinang, dan ia baru diselesaikan pada tahun ini. Ia dijadikan peruntukan tertunda, satu.

Kedua...

■1620

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Simpang Renggam, sila jaga Pulau Pinang....

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, orang semua itu telah ditempatkan di tempat yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Ini mengelirukan Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Simpang Renggam mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat berdiri, apakah asas? Asas apa Yang Berhormat berdiri?

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Simpang Renggam mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat berdiri, ya.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Kita sering dengar ada tuduhan-tuduhan daripada pihak Kerajaan DAP Pulau Pinang yang menyalahkan Kerajaan Persekutuan. Saya, kita imbas balik pada awal tahun ini di mana Ambiga yang membongkar bahawa antara tahun 2008 hingga tahun 2015, Kerajaan Pulau Pinang telah meluluskan 55 buah projek *on the hills side*, di mana air mungkin tidak dapat ditahan dan mungkin salah satu sebab besar yang menyebabkan banjir kilat berlaku.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Simpang Renggam, jangan politikkan isu.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini isu rakyat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tidak...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Banjir, jangan politikkan.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yes, betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Bukan kami yang politikkan tetapi sebelah sana yang politikkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan, Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Batu Kawan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Sambung sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri hendak dahulu, Yang Berhormat Menteri?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebenarnya Yang Berhormat *Chief Minister*, Sabah, Pulau Pinang pun tahulah sebenarnya butiran ini. Pemindahan semula itu Yang Berhormat sebenarnya sudah selesai. Jadi selesai, walaupun saya tahu permohonan dari Pulau Pinang itu RM350 juta tetapi kerajaan meluluskan RM150 juta untuk dilaksanakan.

Dahulunya ada dua perkara, tiga perkara yang belum diselesaikan tetapi sekarang sudah selesai. Jadi kita boleh melaksanakannya.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi itu yang pertama, jawapan untuk Pulau Pinang. Manakala yang di Kelantan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, yang lain duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Kawan, duduk. Yang Berhormat Menteri sedang memberikan jawapan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Oleh sebab Yang Berhormat Menteri hendak pergi ke Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Saya *just* hendak *settle* Pulau Pinang dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya belum lagi menjemput Yang Berhormat Batu Kawan berucap. Sekali lagi Yang Berhormat tidak dengar, Yang Berhormat saya minta keluar.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Kalau saya tidak dengar, suruh saya keluar, tidak payah jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Senang lagi kerja. Sebenarnya, biar saya bagi penjelasan untuk Kelantan, ya. Kelantan, mengikut kajian yang kita ada,

kos pembinaan tebatan banjir untuk menyelesaikan masalah banjir besar di Kelantan hampir bernilai RM9 bilion. Jadi bermacam yang perlu dibuat. Jadi dalam komponen ini, kita lihat komponen mana yang lebih kritikal untuk dilaksanakan dahulu.

Apabila kelulusan RM300 juta itu diluluskan, banyaklah pihak memberi permintaan ataupun cadangan, di mana yang perlu dibuat dahulu. Jadi dalam keadaan sedemikian, Yang Berhormat, yang di Kelantan itu, kita sudah ada. Sebelum penghujung tahun ini, *insya-Allah* kalau saya ada masa, 20 hari bulan atau selepas itu, saya akan melawat Kelantan untuk mengumumkan satu lagi projek untuk penyelesai di Kelantan juga.

Jadi ada satu lagi kajian kita untuk dilaksanakan menerusi, ada satu sistem, *smart financing* kita kata, saya sebut untuk supaya kerajaan *tidak immediately got to spend so much money* untuk melaksanakan tebatan banjir di Kelantan. Akan tetapi kita hendak selesaikan di Kelantan itu juga, sebenarnya. Jadi yang RM300 juta itu memang untuk khusus di situ, untuk orang Kelantan sudah cadangkan di situlah kita buat dahulu. Ini yang kita hendak buat, Yang Berhormat. Itu Kelantan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Manakala yang Sungai Pinang ini, tadi sudah jawab sudah. Tidak payah dipanjangkan cerita.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak ...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya pun tidak hendak politik, Yang Berhormat. Jenis saya tidak ada politik soalan ini. Saya jawab secara ikhlas. Walaupun kena *lecture*, saya dengar sahajalah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tidak ada politik, jelas ini isu rakyat. Saya bagi contoh, isu Sungai Golok di kawasan Kampung Sungai Lancang. Ia kawasan yang mudah masuk air Sungai Golok. Apabila berlaku hujan, ini sekarang ini mereka sudah dalam banjir. Mereka sudah tidak boleh menoreh sebab kawasan kebun getah mereka digenangi air kerana limpahan daripada air Sungai Golok masuk melalui Sungai Lancang menyebabkan apabila belum kawasan orang lain banjir, dia sudah banjir. Apabila tempat lain kering air, dia masih lagi belum kering sebab ia lembah. Jadi sebab itu kawasan ini kawasan yang kritikal.

Jadi saya dimaklumkan tahun lepas bahawa akan diutamakan kawasan ini. Akan tetapi apabila kita dapat dengar, projek itu tidak tahu lagi jadi atau tidak. Dia lulus sejak tahun lepas lagi. Jadi saya ingin penjelasan, itu yang kami tahu. Keutamaan dan

kepentingan ekonomi rakyat miskin. Jadi saya harap perkara ini diberi pertimbangan oleh pihak kementerian. Saya rayu, saya minta.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri sedikit, minta. Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: *Insyah-Allah*, kita beri pertimbangan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Tempat Pengkalan Chepa ini, saya sebut dalam perbincangan secara spesifik iaitu antara Pantai Cahaya Bulan dengan Kuala Besar, benteng laut yang tidak perlu kajian kerana ia merupakan penyambungan daripada benteng yang telah dibuat dan jaraknya hanya lebih kurang rasanya dua kilometer atau tiga kilometer sahaja dan di sana terlibat dengan hakisan, rumah orang miskin yang terlalu mendesak. Jadi soalan saya hendak tanya, bilakah agaknya program daripada segi cepat masanya? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jawapan secara terperinci, saya tidak ada, Yang Berhormat. *Insyah-Allah* saya boleh jawab secara bertulis.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua orang yang bangun, ya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Batu Kawan. Kan macam itu elok. Sila.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan terima kasih atas komitmen Kerajaan Persekutuan yang telah melaksanakan fasa 1 dan fasa 2 projek tebatan banjir di Sungai Pinang di Pulau Pinang. Akan tetapi persoalan saya dalam ucapan saya adalah bilakah Kerajaan Persekutuan akan meluluskan amaun RM350 juta itu untuk fasa ketiga projek tebatan banjir?

Seperti Yang Berhormat Shah Alam berkata tadi, janji ini telah pun dibuat sebelum pembentangan Belanjawan 2017. Jadi saya ingin tahu berapa lama kami kena

tunggu? Bilakah kelulusan itu akan diberi? Oleh sebab masa ini hujan lebat dan hari-hari di Pulau Pinang banjir. Saya rasa dalam isu ini Kerajaan Persekutuan bersama dengan kerajaan negeri, kalau boleh dipercepatkan kelulusan untuk peruntukan projek itu maka kerja-kerja fasa tiga boleh dimulakan secepat mungkin tanpa menunggu tahun depan supaya rakyat dapat *benefit* daripada projek ini, *because*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is the matter of life and death. It is very dangerous already now.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:Cukuplah Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:Jadi saya ingin satu ketetapan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mengikut kajian yang kita buat, selaras dengan *climate change* punya program yang kita lapor kepada mesyuarat antarabangsa, Yang Berhormat, kita mempunyai kos yang perlu kita tangani tebatan banjir di seluruh Malaysia ialah RM40 bilion, pada masa ini, kalau dilaksanakan. Jadi saya kata, kalau kita *delay*, ataupun kita pun lewat, kalau tidak ada sumber kewangan yang mencukupi untuk RM40 bilion itu maka berkemungkinan kita kena belanja lebih banyak daripada itu, mungkin RM60 bilion.

Jadi dalam keadaan sedemikian, mengikut ini, apa imbasan yang saya beritahu sini, bukan tempat di Sungai Pinang sahaja, banyak tempat lain yang terlibat dengan keadaan banjir sedemikian ini. Maka tidak ada tempat yang boleh *claim*, dia di sini lebih kritikal dari tempat-tempat lain. Apa yang kita lihat pada tahun 2014 umpamanya, memang kita lihat di Kelantan, di Terengganu dan juga di Pahang. Akan tetapi di negeri-negeri lain itu, semuanya mesti kena semua tetapi tidaklah mengatakan *because of this life and death* punya.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian Yang Berhormat, melihat kemampuan kerajaan untuk melaksanakan itulah yang saya sebutkan tadi, kerajaan telah meluluskan RM150 juta untuk melaksanakan ini dan bukan RM350 juta sebagaimana yang dipohon dan disebut oleh Pulau Pinang sendiri. Jadi kita kena secara *stages* jugalah, akhirnya. Saya tidak boleh janji lebih daripada itu. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat cakup apa pun, saya tidak boleh sebut lebih dari itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan tentang salah satu polisi yang boleh diguna pakai untuk tebatan banjir.

■1630

Ini polisi lama sebenarnya. Ini ada kena mengena dengan pokok bakau, Yang Berhormat Menteri, yang mana tumbuhan ini hidup di kawasan berpayau di muara sungai, pertembungan di antara air tawar dengan air laut. Hasil daripada kajian saya, pokok bakau ini adalah satu-satunya cara semula jadi untuk kita bukan sahaja boleh mengurangkan situasi banjir malahan boleh menghalang tsunami.

Apa yang sedang berlaku dengan situasi pokok bakau ini adalah, satu, kita eksport, satu lagi kegiatan haram. Ini perlu diberi satu ketelitian dan penghalusan Kerajaan Pusat sebab pokok bakau ini saya rasa tidak menggunakan kos yang begitu tinggi. Akan tetapi kalau di kawasan-kawasan muara sekarang, pokok bakau ditebang. Bila ditebang, automatik banjir akan berlaku. Kita kena kaji bahagian ini sebab daripada kajian saya, pokok bakau adalah kaedah yang terbaik untuk menghalang banjir mahupun tsunami...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: saya nampak Yang Berhormat Bagan hendak bangun. Tidak jadi?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa kita jangan politikkan masalah banjir kerana ia melibatkan rakyat.

Sungguhpun pihak Yang Berhormat Menteri ada menyatakan telah meluluskan RM150 juta, tentunya saya akan minta pegawai-pegawai saya untuk menghubungi pihak kementerian supaya kita dapat melaksanakan dengan lebih cepat. Saya di sini ingin menyatakan bahawa kita akan memberikan kerjasama penuh. Akan tetapi sekiranya jumlah ini tidak mencukupi, kerana ini salah sebuah sungai utama di negeri Pulau Pinang, saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan untuk menambahkannya sehingga seperti yang dianggarkan oleh pegawai JPS sendiri iaitu sebanyak RM350 juta. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih. Siapakah yang cerita hal bakau tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Kapar.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Kapar.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih. Sebenarnya Malaysia mempunyai jumlah hutan 4.9 juta dan bakau hanya tiga peratus sahaja daripada jumlah ini. Akan tetapi Yang Berhormat, saya memang bersetuju bakau ini penting tetapi kesedaran manusia ini masih jauh rendah, tidak memahami bahawa bakau ini penting bukan sahaja untuk tsunami, tebatan banjir tetapi juga untuk *the breeding of fish*. Jadi, malang sekali apabila perkara-perkara umpamanya kalau orang hendak perbaiki *coastal area* menerusi *reclamation* dan sebagainya, ia juga akan menjejaskan bakau, dan kalau orang terbang hendak *convert*-kan kawasan itu menjadi sebuah kawasan tempat lain ataupun pelancongan lain yang tidak *ecofriendly* atau *ecotourism*, dia juga akan membinasakan bakau.

Walau bagaimanapun, program kita menanam bakau ada dalam jawapan saya ini, Yang Berhormat. Kalau saya dibenarkan untuk habis membaca semua jawapan itu, ada saya sebut berapa *million* bakau kita sudah tanam dan berapa lagi program ini akan berterusan yang kita mulakan pada tahun 2009 dahulu akan berterusan sehingga kita tanam semua di persisiran pantai itu dengan bakau supaya sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, satu, untuk menahan daripada ombak tsunami, kedua, untuk *fish breeding* sebagai *marine life* kita, ketiga, untuk menahan kemasukan air ke daratan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: [Bangun]

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Saya tidak hendak berceramah ya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, *very direct question*. Tadi dikatakan bahawa bajet bukan RM300 juta tetapi RM150 juta. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri maklumkan setakat ini yang RM150 juta itu, fasal sudah hujung tahun ya, semestinya telah pun dibelanjakan dan kalau sudah dibelanjakan, di manakah dan untuk apa? Sekadar untuk pengetahuan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, saya sambung sedikit tentang tadi. Okey. Sebagai contoh, Yang Berhormat Menteri, di kawasan Kapar kini Kampung Tok Muda, Kampung Sungai Serdang, hasil daripada kajian yang kami lakukan, banjir sekarang adalah kerana penebangan pokok bakau. Sebagai contoh untuk perhatian Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih. Yang kita bincangkan di sini Bajet 2017, Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa yang saya sebut di sini ialah bajet untuk tahun 2017. Jadi, itu menjawab Yang Berhormat Shah Alam.

Yang Berhormat Kapar, saya ucapkan terima kasih apa Yang Berhormat sebut tadi. Sebenarnya soalan bakau ini, Yang Berhormat, saya bincang banyak...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Menteri, boleh sekejap ya? Sepanggar, di belakang.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Oh, Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau cukup satu jam, beritahu. Sampai sini pun saya boleh jawab bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang Tebatan Banjir Sungai Darau dalam kawasan Parlimen Sepanggar. Sudah tiga tahun ini saya menyuarakan tentang pentingnya untuk melebarkan dan mengurus Sungai Rampayan, Menggatal. Jarak di antara Sungai Darau dengan Sungai Rampayan ini hanya lebih kurang dalam 300 meter dan ini yang belum lagi diselesaikan- sebenarnya sudah sekian lama, dan ini menjadi punca banjir di Kawasan Parlimen Sepanggar.

Jadi soalan saya, bila kementerian boleh mempertimbangkan projek tebatan banjir untuk Sungai Rampayan, Menggatal ini? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita juga melihat sumber kewangan yang kita *allocate* untuk, sungai apa tadi, Yang Berhormat?

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Sungai Rampayan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Darau?

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Sungai Darau ini *all done*, memang sudah selesai sudah. Saya pun tidak faham kenapa lagi dimasukkan dalam belanjawan ini. Sungai Darau ini sudah lama siap, sudah selesai itu.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: *Insya-Allah*, Yang Berhormat, kita akan laksanakan, sungai apa tadi?

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Sungai Rampayan, Menggatal.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sungai Rampayan berdekatan dengan sungai- ini kadang-kadang geografi orang yang buat ini kadang-kadang dia tidak tepat sangat, Yang Berhormat. Jadi kalau ada petunjuk daripada Yang Berhormat itu

nanti, *insya-Allah*, kita akan laksanakan. Kerana banyak tempat apabila dia punya *indicator* itu dia sebut nama sungai tertentu tetapi apabila kita *check on locality*, dia sebenarnya sungai itu tidak ada perlu lagi, kita ubahkan ke tempat yang berdekatan yang perlu ditangani masalah banjir ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya punya itu biarlah saya meneruskan cerita lain lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Sabak Bernam bertanya sama ada kementerian akan mewujudkan kawasan tanam hutan bakau di sepanjang Pantai Sabak Bernam. Negeri Selangor pada masa ini mempunyai seluas 18,998 hektar kawasan hutan bakau yang diwartakan sebagai hutan simpan kekal untuk tujuan pemeliharaan biodiversiti dan perlindungan pesisir pantai. Daripada keluasan tersebut, seluas 846.5 hektar merupakan kawasan Hutan Simpan Kuala Bernam yang terletak di daerah Sabak Bernam.

Di bawah program penanaman bakau, pihak kementerian dengan kerjasama agensi-agensi di bawahnya meneruskan usaha penanaman spesies bakau di kawasan-kawasan yang sesuai bagi tujuan pemulihan dan pemeliharaan habitat. Sehingga kini, seluas 51.9 hektar di kawasan pesisir pantai daerah Sabak Bernam telah berjaya ditanam dengan spesies bakau kurap dan bakau minyak. Manakala bagi seluruh negeri Selangor, sejumlah 156 hektar telah ditanam di bawah program ini.

Yang Berhormat Labuan menyentuh mengenai cadangan untuk menimbus laut bagi mengelakkan hakisan pantai. Pada masa ini, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran tidak bercadang untuk menimbus laut bagi mengelakkan hakisan pantai. Namun begitu, sekiranya terdapat permohonan untuk menimbus pasir- yang ini menimbus laut macam mana, ataupun, adakah ini *reclamation* untuk projek-projek yang tertentu, Yang Berhormat? Kalau dia untuk *reclamation* untuk projek-projek tertentu, kementerian tidak ada membuat program yang sedemikian. Akan tetapi walau bagaimanapun, kalau ada program sedemikian dibuat atau dicadangkan oleh pihak tempatan atau kerajaan negeri ataupun Wilayah Persekutuan berhubung dengan Pulau Pinang ini, kita akan memproses dari sudut EIA dan *hydraulic study* dia sama ada sesuai ataupun tidak.

■1640

Yang Berhormat Paya Besar...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Yang Berhormat Kota Raja bangun, Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya hendak balik kepada penanaman bakau tadi. Saya cuma hendak tahu dalam penggunaan atau penebangan,

ada permit untuk ambil bakau ini, adakah ia datang daripada kementerian ataupun ia datang pada kerajaan negeri, satu.

Kedua ialah ada perbincangan yang mengatakan bila pokok bakau ini diambil dengan tidak ada perancangan dan sebagainya, ia menyebabkan kemusnahan yang lebih teruk. Adakah satu rancangan di mana pokok-pokok bakau ini boleh di tuai berperancangan kemudian ditanam semula dan sebagainya?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini macam soalan Parlimen sebenarnya. Soal sahaja tidak ada banyak cerita. Sebenarnya, permit ini dikeluarkan oleh kerajaan negeri, satu. Kedua, industri boleh dibangunkan di dalam kawasan paya bakar. Kalau Yang Berhormat boleh melawat Matang di Kedah- Matang kah? Apa namanya, Matang kak, Matang? Matang. *Mangrove forest* Matang di - sebab di Sarawak ada Matang. Kita *pronunciation* sahaja itu yang berlainan itu. Di Kedah, ia mempunyai *management mangrove forest* yang terbaik dunia Yang Berhormat. Ia mempunyai industri bermacam-macam daripada *herbal industry* kepada industri membuat kek dan sebagainya. Dalam masa yang sama, mereka juga membangunkan industri menjual arang dibuat daripada bakau. *Circle of harvesting* dia 30 tahun dan apabila sampai *harvesting circle* itu sampai ke tempat yang di *harvest* awal 30 tahun selepas itu, bakau itu sudah mencapai peringkat yang terbesar sudah.

Jadi, maknanya kawasan itu tidak kehilangan sebenarnya, dengan syarat *harvesting*- sistem *harvesting* itu dijaga dengan betul dan dijaga dengan baik. Ia tidak di salah gunakan oleh mana-mana pihak. Jadi, itulah kenapa hutan bakau di Matang di Kedah itu begitu baik sekali dalam sudut pengurusan dan juga sudut penjanaaan industrinya. Banyak pihak yang memanggil diri mereka *cottage industry* telah mengeluarkan produk masing-masing. Bahkan, ada satu jenis tumbuhan, kalau di Sarawak dipanggil pokok meruju- seruju ke di Sabah? Dipanggil meruju yang ataupun *mistletoe* saya panggil itu, *local mistletoe*, Orang Putih. Dia boleh tukarkan itu menjadi minuman, menjadi *porridge* dan juga menjadi kuih.

Jadi maknanya, banyak industri boleh dibangunkan dalam hutan bakau kalau dijaga dengan sebaik mungkin dan di *promote* sebagai lokasi *eco-tourism*. Itu jawapan kepada Yang Berhormat tadi. Saya sambung lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Paya Besar mengemukakan cadangan supaya melaksanakan kerja pendalaman Sungai Kuala Kenau bagi mengurangkan masalah banjir. Kerajaan negeri telah melantik kontraktor untuk kerja-kerja mengorek dan membaiki aliran Sungai Pahang, Sungai Lipis, Sungai Jelai, Sungai Kuantan, termasuk Sungai Kenau sepanjang 272 kilometer untuk mengurangkan risiko banjir tanpa kos kepada kerajaan negeri.

Tempoh konsesi 15 tahun bermula pada November 2015. Di laksana secara berperingkat. Pelaksanaan kerja telah dimulakan di Kuala Krau iaitu Sungai Pahang di Temerloh. Yang Berhormat Lumut memohon penjelasan berhubung Projek Telok Muroh bernilai RM65 juta yang mendapat tentangan oleh masyarakat setempat. Sukacita saya maklumkan bahawa projek ini sepenuhnya dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak dan pembiayaannya semua di bawah Kerajaan Negeri Perak yang kita buat ialah EIA dan EIA sahaja. Akan tetapi pada ketika itu apabila peraturan EIA sebelum Ogos 2015, kawasan-kawasan yang kurang daripada 50 hektar tidak memerlukan EIA. Maka, projek ini mula pada 2013, maka EIA pun tidak ada dilaksanakan. Di samping itu, dalam usaha kerajaan negeri menjaga kebajikan para nelayan pantai yang menghadapi kesulitan untuk mendarat bot-bot mereka semasa kerja tebus guna tanah sedang berjalan, maka satu buah jeti sementara dibina bagi tujuan mengurangkan masalah para nelayan berkenaan.

Pengurusan perlombongan mineral. Yang Berhormat Lipis telah membangkit secara panjang lebar berhubung isu pengurusan perlombongan mineral. Isu pertama mengenai peraturan dan penguatkuasaan perlombongan. Bidang kuasa di peringkat Kerajaan Persekutuan melibatkan aspek keselamatan operasi perlombongan yang tertakluk di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994. Manakala, pengurusan tanah dan 'tenement' mineral terletak hak kepada kerajaan negeri dan tertakluk pada Enakmen Mineral Negeri. Sekali lagi, saya ingin memberi maklumat yang terperinci Tuan Yang di-Pertua. Bahawa sumber asli sebenarnya kepunyaan kerajaan negeri. Semua perundangannya di bawah kerajaan negeri dan hanya Kerajaan Pusat memberi garis panduan dari sudut macam mana melaksanakannya. Dalam sudut ini, maka perundangan kita ialah Akta Pembangunan Mineral 1994 sahaja. Makna, di tempat lapangan perlombongan itu sahaja.

Dalam aspek penguatkuasaan dan kawal selia koordinasi antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri serta agensi-agensi penguatkuasaan amat penting. Kementerian melalui Jabatan Mineral dan Geosains pada tahun 2015 telah melaksanakan sebanyak 1,111 pemeriksaan teknikal ke atas 215 lombong seluruh negara. Selain itu, Jabatan Mineral dan Geosains telah mengadakan kajian pensampelan air secara berkala ke atas semua lombong yang beroperasi bagi memastikan tahap kualiti air yang mengalir keluar pada tahap yang ditetapkan. Kementerian percaya bahawa masih terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan aktiviti perlombongan secara haram seperti mana yang berlaku di Kuantan, Pahang yang mana aktiviti ini telah luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kementerian telah mengadakan berbagai-bagai-bagai sesi *engagement* dalam mengenal pasti punca yang menjurus kepada pencemaran di samping

mengadakan pembaikpulihan melibatkan pindaan perundangan, mewujudkan prosedur pelaksanaan garis panduan serta penyelarasan di semua negeri bagi menjadikan industri perlombongan negara lebih bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi arahan kepada Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains supaya mengkaji semula bersama dengan penasihat undang-undang jabatan dan kementerian, Akta Pembangunan Mineral ini supaya kita boleh mengatasi masalah-masalah yang tidak termasuk dalam perundangan tersebut. Untuk mengatasi beberapa persoalan yang kita lihat yang perlu kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung *biodiversity* dan perhutanan. Isu pembalakan dan penerokaan hutan. Ingin saya mengingatkan Dewan yang mulia ini, berdasarkan Perkara 74, dan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, isu tanah termasuk perhutanan adalah di bawah bidang kuasa negeri. Kerajaan negeri mempunyai kuasa mutlak membentuk atau membina sesuatu undang-undang, menerima sesuatu undang-undang dan peraturan hutan bagi mentadbir, mengurus dan membangunkan sumber hutan.

Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Hulu Langat membangkitkan isu pembalakan dan penerokaan haram hutan. Pelbagai tindakan telah diambil oleh kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dalam menangani isu pembalakan dan penerokaan haram dalam hutan simpan kekal antaranya:

- (i) memperkemas dan mengukuhkan Akta Perhutanan Negara 1984;
- (ii) mengenal pasti kawasan yang berisiko tinggi melakukan kegiatan pembalakan dan penerokaan haram, *hotspots*;

■1650

- (iii) meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa;
- (iii) penggunaan teknologi terkini yang boleh meningkatkan keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan; dan,
- (iv) menyediakan perkhidmatan *careline* secara 24 jam bagi membolehkan dan memudahkan aduan disalurkan ke pejabat Jabatan Hutan Semenanjung Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Di samping itu, Jawatankuasa Pemulihan Kawasan Penerokaan Haram di peringkat negeri melibatkan pelbagai agensi berkaitan ditubuhkan dalam usaha menangani isu pembalakan dan penerokaan haram dalam kawasan hutan simpan kekal.

Pada masa ini, tidak kawasan rizab Orang Asli yang telah diwartakan dalam kawasan hutan simpan kekal. Walau bagaimanapun, terdapat juga masyarakat Orang Asli Tuan Yang di-Pertua- ini juga kadang-kadang orang melihat kalau di Sarawak orang Penan penjaga hutan, di sini dilihat Orang Asli menjaga hutan. Akan tetapi malang bagi kita, ada kalanya pihak Orang Asli ini yang menggunakan kawasan hak hutan simpan kekal ini sebagai kawasan rayau bagi tujuan sosioekonomi mereka. Ada juga mereka menebang, menebas hutan tersebut dan ditanam dengan pokok-pokok lain. Umpamanya, pokok getah dan pokok kelapa sawit. Bahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun ini pun kita melihat bahawa ada penerokaan sedemikian dibuat oleh pihak Orang Asli. Mana-mana aktiviti pembalakan dalam kawasan hab hutan simpan kekal yang dijelaskan sebagai hutan pengeluaran adalah dilaksanakan secara sah melalui lesen penguasa hasil hutan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri. Bagi kita Tuan Yang di-Pertua, bahawa hutan ini kepunyaan kerajaan negeri.

Untuk memberi satu penjelasan Tuan Yang di-Pertua, bahawa hutan ini- hutan simpan kekal ini tertakluk kepada perundangan kita dan dibahagikan pula, diklasifikasikan pula bermacam-macam hutan iaitu hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan iaitu hutan simpan kekal yang boleh ditebang dan boleh di-*harvest* hutannya. Hutan perlindungan tanah, hutan tebus guna tanah, hutan kawalan banjir, hutan tadahan air, hutan perlindungan hidupan liar, hutan simpanan, hutan dara, hutan lipur, hutan pelajaran, hutan penyelidikan, hutan bagi maksud-maksud Persekutuan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita tidak memahami sebenar apakah hutan? Apabila kita lihat pokok, kayu-kayu yang hijau kita fikir inilah hutan tetapi bukan semuanya hutan simpan kekal. Ada juga hutan negeri dan ada hutan simpan kekal dan ada juga hutan dalam tanah persendirian.

Dalam kita menangani masalah hutan ini Tuan Yang di-Pertua ialah masalah kesedaran masyarakat. Antara program yang kita buat ialah:

- (i) Program Kem Kesedaran Hutan melibatkan pelajar sekolah telah dilaksanakan pada tahun lepas, lima tahun program ini;
- (ii) pameran dan *roadshow*;
- (iii) sambutan Hari Hutan Antarabangsa;
- (iv) Program Penghijauan Cameron Highlands;
- (v) Kempen Menanam 26 Juta Pokok. Kempen Menanam 26 Juta Pokok ini bermula dari tahun 2010 hingga tahun 2014. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita telah berjaya lebih daripada jangkaan. Kita telah menanam 60 juta batang pokok. Maka kita sambung

semula program ini dari tahun 2014 hingga tahun 2020 ke 80 juta pokok bakal kita tanamkan;

- (vi) pemeriksaan kawasan rekreasi dan pesisiran pantai;
- (vii) Larian Hijau; dan
- (viii) Kempen Sayang Hutan.

Bagi mengukuhkan *public trust* dan mewujudkan kebertanggungjawaban dan memelihara alam sekitar, kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai polisi program, aktiviti melalui beberapa pendekatan. Antaranya mentransformasikan Program Minggu Alam Sekitar Malaysia kepada Hari Alam Sekitar Malaysia yang kita lancarkan secara serentak di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rantau Panjang bangun. Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat berkaitan dengan pemeliharaan hutan. Saya ingin tahu, sejauh mana kerjasama yang telah diberi oleh pihak kementerian terutama dengan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah pembalakan haram. Pembalakan haram ini yang menjadi isu yang menjadi serangan waktu sekarang di Kelantan. Jadi, sejauh mana kerjasama yang dibuat untuk memantau, untuk memastikan, maknanya penjenayah yang melakukan pembalakan haram ini dapat diambil tindakan? Setakat ini, adakah apa-apa halangan ataupun cabaran yang dihadapi oleh pihak kementerian? Minta penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis bangun. Belakang. Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang mengizinkan laluan kepada saya. Saya juga ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan kementerian? Adakah kementerian bercadang untuk hutan dan juga pembalakan dan juga lombong dan sebagainya? Saya ada sebut dalam ucapan saya. Sebenarnya saya tunggu, tidak ada jawapan. Adakah pihak kementerian bercadang supaya seperti yang saya katakan kalau kontraktor dalam G7- kalau dahulu panggil kontraktor 'A', kelas 'A', dia ada meletakkan seorang *engineer* dan juga beberapa syarat tertentu bagi memperkukuhkan supaya beliau boleh melaksanakan sebarang projek. Kebanyakan kontraktor ini tidak ada kelulusan dalam *civil engineering* pun. Akan tetapi disebabkan

ada meletakkan pakar-pakar ini, maka mereka terpaksa bertanggungjawab atas projek-projek tersebut. Begitu juga dengan pihak perlombongan ataupun pembalakan.

Kalau kita meletakkan kerajaan bercadang, ada berhasrat, bercadang ataupun merubah satu rang undang-undang mesti mensyaratkan kepada kontraktor perlombongan ataupun kontraktor pembalakan ini, meletakkan mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang tersebut. Kalau sebagai contohnya perlombongan, meletakkan seorang pegawai yang boleh menguruskan alam sekitar, menjaga alam sekitar. Begitu juga dengan balak. Mestilah kalau syarat-syarat tertentu, pemotongan balak di bawah 20 inci, di bawah 22 inci dan sebagainya kita meletakkan syarat supaya pelesen-pelesen ini akan meletakkan jurutera dan sebagainya bagi menjamin pemeliharaan hutan tersebut. Ini kerana mereka terpegang kepada kelulusan itu yang menjamin supaya mereka dapat mengawal perkara-perkara ini. Maknanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Panjang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Maknanya lesen ini tidak boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya kalau tidak mempunyai syarat seperti sedemikian rupa.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama untuk menjawab Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Rantau Panjang.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Rantau Panjang tadi berhubung dengan pembalakan hutan, pembalakan haram, kerjasama di antara Pusat dan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya hurai secara menyeluruh bahawa kerajaan berhasrat untuk mempertahankan tidak kurang daripada 50 peratus hutan di seluruh negara. Sebanyak 50 peratus dari hutan kita daripada seluruh negara. Jadi ada program jangka panjang dan jangka pendek kita laksanakan.

Program jangka pendek ialah untuk berbincang dengan pihak kerajaan negeri, kena lagi balik kepada hutan ini kepunyaan kerajaan negeri Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan juga apabila mesyuarat bersama dengan pihak kerajaan negeri, masalah negeri ialah macam mana untuk menjanakan ekonomi negeri itu sendiri dengan tidak menggunakan sumber hutan. Itu persoalan banyak dibangkitkan kepada saya apabila perkara berbangkit apabila kata kepada saya, patutnya kita tidak lagi memotong hutan, kita kuatkuasakan hutan ini jangan ditebang lagi, macam mana dibuat di Sabah. Jadi, kebanyakan jawapan-jawapan yang diberi kepada saya termasuk daripada MB-MB yang

mewakili negeri masing-masing mengatakan mereka tidak ada mempunyai sumber ekonomi lain selain menggunakan sumber yang ada pada mereka iaitu hutan.

■1700

Jadi saya sekarang Tuan Yang di-Pertua, tengah merancang menerusi jabatan hutan dan juga jabatan institut FRIM untuk membuat satu kajian terperinci untuk melaksanakan program-program *ecotourism*. Saya dapat persetujuan dan sokongan daripada Menteri *tourism* itu sendiri supaya program ini boleh diperkenal dan dilaksanakan di tiap-tiap negeri. Program mini insya-Allah kita akan jemput semua Exco Negeri berhubung dengan alam sekitar datang ke pejabat untuk kita beri taklimat program-program yang boleh dilaksanakan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *[Bangun]*

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebabnya Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bawa kepada kejayaan yang dibuatkan di negeri Sabah. Apabila negeri Sabah dahulu melaksanakan moratorium untuk menebang hutang 15 tahun dahulu, pada pendapat dari negeri Sabah daripada produk hutan ialah RM180 juta sahaja. Akan tetapi apabila 15 tahun selepas itu, apabila Sabah mempromosikan *ecotourism* menerusi tidak menebang hutan tetapi mempromosikan *ecotourism* di hutan mereka, mereka telah mendapat *order books* sebanyak RM6 bilion. Jadi dalam keadaan sedemikian, begitu berjaya sekali negeri Sabah melaksanakan *ecotourism* menerusi sumber hutan mereka. Jadi saya hendak perkenalkan ini kepada negeri-negeri di seluruh Malaysia supaya kita tak lagi menebang hutan. Jadi program ini termasuklah *relocation of sawmill, illegal sawmill* dan sebagainya yang akan tamat program ini, pemindahan ini pada tahun 2018.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cukup tertariklah, kebetulan saya pernah berada di dalam kerajaan negeri. Memang seboleh-bolehnya saya kira mana-mana kerajaan negeri pun cuba untuk mengekalkan hutan mereka secara semula jadi kerana ini banyak memberi manfaat kepada manusia. Akan tetapi sebagaimana juga Yang Berhormat Menteri menyebut, setengah-setengah negeri banyak walaupun tidak semua, banyak bergantung kepada hasil hutan sebagai *revenue* mereka. Mahu tidak mahu, mereka terpaksa menebang dalam kadar kuota yang dibenarkan oleh Majlis Perhutanan Negara. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, oleh sebab kita terpaksa membalak, terpaksa menebang hutan, apa perancangan kerajaan untuk hutan-hutan yang kita tebang secara mengikut kuota itu dilakukan tindakan *reforestation* ataupun penanaman semula hutan untuk kita gantikan hutan yang ditebang itu dengan perhutanan yang baru untuk menggantikannya. Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Program *reforestation* ini memang kita telah laksanakan di seluruh negara Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi malang sekali kita apabila kita buat program *reforestation* ini, hutan yang kita *reforest* ini pula kita hendak *harvest* selepas itu dengan pokok-pokok yang bukan *indigenous* dan bukan pokok hutan yang asli. Dia tidak menjadi hutan. Kalau dia ditukar menjadi hutan yang sebenar macam hutan asal dia, jadi dia mendatangkan hasil hutan ataupun menambahkan jumlah *acreage* ataupun luasnya hutan kita.

Jadi soalan *reforestation* ini memang kita laksana dalam programnya, tetapi balik kepada kerajaan negeri balik Yang Berhormat. Sebenarnya sini semua kerajaan negeri. Jadi itulah sebab saya mengenal pasti beberapa program yang boleh dikenalkan dengan kerajaan negeri. Mungkin apa yang dikatakan *just session period* ia makin panjang sedikit untuk mendatangkan hasil yang lebih lumayan dan besar.

Pada masa sekarang, saya hendak memperkenalkan Undang-undang Biodiversiti yang mana saya cukup yakin mempunyai potensi yang amat tinggi sebagaimana Yang Berhormat tadi mengatakan *research finding* kita, macam mana kita hendak market, macam mana kerajaan negeri boleh mendatangkan keuntungan daripada biodiversiti kita. Malang sekali kita, walaupun kita sudah *sign* Nagoya Protocol lama dahulu, tetapi Undang-undang Biodiversiti ini belum kita laksanakan. Sehingga sekarang baru saya masuk kementerian ini, baru kita memperhebatkan lagi untuk melaksanakan apa yang dipanggilkan *Access Benefit Sharing Act* ini.

Apabila ini boleh dilaksanakan nanti, *insya*-Allah pembalakan boleh kita hentikan dan biarlah negeri-negeri mengeksploitasikan biodiversiti lain dari sudut pelancongan dan juga dari sudut herba dan *drug* dari hutan-hutan kita. Jangan bukan sahaja untuk memeliharanya, menghalangnya daripada kecurian, dicuri oleh orang luar. Sebagaimana yang kita mengetahui bahawa Tuan Yang di-Pertua, umpamanya pokok Bintangor yang dulu diheboh-hebohkan kita mengatakan boleh mengubati penyakit HIV. Akan tetapi malang sekarang, pokok Bintangor orang Sarawak punya, tetapi patennya orang lain sudah punya. Jadi ini kita hendak halangkan, *the wilds from our biodiversity*. Negara yang 12 terbesar dunia mempunyai biodiversiti yang tinggi, tetapi akhirnya hasil kita tidak *harvest* sebanyak mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Menteri minta saya ingatkan sudah satu jam, sudah satu jam. Sila Yang Berhormat Shah Alam.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tak tahu mungkin perkara ini telah

disebut dan disentuh oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi saya hendak cadangkan satu formula di mana untuk membantu negeri-negeri yang tidak ada hasil selain daripada hasil balak, maka tidakkah boleh Kerajaan Pusat menawarkan satu *joint venture* program yang mana hutan simpan itu dilihat sebagai satu *investment* dan sekiranya dibalakkan tahun ini, maka ia akan mendatangkan hasil tetapi kurang.

Oleh sebab itu tak perlu dibalakkan, tetapi boleh buat bagaikan *satu investment* ataupun *joint venture* di mana Kerajaan Pusat pula memberikan geran kepada kerajaan negeri tetapi apabila balak itu *harvest* ataupun ditebang pada lima tahun yang akan datang ke apa-apa, maka hasil itu dikongsi bersama dengan kerajaan negeri mengikut sesuatu formula.

Begitu juga dengan soal biodiversiti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Seperti mana yang kita dapati, dia punya intelektual dan *technological* punya *know how* mungkin lebih berada di peringkat Pusat dan bukan sangat di peringkat negeri daripada segi teknologi untuk menghasilkan macam-macam hasil biodiversiti yang boleh dikeluarkan dari hutan-hutan sekiranya ia tidak dijalankan ataupun dilakukan pembalakan secara apa yang berlaku sekarang. Maka tidakkah boleh ia diadakan satu perjanjian dengan kerajaan negeri bahawa oleh sebab hutan simpan yang ada di kerajaan negeri, katakanlah di Kelantan itu oleh sebab dia ada dia punya biodiversiti punya *potential*, maka Kerajaan Pusat akan membayar kerajaan negeri satu geran tiap-tiap tahun supaya hutan itu tidak dirosakkan.

Hasil biodiversiti akhirnya apabila ia diambil ataupun dihasilkan, maka hasil itu akan dikongsi bersama di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Ini kerana kalau kita tak buat satu *proposal*, satu cadangan yang mempunyai keuntungan kewangan kepada kerajaan negeri, maka kita akan sentiasa kekal dalam *wishes cycle* inilah, iaitu kerajaan negeri kata, ya kita sokong, kita setuju tetapi kita tak ada duit, maka kita balak. Kita akan hilang segala potensi dan segala keuntungan yang akan terhasil sekiranya pembalakan itu tidak dilakukan. So, adakah ada satu perancangan yang sebegitu daripada pihak Kerajaan Pusat? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Lipis tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Cadangan daripada Yang Berhormat Lipis itu memang ideal Tuan Yang di-Pertua, bagus, baik tetapi oleh sebab kita ada dua sebab, dua, tiga sebab rintangan. Pertama, rintangan pertama. Kadang-kadang balak, kawasan yang dibalak di Semenanjung khususnya, kawasan itu bukanlah

begitu luas sangat. Bukan macam di Sarawak ataupun di Sabah dahulu yang mana kawasannya sampai 10,000 ekar, 20,000 ekar. Jadi, mudah untuk melantik pakar untuk terlibat bersama.

Di Semenanjung kadang-kadang kalau ada hendak lalu TNB punya *line*, dia bagi lesen untuk terbang, tebas mungkin dapat berpuluh batang sahaja. Jadi itu pun dipanggil pembalakan juga, tetapi dia juga menghilangkan hutan. Jadi dalam keadaan sedemikian, walaupun ideal tetapi dari sudut *practicality*nya adalah payah. Akan tetapi walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Lipis, saya tengah mengkaji undang-undang perlombongan oleh sebab perlombongan ini yang ada banyak sistemnya juga. Masa dia masuk buat *investigation* itu sama ada mineral yang dia hendak eksloit itu mencukupi dia punya *reserve* di satu-satu tempat itu, dia masuk dalam hutan.

■1710

Bila dia masuk dalam hutan itu kadang-kadang dibawa, bukan bawa *Land Rover*, bukan dia bawa motosikal, bukan dia jalan kaki tapi dibawa *excavator*, dia bawa lori. Akhirnya, pokok-pokok yang dia lalu itu, ditebang, dijual semua sekali. Jadi pembalakan haram juga. Aka n tetapi dia masuk, akses itu diberi kebenaran oleh kerajaan negeri sebagai untuk membuat penyelidikan sama ada sumber-sumber yang tertentu umpamanya *iron ore*, *gold*, *manganese* dan sebagainya itu wujud di kawasan-kawasan yang tersebut.

Jadi ini kita hendak perkenalkan satu undang-undang baru yang lebih *detail* untuk dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri kerana tiba masanya undang-undang ini dibaharui sebab undang-undang ini sudah lapuk, sudah lama sangat. Itu yang pertama. *Insyah-Allah* kita boleh pertimbangkan kalau dia dalam kawasan-kawasan yang sesuai, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, soalan Yang Berhormat daripada Shah Alam, sebenarnya Yang Berhormat Shah Alam saya sudah bincang dengan banyak pihak soalan ini. Bukan daripada dana kerajaan pusat tapi mewujudkan *trust*. Ini juga dibangkit oleh Yang Berhormat dari Johor Bahru berhubung dengan wujudkan satu *trust fund*, yang mana *trust fund* ini untuk membantu pihak kerajaan negeri supaya tidak membalak dan kita gantikan daripada dia semasa kita memperkenalkan satu sistem ataupun eksploitasi lain hutan produk macam yang *herbal*, bio diversiti lain, benda-benda *eco tourism* dan sebagainya, kita hendak cuba lihat.

Jadi, saya tertanya-tanya dengan diri saya sendiri ada tidak orang di negeri ini macam di negara luar yang boleh membantu dana ini kalau kerajaan beri sedikit sumbangan dahulu, kerajaan pusat, selepas itu pihak syarikat, orang-orang terlibat

dengan industri ini khususnya penggunaan produk hutan boleh menyumbang kepada dana ini dan kita boleh mungkin kita membantu pihak-pihak ini. Dalam masa yang sama saya memang dalam pemergian saya ke Marrakech tidak lama lagi Tuan Yang di-Pertua, berbincang berhubung COP22 pada minggu hadapan di Marrakech, saya hendak membawa soalan kita punya '*Reducing Emission from Deforestation and Forest Degradation*' ini.

Jadi dalam itu kita juga mempunyai dana-dana tertentu selain daripada dana *climate change* punya *fund*. Jadi saya hendak meminta kepada syarikat *donor countries* sama ada dia boleh menyumbang kepada *fund* kalau kita wujudkan *fund* ini untuk *to protect the forest*. Bukan *protect forest* di Malaysia tetapi untuk *memprotect* dunia punya dikatakan *emission*. Jadi dalam keadaan sedemikian, program-program ini masih dalam perbincangan dan tidak terlalu awal saya mengatakan program ini direalisasi tapi Tuan Yang di-Pertua ucap terima kasih lah Yang Berhormat Shah Alam. Ada banyak idea cantik tapi kadang-kadang *delivery system* dia itu salah sikit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sudah 1 jam...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia puji-puji, dia kutuk juga ya Tuan Yang di-Pertua ya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, pohon kalau boleh Yang Berhormat Kuantan diberikan peluang untuk jawab Yang Berhormat Kuantan bahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila. Yang Berhormat Kuantan, isu Yang Berhormat Kuantan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya isu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Berkenaan dengan pencemaran kepada *water catchment area* dan *river catchment* daripada aktiviti-aktiviti perlombongan, pertanian, pembalakan dan saya berbahas daripada aspek *water quality targeting*. Adakah mungkin kita, Yang Berhormat Menteri melihat kepada meminda *the requirement for EIA* seperti yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dalam isu perlombongan di mana *the minimum acreage* itu diturunkan kepada *no minimum acreage*? Adakah mungkin perkara yang sama dilakukan untuk perlombongan, pembalakan, pertanian dan sebagainya? *No minimum acreage* kerana ini memang terbukti menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar.

Yang kedua, saya juga membawa isu *affluent* daripada *sedimentation pond* Lynas yang di bawah pengawal seliaan Jabatan Alam Sekitar. Saya menunjuk kepada

beberapa Standard B *requirement* yang telah tidak ditepati oleh Lynas dalam dia punya *discharge, liquid discharge* daripada *effluent* daripada *sedimentation pond*. Pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebenarnya jawapan yang kedua berhubung dengan Lynas itu ada dalam ini sebenarnya tapi oleh sebab saya sudah kata tadi selepas Yang Berhormat Kuantan itu, saya mintalah oleh sebab satu jam, satu jam lebih sudah. Yang pertamanya ialah bahawa berhubung dengan apa Yang Berhormat cadangkan itu memang sudah dalam perancangan saya. Yang pertama dulu bila saya masuk, dalam masa tidak sampai satu bulan saya *sign*-kan satu peraturan mengubah EIA itu. Selepas ini sebab selaras dengan kajian saya berhubung dengan perundangan baharu untuk perlombongan dan satu lagi undang-undang air yang bakal saya bawa ke Dewan ini. Hanya dua buah negeri saja lagi belum dilawat iaitu negeri Sabah dan negeri Selangor. Saya sudah maklum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor bahawa *team* itu belum diterima masuk ke negeri Selangor.

Tapi negeri-negeri lain semua sudah menerima. Secara prinsipnya tidak ada masalah. Jadi dalam keadaan sedemikian semua ini ada akan dimasukkan dalam perundangan ini Yang Berhormat, soal *catchment area, river reserve, EIA* dan tempat-tempat yang sensitif. Tidak ada soalan berapa besar, luas dan sebagainya. Jadi ini dimasukkan, dirangkum bersama dalam itu. Tapi akhirnya kerajaan negeri terpaksa bekerjasama dengan kerajaan pusat. Kalau tidak kita akan *breach* perlembagaan yang mana tanah, hutan, sumber, semuanya kepunyaan kerajaan negeri dan kita hanya boleh memperkenalkan sokongan dari sudut perundangan, sudut nasihat dan *expertise* saja.

Tuan Yang di-Pertua dengan itu saya sudahi dengan *wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, Lynas.

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Lynas saya jawab secara bertulislah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput giliran Kementerian Pendidikan. Sila.

5.17 ptg.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat petang Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih atas kesempatan untuk penggulungan ini dan saya merakamkan penghargaan terima kasih kepada 42 orang Ahli Yang Berhormat

yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2017 di Peringkat Dasar dan menyentuh pelbagai isu yang melibatkan Kementerian Pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan sebanyak RM43.9 bilion ataupun 16.7 peratus daripada keseluruhan Bajet 2017. Jumlah tersebut merangkumi RM42.89 bilion atau 97.5 peratus untuk Belanja Mengurus dan RM1.09 bilion bagi Belanja Pembangunan.

Antara fokus penggulangan pada petang ini yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam hal yang berkaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan, penyelenggaraan sekolah, hal yang berkaitan dengan Bantuan Pra Persekolahan, penutupan IPG, peruntukan bagi sekolah jenis kebangsaan, TVET, guru dan juga kurikulum dan pentaksiran. Saya suka menyentuh yang pertama ini iaitu yang berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan. Ada 26 orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pandangan, soalan yang berkaitan dengan pembangunan di tempat masing-masing ataupun di peringkat nasional.

Yang pertamanya adalah daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang keduanya daripada Sabak Bernam. Yang Berhormat Sabak Bernam berkaitan dengan Pejabat Pendidikan Daerah. Kita telah senaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Sampai hari ini agensi pusat belum lagi memberi apa-apa surat berkaitan dengan kelulusan mengenai dengan PPD Sabak Bernam.

■1720

Yang Berhormat dari Semporna, Yang Berhormat dari Kinabatangan, terima kasih. SMK Bukit Garam dan juga SMK Sukau, SMK Bukit Garam ini dia ada dua satu SMK Bukit Garam 1 dan satu lagi SMK Bukit Garam. Untuk SMK Bukit Garam 2 ada menerima peruntukan kecil tahun ini melalui Pejabat Pendidikan Daerah dan yang ketiganya SMK Sukau iaitu SMK Sukau ada menerima peruntukan melalui Pejabat Pendidikan Daerah tetapi peruntukan itu hanya pada tahun 2014 di SMK Sukau. Kementerian Pelajaran mengambil maklum bahawa peruntukan untuk SMK Bukit Garam dan SMK Sukau diperuntukkan untuk dilaksanakan pada tahun 2017, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Semporna ada dalam Dewan ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya, Yang Berhormat?
Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Cuma Yang Berhormat Semporna sedang berbincang dengan rakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Buat Tuan Yang di-Pertua, ini memang benar iaitu SMK Bukit Garam, SMK Bukit Garam 1, SMK Sukau,

SMK Paris lagi. SMK Paris ini Yang Berhormat kalau saya tidak silap pecah tanahnya dilakukan oleh Menteri Pelajaran dahulu sekarang jadi Perdana Menteri. Akan tetapi sampai sekarang peruntukannya belum lagi dilaksanakan.

Jadi itu rakyat di sana balik-balik saya masuk kawasan ditanya Yang Berhormat ini sekolah bila dibuat? Saya kata saya telah tulis surat berpuluh-puluh kali dengan kementerian tetapi masih belum ada tindakan. Demikian juga dengan SMK Sukau dan SMK Bukit Garam 1 ini. Ini sekolah berasrama penuh jadi *facilities* dia, tilam dia, bantal dia, perparitan dia, tandas dia semua macam nampak bukan sekolah. Budak-budak tidur di lantai beralaskan simen.

Jadi selaku wakil rakyat yang prihatin saya dermalah tilam, saya dermalah bantal tetapi peruntukan saya pun tidaklah begitu banyak. Bukan macam pembangkang bersuara sahaja dia tidak ada juga derma, ini masalah. Macam kita, kita tegur, kita suara tetapi kita lakukan sesuatu itulah wakil rakyat yang berkesan. Oleh sebab itu kalau saya bertanding menang terus, tidak pernah kalah. Majoriti saya berlipat ganda tiap-tiap kali pilihan raya... [*Dewan tepuk*].

Walaupun pembangkang macam-macam dia cuba tetapi saya rasa ini kali dia cuba dia akan hilang wang pertaruhan lagilah. Jadi minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh isytiharkanlah peruntukan untuk naik taraf sekolah berasrama penuh ini. Kasihan budak-budak kalau perlu saya akan bawa Yang Berhormat untuk melawat ketiga-tiga sekolah ini bila-bila masalah. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Setuju Yang Berhormat kita melawat ke Kinabatangan, setuju. SMK Paris ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Semporna bangun.

Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya sedar apa peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri amat berat. Itu yang saya tumpu ke perbahasan sepatutnya peruntukan diberikan banyak untuk membolehkan belanja *human resource development* ini amat penting sekali. Saya hendak bertanya, pertama saya pun sudah berhubung dengan Yang Berhormat satu buah sekolah rendah yang kebakaran di Selakan, Pulau Selakan itu.

Fasal SK itu sekolah rendah itu pun buat daripada papan sudah lama sudah. Di situ tempat nenek moyang saya. Nenek kepada bapa nenek saya dikebumikan di situ. Jadi saya sendiri berhubung dengan Yang Berhormat dahulu ingat tidak tahu Yang Berhormat pun tahu saya minta tolong supaya binalah. Jangan bina papan sahaja, satu.

Sekolah Kabogan, SK Kabogan pada saat ini dia pun dibina separuh papan. Sudahlah sekolah ini paginya digunakan untuk SK sekolah rendah, petangnya digunakan untuk sekolah menengah. Jadi ini yang membimbangkan saya keadaan daripada segi pembangunan ini saya harap sungguhlah Yang Berhormat Menteri banyak sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua hendak timbulkan tentang sekolah-sekolah ini dan saya harap perhatian tentang sekolah luar bandar ini dapat dititikberatkan.

Jangan hanya dalam bandarlah. Bandar ini saya sokong penuh kalau sekiranya peruntukan diberikan kepada Yang Berhormat Menteri, lagi banyak sekolah banyak bantuan had simen sudah yang ini anak-anak kampung kita. Sudahlah Kota Marudu saya buat lawatan dekat sekolah dia dahulu pun di Sekolah Rendah Kota Marudu sampai saya belanja sendiri RM5,000 hantar kepada pegawai daerah hendak bagi beli berus gigi dengan *Colgate*. Had kantin dia tanah liat.

Tidak ada tempat bila saya lawat saya beritahu dengan Yang Berhormat Kota Marudu ini saya pun marah dengan dia, dia Menteri sudah lama sudah. Kenapa tidak bersuara sangat tentang perkara ini. Saya ingat ini penting bagi kita tentang bagaimana seperti yang saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua mengimbangi kemajuan pembangunan. Kita masih merasa nak cerita tentang *human resource* tenaga guru-guru dia *you know*, saya bimbang sangat ini belum lagi hendak cerita ini baru prasarana.

Dahulu kita ada skim hendak belanja supaya beli komputer, dikomputerkan semua sekolah. Had yang hendak bagi komputer SK Selakan bekalan elektrik pun tidak ada. Letak skor komputer dekat stor sahaja. Tidak akan perancangan *is not comprehensive* daripada segi membantu umat selepas itu budak-budak ini menganggur kasihan dia fasal pendidikan dia tidak begitu meningkat sangat.

Saya hendak cuma bela sahaja rakyat bukan fasal apa. Jadi saya berharap sungguh satu buah sekolah rendah yang pinjam-meminjam di Kabogan ini. Rasa dahulu pun sudah keluar surat khabar, saya bimbang sangatlah. Di SK Bugayah pun ada satu permasalahan yang ditimbulkan. Saya berharap sungguh Yang Berhormat Menteri, saya tahu saya sedar ada kekangan kewangan Yang Berhormat Menteri. Itu yang saya minta saya sokong bagi kewangan dekat dia. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat Semporna. Bagi menjawab yang pertama tadi Yang Berhormat Kinabatangan berkaitan dengan SMK Paris dan juga SMK Sukau, SMK Bukit Garam 1 itu. Jadi saya sedar macam SMK Bukit Garam 1 itu memang ada peruntukan tahun 2015 untuk mengganti peralatan yang rosak. Cumanya SMK Paris ini saya tidak dapat lagi dari sana tetapi apa pun saya akan berusaha untuk melihat ketiga-tiga yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk dibantu pada tahun 2017.

Berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semporna saya sedar salah satu daripada perkara yang berkaitan dengan pendidikan ini. Kita ada sebenarnya 10,176 buah sekolah di seluruh negara, 10,176. Sekolah ada di bandar, sekolah ada di pinggir bandar, sekolah ada di luar bandar dan yang keempatnya sekolah berada di pedalaman. Pedalaman ini kita ada tiga kategori pedalaman, Tuan Yang di-Pertua. Satu dipanggil pedalaman 1, satu dipanggil Pedalaman 2, dan satu dipanggil Pedalaman 3. Di Sarawak, di Sabah, di Kelantan, di Terengganu dan di Pahang ada kawasan yang dipanggil P1, P2 dan P3. Jadi kita boleh bayangkan macam mana Pedalaman 3 yang kemudahan-kemudahan asasnya sememangnya tidak ada. Saya sudah sampai di Sarawak dan juga di Sabah.

Baru-baru ini saya di Tenom dan saya pergi ke sebuah sekolah, Sekolah Kebangsaan Tilis yang perjalanannya dua jam setengah dari Pekan Tenom dan bersama dengan Ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen Tenom. Jadi kita tengok bahawa sememangnya banyak sebenarnya keperluan untuk kita satukan ataupun kita beri peruntukan *especially* yang melibatkan kawasan-kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan Pedalaman 2 dan Pedalaman 3. Ramai rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini yang sekolah-sekolah mereka datang dari pedalaman.

Di negeri Sabah sahaja Yang Berhormat, di kawasan pulau dari Semporna ke Lahad Datu ke Sandakan hinggalah ke Kudat dan sehinggalah ke Kota Belud, sekolah kebangsaan di Pulau Mantanani ada 67 buah sekolah di sekolah-sekolah kebangsaan yang perlu dilihat. Di Kudat sahaja ada 14 buah sekolah kebangsaan dan satu buah sekolah menengah di Pulau Bangi misalnya.

Jadi ini kita kalau kita hendak tengok secara menyeluruh hal yang berkaitan dengan pembangunan dan saya akan ambil perhatian seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Semporna tadi berkaitan dengan dua buah sekolah yang disebut tadi dalam masa yang kadar yang segera inilah.

■1730

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat Menteri kalau boleh saya cadangkan, Oleh sebab kemungkinan kekangan kewangan itu amat terbatas daripada segi kerajaan untuk menyalurkan peruntukan kepada sektor yang disebutkan tadi. Cuma mungkin Khazanah yang mempunyai lebih daripada kewangan dia, daripada dia buat Tugu Peringatan RM600 juta itu tidakkan tidak boleh guna duit ini, salurkanlah sedikit kepada Kementerian Pelajaran untuk membina insan, manusia kita. Ini kerana saya bimbang, saya tahu apa kekangan. Kadang-kadang di Pulau Selakan pelajar tidak ramai sangat tetapi memerlukan pendidikan. Hendak bawa ke Pulau Bumbu dia akan memerlukan bot dan kita tidak boleh menampung. Di pekan

daerah Semporna saya ada sediakan dua buah bas percuma untuk membolehkan anak-anak dari Pekan Semporna sampai ke SMK Abdullah sampai ke SMK Bugaya.

Kementerian Pelajaran tidak bantu, kita bantu daripada gaji kita, potong gaji Parlimen untuk pastikan supaya anak-anak dapat pendidikan. Cuma bot saya bimbang sangat kalau boleh mungkin kita ada sekolah-sekolah di situ yang terbakar, anak-anak ini hantar mereka ke tempat-tempat sementara menunggu kemudahan itu dapat disediakan untuk membolehkan anak-anak ini belajar. Apa yang saya amat terdesak di sekolah yang menumpang ini. Yang Berhormat meminta sungguhlah fasal pagi dia sekolah rendah, petang dia sekolah menengah. Kemudahan dia tidak begitu lengkap untuk sekolah menengah buat eksperimen, buat sains, mata pelajaran pendidikan Sains.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: SK Kabogan. Okey yang seterusnya yang dibangkitkan oleh rakan Ahli Yang Berhormat adalah dari Yang Berhormat Labuan yang berkaitan dengan Kolej Vokasional Labuan. Statusnya kini adalah dalam peringkat penyediaan reka bentuk dan projek dijangka bermula di tapak pada tahun 2017. Itu Kolej Vokasional Labuan untuk menaik taraf Kolej Vokasional Labuan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat boleh tanya satu. Saya ingat saya ada sentuh juga soal Institut Perguruan di Sabah.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Itu ada Yang Berhormat saya jawab. Biar saya jawab ini.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat boleh tanya soal Sekolah Vokasional Labuan. Dia ada satu insiden. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang soal penuntut-penuntut...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya nampak Yang Berhormat Putatan dengan Yang Berhormat Labuan tetapi Yang Berhormat Putatan hendak bangun, sila-sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Labuan suruh saya tanya sebab ada satu insiden penuntut-penuntut itu tidak dibayar elaun makan oleh pihak pengurusan vokasional ini. Adakah ini berlaku di seluruh negara ataupun di Labuan sahaja tiga bulan yang lalu?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Perkara itu telah kita selesaikan. Itu perkara yang melibatkan seluruh negara pada waktu itu. Ada sedikit teknikal dan pembayaran telah dibuat pada waktu Yang Berhormat bertanya pada saya itu, pada hari yang saya itu esok pagi itu pelajar-pelajar sudah dapat.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang Berhormat Limbang ada membangkitkan mengenai dengan Sekolah Menengah Kebangsaan dan juga Sekolah Kebangsaan Tanjong. Kedua-dua sekolah ini sudah ada peruntukan dan sekarang menunggu daripada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah Limbang kelulusan. Dibangkitkan juga mengenai dengan SMK Limbang, sebuah sekolah menengah. Sekolah itu telah diluluskan dalam RP1 tahun 2016.

Yang Berhormat Tebrau. Ini mengenai dengan masalah pendawaian di sebuah sekolah SMK Tebrau. Yang Berhormat Tebrau ada? Ada. Kelulusan daripada Kementerian Kewangan telah diterima untuk proses kepada kerja-kerja di SMK Tebrau.

Yang Berhormat Putatan berkaitan dengan pengagihan peruntukan bagi sekolah-sekolah yang telah disebut sebagai pakej rangsangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sukalah saya menyebut di sini bahawa pakej rangsangan itu untuk semua sekolah. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Menengah Mubaligh. Itu semua disebut iaitu diberi RM50 juta tiap-tiap daripada jenis sekolah itu di bawah Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah.

Yang Berhormat Tanah Merah. Ini Yang Berhormat Tanah Merah berkaitan dengan kebersihan di sekolah termasuklah juga tandas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tanah Merah kita di bawah RMKe-10 misalnya sebelum ini sekarang RMKe-11, RM280 juta untuk pembinaan 350 projek kemudahan pejabat guru, dewan, padang dan juga tandas diadakan. Sebanyak 161 projek-projek baru yang melibatkan peruntukan bagi tandas dan juga pejabat guru sedang diadakan di kebanyakan di sekolah. Di Kelantan sahaja misalnya kita ada projek di Kota Baharu, Pasir Puteh, Pasir Mas dan juga di Tanah Merah.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri tentang menjawab soalan yang saya kemukakan. Isu yang saya turut bangkitkan selain daripada kemudahan tandas ialah kebersihan tandas tersebut. Saya tahu bukannya perkara yang mudah hendak menangani kebersihan. Cuma kebanyakan tandas-tandas sekolah khususnya di kawasan luar bandar, kebersihan agak teruk. Jadi ia lebih kepada mungkin pihak sekolah tersebut kena mungkin pihak kementerian hantar surat pekeliling bagi memastikan kebersihan tandas yang sudah ada selain daripada kemudahan tandas hendak diadakan, tandas yang sedia ada itu perlulah dalam kedudukan bersih. Oleh sebab hari ini kalau kita kata kita pergi tandas sekolah kebanyakan cukup membimbangkan kurang bersihlah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih atas pandangan daripada Yang Berhormat Tanah Merah berkaitan dengan kebersihan di sekolah ini. Sebenarnya kalau kita cakap fasal kebersihan ini, satu kita ada kontraktor pembersihan di sekolah dan juga kita ada program yang dikendalikan. Akan tetapi kita agak sensitif sedikit kalau kita hendak buat program dalam bentuk gotong-royong di sekolah yang melibatkan kebersihan tandas ini. Ini sebab kalau kita buat macam itu kita takut nanti ibu bapa ataupun keluarga nanti menjadi masalah. Jadi sekarang ini kita tidak jadikan dia sebagai satu yang kemestianlah di sekolah. Maknanya ini terpulang kepada bagaimana sekolah mengendalikan. Jadi kita tidak ada pekeliling-pekeliling mengatakan kena buat gotong-royong, kena buat itu dan sebagainya.

Apa yang boleh kita buat adalah terpulang kepada sekolah bagaimana mereka mengendalikan urusan yang melibatkan keluarga, ibu bapa. Ada sesetengah sekolah yang dalam di tempat kita ini di sesetengah negeri dia minta melalui PIBG atau saranan ibu bapa. Dia berkumpul dengan ibu bapa dan mereka membuat pembersihan bersama, bergotong royong di sekolah. Itu adalah yang terbaik sebenarnya selain daripada kebersihan yang dibuat. Terima kasih kepada....

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri mengenai tandas yang bersih ini. Saya rasa sampai masanya dalam pendidikan kita daripada sekolah kebangsaan atau sekolah rendah, kita mendidik anak-anak kita supaya penjagaan tandas tanggungjawab bersama. Kalau kita boleh menanamkan sifat ini daripada awal maknanya secara beransur-ansur daripada Tahap Satu sehingga ini maka kita akan menghasilkan atau mendapat sebuah generasi yang mengambil tanggungjawab membersihkan tandas selepas kita menggunakan.

■1740

Jadi kalau dimulakan kempen ini sebagai bentuk kempen pendidikan, syaratnya setiap tandas perlu ada peralatannya. Perlu ada berusnya, perlu ada airnya yang mencukupi dan setiap kita bila keluar tandas, pastikan tandas itu bersih. Saya ingat kita mulakan sebagai pendidikan secara beransur dan akhirnya kita tidak ada lah masalah setiap kali perlu- kalau kita buat gotong-royong, makna tandas itu sudah teruk sangat. Akan tetapi *maintenance* kita dapat menjaga itu lebih baik daripada buat satu gotong-royong. Itu cadangan saya. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun nak-boleh ya Yang Berhormat Menteri?... Okey, terima kasih.

Saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja dan juga Yang Berhormat Tanah Merah sebab budaya tandas bersih ini kemungkinannya perlu kita mulakan daripada peringkat sekolah lagi. Sebabnya anak-anak kita ini, Yang Berhormat Menteri, kalau kita amalkan penggunaan tandas yang bersih dan penjagaan tandas sehingga bersih daripada sekolah itu sendiri, jadinya kebaikan itu nanti akan dibawa sehingga mereka itu dewasa. Kita sudah menuju ke arah negara maju, sebab itulah perkara mudah seperti yang tandas ini perlulah kita tekankan terutamanya di peringkat sekolah itu lagi.

Jadinya saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memulakan ataupun mengarahkan pihak sekolah mempunyai budaya menjaga kebersihan tandas ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Parit Sulong atas cadangan itu. Saya ambil serius bahawa memang sepatutnya itulah yang kita kehendaki pun, bagaimana kita boleh mendidik daripada peringkat awal.

Jadi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, salah satu lagi yang kita tekankan ini ialah kita hendak supaya daripada pra sekolah lagi. Saya telah mencadangkan kepada kerajaan bahawa daripada pra sekolah ini, daripada umur empat tahun hingga lima tahun sebelum mereka masuk ke sekolah kebangsaan yang dikenali sebagai pendidikan awal kanak-kanak ini, perlu sebenarnya kita mengubah sedikit kurikulum yang berkaitan dengan persekitaran, alam sekitar, kebersihan dan juga budaya hidup.

Jadi untuk tujuan itu, kita telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa tertinggi yang melibatkan semua yang menjaga hal ehwal sekolah-sekolah tadika ini, *early childhood care education* daripada Kementerian Pendidikan, daripada Kementerian Luar Bandar- ada KEMAS, daripada Jabatan Perpaduan Negara- mereka ada sekolah tadika, dan juga daripada sektor swasta yang membuka sekolah-sekolah swasta.

Jadi kita hendak yang pertamanya ialah supaya ada pengubahsuaian daripada segi proses pembelajaran di sekolah yang membolehkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya anak-anak ini boleh faham apa yang sepatutnya yang berkaitan dengan kebersihan, alam sekitar, disiplin, budaya hidup masing-masing kemudian mereka akan pergi ke sekolah kebangsaan dan seterusnya ke sekolah menengah dan ke pusat-pusat pengajian tinggi. Terima kasih atas cadangan dan saya ambil maklum secara serius berkaitan dengan perkara kebaikan tandas.

Yang Berhormat Setiu ada membangkit...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Sedikit Yang Berhormat. Satu minit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah atas usaha keprihatinan pihak Kementerian atas kebajikan para pelajar. Saya ingin tahu dalam pemantauan atau pun dalam maklumat Kementerian, setakat ini ada beberapa buah sekolah lagi yang tidak ada kemudahan tandas, yang tidak ada kemudahan elektrik dan tidak ada kemudahan air bersih? Jadi ini mungkin menjadi fokus untuk masa depan kita. Jadi minta penjelasan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: *Detail* itu, Yang Berhormat Rantau Panjang, saya tidak dapat bagi. Nanti saya boleh bagilah secara bertulis.

Akan tetapi boleh saya sebut beginilah. Bahawa kalau kita ada masalah ini, kita masalah di kawasan pedalaman yang saya sebut tadi yang disebut sebagai P3 dan P2. P3 pun ada sekolah yang sememangnya jaraknya dengan grid ini, sama ada di Sarawak atau di Sabah atau di Semenanjung ini sendiri, sekolah dengan grid lebih daripada 80 kilometer. Ada sekolah yang gridnya dengan *national grid* atau dengan *Sarawak grid* ini lebih daripada 120 kilometer. Maknanya, ia tidak mungkin boleh dapat bekalan elektrik. Apa yang berlaku di situ adalah melalui genset yang dipasang oleh kementerian di sekolah-sekolah itu.

Dan yang keduanya air, air bersih. Saya akui sememangnya ada sekolah yang menggunakan daripada sumber air dalam tanah kemudiannya diproses dan dibagi, itu betul apa yang berlaku. Jadi jumlah itu saya tidak dapat nak nyatakan di sini tapi sememangnya ada.

Saya pergi ke Sekolah Kebangsaan Tohoi di Gua Musang, misalnya. Sekolah itu bekalan elektrik ada sampai di situ tapi untuk bekalan air kita menggunakan macam Yang Berhormat menyebut tadilah.

Baik, Yang Berhormat Setiu sebut mengenai dengan CCTV. Adakah sekolah-sekolah yang berisiko tinggi ada CCTV dipasang di sekolah? Memang ada Yang Berhormat. Malah di Setiu pun ada CCTV yang dipasang di setengah-setengah sekolah. Misalnya, di Setiu ini SK Bintang, SK Lembah Jaya, SMK Tengku Ibrahim, SMK Pelong, SK Lembah Bidong, Sekolah Menengah Agama Setiu dan banyak lagilah kalau saya nak baca. Maknanya ada. Ada sekolah-sekolah yang dipasang CCTV dan ada sekolah yang belumlah tetapi ini yang saya sebut ini yang telah dipasang CCTV.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sedikit Yang Berhormat Menteri. Cuma saya minta supaya disambungkan kepada balai polis berdekatan supaya lebih pemantauan boleh dibuat dengan lebih kemas lagi. Itu yang saya nak minta.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Rantau Panjang membangkitkan mengenai dengan sekolah-sekolah daif dalam negara kita dan penyelesaiannya. Kalau mengikut bajet, lebih kurang dalam 20 peratus.

Jadi sukalah saya sebut kepada Yang Berhormat bahawa dalam sekolah-sekolah daif yang kita sebut tadi, kita pergi ke prioriti. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet umum 122 buah sekolah daif dan daripada itu, ada sekolah yang kita buat melalui konvensional, maknanya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah *Rolling Plan* yang pertama. Dan *Rolling Plan* Kedua juga kita buat sekolah dan kemudian yang ketiganya kita buat melalui penyelenggaraan-penyelenggaraan kecil.

Dan saya telah mengambil perhatian serius mengenai dengan sekolah yang lebih daripada 25 tahun yang perlu juga pendawaian semula ke atas sekolah. Itu pun sangat penting. Kita telah mendapat maklumat itu dari jabatan-jabatan pendidikan negeri yang telah diminta melalui pejabat-pejabat pendidikan daerah. Ada sudah dekat dengan Kementerian prioriti yang ada di negeri.

Contohnya, kalau kita sebut- sebenarnya ada sekolah yang 50 hingga ke-100 tahun. Ada sekolah yang boleh disebut 20 hingga ke-50 tahun. Dan ada sekolah di bawah daripada 20 tahun. Kita ambil contohlah. Misalnya baru-baru ini di Pulau Pinang- *Penang Free School* misalnya, *celebrate* sambutan hari yang ke-200 tahun. Jadi ada sekolah tidak banyak 200 tahun tapi banyak sekolah sebenarnya berada dalam sekitar daripada 50 ke-80 tahun, banyak sekolah berada di situ. Dan banyak sekolah yang sekarang ini tengah sambut 50 tahun, *golden jubilee*. Jadi ini kita ambil perhatian bahawa ada banyak sekolah yang perlu diberi keutamaan daripada segi pendawaian elektrik dan juga penyelenggaraan lain.

Kita nak ucap terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menggunakan peruntukan Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen untuk membantu sekolah-sekolah di tempat-tempat Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri [*Tepuk*] Banyak saya sedar bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat telah bagi banyak sumbangan dan bantuan berkaitan peruntukan di sekolah, bukan sahaja untuk pembangunan tetapi juga untuk program-program dalam kawasan masing-masing.

■1500

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya hendak penjelasan sebab saya bangkitkan isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat. Dalam perbahasan saya sebut tentang kekurangan dana yang dihadapi oleh sekolah. Contoh, pembelian kertas dalam pengurusan pejabat, guru terpaksa bagi bajet sendiri. Bagi Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, mereka diberi peruntukan tapi bagi kami Ahli Parlimen pembangkang, satu

sen kami tak diberi peruntukan. Daripada awal sampai sekarang kami tak ada. Jadi, macam mana kami hendak memberi bantuan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan sedangkan kami sendiri dinafikan hak dan peruntukan? Jadi, minta penjelasan dalam isu ini.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Ada dua persoalan yang ingin saya timbulkan. Pertama yang ada kait mengait tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tentang sekolah-sekolah daif, sekolah-sekolah yang mundur di luar bandar. Dalam perancangan pendidikan yang disebutkan ada meletakkan matlamat mahu menjadikan sekolah ini bertaraf dunia menjelang 2020. Jadi, kalau kita lihat antara matlamat dengan realiti itu ada *gap* yang agak besar. Saya ingin tahu apa rancangan Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk mengadakan satu lompatan saujana untuk mencapai matlamat itu?

Itu yang pertama, yang kedua yang berkaitan dengan bantuan ke sekolah-sekolah. Saya dari ahli wakil rakyat pembangkang ada program untuk membantu sekolah-sekolah. Sebelum ini pun kita ada membantu sekolah-sekolah daripada segi bantuan murid-murid untuk kembali ke sekolah dan kita ada program pada tahun depan untuk membantu membekalkan buku-buku untuk perpustakaan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan sekolah-sekolah ini takut hendak menerima kita. Sebab bila pengetua menerima “pembangkang” datang, yang memang latar belakang saya daripada pendidikan dan memang kasih kan pendidikan, hendak membantu, mereka mula dicap. Jadi, saya ingin mendapatkan jaminan daripada Yang Berhormat Menteri, kehadiran saya dengan tujuan untuk membantu sekolah dan pelajar itu tidak mengorbankan kedudukan pendidik, pengetua dan guru-guru besar sekolah berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato’ Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang tadi yang bercakap mengenai dengan hal yang berkaitan dengan bajet, hal yang berkaitan dengan keperluan. Sebenarnya, pada asasnya saya hendak sebut di sini bahawa daripada segi itu kita mempunyai- hal yang berkaitan dengan bajet ini ia bergantung bagaimana pengurusan di peringkat Jabatan Pendidikan yang pergi kepada PPD dan kemudiannya kepada pentadbiran sekolah. Sebabnya saya nak sebut di sini kita mempunyai contoh. Saya boleh sebut di sini bahawa bajet yang disediakan itu, perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan sekolah itu sememangnya sudah dimasukkan dan ada sebahagiannya sudah dimasukkan dalam *central contract*. Perkara itu sememangnya telah diuruskan melalui kontraktor-kontraktor yang telah dilantik kepada pihak sekolah ataupun pihak di negeri-negeri tertentu.

Berbangkit mengenai Yang Berhormat Batu Pahat, itu saya ingat sebab saya ambil yang ini dulu bahas. Jadi, yang itu saya tidak bahas. Kita boleh cerita kemudian Yang Berhormat. Yang Berhormat Hulu Rajang ada tak? Baram? Baram dibangkitkan mengenai dengan Sekolah Kebangsaan Long Laput. Long Laput sudah dimasukkan dalam senarai untuk pembinaan melalui IBS tahun 2017, Yang Berhormat. Long Bario, telah dilaksanakan Projek Sekolah Kebangsaan Long Bario oleh sebuah kontraktor dan dijangka dilaksanakan pada Disember 2016 dalam tempoh 13 minggu. Yang Berhormat Penampang?

Seorang Ahli: Tak ada.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Sepanggar? Ini Yang Berhormat ada membangkitkan dengan mengenai sekolah daif dalam Parlimen Sepanggar yang perlu dinaik taraf seperti Sekolah Kebangsaan Poring-Poring. Kita telah membuat penyelenggaraan fizikal bangunan Blok 'A' dan Blok 'C' di, Sekolah Poring-Poring. Sekolah Menengah Agama Tun Ahmad Shah, penyelenggaraan sistem kumbahan berhampiran asrama dan kawasan masjid. Sekolah Kebangsaan Lapasang, kerja-kerja penyiapan makmal komputer. Yang Berhormat Sepanggar juga membangkitkan mengenai perlunya sebuah sekolah menengah iaitu SMK Kolombong yang telah dipohon dan pihak Kementerian Pelajaran telah memasukkan dalam RP2 untuk Rancangan Malaysia ke-11. Dengan skop projek pembinaan sekolah dan juga dewan serba guna dan kemudahan-kemudahan berkaitan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sentuh tentang Sekolah Alam Mesra dan Kibagu. SMK Kolombong ini memang sudah ada, siap sudah lama. Saya tidak nampak ada apa-apa kekurangan di situ. Dewan Sekolah Kebangsaan Kolombong ini sebenarnya saya telah memberikan peruntukan RM150,000. Akan tetapi Pengarah Pendidikan Negeri tidak berminat untuk menerima peruntukan daripada saya ini kerana saya digantung, begitu juga sekolah-sekolah lain. Sekolah-sekolah lain pun saya bagi peruntukan untuk bina dewan terbuka. Akan tetapi ini masalah pengarah pendidikan ini dia mungkin mahu bertanding akan datang barangkali. Yang Berhormat Menteri, ada satu buah sekolah, Sekolah Tombongon ini usia dalam 50 tahun agaknya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepanggar, Pengarah Pendidikan ada baru dilantik baru-baru ini. Manakah satu- yang ini kah, atau mantan?

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang baru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekolah Kebangsaan Tombongon ini usia dalam 50 tahun dan tiangnya pun masih tiang kayu balak saya lihat dan perlu disegerakan kerana saya lihat pihak Jabatan Kerja Raya telah mengisytiharkan salah satu buah bangunan ini tidak selamat untuk

digunakan. Satu perkara lagi Yang Berhormat Menteri, kebanyakan sekolah-sekolah daif di kawasan DUN Inanam ini di pinggir bandar, perlulah dilihat secara teliti kerana semua sekolah ini berkeadaan amat daif. Sekolah Telungan pun daif, kalau dilihat memang ada beberapa buah bangunan tidak selamat untuk digunakan. Jadi, kita bimbang ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Ini akan membebankan kita untuk menjawab. Sementara sekolah yang sepatutnya ditutup iaitu Sekolah Ruminding. Guru tujuh orang, murid enam orang. Jadi, saya fikir ini perlu difikirkan untuk ditutup dan murid-murid itu dipindahkan ke sekolah...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sekolah apa Yang Berhormat ?

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Sekolah Kebangsaan Ruminding. Lebih banyak guru daripada murid. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengambil perhatian mengenai Sekolah Kebangsaan Tombongon.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya sekolah SKM dipanggil. Sekolah kurang murid ini kalau nak dianggap, kita ada- daripada 10,176 buah sekolah di seluruh negara, yang dipanggil SKM, bawah daripada 150 orang murid ke bawah ada 3,000 buah sekolah. 3,000 buah sekolah bawah pada 150 orang murid. Dari 150 orang murid itu kita boleh kategori pula sekolah yang bawah 100 orang murid dan kita boleh kategori pula 50 orang murid dan kita boleh kategori pula yang akhir sekali 10 orang murid.

■1800

Jadi kalau hendak dikirakan 3,000 buah sekolah SKM ini perbelanjaan dia untuk keseluruhan sekolah itu lebih daripada RM400 juta. Sebenarnya kita tanggung daripada segi perbelanjaan terhadap sekolah. Oleh sebab dalam sistem pendidikan kita, kita telah menyatakan bahawa pendidikan ini untuk semua, *education for all*. Jadi maknanya kita kena bagi semua pendidikan ini. Oleh sebab itu ada kes yang melibatkan ada pelajar di sebuah sekolah SRJK(C), sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang pelajaranya hanya ada tiga orang pelajar, cikgu kena ada 11 orang tetapi kita tak tutup sekolah itu, kita tak tutup dan kita meneruskan persekolahan di tempat itu.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [Bangun]

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ini Yang Berhormat duduk dulu, saya sedang menerangkan. Sekejap lagi saya bagi Yang Berhormat. Fasal ini yang berkaitan dengan Yang Berhormat Sepanggar. Jadi sebab itu dia merupakan satu sistem yang mana pada saya, pada waktu ini tak bolehlah kita hendak- melainkan keluarga itu sendiri atau ibu bapa itu sendiri bersetuju untuk dipindahkan ke tempat lain.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan pendirian kementerian yang mana pendidikan untuk semua, *education for all*. Saya bagi pihak sekolah menengah jenis kebangsaan ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tahun ini bajet yang akan diperuntukkan K-O-S-O-N-G, kosong. Tidak ada satu sen pun diperuntukkan kepada 78 buah sekolah SMJK. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengubah ataupun meminda kesilapan ini? Ini kerana pada tahun 2016, bajetnya RM25 juta tetapi tahun 2017 kosong, satu sen pun tak ada. Kasihanlah pelajar-pelajar di SMJK ini dan saya harap apabila Yang Berhormat Menteri boleh meminda kesilapan ini dan sekurang-kurangnya memberi RM50 juta kepada sekolah tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Itu saya akan jawab kemudianlah, saya akan ambil perhatian apa yang disebut oleh Yang Berhormat.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja mengenai...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya hendak jawab soalan ini, tak habis lagi. Okey, yang berkaitan?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Hanya sedikit sahaja.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tadi Yang Berhormat Taiping ada mengatakan bahawa pada tahun ini tiada peruntukan untuk sekolah menengah jenis kebangsaan Cina. Sebenarnya sehingga sekarang, kebanyakan daripada SMJK masih belum menerima peruntukan yang telah pun diluluskan pada tahun lepas. Jadi saya mohon perhatian kementerian supaya peruntukan tersebut dapat diturunkan kepada semua sekolah ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ambil perhatian atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kedua-dua orang tadi.

Yang Berhormat Julau? Yang Berhormat Julau membangkitkan mengenai dengan hal yang berkaitan dengan kebakaran dan juga pencegahan kebakaran di kawasan-kawasan di pedalaman. Sukalah saya menyebut di sini bahawa seperti yang saya sebut tadi bahawa pendawaian elektrik di sekolah-sekolah di pedalaman ini telah diambil kira dalam peruntukan ini untuk kita membuat *priority* penajajaran di manakah yang perlu kita beri keutamaan dalam pendawaian elektrik.

Yang Berhormat Mukah? Yang Berhormat Kudat, tak ada ya? Okey, saya hendak beralih kepada keduanya yang berkaitan dengan bantuan persekolahan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [Bangun]

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Kanowit belum, Yang Berhormat Menteri. Kanowit, Kanowit.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Hulu Langat.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang ada dah? Ada minta sedikit.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: *Sat, sat, sat.*

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tak sabar dah.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sekejap.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tak , Hulu Langat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya, ya.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Pelangi Semenyih yang saya difahamkan dalam *rolling plan* satu itu sudah tetapi bila hendak dibinakan sekolah?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya minta maaf, saya tak tengok tadi. Memang Pelangi Semenyih ada dalam senarai RMKe-11, RP1. Sekarang sudah dilantik perunding untuk tujuan ini, terima kasih. Sila Yang Berhormat Kanowit.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mungkin soalan dari Kanowit belum dijawab tetapi saya setuju dengan apa yang telah diutarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan sekolah-sekolah terutamanya di luar bandar P1, P2, P3. Memang betul masalah yang telah disebut itu memang kalau di kawasan Kanowit memang ia adalah sama. Dari bangunan, daripada *boarding school* dan sebagainya, sekolah yang daif kekurangan, bermacam-macam. SKM pun ada. Jadi soalan yang saya bangkitkan masa perbahasan ialah satu, berkenaan dengan *internet connectivity* dan yang kedua adalah dengan *cluster school*, kepada sekolah-sekolah SKM yang dahulu disebut-sebut tetapi sekarang ini saya ingat di kawasan pedalaman mungkin tak tahulah berapakah sekolah *cluster school* itu sudah dibuat untuk menggabungkan sekolah-sekolah SKM ini menjadi sekolah yang besar. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat?

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ketika dalam ucapan saya, saya minta dalam 30 buah sekolah di negeri Sarawak akan dinaik taraf. Saya mohon SK Long Busang dan SK Lepong Gaat kalau boleh masukkan dalam 30 buah sekolah yang disenaraikan itu. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, Stampin. Hendak tanya Yang Berhormat, isu tentang UEC akan dijawab tak? Daripada Stampin. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Soalan UEC tak dijawab.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Kenapakah tak dijawab? Saya dari Stampin ada bahas dalam perbahasan saya, terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ada tetapi oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri dah jawab di dalam kamar pada hari itu, jadi saya tak jawab.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, soalan saya spesifik dalam perbahasan saya terhadap UEC.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak apalah, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab mengenai dengan UEC...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Akan tetapi dia tidak menjawab soalan saya yang spesifik iaitu adakah pihak Sarawak pernah berunding dengan pihak kerajaan tentang pengisytiharan UEC? Ini jawapan *very specific*. Kalau ada runding, bilakah mereka berjumpa dengan pihak kerajaan dan membawa perundingan? Apakah langkah positif yang telah pun diadakan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, mengenai pengiktirafan sijil UEC. Ya, memang hari itu saya ada bentangkan isu pengiktirafan sijil UEC di dalam kamar khas. Jawapan yang diberi standard. Ketika perbahasan saya, saya ada mengutarakan sebenarnya sebelum ini Yang Berhormat Senator Timbalan Menteri ada banyak kali sebut bahawa UEC akan diiktiraf tidak lama lagi. Jadi kami harap di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jawapan ataupun penjelasan mengenai status pengiktirafan. Jikalau akan diiktiraf tidak lama lagi, adakah usaha yang telah pun dijalankan oleh pihak kementerian dalam mengiktiraf sijil UEC? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya tidak bercadang untuk menjawab- saya tidak bercadang untuk menjawab soalan spesifik mengenai dengan UEC. Cuma saya ingin menjelaskan bahawa kalau ada apa-apa rundingan pun, biarlah kami dalam kerajaan selesaikan dulu rundingan. Sama ada rundingan itu melibatkan parti-parti yang ada dalam kerajaan ataupun pegawai-pegawai yang ada dengan ahli-ahli akademik dan juga badan-badan bukan kerajaan yang bersesuaian yang kita boleh bawa berbincang. Kita selesaikan dulu di sini dan lepas itu kita akan nyatakan kepada rakyat kemudian yang boleh. Okey?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, *I think it's very important to have a time frame.* Masalah ini sudah 30 tahun, tak boleh kita tunggu lagi. Berapa lama lagi kita hendak tunggu? Ketua Menteri sudah pun katakan polisi UEC ini polisi yang *stupid* kerana tidak mengisytiharkan UEC. Jadi ini isu yang penting bagi negeri Sarawak. Saya harap Yang Berhormat boleh jawab soalan spesifik ini.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak apa, Yang Berhormat tunggu. Yang Berhormat sabar, Yang Berhormat jangan marah-marah. Sampai masa, kita akan bagi tahu tetapi tak boleh hari ini. Yang Berhormat suruh, paksa saya cakap sesuatu yang saya sendiri tak boleh menjelaskan lagi.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Bagi satu masa boleh kah? Masa jangkaan, satu masa supaya kita boleh jadi- sudah 30 tahun.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, sebenarnya Yang Berhormat Stampin ini dia sudah cukup sabar menanti. Masalah UEC ini Tuan Yang di-Pertua, sudah timbul sejak 45 tahun.

■1810

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Bukan 45, lebih dari 45 tahun.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Mungkin lebih. Maka bolehkah saya minta jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri orang bijaksana, penuh sabar tetapi kesabaran ada hadnya. Jika nak iktiraf, saya rasa sekarang ini di negara kita, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah iktiraf, Kerajaan Negeri Selangor sudah iktiraf, Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Barisan Nasional kononnya pun sudah iktiraf. Maka saya hendak tanya, adakah Barisan Nasional di Sarawak tidak sama dengan Barisan Nasional di Semenanjung?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sekarang saya hendak tanya Yang Berhormat Taiping, untuk pengambilan masuk IPGM atau Institut Pendidikan Guru Malaysia untuk menjadi guru, ada tak kita ambil dari UEC? Ada atau tidak kita ambil dari UEC?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Akan tetapi ia ada syarat. Ia bukan berdasarkan kepada...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Jawapannya ada atau tidak yang kita ambil dari UEC?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ya, tetapi ia bukan berdasarkan kepada sijil UEC. Ia mesti ada kelayakan syarat-syarat lain yang *attach*.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Mestilah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Jadi sebab itu tidak ada pengiktirafan penuh. Kita hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dengan minda yang

terbuka untuk kepentingan negara. Apa salahnya kerajaan mengiktiraf sijil UEC yang telah mendapat pengiktirafan akademik di peringkat antarabangsa. Saya rasa permohonan ini adalah cukup munasabah. Lebih 600 buah universiti di seluruh dunia termasuk universiti tersohor di peringkat antarabangsa telah mengiktiraf sijil UEC.

Maka mengapa kerajaan boleh iktiraf *A-Level*, boleh iktiraf IGCSE, ini juga tidak mengikut sukatan pelajaran kementerian, tetapi kementerian mengiktiraf *A-Level*. Apakah salahnya kita mengiktiraf UEC? Inilah permintaan, *our humble request from the bottom of our heart*. Sudah 45 tahun dengan izin, apakah lagi kita hendak tunggu? Jadi sebab itu saya rasa permintaan dari Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Stampin adalah cukup munasabah. Bilakah kerajaan akan buat? Cuma kita nak tahu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Jika Menteri minta tiga tahun, kita bagi tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu telah diulang-ulang.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Bila, bila ini yang kita hendak tahu, bilakah?

Tuan Yang di-Pertua: Beri Menteri jawab.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, duduk.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, poin yang terakhir sekali, cuma untuk rekod Dewan yang mulia ini. Sebenarnya saya rasa isu pengiktirafan UEC, saya tidak menyalahkan pihak Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi apa yang berlaku sebelum ini, sebelum PRU Ke-13 ada janji-janji daripada Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi pada masa itu daripada MCA. Dia janji kalau UEC tidak iktiraf selepas PRU Ke-13, dia tak nak keluar bertanding. Akan tetapi sampai hari ini, kita tidak lihat ada apa-apa perkembangan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Itu biar kami selesai sesama kita di sinilah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey, terima kasih atas pandangan. Itu satu permintaan daripada Ahli Yang Berhormat dari DAP, daripada pembangkang mengenai dengan UEC. Saya ingin sebut di sini bahawa kita sebenarnya dalam sistem pendidikan dalam negara, kita tahu bahawa antara sijil peperiksaan yang ada dalam Malaysia inilah UEC. Sijil ini telah dibenarkan oleh kerajaan untuk sekolah menengah aliran Mandarin ini menjalankan peperiksaan UEC. Dari dulu lagi, cumanya yang diminta sekarang ini sama ada hendak iktiraf atau tidak. Itu pada saya biarlah kerajaan yang putus pada

masa lain, bukan ditanya dalam Dewan ini dan saya kena jawab dalam Dewan ini. Jadi biarlah itu.

Saya hendak pergi kepada yang akhir nak jawab soalan kawan-kawan Yang Berhormat, bertanya mengenai dengan beberapa perkara lain.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, Kota Raja.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Terima kasih. Yang Berhormat, saya sebenarnya tidak sempat membawa tentang satu buah sekolah di kawasan saya. Cuma saya hendak ingatkan Yang Berhormat, saya biasa membawa pengerusi dan AJK Sekolah Menengah Kota Kemuning. Masa itu Yang Berhormat berjanji bahawa kerana menunggu sekolah yang kedua, Sekolah Menengah Kota Kemuning yang kedua dibina, sekolah ini sekarang menghadapi *congestion* lebih 1,000 orang penuntut. Jadi untuk tahun akan datang, mereka memerlukan *classroom* yang lebih. Jadi mereka minta hari itu masa berjumpa dengan Yang Berhormat ialah peruntukan untuk menambah kelas-kelas. Akan tetapi sampai hari ini, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor masih tidak memberi apa-apa maklumat seterusnya. Jadi, saya cuma nak ingatkan...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: SMK?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sekolah Menengah Kota Kemuning, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey, terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sedikit, sedikit. Berkaitan juga.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya nak pergi yang lain Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sedikit Yang Berhormat Menteri, satu minit sahaja. Minta jasa baik.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Cukuplah. Saya ingat cukuplah. Cukuplah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Isu lain, isu lain. Saya cuma nak bangkitkan, tahun lepas apabila Yang Berhormat Menteri duduk sana, saya bertanya dengan penuh berhemah, bilakah kementerian nak menepati janji memberikan peruntukan *one-to-one* kepada SJK(C) Hua Lian (2) di Taiping? Sekarang setelah satu tahun, PIBG pihak sekolah masih lagi belum mendapat satu sen pun peruntukan dan di mana bangunan sekolah telah dibina, tetapi sekarang kena bayar kontraktor. SJK(C) Hua Lian (2) Taiping. Tahun lepas saya tanya, Yang Berhormat Menteri janji akan mengkaji, saya sabar menanti. Setelah satu tahun, Yang Berhormat Menteri sudah pindah tempat duduk tetapi duit masih tidak datang lagi.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat, sabar lagi, sabar lagi.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya cukup sabar sebab itu saya hendak tanya bila. Adakah, boleh tak sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri berikan satu tempoh, okey akhir tahun ini bayaran akan dibuat, janji akan ditepati, jangan janji dimungkiri. Itu permintaan saya.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey, Yang Berhormat Taiping. Terima kasih. Nanti saya tengok macam mana. Yang Berhormat, harap-harap bersabar.

Okey, saya hendak pergi yang kedua terakhir iaitu yang pertamanya berkaitan dengan IPG yang banyak disebut mengenai dengan Institut Pendidikan Guru yang istilah yang hendak digunakan itu ialah "IPG hendak ditutup". Saya hendak sebut di sini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2017 ada menyebut bahawa ada IPG yang mungkin ditukar daripada pengambilan guru kepada pengambilan untuk dijadikan politeknik ataupun dijadikan kolej vokasional, bukan maksudnya ditutup.

Saya hendak maklum kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, ada tiga jenis pengambilan guru. Pertamanya pengambilan guru yang keluar ataupun yang dapat ijazah daripada IPG atau Institut Pendidikan Guru ini. Itu hanya untuk sekolah kebangsaan. IPG menyediakan produk guru untuk sekolah kebangsaan. Manakala untuk sekolah menengah, datang daripada universiti awam atau dari universiti swasta, *degree* dari universiti awam atau universiti swasta- sekolah menengah.

Untuk pada waktu ini, kita mempunyai 27 buah IPG. Institut Pendidikan Guru ada 27 buah dan daripada 27 buah itu, pengambilan guru, pengambilan mahasiswa untuk misalnya tahun 2016, tahun ini, seluruh 27 buah IPG itu hanya diambil 1,576 orang mahasiswa sahaja. Sabah mengambil dari empat buah IPG, mengambil 113 orang pelajar. Sarawak daripada empat IPG, mengambil 245 orang pelajar. Sebabnya Yang Berhormat, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, sebabnya ialah kerana guru-guru untuk sekolah kebangsaan telah mencapai tahap 87 peratus jumlah guru yang berada di sekolah dan ada negeri yang sekolah kebangsaannya telah mencapai 98 peratus. Maksudnya ada yang tahap tepu sudah pencapaian guru di sekolah kebangsaan. Akan tetapi di sekolah menengah, masih lagi di bawah kekurangan itu. Jadi sebab itu pengambilan guru datang daripada universiti awam atau universiti swasta.

Untuk tujuan itu, adalah dicadangkan sebahagian daripada 27 buah IPG ini di *convert* ataupun diubahsuai untuk menjadi politeknik ataupun kolej vokasional.

■1820

Dengan syaratnya bahawa pengajian yang berkaitan dengan pendidikan ini, ijazah pendidikan ini hendaklah diteruskan hingga para mahasiswa ini tamat pada tahun yang terakhir mereka berada di IPG. Itulah penjelasan saya yang berkaitan dengan soal

IPG yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Penampang, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Kudat dan Yang Berhormat Kanowit yang berkaitan dengan IPG.

Ketiga, saya hendak bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan jenis-jenis bantuan persekolahan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini, ramai yang telah membangkitkan mengenai apakah jenis berkaitan dengan bantuan persekolahan? Saya hendak sebut di sini, semua jenis bantuan persekolahan ada 19 jenis semuanya. Daripada Bantuan Geran Per Kapita Sekolah sehinggalah kepada Baucar Buku 1Malaysia semuanya 19 jenis.

Ada satu soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan kenapa Bantuan Kokurikulum tidak ada dalam bajet tahun 2017? Saya hendak maklum di sini bahawa Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan, Bantuan Kokurikulum Sekolah, Bantuan Kokurikulum Asrama, Kokurikulum Pra Sekolah dan Yuran Khas Sekolah telah disatukan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Minta penjelasan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Jadi Yang Berhormat akan tengok dalam Bajet 2017, nanti ialah Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan dirangkumkan semua sekali.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai penutupan dua buah IPG yang ditukar kepada *Vocational Institute*. Adakah Yang Berhormat Menteri, sedar kah Ketua Menteri Sarawak telah membuat kritikan terhadap keputusan itu dan beliau juga menganggap keputusan itu sebagai satu polisi yang *stupid*? Dengan jelasnya dan membantah penutupan dua buah IPG di Sarawak ini.

Mengikut apa yang dilaporkan dalam surat khabar, Ketua Menteri Sarawak telah menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan supaya mempertimbangkan sekali lagi terhadap keputusan untuk menutup kedua-dua buah IPG di Sarawak itu. Saya ingin tahu, apakah keputusan Kerajaan Persekutuan setelah menerima surat bantahan daripada Ketua Menteri Sarawak terhadap keputusan ini?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Itu sahaja?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apakah keputusan kementerian? Apakah IPG akan diteruskan atau akan ditukar kepada *vocational school*? Memandangkan ada bantahan yang keras daripada Ketua Menteri Sarawak.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak, kalau itu sahaja Yang Berhormat hendak tanya, Yang Berhormat bukan Wakil Ketua Menteri. Yang Berhormat, kita selesai cara Ketua Menteri dengan kita sendiri

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, saya Wakil Rakyat dari Sarawak. Ini saya berhak untuk bertanya soalan ini. Jawablah baik-baik Menteri.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Dia Wakil Rakyat Sarawaklah Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat, Yang Berhormat bukan Wakil Ketua Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya Wakil Rakyat dari Sarawak. Kenapakah Yang Berhormat Menteri tidak sudi jawab?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Dia Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak, bukan saya tidak sudi jawab Yang Berhormat. Begini, Yang Berhormat patut tanya saya sebagai Wakil Rakyat. Bukan Yang Berhormat tanya apa yang Ketua Menteri buat. Kalau Yang Berhormat tanya Ketua Menteri buat tidak betul. Yang Berhormat bukan Wakil Ketua Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tanya apa keputusan Kerajaan Persekutuan atas permintaan Ketua Menteri Sarawak bahawa ini tidak harus ditutup.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Itu kita selesaikan antara sini dengan Ketua Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri perlu jawab dalam Dewan ini. Bukan tutup pintu, bincang belakang pintu. Saya rasa ini amalan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat... [*Mengetuk meja*] Duduk dahulu Ahli Yang Berhormat. Duduk Ahli Yang Berhormat, Menteri duduk sahaja. Bolehkah apabila Ahli-ahli Yang Berhormat berhujah atau bertanya, buat *lease politicking*?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mana ada *politicking*? *He's the one...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan begitu kerana saya mendengar. Saya bukan tidak mendengar, saya mendengar. Soalan itu salah ditanya, saya mendengar. Ahli-ahli Yang Berhormat berhujah, apabila Ahli Yang Berhormat berhujah, kamu tidak sedar bahawa sama ada *politicking* atau tidak kerana itu *crowded by your emotion*. Saya yang mendengar. Itu sebab saya kasi biarkan dahulu. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan program, saya hendak sebut di sini untuk Ahli-ahli Yang Berhormat ialah kita meneruskan program-program bantuan persekolahan seperti Bantuan Sukan Sekolah, Biasiswa Kecil Persekutuan, Biasiswa Kelas Persediaan Universiti, Biasiswa Sukan, Elaun Murid Berkeperluan Khas, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), dan Program Susu 1Malaysia yang mulai tahun hadapan- 2017, akan digabungkan dengan Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia.

Kemudian kita ada Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid, Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan yang dikenali sebagai KEDAP, Projek Khas Murid Sekolah Berasrama Penuh, Bantuan Pakaian Seragam Badan Uniform, Bantuan Jacket Keselamatan Murid bagi yang menaiki bot, Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia, Baucar Buku 1Malaysia yang keseluruhan bantuan persekolahan 2017 ini sebanyak RM3.059 bilion.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Boleh tanya?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ya terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat berhubung Rancangan Makanan Tambahan yang kita dimaklumkan bahawa kerajaan, kementerian telah memotong sebanyak untuk 20 hari. Jadi, mungkin saya kalau boleh mencadangkanlah mungkin perkara ini terlepas pandang. Kalau boleh cuba pertimbangkan semula untuk diberi peruntukan sebab ini melibatkan daripada pelajar-pelajar keluarga miskin.

Jadi mungkin kementerian membawa perkara ini ke Kabinet untuk dikembalikan supaya pemotongan Rancangan Makanan Tambahan untuk pelajar-pelajar ini tidaklah dipotong sebab peruntukannya tidaklah seberapa banyak. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Jumlah hari yang telah ditetapkan untuk bayaran kepada RMT ini ialah 190 hari. Kalau daripada jumlah sistem persekolahan yang ada lebih daripada 200 lebih hari. Kita ada 190 hari sebenarnya yang dibayar. Jadi saya ambil apa Yang Berhormat Kinabatangan sebut makna kita bayar pada minimumnya 190 hari seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, selain daripada itu antara perkara lain yang dibangkitkan adalah tentang berkaitan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan disiplin pelajar. Misalnya di sini yang bangkitkan oleh beberapa Ahli Parlimen membangkitkan mengenai dengan kes-kes yang berkaitan dengan buli dan juga disiplin pelajar di sekolah.

Saya maklumkan di sini bahawa kita telah mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk memberi fokus kepada hal yang berkaitan dengan disiplin pelajar-pelajar di sekolah dan tindakan-tindakan yang sepatutnya diambil berasaskan kepada prosedur dan SOP yang telah disediakan.

Perkara-perkara lain yang ada dibangkitkan mengenai dengan TVET. Perkara-perkara lain yang dibangkitkan mengenai dengan kurikulum dan pentaksiran yang ada di sini saya minta supaya ia boleh saya memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta laluan Puchong.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Jadi saya ucap terima kasih banyak. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih, cukup. Sudah habis.

■1830

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, satu soalan sahaja yang dibangkitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan isu disiplin pelajar. Saya hendak tanya berkenaan isu disiplin guru yang mana satu perkara dibangkitkan adalah berkenaan dengan guru yang dikatakan telah melakukan apa yang dikatakan *molest*, di mana beliau dipindah ke sekolah yang lain. Itu telah pun mencetuskan perasaan curiga khususnya ibu-bapa oleh sebab dikatakan kalaulah berlaku perkara sebegini tidak seharusnya cikgu itu dipindahkan ke sekolah lain. Ini kerana kemungkinan akan berlaku di situ juga. Tidak ada apa-apa, jaminan ia tidak akan berlaku.

So, soalan saya apakah langkah-langkah kerajaan untuk pastikan bahawa di dalam kes-kes sebegini di mana ada aduan dibuat terhadap guru tertentu, semasa siasatan- saya faham ini telah disiasat. Akan tetapi semasa siasatan itu adakah prosedur wujud supaya cikgu ini dapat diasingkan Tuan Yang di-Pertua supaya tidak ada kemungkinan bahawa perkara itu akan berlaku kepada murid-murid yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Sebenarnya kita telah bawa bermesyuarat dengan pegawai-pegawai tinggi kerajaan dalam pendidikan dan kita kira dari dulu lagi satu SOP telah disediakan. Cuma kita minta supaya dipertingkatkan dan diperhalusi iaitu bahawa apabila dalam siasatan seharusnya guru itu tidak berada di sekolah dan guru itu diasingkan seperti Yang Berhormat menyebut, guru itu diletakkan secara *pool* di Pejabat Pendidikan Daerah.

Ini prosedur yang ada dan sebenarnya itu dibuat. Sekiranya kita tidak berpuas hati dan siasatan boleh dibuka untuk tujuan itu, maka seharusnya tempoh guru itu berada dalam bentuk *pool* ini ataupun dalam bentuk tidak ada tugas ini di Pejabat

Pendidikan Daerah itu dilanjutkan atas keputusan yang dibuat oleh Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing. Okey Yang Berhormat ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Untuk kes yang dibangkitkan itu Yang Berhormat Menteri adakah cikgu itu yang di-*transfer* itu akan diasingkan dalam kes yang tertentu yang dilaporkan itu. Saya rasa itu persoalan susulan kalau dibenarkan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Itu kita bawa dalam mesyuarat di peringkat tertinggi untuk memutuskan Yang Berhormat Puchong. Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah membahaskan mengenai dengan Kementerian Pendidikan dan kami, saya dan pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan akan mengambil semua pandangan, kritikan dan juga apa yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan untuk tujuan pembangunan anak didik bangsa kita sendiri. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

6.33 ptg.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah mencadangkan peruntukan sebanyak RM1.6 bilion pada tahun 2017 kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan pengagihan sebanyak RM495,376,400 bagi perbelanjaan pembangunan dan RM1,124,722,700 bagi perbelanjaan mengurus.

Semasa membentangkan usul Rang Undang-undang Perbekalan 2017, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan juga telah mengumumkan beberapa projek melibatkan kementerian saya iaitu:

- (i) menggiatkan Program eUsahawan dan eRezeki di bawah MDEC yang melibatkan 300,000 peserta dengan peruntukan RM100 juta;
- (ii) peruntukan RM162 juta kepada MDEC bagi pelbagai program di bawah *digital connectivity* seperti ekosistem, e-Dagang, *digital maker movement* serta pengenalan kategori lokasi baru sebagai hab digital Malaysia;
- (iii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menyediakan RM1 bilion untuk meningkatkan capaian liputan dan kualiti jalur lebar seluruh negara; dan

- (iv) bagi merancang lagi industri kreatif dan penerbitan filem pula, *Film in Malaysia Incentive* (FIMI) dan *Hub Content Creation FINAS* di Santubong, Sarawak serta Kota Kinabalu, Sabah akan dilaksanakan.

Seterusnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017. Seramai 23 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini. Saya akan menjawab persoalan tersebut secara umum dan bagi isu-isu spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dijawab secara bertulis.

Penggulungan jawapan saya akan menyentuh kepada lima perkara utama iaitu:

- (i) penambahbaikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi dan internet di kawasan luar bandar;
- (ii) pelaksanaan projek jalur lebar berkelajuan tinggi;
- (iii) penyalahgunaan media sosial dan internet;
- (iv) pembangunan ekonomi digital; dan
- (v) pembangunan industri kreatif dan perfileman negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas terhadap perkara berkaitan penambahbaikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi dan internet di kawasan luar bandar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Besar; Yang Berhormat Batu Sapi; Yang Berhormat Tanjong Manis; Yang Berhormat Tanjong Piai; Yang Berhormat Baram; Yang Berhormat Kota Samarahan; Yang Berhormat Sepanggar; Yang Berhormat Kanowit; dan Yang Berhormat Stampin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi penambahbaikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi di kawasan luar bandar, kerajaan memberi fokus kepada penambahbaikan liputan 3G melalui pembinaan menara komunikasi baru dan penaiktarafan di menara-menara sedia ada melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejagat ataupun USP. Sejak tahun 2010 sebanyak 2,963 buah lokasi telah diaktifkan dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G. Tambahan 1,008 buah lokasi sedang dilaksanakan di seluruh negara dan dijangka siap secara berperingkat sehingga akhir tahun 2017.

Bagi liputan jalur lebar mudah alih 4G, perluasan liputan sedang giat dilaksanakan dengan tumpuan di bandar-bandar utama, pertengahan dan kecil. Setakat

ini liputan populasi 4G ialah sebanyak 63 peratus dan usaha ini akan diperluaskan termasuk di kawasan luar bandar secara berperingkat sehingga tahun 2020.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan memperuntukkan sejumlah RM1 bilion supaya liputan dan kualiti jalur lebar seluruh negara meningkat khususnya di kawasan luar bandar. Perancangan pelaksanaan akan diteruskan melalui pendekatan baru dengan kerjasama kerajaan negeri terutamanya dalam menyelesaikan isu-isu penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Bagi isu monopoli yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Piai, isu ini tidak membangkit kerana mana-mana pihak yang berkecualan boleh memohon mendapatkan lesen untuk membekalkan perkhidmatan.

Bagi menjawab isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Penampang dan Yang Berhormat Johor Bahru mengenai isu projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi, sukacita saya memaklumkan bahawa kini pelaksanaan penyediaan infrastruktur untuk jalur lebar negara telah masuk kepada HSBB fasa 2 dan dijangka akan siap tahun 2017 melibatkan setengah juta premis.

Selain daripada itu kerajaan juga sedang melaksanakan projek Jalur Lebar untuk Orang Ramai, *Broadband for General Population* (BBGP) yang dijangka siap pada tahun 2017 melibatkan tujuh sambungan *link* sepanjang 170 kilometer *fiber*. Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar, *Sub-Urban Broadband* (SUBB) pula telah bermula pada tahun 2015 dan tempoh pelaksanaan projek ini adalah sehingga tahun 2019. Ia meliputi kawasan pinggir bandar yang telah dikenal pasti melibatkan pemasangan di sebanyak 252,000 buah premis di seluruh negara. Pelaksanaan projek jalur lebar secara keseluruhannya akan diteruskan bagi memenuhi keperluan sasaran Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas mengenai persoalan penyalahgunaan media sosial dan internet...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya yang sebelum masuk...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Silakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, rakyat memang mengalu-alukanlah hasrat murni kementerian dan kerajaan untuk memperluaskan lagi perkhidmatan jalur lebar ini terutama di luar bandar dan di bandar-bandar.

■1840

Cuma mungkin Yang Berhormat perlu melihat kadang-kadang di bandar sekalipun contohnya perumahan lebih kurang 5 Batu, dari bandar Taman 'Sunyin' di Batu 5 Sandakan. *Coverage* dia apabila masuk rumah semua telefon tidak boleh diguna pakai, *hand phone* tidak boleh pakai. Jadi kita bukan bercakap soal di luar bandar di dalam bandar itu sendiri. Ini bermakna *coverage* menyeluruh masih belum ada.

Jadi adakah mungkin dengan adanya peruntukan yang ada ini dan mungkin pihak kementerian belum maklumkan kepada pihak-pihak yang diberi tanggungjawab untuk memasang antena ataupun menara ini supaya melihat bahawa pelebaran untuk penggunaan masyarakat ini perlu dilihat secara lebih saksama supaya tidak ada lagi perumahan yang tidak ada akses telefon. Ini kerana kita bimbang kalau ada *emergency* berlaku, kemalangan dan sebagainya sukar untuk berhubung dengan mana-mana pihak sebab di kawasan itu tidak ada internet atau tidak ada talian telefon yang boleh diguna pakai. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkenaan dengan *high speed broadband* ini sebab yang penting sekali dalam *high speed broadband* ini adalah *fiber optic connection* kepada premis-premis. Setahu saya kebanyakan premis yang ada *fiber optic* ini tertumpu di Lembah Klang. Di luar daripada Lembah Klang mungkin Ipoh sebahagian besar Ipoh pun tanpa *fiber optic*. Kalau kita sampai ke Taiping, Tanjong Malim atau ke pekan-pekan yang lebih kecil misalnya di kawasan Kinabatangan saya pasti sukar hendak dapat *fiber optic* tersebut.

Jadi sudah lama kita laksanakan *high speed broadband* ini. Akan tetapi saya rasa daripada segi *implementation* pelaksanaan itu agak lambat sedikit. Jadi agaknya bila kita akan dapat liputan mungkin 70 peratus daripada kesemua premis ini dengan *fiber optic* ataupun 90 peratus? Apakah *target* liputan itu? Sekian.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Memang kita memahami apa yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat dan sudah tentulah setelah kita kenal pasti masalah tersebut kita akan mengambil tindakan-tindakan susulan. Selain daripada dana RM1 bilion daripada USB sudah tentu juga pihak *telco* mempunyai perancangan yang sama.

Itulah sebabnya seperti yang saya katakan tadi kita mempunyai pendekatan yang berbeza pada kali ini kerana apabila kita berbicara soal *high speed* yang melibatkan *fiber*, apabila ia melibatkan *fiber* ia melibatkan juga kuasa-kuasa kerajaan negeri di mana termasuklah daripada kerajaan tempatan ataupun *local authority*. Seterusnya pada kali ini sebelum kita melaksanakan perancangan kita mestilah

mengambil kira bahawa dapat kita adakan dengan lebih baik lagi dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk menentukan kita dapat mencapai matlamatnya.

Secara dasarnya kita telah tentukan bahawa pada tahun 2020, daripada segi *broadband*nya 95 peratus ke seluruh negara dan daripada segi *high speed*nya lebih 50 peratus itu dari segi *target*nya. Akan tetapi saya memahami masalah tersebut oleh sebab apa yang berlaku kadangkala ada juga di bangunan ini sepatutnya disediakan kemudahan untuk *fiber* tetapi disediakan untuk *cooper*. Ini masalah-masalah timbul di beberapa buah tempat. Jadi saya ambil maklum dan itulah sebabnya seperti mana yang saya katakan kita mempunyai pendekatan-pendekatan yang berbeza pada kali ini untuk menentukan bukan sahaja peruntukan itu tersedia tetapi peruntukan itu harus mencapai matlamat seperti mana yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak dapatkan penjelasan suatu ketika dulu tahun sudah kalau tidak silap saya kita telah meluluskan satu akta baru ataupun pindaan akta di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk membolehkan penggunaan laluan talian elektrik bagi kegunaan *internet broadband* dan sebagainya. Di antaranya bagi saya itulah salah satu alternatif kepada masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan *broadband* yang saya fikir tidak memerlukan satu persetujuan yang begitu sukar untuk hendak dapatkan persetujuan daripada kerajaan negeri kerana ia tidak membabitkan penggunaan tanah. Akan tetapi kita hanya membabitkan laluan.

Saya difahamkan sama ada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ataupun kementerian Yang Berhormat menjawab bahawa sudah ada syarikat yang memohon untuk mendapatkan lesen bagi melaksanakan talian internet yang menggunakan laluan elektrik. Jadi saya hendak dapatkan perkembangan yang selanjutnya.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Memang Yang Berhormat sudah sedemikian memang kita telah juga memberi lesen kepada syarikat untuk menjalankan pendekatan yang sedemikian iaitu di mana ia tidak memerlukan di bawah tetapi memerlukan talian memang sudah dilaksanakan di beberapa buah tempat. Akan tetapi umumnya juga kita tidak ada pilihan, kita perlukan kerjasama rapat dengan kerajaan negeri. Oleh sebab ada di antara *provisions* di dalam kerajaan tempatan ini

perlu dibuat pindaannya dan kita bercadang untuk *engage* dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk menentukan perkara ini. Oleh sebab soal kelajuan ini adalah untuk kepentingan semua, bukan hanya Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri tetapi untuk kepentingan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas mengenai persoalan penyalahgunaan media sosial dan internet yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Parit dan Yang Berhormat Bukit Bendera. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sentiasa menjalinkan kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi penguatkuasaan dalam menangani dan membendung penyebaran kandungan berunsur fitnah, perkauman, hasutan, keganasan dan sebagainya di laman sosial.

Dalam perkara ini setiap aduan yang diterima oleh SKMM akan disiasat mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Berhubung isu *online grooming* pula, peranan masyarakat terutamanya ibu bapa penjaga serta guru-guru adalah amat penting. Kesemua pihak boleh membantu dengan lebih efektif dalam mengawal penggunaan kemudahan aplikasi anak-anak dan boleh melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat komunikasi yang meragukan di antara anak-anak mereka dengan seorang dalam talian.

Menjadi peranan ibu bapa amat penting dalam mendidik sahsiah anak-anak, pihak SKMM telah melancarkan inisiatif bersama pihak penyedia perkhidmatan internet untuk menyediakan aplikasi kawalan ibu bapa atau *parental control tools* bertujuan untuk mengupayakan pengguna *internet* khususnya golongan ibu bapa dengan kemudahan untuk memantau dan menyaring secara kawalan sendiri kandungan yang diakses oleh anak-anak mereka.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta Yang Berhormat? Boleh?

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Baik.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya mencadangkan sebab hari ini mutakhir ini kita melihat bagaimana kecenderungan masyarakat rakyat negara Malaysia ini ke arah menyalahgunakan media sosial ini. Macam-macam kita dengar tiap-tiap hari ada menyatakan tsunami akan tiba, oh ribut akan melanda, macam-macam, yang ini sudah mati, yang ini sudah sakit teruk. Orang baru demam dia kata sudah mati.

Jadi kalau di negara maju jiran kita Singapore di mana-mana negara pun mereka ada kawalan. Adakah kerajaan tidak berhasrat untuk mengawal sekurang-kurangnya

mana yang pemain media sosial ini harus didaftar, harus di-*register*? Jadi kalau didapati mereka melanggar peraturan, melanggar etika yang sebenarnya mudah untuk kerajaan memantau memanggil mereka.

Di *Singapore* dia benarkan tetapi kita buat salah maka kita kena tanggung risiko dia. Jadi negara ini negara majmuk seperti telur di hujung tanduk, bila-bila kita boleh hancur. Saya memintalah kementerian membuat ketegasan kalau boleh laksanakanlah walaupun mungkin ada bantahan daripada mana-mana pihak sebab kononnya atas dasar kebebasan bersuara tetapi sebetulnya kebebasan mutlak tidak ada. Dalam rumah tangga kita pun, kita dengan isteri kita tidak bebas suka-suka. Kita dengan anak kita pun tidak bebas.

Jadi oleh sebab itu saya lebih fokus ke arah ini sebab banyak lebih-lebih lagi anak-anak muda mereka tidak tahu apa-apa. Mereka menggunakan media sosial maki hamun pemimpin, caci agama dan sebagainya memburuk-burukkan tanpa ada asas. Saya rasa sudah tiba masanya untuk kerajaan meregulasikan media sosial ini daftar dan mana-mana yang tidak bertanggungjawab, tangkap dan bicarakan. Terima kasih.

■1850

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang menerima beberapa cadangan dalam hal-hal seperti ini dan sudah tentulah pihak kementerian akan mengkajinya dan memang kita ada berhasrat untuk membuat pindaan ke atas Akta Komunikasi ini seperti mana...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, celah sedikit.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Sekejap, sekejap. Di mana pihak Pejabat Peguam Negara telah pun memberi kelulusan dan langkah sekarang dan seterusnya ialah bagi kita untuk membincang perkara tersebut di peringkat Kabinet. Silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan kerana saya lihat gejala terutama penyalahgunaan media sosial hari ini semakin menjadi-jadi dan semakin meningkat dan ada kalanya boleh mencetuskan soal kedaulatan negara kita sehinggakan institusi Perdana Menteri pun diperkotak-katikkan walhal ia adalah sebahagian daripada Perlembagaan Negara kita.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah halangan-halangan terutamanya daripada segi penguatkuasaan undang-undang? Ini kerana saya tahu di peringkat MCMC mereka ada *regulatory*-nya, Daripada segi pendakwaan

mungkin AG-nya, daripada segi penyiataan pihak PDRM-nya. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah halangan dan masalahnya? Kerana bagi hemat saya, ia semakin hari semakin parah dan ada kalanya boleh menyebabkan imej Malaysia akan terhakis dan sehinggakan boleh menyebabkan soal-soal pelaburan negara kita boleh terancam. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Saya hendak respons juga apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan bukan isu yang baru kita bangkitkan hari ini tapi kita telah bangkitkan lama. Saya lihat bahawa kementerian tidak boleh lagi bagi jawapan bahawa kita akan kaji kerana itulah jawapan yang memang kita dapat daripada dulu lagi. Sudah tidak ada masa lagi kerana kita hendak bina negara kita pada satu tahap yang baik tetapi kita boleh terjejas dengan isu-isu seumpama ini.

Saya fikir kalau negara kita memberikan kebebasan tapi disertai dengan tanggungjawab, ia bukanlah satu perkara yang luar biasa kerana Thailand pun buat perkara yang sama, Singapura, New Zealand, Australia, dan Amerika pun sama. Jadi, mesti ada tanggungjawab kita beri kepada rakyat. Tidak apa, dia hendak keluarkan pandangan tidak kisah tapi mesti ada tanggungjawab. Kita harap perkara ini disegerakan.

Kebimbangan kita ialah kerana kita hendak tingkatkan kebolehcapaian internet ini. Ia lebih bahaya dan kita juga harap supaya- kerana ada juga baru-baru ini kita tengok kalau isu-isu melibatkan sesetengah tokoh tertentu, cepat sahaja tindakan diambil tapi perkara yang sama kadang-kadang lambat sikit. Jadi saya harap perkara ini mesti diberikan perhatian khusus, kita tidak boleh biarkan perkara-perkara ini berleluasa kerana ia boleh meruntuhkan sebuah negara.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Yang Berhormat Batu suka fitnah, tangkap dia juga.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Isu ialah siapa yang akan putus sama ada ini fitnah atau tidak. Kini kita telah saksikan banyak *website* yang sebenarnya bukan berasal dari sini. Laporan-laporan yang *credible* telah dihalang oleh MCMC, telah disekat dan bagaimana kita boleh memberi justifikasi bahawa hanya fitnah yang telah disekat. Isu fitnah atau tidak fitnah, dalam undang-undang yang ada sekarang, kita boleh dakwa di dalam mahkamah dan

kita telah lihat ramai di kalangan pengguna media sosial telah didakwa di dalam mahkamah.

Saya ingin dapat satu huraian ataupun analisis yang secara objektif bagaimana khabar-khabar yang disebar itu telah mencetuskan kecenderungan untuk keganasan dan mengancam keharmonian masyarakat. Yang sekarang berlaku, saya tidak tahu pemimpin seperti Jamal yang pakai baju merah itu dia sendiri tahu pakai *Facebook* atau tidak, saya tidak pasti sama ada kecenderungan untuk membuat kekacauan itu datang daripada media sosial. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Memang subjek ini memang menjadi minat bukan sahaja di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi juga di kalangan masyarakat.

Kerajaan memang mengambil serius dan itulah sebabnya kita telah tubuhkan satu *task force* di bawah Kabinet di mana dianggotai oleh saya sendiri selaku Menteri yang bertanggungjawab, dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, pihak polis dan juga pihak AG. Tujuan kita ialah untuk menyelaraskan agar apa pun kekurangan-kekurangan yang ada pada kita itu dapat kita selesaikan dengan sebaik-baiknya.

Hasil daripada itu juga, kita telah bersetuju untuk mewujudkan *Cybercop* yang mana telah pun berkuat kuasa kerana ada antara kes-kes ini memang sudah pun disiasat dan tindakan diambil tetapi agak lambat perbicaraannya dilakukan. Ini telah pun kita tangani. Memang ada juga kekurangan-kekurangan yang perlu kita selesaikan antara kepakaran, kemahiran bagi mereka yang terlibat, begitu juga dengan bahan bukti dan sebagainya.

Jadi, untuk menjawab Yang Berhormat dari Batu, memang kita tidaklah sewenang-wenangnya untuk melaksanakan apa yang kita lakukan. Apabila kita mendapat aduan di SKMM, sudah tentulah kita melihat, pertamanya, sama ada ada asas ataupun tidak. Jika ada asas, maka kita teruskan penyiasatan dan jika tidak ada asas, ia melibatkan kementerian yang lain, maka kita serahkan kepada kementerian yang lain untuk menjalankan penyiasatan. Setelah disiasat, jika ada kita rasakan mempunyai bahan bukti yang cukup, menjadi tanggungjawab kepada pihak Peguam Negara untuk menentukan sama ada ada asas untuk mendakwa ataupun tidak.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin dapat penjelasan. Ada beberapa *website* seperti *Asia Sentinel*, *Malaysia Chronicle* dan beberapa *website* yang lain-lain, mereka dihalang. Kalau betul ada kesalahan sebagai artikel itu telah menyebarkan fitnah, patutnya tindakan diambil terhadap penulis artikel itu, bukan kita menghalang keseluruhan portal itu. Kita juga tidak

ada *mitigation*. Apakah caranya untuk kembalikan status untuk didapatkan akses oleh orang awam?

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perkataan *blocking* ini tidak berlaku. Apa yang digunakan di sini ialah menyekat. Sebenarnya apa yang berlaku ialah sepatutnya jika telah ada sekatan sedemikian, sudah tentu pihak SKMM akan mengatakan apa sebab-sebabnya dan selepas itu perbincangan harus diadakan antara pihak tersebut dengan SKMM. Setelah mereka berpuas hati, maka ia boleh seperti biasa, itu tidak menjadi masalahnya. Mungkin oleh sebab tiada komunikasi antara pengendali *website* ini dengan SKMM, ini yang telah berlaku.

Akan tetapi, pada umumnya, pada prinsipnya, ia bukan bererti untuk menyekat selama-lamanya. Kadang-kadang ia ada artikel-artikel yang tertentu- kita juga banyak menerima aduan sedemikian yang mana kadangkala bantahan itu ke atas beberapa artikel dan SKMM biasanya akan menulis kepada *web* yang berkenaan untuk mendapatkan penjelasan. Jadi, ia bukanlah dilakukan sesuka hati. Sudah tentulah ia boleh balik seperti biasa jika SKMM merasakan bahawa dia berpuas hati bahawa apa yang telah menyebabkan mereka menyekat itu telah dapat diselesaikan dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung. Selain penguatkuasaan, kementerian melalui SKMM turut memperkasakan penggunaan komuniti setempat melalui aktiviti di lapangan, bengkel, taklimat khas, program perkhemahan, kempen kesedaran dan sebagainya. Sebanyak 450 program *advocacy* telah dilaksanakan dari Januari hingga September 2016 menjangkau 680,000 orang peserta.

Mesej-mesej yang disampaikan termasuklah memastikan kesahihan maklumat yang diterima, bahaya fitnah, etika atau adab berkomunikasi di internet, pematuhan undang-undang siber serta peranan penting ibu bapa dalam mengawal selia penggunaan internet anak-anak termasuk menggalakkan memasang perisian penapisan. Penekanan juga diberi terhadap penggunaan internet berteraskan prinsip-prinsip Rukun Negara bagi menggalakkan budaya penggunaan internet berhemah bagi mewujudkan rakyat yang mempunyai literasi digital yang baik.

Bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai isu-isu berkaitan penyalahgunaan internet dan keselamatan siber, sepanjang tahun 2016, SKMM secara proaktif telah menjalankan lebih 124 aktiviti melibatkan media dan menghasilkan sejumlah 300 liputan media termasuk media cetak, televisyen, radio dan media baru.

■1900

Seterusnya, izinkan saya memberi maklum balas mengenai isu pengawal seliaan aktiviti perjudian secara dalam talian (*online*) yang dibangkit oleh Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Lanang.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, penjelasan mengenai isu ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri pada 2 November 2016 yang lalu. Pihak penyedia perkhidmatan juga telah menyediakan sistem tapisan bagi menyekat penghantaran SMS yang mempromosikan aktiviti perjudian dalam talian. Ini dapat dilihat dengan pengurangan aduan yang diterima oleh SKMM daripada 154 aduan pada bulan Mac kepada 40 aduan pada bulan September tahun ini. Selain itu, pihak SKMM juga telah mengarahkan pihak penyedia perkhidmatan untuk menamatkan nombor-nombor telefon yang terlibat menyebarkan SMS berunsur perjudian. Sehingga September 2016 sejumlah 12,000 nombor telefon telah ditamatkan perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dicadangkan mengenai pembangunan inisiatif ekonomi digital yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Labuan dan Yang Berhormat Johor Bahru, amat menarik sekali. Kementerian ini meraikan cadangan-cadangan yang di utarakan tersebut sebagai input yang berguna dalam pembangunan inisiatif ekonomi digital. KKM melalui SKMM dan MDEC akan terus membangunkan ekosistem ekonomi digital di Malaysia. Selain daripada RM1 bilion yang diperuntukkan bagi pembangunan infrastruktur, antara program yang diperkenalkan termasuk program pembangunan *startups*, pembangunan bakat peluang dan telesitasi terhadap pembiayaan perniagaan, termasuk kemudahan dan gaya hidup, khusus bagi syarikat-syarikat *startups* dan *internet*.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan berkaitan program pelaksanaan program eRezeki dan eUsahawan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Selaras dengan agenda kerajaan untuk memacukan pertumbuhan ekonomi dengan membantu golongan B40, penduduk luar bandar belia dan usahawan kecil dalam menjana pendapatan tambahan secara atas talian. MDEC telah melaksanakan dua program utama di bawah inisiatif merakyatkan ekonomi digital iaitu eRezeki dan eUsahawan.

Melalui Program eRezeki, golongan B40 seperti ibu tunggal, suri rumah, pemandu dan pelajar telah memperolehi pendapatan tambahan dengan purata di antara RM50 hingga RM300 sebulan. Terdapat juga peserta sepenuh masa, kebanyakannya daripada kalangan penganggur dan mereka yang telah kehilangan pekerjaan, mampu memperoleh pendapatan melebihi RM5,000 sebulan bergantung kepada jenis kerja

digital yang dijalankan. Pada masa yang sama, program eUsahawan telah memberi peluang kepada usahawan belia dan mikro dari kawasan bandar dan luar bandar, termasuk industri kampung untuk meningkatkan pendapatan mereka. Sehingga hujung 2016, sebanyak 100,000 orang individu akan dilatih melalui Program eRezeki dan eUsahawan ini dan hampir separuh telah berjaya menjana pendapatan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Mukah iaitu isu pembangunan industri kreatif dan perfileman negara. Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) telah memperkenalkan insentif penggambaran filem di Malaysia (FIMI) yang bertujuan untuk menarik syarikat-syarikat produksi tempatan dan luar negara untuk menjalankan penggambaran filem mereka di Malaysia. Merangkumi filem cereka, dokumentari, drama bersiri, filem pendek, iklan komersial, program realiti dan animasi pendek.

Inisiatif ini diperkenalkan pada tahun 2013, dengan kadar insentif sebanyak 30 peratus rebat daripada perbelanjaan sebenar produksi tersebut di Malaysia yang diaudit. Pelaksanaan insentif ini akan dapat menjadi Malaysia sebagai lokasi penggambaran yang menarik dan berbaloi bagi produksi-produksi filem tempatan dan luar negara, di samping menjadikan Malaysia sebagai hab industri kandungan kreatif serantau. Insentif ini mampu menjana ekonomi tempatan dan ekopelancongan, sekali gus memperkenalkan Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai lokasi perfileman terbaik. Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ada. Saya ada pertanyaan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang menyambut baik apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai apa yang saya bangkitkan tadi. Mengenai inisiatif untuk membantu industri kreatif tempatan. Apa yang saya cadangkan Yang Berhormat Menteri adalah mungkin yang pihak kementerian boleh memikirkan satu cara lain dalam usaha membantu bagi membolehkan pengusaha-pengusaha kreatif tempatan ini mendapat bantuan dalam bentuk geran berdasarkan- *movie grant* berdasarkan geografi tempatan.

Apa yang telah dibuat di negara-negara lain. Saya menerima banyak *complain* yang mengatakan bahawa setengah daripada industri kreatif tempatan ini sukar untuk mendapatkan pinjaman ataupun geran. Jadinya, kemungkinan apabila Yang Berhormat-pihak Yang Berhormat boleh memikirkan. Saya bagi contoh, untuk bukan sahaja Malaysia, berdasarkan geografi seperti kita hendak memajukan Johor Bahru sebagai satu contoh tempat *attraction*. Mungkin geran itu boleh kita letakkan di *local council*

tersebut dan apabila ia, apabila satu buah syarikat itu ingin memasarkan produk, ia ingin membuat suatu program berdasarkan lokasi tersebut, maka *local council* dengan bantuan yang lain boleh memberikan geran tersebut.

Jadi, dengan secara tidak langsung, kita boleh membantu industri *tourism* tempatan, dalam waktu yang sama kita juga boleh membantu pengusaha kreatif itu sendiri. Tidaklah mereka sukar untuk mencari bantuan-bantuan lain. Saya harap ia mendapat perkembangan daripada pihak kementerian mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri. Stampin? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya, saya ada mencadangkan suatu isu, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi pandangan. Iaitu bolehkah satu garis panduan ataupun regulasi diadakan, di mana perkhidmatan jalur lebar ataupun talian telefon perlu disediakan dalam satu jangka masa. Contohnya, masa enam bulan setelah permit penggunaan bangunan tersebut dikeluarkan.

Oleh sebab di kawasan saya, contohnya Kawasan Perindustrian Batu Kitang, sampai sekarang banyak perumahan baru di situ tidak ada talian internet ataupun talian telefon. Di Metro City adalah *business district* yang terbesar di Kuching yang akan diadakan di Kuching. Banyak taman, contohnya Taman Cherrywood sampai sekarang dua tahun tidak ada talian telefon, tiada *internet*. Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Terima kasih. Mengenai pandangan Yang Berhormat Parit Sulong tadi memang seperti mana yang Yang Berhormat katakan, dana itu memang tersedia sebenarnya. Apa yang dimaksudkan ialah daripada segi agihan dan juga bagaimana kaedahnya kita menentukan agar lebih mudah bagi masyarakat kreatif yang terlibat dapat mengetahui di mana dana tersebut dan dapat mereka melaksanakan. *Insyah-Allah* pandangan tersebut kita akan mengambil maklum dan kita akan tengok bagaimana kita boleh sesuaikan agihannya. Mengenai dengan Yang Berhormat tadi yang bangkitkan perkara tersebut memang sudah ada maklumatnya dan saya akan maklumatkan Yang Berhormat secara bertulis.

Bagaimanapun, pada pandangan kita di Sarawak ini sedikit ada yang perlu kita bincang dengan kerajaan negeri. Oleh sebab di Sarawak ini mereka hanya mempunyai sebuah syarikat sahaja yang mengendalikan pembinaan *tower* di Sarawak ini. Kita banyak berbincang dengan kerajaan negeri dan kita telah mencadangkan bagaimana

boleh dipercepatkan, khususnya *privatization* di Sarawak, di kawasan-kawasan *city*, bandar ataupun pekan.

Akan tetapi saya setuju dengan kata Yang Berhormat yang bawa sebaiknya sudah semua diselesaikan, mereka ada *time framenya* untuk melaksanakan sedemikian. Akan tetapi pada ketika ini, saya tidak boleh memberi jaminan, saya akan bincang dengan SKMM, buat garis panduan apa yang sesuai untuk menentukan bahawa ia bukan sahaja dapat kelulusan tetapi dapat laksanakan supaya ia tidak berbangkit lagi Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menerima baik jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Selain daripada *tower* itu, bagaimanakah dengan talian telefon daripada syarikat Telekom? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Kita juga memang sekarang ini banyak juga yang telah diadu kepada kita mengenai dengan *fixed line*. Iaitu di mana timbul banyak masalah daripada segi *fixed line*. Itulah sebabnya dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, beliau telah mengatakan kita harus pastikan bahawa mulai tahun hadapan bahawa kelajuannya mesti *double* dengan harga yang sama. Dalam masa dua tahun, ia mestilah kelajuannya *double*, harganya separuh. Oleh sebab antara yang ingin kita memberi penekanan dalam soal internet di Malaysia ini ialah liputan, kos dan juga kelajuan. Jadi, sepatutnya ia tidak berlaku Yang Berhormat, saya akan secara khususnya saya akan tengok apa punya yang sebenarnya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, soalan pendek.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Soalan berkenaan dengan *fixed line*.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya pada Yang Berhormat Menteri, pendek sahaja. Tadi saya ada sebut pasal *eSport, which is part of the digital economy 2020, 20 percent of GNP will come from the digital economy*.

■1910

So, saya hendak bertanya. Saya sudah tanya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk *licensing, partly*. Saya tanya kepada Kementerian Belia dan Sukan mengenai *E-Sports* ini. Saya ingat saya juga perlu bertanya dengan Yang Berhormat Menteri SKMM, sebab apa ini satu— *the fastest growing sport in the world now* dan akan menyebabkan begitu banyak *used*. Ia akan jadi sebuah platform untuk mendekatkan mereka kepada *digital economy*. Jadi adakah kementerian bercadang untuk

menjadikannya sebahagian daripada sebuah teras baru dalam perancangan kementerian menjadikan *E-Sports*? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Sudah tentu memang saya bersetuju *E-Sports* ini satu yang perlu diberikan perhatian. Memang pada ketika ini pun anak-anak muda ramai yang terlibat dalam *E-Sports* ini. Yang Berhormat...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini *E-Sports* kalau hendak majukan *E-Sports*, kita perlu bukan setakat *broadband* yang berkelajuan tinggi tetapi *consistency*. Tidak boleh semasa kita buat *E-Sports* itu tiba-tiba *dock off* berlaku. Kalau macam itu tidak akan berjaya.

Jadi apabila kita lihat kepada SKMM buat- apabila kajian berkenaan dengan *customer satisfaction index* itu yang agak menurun kebelakangan ini, apakah tindakan kementerian itu? Oleh sebab saya ada membangkitkan soal CSI ini tapi setakat ini tiada jawapan. Apakah tindakan kementerian untuk *improvement* daripada segi CSI ini? Bukan apabila kita menjanjikan *fixed line* yang berkelajuan sedemikian satu megabit, dua megabit tetapi apabila kita buat *test*, sebenarnya ia kurang daripada apa yang dijanjikan. Ini sering berlaku. Jadi inilah masalah yang sepatutnya kementerian beri perhatian, sekian.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, berkaitan juga, sedikit ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gopeng. Saya merujuk kepada berita terbaru oleh Yang Berhormat Menteri sendiri di mana BERNAMA baru melaporkan MCMC *received over 1,000 complaints regarding online gambling*. Saya rasa *online gambling* semakin hari semakin serius. *Hand phone* saya tiap-tiap boleh terima mesej meminta judi. So, saya hendak tahu sekarang MCMC sudah terima lebih 1,000 aduan, apakah tindakan tegas yang akan diambil oleh kementerian untuk mencegah gejala sosial, negatif ini supaya perjudian tidak berleluasa? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Terima kasih Yang Berhormat, memang kita- telah pun saya katakan tadi. Memang kita telah mengambil tindakan untuk memotong talian-talian tersebut tetapi masalahnya mereka akan gunakan lagi talian yang lain, ini masalahnya. Jadi memang kita sentiasa memantau. Ini secara automatiknya kalau ada sedemikian, memang kita akan lakukan tindakan yang sewajarnya tapi apa yang berlaku ialah kadangkala mereka ini lebih pantas lagi dan mereka akan memilih talian yang baru untuk berbuat demikian. Yang Berhormat?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya, hendak dapat penjelasan. Memandangkan MCMC tahu nombor berkenaan, kenapakah tidak ambil tindakan mendakwa mereka? Itu yang kita hendak tahu, kalau mereka didakwa tidakkanlah mereka berani lagi untuk menggunakan nombor baru untuk *online* perjudian ini.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Memang sehingga sekarang saya tidak mendapat maklumat mengenai perkara ini Yang Berhormat. Akan tetapi biasanya mereka ini menggunakan nama-nama yang berlainan, ini masalahnya. Kadang-kadang orang yang terlibat dalam hal seperti ini juga cekap. Mereka juga kadangkala menggunakan nama-nama orang lain sehinggakan mereka mendaftar atas nama orang lain. Bagaimanapun saya akan melihat cadangan Yang Berhormat yang telah dikemukakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2017 yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan.

7.14 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada lapan orang Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbincangan belanjawan yang melibatkan Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Isu yang pertama i mengenai isu keselamatan di Pantai Timur, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan dan juga Yang Berhormat Semporna. Yang Berhormat Sandakan mencadangkan agar agihan kekuatan ATM di Malaysia Timur dan Malaysia Barat dapat diseimbangkan serta mencadangkan penempatan satu buah divisyen tentera di Lahad Datu, Sabah bagi menjamin keselamatan Pantai Timur, Sabah. Suka saya jelaskan keselamatan negara perlu dilihat secara menyeluruh dengan mengambil kira keadaan geostrategik serantau dan bentuk ancaman yang mungkin dihadapi pada masa kini serta masa hadapan.

Konsep pertahanan negara yang diterajui oleh ATM melalui pelaksanaan peranan dan pembangunan aset serta infrastruktur pada masa kini telah mengambil kira semua aspek kepentingan tersebut. Justeru itu, kedudukan aset ATM ketika ini dapat dan perancangan pada masa depan mampu memperoleh keseimbangan yang sekali gus membolehkan ATM melaksanakan pengoperasian dalam rangka dua buah wilayah secara serentak yang dilihat lebih efektif dan efisien. Kementerian akan terus memantau dan memastikan bahawa keseimbangan pertahanan di Semenanjung Sabah, Sarawak adalah seimbang.

Pelan Pembangunan Strategik ATM yang dikenali sebagai empat dimensi atau *Fourth Dimension Malaysian Armed Forces* atau ringkasnya 4D MAF, telah menggariskan jumlah formasi dan pasukan serta aset-aset yang diperlukan untuk Sabah dan Sarawak yang mana akan dipertingkatkan secara menyeluruh dan berperingkat.

Yang Berhormat Semporna pula ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan lokasi penempatan pesawat TUDM di Labuan dan Kem Tentera Darat di Lok Kawi yang dianggap tidak relevan dengan ancaman sebenar di Sabah. Ingin saya jelaskan bahawa penempatan pesawat udara TUDM dan kem-kem pasukan tentera darat adalah berdasarkan kepada faktor-faktor strategik di mana pasukan-pasukan ini boleh diatur gerak mengikut situasi ancaman dengan cepat. Oleh itu Pengkalan Udara Labuan satu buah lokasi strategik untuk mempertahankan kedaulatan udara di angkasa Sabah dan Sarawak.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, penempatan tentera darat di Sabah tidak hanya tertumpu di kawasan Kem Lok Kawi semata-mata. Malah kem-kem tentera darat juga ditempatkan di beberapa buah daerah seperti Semporna, Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tumpuan penempatan ini adalah dilihat dari pelbagai dimensi atau sudut termasuk keupayaan *employment* dan *deployment* di kawasan terbabit. ATM juga mewujudkan pangkalan operasi hadapan di Lapangan Terbang Tawau dan Lapangan Terbang Sandakan dengan menempatkan helikopter milik Tentera Darat dan Tentera Udara bagi memperkasakan kawasan Pantai Timur Sabah daripada serangan, ancaman luar dan penjenayah rentas sempadan.

Isu yang kedua ialah kawalan sempadan oleh pihak ATM. Yang Berhormat Rantau Panjang, ada dalam Dewan?

Beberapa Ahli: Tidak ada.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Tidak ada? Hendak jawab tidak? Tidak apalah saya jawab sahajalah bagi pendek ya. Jadi berkenaan dengan anggota yang menjalankan rondaan di kawasan sempadan yang tidak dibekalkan dengan peluru yang mencukupi serta membuat rondaan secara berjalan kaki. Bagi isu ini, saya rasa Yang

Berhormat mendapat maklumat yang tidak betul. Pihak ATM sentiasa memandang serius terhadap aspek keselamatan terutama yang melibatkan penugasan anggota-anggota yang membuat kawalan di sempadan.

■1920

Bagi tujuan tersebut, ATM mempunyai SOP yang merangkumi segala aspek, termasuk segala peralatan, jumlah peluru yang diperlukan semasa rondaan dan persenjataan bagi menjalankan sebarang tugas. Dalam hal ini, tidak timbul sebarang kekangan bagi anggota ATM bagi menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

Yang Berhormat Kota Raja, juga tidak ada dalam Dewan ini. Saya rasa mereka yang tidak ada dalam Dewan ini, saya bagi secara bertulislah, ya? Saya beri secara bertulis.

Yang Berhormat Hulu Rajang. Ada ya? Yang Berhormat Hulu Rajang memohon agar Kementerian Pertahanan mempertimbangkan untuk membina jalan baru dari Nanga Mujong ke Rumah Tuanku Nanga Biru Sungai Gaat di bawah Projek Jiwa Murni, betul? Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa permohonan untuk Projek Jiwa Murni ini boleh dikemukakan kepada pihak ICU, Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan kelulusan dan peruntukan. Kementerian Pertahanan melalui ATM sedia membantu mengikut kemampuan dan keutamaan kerana pada masa kini, pihak ATM terlibat langsung dengan pelbagai Projek Jiwa Murni yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini, Projek Jiwa Murni yang sedang dijalankan di kawasan Yang Berhormat. Yang Berhormat pun sudah ada. Pertama, Jalan Belaga ke Nanga Merit sepanjang 130 kilometer dijangka siap pada bulan April 2020 dengan kos sebanyak RM316.4 juta. Kedua, Jalan Nanga Merit ke Sungai Baleh sepanjang 60 kilometer yang dijangka siap pada September 2019 dengan kos sebanyak RM148.2 juta. Ini anggaranlah.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat, Hulu Rajang.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dengan Kementerian Pertahanan kerana telah meluluskan beberapa buah jalan Jiwa Murni. Dengan Jalan Jiwa Murni ini, saya ingat telah memberi rakyat di kawasan saya, di Hulu Rajang dapat berhubung dengan satu sama lain.

Kedua, saya hendak tanya tentang kawalan sempadan. Dalam ucapan saya, kawasan sempadan iaitu di Long Busang, Belaga; di Long Singut, Baleh dan di Bukit Mabong, Daerah Bukit Mabong yang baru, saya mohon supaya kementerian dapat

memberikan penjelasan. Ini kerana di beberapa buah tempat itu, kita ada *hydropower*, empangan. Jadi saya tidak mahu perkara seperti di Sabah akan terjadi. Jadi sebelum perkara itu terjadi, saya mohon Kementerian Pertahanan dapat menubuhkan satu pasukan untuk menjaga harta yang berbilion-bilion ringgit negara kita ini. Takut terjejas nanti.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, jadi perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu saya ambil maklum dan saya akan melihat, akan mengarahkan pihak ATM untuk menghubungi Yang Berhormat untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berhubung dengan perkara yang dibangkitkan itu.

Kelima ialah berkenaan isu pembinaan pangkalan Tentera Laut Republik China di Malaysia. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong ada? Ya, Yang Berhormat Jelutong ya. Ingin saya tegaskan pihak kerajaan tidak sekali-kali akan membenarkan mana-mana negara membina pangkalan Tentera Laut atau pangkalan kapal selam di mana-mana pelabuhan di Malaysia. Ini *very clear*lah, kita tidak pernah membenarkan mana-mana. Walaupun kita ada hubungan baik dengan negara-negara seperti di Komanwel, dengan Amerika Syarikat pun sebelum ini, kita tidak pernah membenarkan. Hanya mereka singgah untuk mendapatkan keperluan sahaja, kita tidak ada perancangan itu Yang Berhormat.

Isu keenam ialah isu meningkatkan kadar elaun kepada anggota tentera yang bertugas di perbatasan. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lumut. Ya, Yang Berhormat Lumut.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehubungan dengan perkara yang telah dibangkitkan, perkara ini telah pertama sekali, satu pada 1 Januari 2015. Kerajaan telah menaikkan kadar insentif tugas stesen luar pantai daripada kadar RM8 sehari kepada RM16 iaitu pada itulah dinaikkan, daripada RM8 kepada RM16. Manfaat bayaran baru ini akan dapat diterima oleh semua ATM yang bertugas di kawasan Pulau Jarak, Pulau Perak dan Gugusan Semarang Peninjau yang meliputi kawasan Terumbu Layang-Layang, Terumbu Ubi, Terumbu Mantanani, Terumbu Siput, Terumbu Peninjau serta stesen-stesen baru yang dibuka oleh kerajaan serta diwartakan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, boleh dapat penjelasan satu?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa tidak ada di mana-mana di kawasan Malaysia, di mana ada pangkalan...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ini dah lepas dah ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yalah, tadi saya hendak tanya.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Saya tadi dah lepas dah tadi. Yang Berhormat Jelutong pun tidak tanya, kenapakah Yang Berhormat hendak tanya pula? Benda sudah lepas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Dapat pengesahan sahaja kerana tidak ada di mana-mana pengairan Malaysia pangkalan negara asing ataupun kalau ada, apakah jenis ataupun *facility* yang diberikan kepada mereka? Sebab tadi dikatakan tidak ada, jadi saya hendak dapat pengesahan.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Memang tidak adalah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ha?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Tidak adalah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Memang tidak ada ya?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya, tidak ada.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Okey, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Hendak kata apa lagi, memang tidak adalah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sebab itu pun saya terperanjat sebab *information* yang saya dapat, kita ada di Sabah di mana pangkalan, ada satu buah pangkalan...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Itu Yang Berhormat dapat benda tidak betul.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sebab itu saya ...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Selalu *you* dapat benda yang tidak betul.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau itu betul saya berterima kasihlah.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Memang tidak adalah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, memang tidak ada ya?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Tidak betul. Takkan saya hendak jawab benda yang tidak betul.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Lumut, Lumut.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:Ha, Yang Berhormat Lumut, bagi saya jawab dulu.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tidak habis, belum habis lagi?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:Tidak habis lagi, tidak jawab apa lagi. Orang kacau. Selain itu, anggota ATM yang terlibat dengan Ops Pasir dan yang ditugaskan penempatan di pesisiran pantai, pulau dan penempatan yang diwartakan layak untuk menerima bayaran insentif tugas stesen luar pantai berdasarkan kepada bilangan hari yang terlibat. Pemberian bantuan insentif tugas stesen luar pantai tidak melibatkan anggota yang bertugas di kawasan sempadan Malaysia-Thailand dan di Malaysia-Kalimantan. Walau bagaimanapun, kita sedang mengkaji dan tengok keperluan dan sekiranya perlu, bergantung dengan keperluan dan kemampuan kerajaan *insya-Allah*, kita akan luluskan. Itu sedang dikaji.

Yang Berhormat, sila. Hendak tanya satu sahaja bukan?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri, saya berpendapat RM16 satu hari untuk bertugas di terumbu-terumbu itu tidak berbaloilah orang Perak kata. Sekurang-kurangnya saya kata, RM100 sehari. Oleh sebab baru-baru ini kita lihat yang bertugas di Pulau Perak meninggal dunia. Satu hilang, satu sudah jumpakah? Saya rasa satu sahaja kita jumpa, seorang lagi tidak jumpa lagi. Itu kita kena pertimbangkanlah. Kasihan warga tentera kita yang mempertahankan negara di barisan hadapan khususnya yang di pulau-pulau, di terumbu-terumbu, 200 Batu daripada pesisiran pantai. Tolong pertimbangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya, saya setuju Yang Berhormat. Saya memang selalu melihat mereka ini. Memang kalau mungkin bukan RM100 Yang Berhormat, RM200 pun hendak bagi kalau ada kemampuan. Akan tetapi kita bergantung kepada kemampuan kita. Seterusnya isu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Saya mohon maaf sebab ...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ada isu berkaitan dengan ini atau lain?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Berkaitan dengan itu.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Dengan ini?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dengan kawasan tetapi kalau tidak dapat jawapan...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Tidak, berkaitan dengan elaun?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Berkaitan dengan bayaran ini. Akan tetapi sebab saya tidak sempat bahas tetapi kalau tidak ada maklumat, kita boleh dapat penjelasan...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Sebab bahas boleh minta ulasan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dalam bentuk tulisan pun tidak mengapa. Sebelum ini saya berkali-kali bertanya tentang tentera kita yang berpangkalan di Saudi untuk *Northstar Exercise*, kemudiannya dengan penglibatan perang di Yemen ini. Saya hendak tahu sama ada, apakah bayaran kepada mereka yang bertugas di Saudi untuk memantau keadaan di Yemen? Juga saya ingin tahu sama ada operasi ini sudah tamat atau belum, sama ada mereka sudah dikembalikan? Kalau Yang Berhormat Menteri tidak ada jawapan, boleh saya dapatkan dalam bentuk tulisan? Terima kasih.

■1930

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya jawapan ini sudah bukan kerana tidak ada jawapan, berkali-kali sudah saya jawab kepada Yang Berhormat. Jawapan ini pun saya akan bagi jawapan yang sama sahaja. Tidak apa. Saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Isu yang ketujuh ialah pembelian aset ATM. Perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil. Ada Yang Berhormat Bukit Katil? Yang Berhormat Bukit Katil memang tidak ada, saya rasa itulah sahaja yang melibatkan Kementerian Pertahanan. Jadi...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Satu.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Oh! Satu lagi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya. Saya bertanya tentang...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Tadi pergi mana?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya Yang Berhormat Rantau Panjang, bertanya tentang lori ataupun pengangkutan, asetlah untuk angkatan tentera. Kita tengok sering berlaku kerosakan di tengah jalan, banyak isu logistik yang tidak berkualiti. Jadi, apakah sebenarnya tindakan kementerian untuk memastikan supaya kecukupan angkatan tentera kita?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat tanya soalan lain tadi, Yang Berhormat tanya tambahan untuk soalan ini. Ini kerana aset itu memanglah kita dari semasa ke semasa kita tukar aset baru. Ini bergantung kepada kemampuan kita. Kalau boleh, semua kita hendak tukar. Kapal terbang kita pun sudah lama, kapal-kapal kita pun sudah 30 tahun, 40 tahun yang kita guna. Aset kita di

MALBATT pun kita guna 35 tahun usianya. Sudah lama, tetapi kemampuan tiada. Jadi kalau kita hendak beli aset-aset baru, kita harap pihak pembangkang menyokonglah. Jangan kita hendak *question* pelbagai soalan. Jadi, perkara-perkara ini *insya-Allah- from time*, dari semasa ke semasa, kita sedang melihat untuk memberi aset-aset yang lebih baik kepada anggota keselamatan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: [Bangun]

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Lain pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan ini dan segala pandangan akan diambil kira untuk tindakan kementerian pada masa depan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Terima kasih Kementerian Pertahanan. Sekarang saya jemput Kementerian Kewangan.

7.31 mlm.

Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 di Dewan yang mulia ini. Semua pandangan dan teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang telah dibangkitkan berkaitan Kementerian Kewangan amatlah dihargai. Seramai 48 orang Ahli-ahli yang terlibat dalam perbahasan menyentuh tentang Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan mengikut perkara-perkara ataupun isu yang telah dibangkitkan.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab beberapa isu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam mengenai dakwaan beliau bahawa terdapatnya perbezaan maklumat ataupun anggaran bajet yang dinyatakan dalam ucapan Bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berbanding di dalam buku Anggaran Bajet 2017. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa ucapan Bajet 2017 merupakan ucapan dasar yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan projek, program dan aktiviti kerajaan bagi tahun kewangan yang akan datang iaitu tahun 2017. Sumber pembiayaan bagi pelaksanaan perancangan kerajaan pada tahun akan datang boleh ditanggung melalui

Kumpulan Wang Disatukan atau entiti-entiti yang lain seperti Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat milik kerajaan. Sekiranya pembiayaan tersebut adalah tidak daripada Kumpulan Wang Disatukan, maka amaun tidak perlu dinyatakan di dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan yang dibentangkan. Sememangnya Yang Berhormat Bukit Mertajam mempunyai asas untuk mengemukakan beberapa isu anggaran perbelanjaan.

Oleh sebab itulah, segala anggaran perbelanjaan yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini telah dibuka oleh Tuan Yang di-Pertua untuk diperbahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendapat penjelasan lanjut.

Saya ingin memperjelaskan enam isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam mengenai pembentangan bajet ini. Pertama, beliau mengatakan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan menyediakan RM1 bilion supaya liputan dan kualiti jalur lebar di seluruh negara mencapai 20 megabit sesaat, sedangkan dalam muka surat 567 buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan hanya yang tercatat RM57.5 juta. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan menyediakan peruntukan ataupun *development expenditure budget* di atas RM57.5 juta hanya meliputi penyediaan jalur lebar terhad di kawasan sekolah, komuniti setempat seperti di pinggir bandar, kampung iaitu program tahunan sedia ada.

Manakala peruntukan RM1 bilion yang dinyatakan dalam ucapan bajet merupakan peruntukan yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) atau *Universal Service Provision Fund* dan tidak melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab itu, ia tidak perlu disenaraikan di dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017 yang menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan. Projek jalur lebar tersebut merupakan inisiatif untuk meningkatkan liputan dan kualiti jalur lebar dengan penyediaan infrastruktur seperti kabel, pembinaan menara melibatkan teknologi *fiber to the building* dan sebagainya.

Kedua, dalam ucapan bajet, 430,000 orang pendidik kita pula menerusi SKMM akan mendapat peruntukan sebanyak RM340 juta iaitu peruntukan untuk tablet bantuan mengajar bagi memudahkan tugas.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM340 juta yang dinyatakan dalam ucapan bajet tersebut ...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [*Bangun*]

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Merupakan peruntukan yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia iaitu melalui dana SKMM dan tidak ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Yang Berhormat Gopeng.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Dan tidak melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab itu, ia tidak perlu disenaraikan dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan kerana ia tidak menggunakan wang Kumpulan Wang Disatukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan RM1 bilion peruntukan untuk jalur lebar. Kalau itu bukan daripada Kumpulan Wang Disatukan, daripada mana kah SKMM mendapat wang tersebut, RM1 bilion ini? Minta penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, *USP Fund* ini, sekarang ini berada di SKMM sebanyak RM7.8 bilion. Duit ini diperoleh daripada *industry player*. Maksudnya mereka yang mempunyai lesen telekomunikasi ataupun menjalankan perniagaan telekomunikasi, mereka dikenakan 6 peratus royalti dan royalti ini dibayar kepada SKMM untuk tujuan kita menggunakan duit ini untuk membina *telecommunication infrastructure* kepada kawasan-kawasan luar bandar dan juga *underserved internet area*. So, that money is being used for specific for this purpose.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua orang yang bangun.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Bukankah duit tersebut itu pun dianggap sebagai hasil untuk kerajaan itu?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tidak. Ini kerana ini adalah spesifik untuk industri telekomunikasi. Begitu juga kalau kita tengok levi yang dikenakan dalam *palm oil industry*. Levi yang dikenakan kepada *industry player* dimasukkan khas untuk industri itu sahaja. Kemudian kalau kita tengok dalam *independent power plant industry*, mereka juga ada levi. Levi itu khas untuk membangunkan perkhidmatan *electricity* kepada luar bandar. Ia tidak boleh digunakan untuk perbelanjaan lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Menteri, ini bermaksud banyak lagi dana kerajaan yang dikutip tetapi tidak

dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Kami sebagai Ahli Parlimen sangat khuatir kerana dengan adanya pembinaan *East Coast rail* yang dikatakan mungkin memerlukan pinjaman RM55 bilion, adakah ia satu lagi dana berasingan? Ini kerana jumlahnya kalau kita baca boleh menjangkau ratusan bilion. Kalau tidak diluluskan oleh Parlimen, hanya Kabinet yang membuat kelulusan, ini memang akan menjejaskan kedudukan kewangan negara. Bolehkah hendak dapatkan penjelasan?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Satu minit.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Adakah ini satu polisi kerajaan baru supaya dana-dana yang dengan izin, *parallel fund* daripada Kumpulan Wang Disatukan yang kita biasanya luluskan dalam Dewan yang mulia ini?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kutipan dana yang menyebabkan spesifik industri untuk pembangunan sesuatu industri itu tidak dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan kerana wang-wang itu adalah untuk industri tersebut. Jadi soalan Yang Berhormat, saya tidak tahu apa maksudnya.

■1940

Ketiga, saya juga ingin membetulkan pandangan dalam ucapan bajet juga menyediakan RM30 juta untuk kaum wanita menjalani pemeriksaan mamogram dan juga mendapatkan suntikan imunisasi HPV secara percuma untuk mencegah kanser. Peruntukan bagi kedua-dua program tersebut yang bernilai RM30 juta adalah disediakan di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan seperti berikut muka surat 201, RM30 juta iaitu sebahagian daripada RM526 juta yang diperuntukkan.

Keempat, isu yang dibangkitkan mengenai peruntukan Kampung Bharu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat kerajaan telah- dalam *Budget Speech* kita telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi pembangunan Kampung Bharu. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah Yang Berhormat mendakwa terdapat perbezaan antara teks ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dengan Buku Bajet. Peruntukan untuk Kampung Baru yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah tidak selari dengan yang terkandung dalam Buku Belanjawan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat peruntukan bagi Program Kampung Baru berikut disediakan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah sebanyak RM48 juta. Selain itu sebanyak RM2 juta diperuntukkan di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan akan disalurkan mengikut prestasi dan keperluan sebanyak RM2 juta jadi jumlahnya ialah RM50 juta.

Kelima, Yang Berhormat juga membangkitkan isu tentang bantuan golongan pesawah padi di mana kerajaan memperuntukkan dalam ucapan bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion untuk subsidi

harga benih padi dan baja padi termasuk padi bukit. Yang Berhormat mendakwa hanya diperuntukkan RM690 juta sahaja.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat peruntukan bagi program subsidi bekalan berkaitan padi sebanyak RM1.3 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Perbelanjaan Mengurus seperti berikut. Dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan muka surat 255 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada tercatat subsidi sebanyak RM300 juta Harga Padi, Baja Padi RM300 juta, Benih Padi RM50 juta, Baja Padi Bukit RM40 juta dan Insentif Pengeluaran Padi RM400 juta. Jumlah keseluruhan RM1,090,000,000.

Selain itu sebanyak RM210 juta lagi diperuntukkan di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan akan disalurkan mengikut prestasi dan keperluan iaitu sebanyak RM210 juta di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan B11. Jadi kedua-dua jumlah ini RM1.3 bilion.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu Kawan bangun. Belakang Yang Berhormat Batu Kawan. Ya, sila Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi saya mendengar dalam ucapan Yang Berhormat Menteri bahawa sekian-sekian telah diperuntukkan untuk mamogram dan vaksin HPV untuk wanita. Akan tetapi saya hendak semak di sini kenyataan Menteri ini daripada teks ucapan Yang Amat Berhormat Pekan merangkap Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ataupun ia termaktub dalam Buku Belanjawan 2017.

Saya tanya di sini kerana Yang Berhormat Bukit Mertajam tiada di sini, dan beliau membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengapa teks ucapan Yang Amat Berhormat Pekan lain daripada apa yang terkandung dalam buku? Jadi memandangkan jawapan Menteri adalah berkaitan dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya ingin mendapat penjelasan di sini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah jawab ini Yang Berhormat.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya sudah jawab tadi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat tiada dalam Dewan tadi.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Walau bagaimanapun saya *repeat* balik. Sebenarnya RM30 juta itu ada dalam perbelanjaan buku ini cuma mungkin

dicari dekat Kementerian Wanita. Dia sebenarnya *under* dalam Perbendaharaan Peruntukan Khas untuk program-program yang saya sebutkan tadi.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Bawah Perbendaharaan?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri boleh tolong ulang muka surat tadi Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri boleh tolong ulang muka surat berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuantan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *Just* hendak dapatkan muka suratnya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Muka surat berapa sebab saya *check* muka surat 267 tadi kementerian lain.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Sabar sabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Kuantan. Biarlah kita ada tertib ikut peraturan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan muka surat 201 *under* Kementerian Perkhidmatan Am Perbendaharaan B.11. Di dalam tersebut daripada RM526 juta itu ada RM30 juta dalam itu untuk program mamogram dan juga suntikan imunisasi HPV. Saya pergi seterusnya...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Rantau Panjang bangun.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya saya sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyentuh tentang bantuan kepada petani, bantuan baja padi, benih padi dan Menteri menjelaskan RM1.3 bilion peruntukan. Cuma saya ingin penjelasan di sini jelas membuktikan bahawa duit yang membiayai baja padi untuk diberi kepada petani duit kerajaan, duit rakyat, duit peruntukan rakyat. Akan tetapi baja padi yang dibekalkan dicapkan dengan cap daging. Ini persoalannya. Ini bukan duit Barisan Nasional. Jadi saya ingat ini mempolitikkan jadi maknanya ini adalah satu mengelirukan rakyat seolah-olah ini duit Barisan Nasional. Sedangkan jelas Menteri yang menjelaskan duit ini duit rakyat daripada cukai rakyat, daripada hasil rakyat. Minta penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat saya ambil maklumlah pandangan. Saya hendak teruskan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Beruas bangun lagi. Ya Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak dapat, mungkin kalau boleh bagi jawapan bertulis kerana saya sangat kuarir tentang jawapan yang telah Menteri berikan tadi berkenaan dengan *parallel fund*. Ini kerana di bawah Perlembagaan Persekutuan, Perkara 96 mengatakan, dengan izin, “*No tax or rate shall be levied by or for the purposes of the Federation except by or under the authority of Federal Law.*” Jadi kalau kutipan tentang *industrial player* semua ini merupakan satu kutipan wang bagi saya itu melanggar undang-undang. Ini kerana semua wang mesti dikutip dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan di bawah Perkara 97. Jadi kalau boleh, niat saya hanya mendapat penjelasan kerana terlalu banyak dana-dana luaran yang dikutip ini mungkin melanggar undang-undang.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih. Kita akan *reply you on writing* tetapi daripada segi *principal-nya that clause actually for the tax this is levy, there is no tax. Anyway we will reply you* nanti.

Keenam ...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu Kawan bangun lagi.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maaf Menteri. Muka surat 201 tidak menyatakan apa-apa mengenai vaksin HPV ataupun mammogram. Jadi saya hendak dapatkan pengesahan sebab saya semak ...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Dalam RM526 juta itu dalam itu ada RM30 juta tidakkan kita hendak *list* semua dalam itu. Dalam itu ada RM526 juta ada RM30 juta diperuntukkan dalam RM526 juta.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: But tadi Menteri kata ada dalam muka surat 201.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya memang ada dalam RM526 juta *that what my reply.*

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *But is not here.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *That's what my reply. I said it's* dalam peruntukan tersebut ada RM526 juta, RM30 juta ada dalam RM526 juta.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Dengan izin Menteri *these are the important thing that should be spelled out. Not good and said it is here, it is there.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *Next time* nanti kita beli sayur dengan ikan pun kita kena *detail*-lah.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *No, this is important for women. It should be spelled out properly.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *Ya that reason why it is covered in a Budget Speech. If it is not important how it can covered in Budget Speech.*

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *It should be stand-alone by itself not just be park under something that is illusive like this.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *How can you say park under something this is Perbendaharaan, is MoF.*

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *It not there! Is not there!*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *Is not park under...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *You said in 201, it is not there.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya juga ingin memperbetulkan tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam bahawa dalam *Budget Speech* ada menyatakan RM360 juta bagi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Yang Berhormat mendakwa bahawa hanya diperuntukkan RM5.5 juta sahaja. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bukit Mertajam... *[Disampuk]* Tidak apa, *I want to put on record in the Hansard.*

■1950

So that he knows, because he brought this subject and then he was asked to leave the Dewan. So I just want to make sure that you know kalau dia balik nanti esok, he's not satisfied with my answer, I can give him personnel tutorial for this. No problem. Untuk peruntukan bagi program Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran sebanyak RM360 juta diperuntukkan kepada Kementerian Sumber Manusia di bawah perbelanjaan pembangunan seperti berikut:

- (i) Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan muka surat 544 – Kementerian Sumber Manusia; P46, Butiran Projek 00600 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia, peruntukan RM360 juta iaitu sebahagian daripada RM376.8 juta ada di dalam tersebut. Peruntukan ini disediakan bagi pengendalian latihan TVET seluruh negara di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Peruntukan RM5.5 juta yang dinyatakan itu

merupakan perbelanjaan operasi tahunan seperti di bawah Butiran 060100.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan mengenai hutang negara oleh Yang Berhormat Jasin; Yang Berhormat Taiping; Yang Berhormat Kapar; Yang Berhormat Pandan; Yang Berhormat Rantau Panjang; dan Yang Berhormat Kuala Krai.

Hutang yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan adalah bertujuan bagi membiayai defisit berikutan kekurangan hasil bagi menampung perbelanjaan kerajaan. Pinjaman yang dibuat adalah khusus untuk menampung perbelanjaan pembangunan sahaja.

Oleh yang demikian sekiranya kedudukan defisit berterusan, Kerajaan Persekutuan perlu membuat pinjaman bagi menampung perbelanjaan pembangunan dan seterusnya hutang juga akan meningkat. Paras hutang Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK kekal terurus pada 53.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir Jun 2016 iaitu sebanyak RM655 bilion. Daripada RM655 bilion, 95.5 peratus adalah *domestic debt* dan 4.1 peratus pinjaman luar negara.

Pembayaran khidmat hutang dibuat berdasarkan kepada jadual yang telah ditetapkan oleh pemegang bon, sukuk serta pemberi hutang yang lain. Sepanjang tahun 2016, sejumlah RM26.6 bilion diperuntukkan bagi membayar kupon bon dan sukuk atau meliputi 12.9 peratus daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Bayaran khidmat hutang telah dikategorikan sebagai item tanggungan. Ini bermakna bayaran khidmat hutang perlu didahulukan berbanding lain-lain komitmen kerajaan yang tidak dikategorikan sebagai tanggungan. Setakat ini kerajaan tidak pernah gagal untuk membiayai bayaran khidmat hutang.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah jaminan yang diberikan oleh kerajaan sehingga Jun 2016 adalah sebanyak RM180.9 bilion ataupun 14.7 peratus daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek infrastruktur seperti dana infra, prasarana, MRT- dan sebahagian daripada *strategic investment*.

Bagi memastikan paras hutang adalah terkawal dan terurus tidak melebihi 5.5 peratus daripada KDNK, beberapa langkah kawalan berikut sedang dilakukan oleh pihak kerajaan. Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara dan seterusnya memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan.

Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemah, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome* bagi

mengelakkan pembaziran. Pinjaman kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek-projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang. Menguruskan dasar semasa kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi dengan mengambil kira modal tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

Jaminan kerajaan pula hanya diberikan kepada projek *national strategic*, projek sosio dan infrastruktur yang memanfaatkan rakyat secara keseluruhan dan memacu pembangunan ekonomi. Seterusnya saya juga ingin menyentuh soal...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Taiping bangun.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapan kerana Yang Berhormat tadi jawab soalan saya yang berkaitan dengan hutang negara. Yang Berhormat Menteri memandangkan hutang negara semakin menggunung jika dibandingkan daripada zaman Datuk Seri Anwar Ibrahim setakat RM98 bilion... [Dewan riuh] Sekarang jumlah hutangnya lebih kurang telah meningkat 10 kali ganda, RM655.7 bilion dengan hutang jaminan RM870 bilion.

Memandangkan hutang begitu tinggi, soalan saya amat menarik yang saya hendak tanya adalah mengapakah kerajaan masih lagi memberikan status pengecualian cukai sepanjang 10 tahun untuk syarikat 1MDB. Ini bermaksud 1MDB, apa manfaatnya, sumbangannya kepada rakyat dan negara? Mengapakah syarikat ini tidak bayar cukai? Itu saya hendak tahu. Seluruh rakyat pun mahu tahu mengapa 1MDB skandal terbesar kewangan dunia tidak perlu bayar cukai, rakyat perlu bayar GST. Sekian, terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam pelaburan negara kita apabila kita berbuat satu pelaburan yang strategik, bukan sahaja 1MDB, banyak lagi syarikat-syarikat yang membawa pelaburan strategik kita bagi dia *taxes exemption on certain period of time. Not all, not permanent, not perpetual, certain period of time. So 1MDB at that material time*, mula-mula diwujudkan adalah merupakan sebuah syarikat strategik pada ketika itu untuk membangunkan kawasan-kawasan tanah yang tidak dapat dibangunkan oleh syarikat tempatan kerana kos yang diperlukan begitu banyak.

Akan tetapi dia bukan hanya saja kepada syarikat 1MDB kerana banyak syarikat lain yang datang atas tiket *strategic investment* kita bagi *taxes exemption* untuk *certain period of time. Some of them get 5 percent, some of them get 10 percent.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jasin bangun.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya hutang negara pada ketika ini tujuan untuk pembangunan yang boleh menjana pendapatan untuk kita servis balik hutang kita ini. Akan tetapi saya hendak minta pendapat Yang Berhormat Menteri kerana banyak daripada hutang-hutang kita yang kita buat ini hutang daripada *off budget*.

Jadi ini sebenarnya kalau kita sebut di satu sini macam MRT, macam Pan Borneo kerana ini adalah sebenarnya *off budget* yang sebenarnya kita tidak ada *self financing* kerana kita takut nanti *exposure* kita akan terlalu besar dan mengakibatkan defisit kita akan turut melebar. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya bersetuju Yang Berhormat Jasin sebab apabila kita buat pinjaman *off budget* ini, *we need to manage*. Kalau kita tidak *manage*, nanti dia akan datang *a maturity all at one goal and we will not be able to*, kita mungkin tidak boleh dapat mengatasinya. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat hari ini semua hutang yang kita beri melalui *off budget* kita masih belum pernah lagi berdepan dengan masalah dan tambahan lagi walaupun dia *off budget* tetapi *investment* ini dia *create an asset to the government also* ataupun syarikat-syarikat yang telah kita laburkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, ada tiga Yang Berhormat yang bangun, yang manakah satu? Lima Yang Berhormat yang bangun...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rantau Panjang, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita memahami apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkaitan dengan keadaan kadar hutang di negara kita sudah mencapai 53.2 peratus daripada KDNK. Akan tetapi kalau kita teliti sebenarnya hutang negara kita sudah mencapai 55 peratus daripada KDNK.

Bagaimana kita tengok dalam rekod buku ekonomi yang dibentangkan kepada semua Ahli Parlimen di mana pada 1 Januari 2016, Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan telah dikorporatkan yang dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam di mana langkah ini adalah untuk mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan yang berjumlah sebenarnya 1.8 peratus daripada KDNK pada awal 2016.

Jadi kalau kita campur sebenarnya 1.8 peratus daripada KDNK campur dengan hutang yang ada sekarang 53.2 peratus, bermakna 55 peratus daripada KDNK. Jadi kita jangan rasa kita dalam keadaan yang selesa. Kita sangat terbeban. Saya ingin tahu sejauh mana tindakan untuk memastikan tidak ada kementerian yang berbelanja melebihi daripada bajet. Daripada Laporan Audit yang kita pantau, terlalu banyak kementerian yang membelanjakan melebihi daripada peruntukan yang diperuntukkan. Minta penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya ambil maklum Yang Berhormat. Itu juga adalah merupakan *concern* oleh kerajaan supaya kita pastikan bahawa perbelanjaan kita ini terkawal dan pinjaman kita juga terkawal.

■2000

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai pinjaman perumahan ini, ini adalah sebenarnya perancangan sejak dahulu lagi. Kita merasakan bahawa pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh individu-individu yang bekerja dalam kerajaan, kalau lebih elok dia mengambil pinjaman di luar dan kerajaan boleh bagi dia *facility* tetapi diambil di luar daripada kerajaan kerana apabila dia berhenti kerja, dia boleh teruskan pembayaran dia dengan institusi-institusi yang kita pinjam selepas itu.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju dan yang lain bangun. Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya dengar tentang perkara ini *off budget loan*. Saya cadangkan kerajaan mempertimbangkan tiap-tiap tahun, dua kali setahun laporkan ini jumlah *off budget loan* kepada Parlimen. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya ambil maklum dan kita akan maklumkan kepada Yang Amat Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin maklum kepada Menteri bahawa saya buat sedikit *research* tentang *off budget loan* yang tadi Yang Berhormat Menteri juga lahirkan kekhawatiran tentang *off budget loan*. Di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebenarnya hanya *railway project* seperti MRT, LRT dan juga *East Coast Rail* dan juga HSR. Kalau semua

projek ini dilaksanakan, kerajaan atau Malaysia perlu mengambil RM184 bilion *extra* untuk menampung semua *rail project* ini di bawah Kementerian Kewangan.

Ini amat membimbangkan kerana RM184 bilion ini adalah lebih daripada *contingent liability* daripada kerajaan sekarang. Dan *looking at the track record of rail project* seperti LRT, dahulu LRT memang kerajaan kena *bailout* daripada semua projek rel termasuk LRT, termasuk Monorail. Semuanya terpaksa diambil balik oleh kerajaan oleh Prasarana. *So, this is a very worrying trend* dan saya ingin ingatkan *it is a RM184 billion*. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Ini *contingent liability*.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *This is contingent liability. Off budget...*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Ya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau Menteri tidak beralah bermakna tidak benarkan. Ya. Sila.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan *contingent liability* yang saya difahamkan daripada Menteri Kewangan sebelum ini apabila kita soal hutang Kerajaan Persekutuan sebahagian dan *contingent liability* sebahagian yang lain. *Contingent liability* ini oleh kerana *contingent liability* ini ada *guarantee*, ada pulangan, ada aset yang boleh memberi *backup* kepada *contingent liability*, jadi ini tidak menjadi beban kepada hutang keseluruhan Kerajaan Persekutuan.

Akan tetapi, kalau kita lihat misalannya kalau tadi soal MRT, MRT ini di bawah dana infra, ada pulangan daripada MRT yang boleh menanggung *contingent liability* tersebut tetapi bagaimana dengan Pan Borneo? Dari manakah pulangan daripada Pan Borneo itu yang boleh menanggung *contingent liability* untuk Pan Borneo kalau apa yang disebutkan Pan Borneo itu adalah *off budget expenses*? Minta penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih. Yang Berhormat, *I think* kalau kita tengok perbelanjaan infrastruktur ini, dia terbahagi kepada dua.

Satu, infrastruktur yang dibiayai *off budget* iaitu kita mempunyai *business model* yang kita boleh *collect over the period of time and then we extend the loan instead of 10, 15 tahun*, dia jadi 20, 30 tahun. *These are long term asset. Whereas if you don't build now*, mungkin hari ini kita *build* harga dia RM10 bilion tetapi kalau kita tunggu duit kita ada, mungkin *by the time you ada money, the cost to build is RM30 to RM40 billion. That is why we are do it now [Tepuk]*

Lagi sebuah model ialah memang kita kena buat infrastruktur ini untuk rakyat dan kita tidak ada *collect* duit daripada dia tetapi apa yang kita buat, kita pinjam dahulu tetapi setiap tahun kita akan *allocate amount of money* untuk bayar *loan* tersebut. *That is because business model* untuk *build the infrastructure* dia tidak ada *income* daripada itu.

Akan tetapi kalau dia ada tol, *then* kita tidak payah. Makna dia boleh *collect* daripada tol tersebut untuk bayar *long term but we need to stress the principal*. *That is the concept of building the infrastructure but* tanggungjawab untuk membina infrastruktur ini *is actually* tanggungjawab kerajaan. *That is the concept* yang kita bagi.

Keduanya, kita hendak tekankan walaupun dia *off budget* tetapi kerajaan *is very careful to give this GG*. Kalau kita bagi *government guarantee* ini, kalau entiti tidak boleh bayar, kita kena bayar. *That is* dia punya model tetapi *that is the reason why* kita tidak bagi tidak tentu fasal.

Tetapi dalam masa yang sama, saya hendak beritahu ada juga entiti-entiti kerajaan yang kita bagi yang dia bagi *multiplier effect to the economy*. Saya tengok macam kita bagi *guarantee* kepada Khazanah RM20 bilion. Aset dia sudah ada RM100 bilion. So, kita kena tengok bukan semua kita bagi yang akhirnya kerajaan kena bayar. Macam TNB dahulu yang awal-awal dahulu kita bagi *guarantee, you know, government* bagi *guarantee but today they are independent*. *But, without that guarantee last time*, mungkin TNB tidak boleh berada dalam saiz yang sekarang ini. Jadi, konsep *guarantee* ini kita kena tengok.

Yang keduanya, kadang-kadang kita merasakan bahawa kalau sesuatu entiti ataupun *business model* yang kita bawa keluar daripada kerajaan itu, dia ada dua keuntungan yang kita boleh dapat. Pertama, kita boleh *bring the talent* masuk tanpa mengikut *structure* kerajaan yang *in term of* bayar *talent* tersebut. Kedua, keputusan dibuat lebih pantas. Akan tetapi apa yang perlu kita tekankan ialah kita mesti mengawal *off budget* ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua orang yang bangun. Mana satu, Yang Berhormat Menteri?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya agak tertariklah juga dengan penjelasan yang diberikan oleh Menteri berhubung dengan *off budget* punya *expenditure* dan *guarantee* yang telah dijelaskan. Saya tertarik bahawa dalam salah satu ayat yang dikeluarkan ialah bahawa bila ia *off budget*, maka kita tidak perlu hendak kawal sangat berbanding dengan yang *on budget*, yang mana daripada segi dia punya bayaran semua dapat kita kena *perform* mengikut satu jadual tertentu dan sebagainya. Akan tetapi yang mana *off budget* punya ada sedikit *freedom*, tidak perlu kita hendak seolah-olah implikasinya seolah-olah tidak perlu hendak kawal dan sebagainya.

Saya cukup faham apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Khazanah, berhubung dengan TNB yang mana kita setuju ia merupakan satu tindakan memberikan *guarantee* yang cukup wajar dan telah terbukti ianya merupakan satu tindakan yang baik dan bijak. Walaupun ada beberapa isu tentang ketelusan yang masih perlu diperbaiki tetapi kita boleh terima *business model* yang sebegitu rupa yang jelas di mana duit pelaburan yang hendak diletak, di mana akan datang pulangnya dan sebagainya.

Akan tetapi yang kita hendak tahu yang satu dunia hendak tahu bukan sekadar rakyat Malaysia hendak tahu... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat yang lain diam ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apakah kena ini? Sabarlah. Ialah tentang *off budget expenditure*, jaminan dan *guarantee* yang Menteri sendiri sebut dengan jelas akhirnya kita kena bayar kalau tidak *perform*, iaitu berhubung dengan 1MDB.

Lalu, ini yang semua hendak tahu tetapi hingga hari ini Yang Berhormat Menteri sendiri tidak sanggup untuk memberikan penjelasan. Apabila dikatakan bahawa *guarantee* ini tidak akan diberi sewenang-wenangnya, saya rasa isu 1MDB itu adalah cukup jelas bahawa ianya telah diberi dengan satu kaedah dan pendekatan yang Menteri sendiri dahulu sebut *wrong business model*. Ini saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan supaya meyakinkan kami balik bahawa yang dikatakan jaminan-jaminan yang tidak diberikan dengan sewenang-wenangnya sebenar-benarnya tidak berlaku.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya sudah beritahu bahawa banyak jaminan diberi ini kepada *strategic investment- infrastructures, strategic business* yang kita buat dan pada mulanya- tadi sebelum Yang Berhormat Shah Alam masuk, saya sudah cerita benda ini bahawa

1MDB ini dahulu mula-mula diwujudkan adalah *strategic investment*. *Strategic investment*.

■2010

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Nanti dulu, duduklah dulu. Biar habis jawab dulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak, tak, tak, saya ada bila Yang Berhormat Menteri menyebut itu. Saya ada, bukan saya tak ada. Saya ada ya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Nanti, tak payahlah tanya lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri menyebut begitu sahaja.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya, okey.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Strategic investment*, apakah dia?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *So, strategic investment* iaitu- saya ada satu topik 1MDB ini hendak jawab. Sekejap lagi, so nantilah dulu. Jangan kacau dia ini. So, apa yang saya hendak tekankan, *now* tadi saya apa hendak tekan, bila kita cerita fasal *strategic investment* ini, ia bukan semua *strategic investment* ini *hundred percent will be successful*.

Saya bagi contoh, PERWAJA, *they fail. How many billions were write-off? But*, saya hendak beritahu tidak semestinya oleh sebab PERWAJA itu kita *write-off, therefore* yang lain semua kita *write-off. No, that is wrong*. Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan ialah kita kena terima hakikat bahawa bila kita cerita pasal strategik ini dan selepas itu kita tengok daripada segi *implementation*. Yang itu saya hendak komen balik, yang saya sebut tiga benda itu- itu dia *wrong business model, weak management and a poor governance. That one I consistently said that. Saya make it very clear, but as at today, this is* perkara yang kita akan *handle*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri timbulkan isu PERWAJA. Akan tetapi paling kurang PERWAJA itu dia ada dia punya *market sector* yang tertentu yang ingin diusahakan, *into heavy industry, into- ada into steel* dan sebagainya... *[Dewan riuh]* Boleh Yang Berhormat Menteri tolong beritahu 1MDB ini apa? Apakah yang dia hendak buat? Paling kurang, Proton. Betul, rugi. *It is something which is costing the country*. Rakyat kena biayai. Akan tetapi paling kurang dia ada benda yang jelas. Apakah *return* daripada 1MDB?

What do you want to expect? What do you want to get? Yang mana dapat jamin berbilion-bilion...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, okey, / jawab. Okey...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Akan tetapi akhirnya, satu benda pun tak ada.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, saya ada hal satu segmen 1MDB kemudian. Mari kita cerita yang lain dulu ya, cukuplah. Ini tak boleh- *never end* ini. Okey, ada lagi? Ya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, yang manakah satu? Yang Berhormat Selayangkah?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sebelum itu saya hendak sebut jugalah ya, PERWAJAKah, Protonkah, BN juga, BN juga.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Sebelum soalan tadi ditanya, Yang Berhormat Menteri berkata tentang *off budget*. Cara ialah kawalan dan saya setuju kawalan itu memang penting. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa perkara ini dibawa ke Parlimen supaya semua di dalam Dewan ini mengetahui apa *governance* dia, apa kawalannya supaya kita dapat menunaikan tanggung jawab kita.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, *I think* kita memang tiap-tiap tahun kita laporkanlah untuk projek-projek statik yang mendapat *governance* dan kita tidak pernah sorok soal gerenti yang kita beri kepada mana-mana syarikat. Tidak ada satu pun syarikat yang bila kita bagi gerenti, kita sorok. Kita *quite* terbuka *on this*. Kita akan tanya, *alright?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, daripada 143 bilion projek yang dikatakan telah ditandatangani MoUkah, perjanjian dengan pihak negara China dan syarikat-syarikat di sana, berapakah antara syarikat projek-projek ini diberi keistimewaan dikecualikan daripada cukai dan juga GST? Oleh sebab kita memerlukan pendapatan untuk negara kita, dikatakan setiap tahun defisit, adakah benar mereka ini juga projek-projek strategik yang akan diberi keistimewaan dikecualikan cukai? Oleh sebab kalau kita nampak syarikat besar daripada negara China pergi Johor membina projek-projek, mereka dikecualikan daripada syarat-syarat yang dikenakan ke atas rakyat Malaysia sendiri untuk membina rumah mampu milik atau rumah murah. Oleh sebab maksudnya, mereka tidak menjalankan *social duty* untuk membina rumah yang mampu milik tetapi mereka mengaut untung. Adakah syarikat-syarikat ini datang mengaut untung sahaja, kita

berikan keistimewaan dan akhirnya rakyat sendiri tidak dapat bertanding dengan syarikat-syarikat dari negara China kerana mereka diberikan keistimewaan?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkara yang Yang Berhormat bangkit ini sebenarnya saya tidak ada maklumat *detail* kerana saya tidak terlibat secara langsung. Akan tetapi ini sekarang masih daripada peringkat awal di peringkat EPU atau *Economic Planning Unit*. *By the time I get more detail, I will share with you. But, certainly* kalau saya punya perundangan, bahawa mana-mana syarikat yang datang daripada negara kita ini, mereka tidak boleh dikecualikan daripada *tax*. Mereka kena bayar GST, mereka kena bayar *corporate tax*. *That is always* kita punya *guiding principle* untuk pastikan dibayar.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut dasar kerajaan. Bilamana mana-mana pelabur asing yang masuk melabur di Malaysia, wajib untuk membayar cukai, termasuk GST. Di depan mata kita ada satu *classic case* iaitu di mana kes Bandar Malaysia, di mana 60 peratus telah dijual kepada syarikat China. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membuat pengumuman, di mana pembangunan 1MDB di Bandar Malaysia. Sepuluh tahun tidak perlu bayar *income tax*. Pembelian hartanah di sana dikecualikan RBGT lapan tahun. *No income tax, no RBGT*. Apa keistimewaan dan pengecualian, *and how to justify this?*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Bandar Malaysia kita anggap sebagai satu *strategic location*. *Strategic location* di mana *gross development value of* syarikat ini dijangkakan *150 billion*. Apa yang kita buat ialah untuk *master developer*, kita bagi supaya mereka boleh bawa *investor* datang melabur sebab kita tahu pasaran kita untuk *30 million population*, dia tak boleh *take the GDP of 150 billion*. *So, that is the reason why* dalam Kuala Lumpur ini kita *bring investors* untuk *built* dan *take...*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, saya suka Yang Berhormat Menteri kerana terang-terang jawab, terus terang kedudukan strategik. Maka saya bagi contoh, kedudukan strategik *Bukit Bintang City Centre*, milik UDA Holdings, sekarang dibangunkan oleh *Eco World*. Mengapakah itu kedudukan strategik tidak dikecualikan cukai? Mengapakah 1MDB dikecualikan cukai? Ada udang kah, ketam kah di sebalik batu? Itu rakyat mahu tahu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk pengetahuan, kalau kita lihat pada mula-mula syarikat 1MDB mendapat tanah tersebut, TRX, Bandar Malaysia, pada mula-mula sebelum kita ada masalah, memang ia telah diberi *a strategic incentive*.

Jadi, apabila ia datang, bila syarikat lain datang *joint venture* untuk buat projek tersebut kerana 1MDB tidak mampu buat waktu ketika itu, maka insentif itu pergi kepada syarikat tersebut. Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan bahawa 150 bilion *over the period of fifteen years*, kalau kita tak bawa *investors* datang, *there is no way* kita boleh mencapai projek yang sebegitu besar. Yang kedua, tempat ini juga menjadi tempat yang strategik kerana ia merupakan stesen utama kita punya *highspeed rail* pada masa akan datang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Seorang Ahli: UDA, UDA...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: UDA saya tidak nampak bahawa projek itu ia strategik tetapi strategik daripada segi keliling semua dah ada *development*. Keliling semua dah ada *development*. *Matured area*, Bukit Bintang, *you don't need to give incentives for people to come to Bukit Bintang*. Okey?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih. *You asked Development Board value?... [Disampuk]* Tak, tak, yang Bandar Malaysia itu. Ya? Tadi Yang Berhormat Menteri jelaskan bahawa memang kita kena beri insentif, memang dia punya *gross development value 150 billion*, tak mungkin kita buat sendiri dan sebagainya, okeylah, okey. *The questions is* bila dia orang ini datang, *the incentives that you are offering is obviously the profits and the profits that you are providing them* yang-maaf, saya tukar *channel*, bahasa Malaysia pula, yang keuntungan yang digunakan untuk mendapatkan pelaburan ini merupakan satu jenis keuntungan dan pelawaan yang begitu menarik, yang menyebabkan mereka datang kerana mereka boleh dapat keuntungan yang besar. Akhirnya, ia akan menyebabkan syarikat-syarikat tempatan sendiri tak boleh bersaing apabila pembangunan yang dilakukan oleh pemaju-pemaju tempatan.

■2020

Semua kena bina rumah mampu milik, kena ada *low cost*. Buat daripada 60 peratus, 40 peratus kena *low cost* dan sebagainya. Macam-macam *guideline*, tetapi kita buka kawasan yang strategik ini tanpa apa-apa halangan seolah-olah kita seronok orang luar mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda...

Seorang Ahli: Keuntungan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berlipat kali ganda keuntungan yang dibawa luar, ini apa Yang Berhormat Menteri ini Tuan Yang di-Pertua? Apa punya Yang Berhormat Menteri ini, hendak jawab bangunlah. Hendak menjawab bangun. Kita sanggup keuntungan dibawa luar negara.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi keuntungan yang sama kita tak sanggup berikan kepada syarikat-syarikat tempatan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat sekejap Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mengelirukan.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya hendak berikan sedikit penerangan, sudah banyak kali pihak pembangkang mengelirukan rakyat dengan mengatakan Peraturan Mesyuarat 36(6)...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, ini Menteri apa ini? Ini Menteri Kewangan kah, Menteri mana ini? Sekarang waktu Menteri Kewangan jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini Menteri apa ini?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Menteri pun ikut undang-undang. Yang tak ikut undang-undang pembangkang, Yang Berhormat Menteri ikut undang-undang. Tidak, Yang Berhormat Menteri pun ada hak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Kantoi!

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Menteri pun ada hak! Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam duduk-duduk Yang Berhormat Shah Alam. Saya benarkan Yang Berhormat Menteri dia berdiri atas peraturan yang disebut Peraturan Mesyuarat 36(6). Dia sebut saya dengar.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tak dengar Yang Berhormat Taiping? Tadi Yang Berhormat Taiping berdiri sekali lagi mengulangi satu pertuduhan palsu ataupun

kenyataan palsu seperti mana yang disebut oleh dua, tiga orang Ahli Pembangkang sebelum ini dan hari ini selepas itu pun disambut oleh Yang Berhormat Shah Alam. Iaitu Tuan Yang di-Pertua, tidak betul mengatakan 60 peratus Bandar Malaysia itu pergi ke syarikat China. Tidak betul, kita sudah banyak kali cakap bahawa 1MDB 40 percent. Cradance Resources Sdn. Bhd. dan KPRJ Johor...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini bukan peraturan mesyuarat. Ini cuba menjawab soalan bagi pihak Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya, ya Yang Berhormat. Ya. Yang Berhormat... ya, ya Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat- *no, no, no...*

Seorang Ahli: *It is not your...*

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, *the Minister is capable* untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya, ya Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Peraturan mesyuarat macam mana?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Menteri Kewangan ada maklumat, minta Menteri Kewanganlah jawab... *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini Menteri apa, Menteri Perumahan. Ini bukan Menteri Perumahan lagi dia tidak lagi dalam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Duduk Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tak payah Peraturan Mesyuarat 36(6), dia akan jawablah.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Sekejap, duduk. Dalam Peraturan Mesyuarat itu harus sebab ini penting supaya 60 peratus tidak betul syarikat China yang membelinya.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Biar Menterilah jawab, Menteri adakan? *We have a good Finance Minister.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri you nak pergi cakap buat PC, buat PC di luar.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Supaya tidak dikelirukan. Selepas itu baru kita tahu bahawa China biasanya 24 peratus, itu yang perlu. Jadi Yang Berhormat Taiping telah menggunakan statistik yang salah... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kewangan, ya sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya cukup bersimpati dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana Menteri yang lain tidak yakin dengan kemampuan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab sendiri [*Tepuk*] [*Dewan riuh*].

Saya rasa Yang Berhormat Menteri kena beritahu kepada Menteri sorang lagi ini-biarlah saya jawab, saya tahu. Ini memalukan Menteri Kewangan. Macam Yang Berhormat Menteri Kewangan tak tahu kerja dia.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Lepas itu guna Peraturan Mesyuarat 36(6) pula, apalah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, *we have confidence in this Minister*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Indera Mahkota, ya saya belum jemput lagi Yang Berhormat untuk bangun. Ya, sila Yang Berhormat Menteri Kewangan sila.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Shah Alam, saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat Shah Alam itu tersebut. Begitu juga macam Putrajaya, pada mula-mula dulu kita hendak *develop* kita akan bagi insentif dalam masa 8 tahun hingga 10 tahun. Iskandar pun sama juga dan Bandar Malaysia juga kita buat benda yang sama. *This is not something only unique in Bandar Malaysia*, kita juga buat di kawasan-kawasan strategik.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *The uniqueness* Yang Berhormat Menteri...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Is the way that you gave the land to 1MDB and you gave that land at a price-* maaf, saya tukar *channel* balik lah. Benda yang membezakan Putrajaya dan yang lain-lain, bandar Iskandar dan sebagainya ialah tidak diberikan kepada mereka melalui sebuah syarikat yang dapat membeli dengan harga yang murah. Selepas itu keuntungan dan sebagainya akhirnya dikatakan tidak mampu dibuat sendiri maka keuntungan yang sepatutnya pergi kepada syarikat milik kerajaan kononnya yang 100 peratus telah pergi kepada pihak yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi di Putrajaya dan Iskandar...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pendekatan yang sebegitu rupa tidak berlaku. Apabila dilakukan dengan sebegitu rupa, apa yang berlaku ialah keuntungan daripada hartanah yang strategik dan mahal itu telah terlepas kepada pihak orang lain. Ada hendak jawab juga?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mana tahu ada Menteri lain hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, Yang Berhormat Shah Alam...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, duduk sekejap. Yang Berhormat Menteri duduk. Yang Berhormat sekalian, kita ada peraturan, kalau ada hendak buat pencerahan guna pakai Peraturan Mesyuarat 37. Yang Berhormat Shah Alam, sebelum Yang Berhormat Menteri berikan pencerahan Yang Berhormat Menteri belum lagi duduk dan saya pun belum lagi panggil. Yang Berhormat Shah Alam jangan senyum, senyum. Ya, saya tak jemput lagi. Itu pun saya tak...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua tetapi nampak macam Yang Berhormat Menteri menunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, saya tidak akan teragak-agak menggunakan kuasa saya selepas ini, yang berdegil-degil untuk menjadikan Dewan ini untuk berdialog. Ini bukan untuk berdialog. Sila Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: Yang Berhormat, Menteri mana?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih saya pergi kepada subjek lain. Saya juga ingin menjawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong bangun. Sila Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bangkit berkenaan dengan isu 1MDB juga kerana disebut tadi. Saya rasa Yang Berhormat Menteri sudah masuk perkara itu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, boleh kita bincang 1MDB kemudian sebab ada subjek 1MDB.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kemudian- *I got it that want*. Terima kasih, terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya juga ingin menjawab beberapa pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Gombak; Rantau Panjang; Tanjong Manis; Sungai Petani; Batu Gajah; Kuala Pilah; Ranau; Kuala Selangor; Bukit Mertajam; dan Bayan Baru mengenai isu-isu ekonomi yang berbangkit daripada segi isu hutang kerajaan, saya sudah jawab tadi. Keyakinan pelabur domestik dan luar negara dan daya saing ekonomi negara.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, keyakinan pelabur domestik dan luar negara ini banyak bergantung kepada pertama *political stability of the country*.

Kedua, ia juga melibatkan *fiscal policy* kita daripada segi kita *tax session*, daripada segi kita punya *deficit of the country*. Kemudian ia juga melibatkan *monetary policy*. Jadi bagaimana kita punya *monetary policy* yang begitu konsisten, daripada segi bagaimana kita meletakkan kita punya OPR, SRR dan sebagainya. Kemudian mereka juga melihat bagaimana kita *structural policy*, penentuan kita daripada segi *labor policy*, daripada segi kita punya *education policy*.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: [Bangun]

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ini faktor-faktor yang menyebabkan pelabur-pelabur akan mewujudkan keyakinan kepada pelabur.

Kedua, saya ingin berkongsi Yang Berhormat bahawa setakat ini *based on World Economic Forum*, kalau daripada segi *competitiveness* kita, kita terletak di tangga 25 daripada 138. Manakala daripada segi *World Bank doing business*, kita terletak di tangga 18 over 149 buah negara. Daripada segi konteks *capital market* kita juga, kita mempunyai RM1.7 trilion kita punya *capital market*, di dalam negara ASEAN kita nombor 2 selepas *Singapore* tetapi dalam Asia kita nombor 8 daripada segi *capital market*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rompin bangun. Ya sila.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang *monetary policy* kita dapati dalam satu jangka masa yang begitu lama 10 tahun yang lepas hampir semua bank dalam negara kita menunjukkan keuntungan yang besar. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengarahkan Bank Negara untuk mengkaji semula OPR dengan merendahkan lagi *interest rate* supaya pertumbuhan ekonomi di dalam negara lebih rancak dengan pinjaman yang lebih murah? Ini akan mendorong perniagaan dalam negara bersaing di peringkat antarabangsa dengan keadaan pinjaman yang murah.

■2030

Satu lagi, adakah kita melihat bahawa bank-bank di negara kita ini mampu untuk berdiri di atas satu suasana *interest* yang rendah. Selama ini kecekapan bank bukan semata-mata hanya kerana kecekapan mereka untuk menguruskan bank tetapi adalah disebabkan oleh kebijaksanaan kerajaan menguruskan ekonomi dan keyakinan pelabur asing menyebabkan ekonomi kita bagus dan bank juga membuat keuntungan. Sampai masanya sama ada kita menguji kemampuan bank dalam negara kita ini untuk menguruskan bank mereka dalam keadaan *interestnya* rendah setelah mereka menikmati satu jangka masa panjang keadaan keuntungan yang diperoleh daripada *interest rate* yang tinggi. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, kita juga kena faham bila kita cerita fasal *monetary policy* ini penentuan kadar *interest* dalam negara. Kita kena lihat, kita tidak boleh banding negara kita macam di *UK for example*.

Di UK, ada *Developed Country*, bila *Developed Country* ia tidak perlu banyak pelabur asing datang untuk membangunkan negara mereka, mereka dah *developed*. Kemudian di Amerika contohnya, *interest very low, because* dia dah *Developed Country*. Macam di *Japan*, dia dah *Developed Country*. Kita ini baru *Developing Country* punya status. Jadi kita perlu banyak pelaburan datang ke negara kita untuk membantu kita bangunkan infrastruktur kita. Jadi, sebab itu kadar *interest* ini sangat kita kena perlu berhati-hati. Jadi, sebab itu daripada segi *monetary policy*, MoF tidak terlibat. Kita biarkan *independently assess by* Bank Negara, *central bank*. Mereka ada mekanisme melihat kedudukan ekonomi kerana *interest rate* ini kalau kita tidak *manage it properly*, ia akan memberi kesan yang sangat dalam kepada ekonomi kita.

Contoh, kita sekarang ini mempunyai RM655 billion, kita punya bon- 35 peratus daripada kita punya bon ini di-*subscribe* oleh pelabur-pelabur di luar sana kerana ia mempunyai *attractive interest rate*. Akan tetapi kadar *interest rate* kita ini bersangkut paut juga dengan kedudukan kita punya OPR dalam negara. Kalau terlampau rendah, maka bon juga akan menurut rendah dan kemungkinan mereka *not interested to come and fund some of* kita punya *requirements or* kita punya *development*. So, we have to *study and then* kita kena tengok dan *from time to time* kita akan *adjust*. Kalau kita tengok baru-baru ini kita ada buat *adjustment 0.25 business point* daripada 3.25 to 3 kerana kita mengambil kira untuk membiarkan kemudahan pinjaman ataupun kos yang rendah sedikit untuk peniaga-peniaga kita dan juga mereka yang membuat pinjaman.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun lagi. Sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini saya hendak buat dalam bentuk soalan. Saya difahamkan bahawa hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara China yang mana beliau telah berjaya untuk mendapat beberapa pinjaman daripada negara itu. Akan tetapi di antara yang dipersetujui ialah untuk membenarkan negara China memulakan sebuah bank China yang- EXIM Bank iaitu *Chinese Export-Import. Sorry, China Construction Bank*. Tak tahulah itu mungkin Menteri boleh perbetulkan. Khas untuk datang dan beroperasi di negara kita hasil daripada pinjaman-pinjaman yang beratus bilion yang kita akan perolehi dari negara China.

Saya hendak jaminan daripada Menteri pada hari ini bahawa bank itu tidak akan diberikan layanan yang istimewa, yang lain dari bank-bank yang lain. Sehingga dengan kekuatan kewangan yang ada padanya dan janji projek-projek yang beratus bilion yang akan melaluinya, kita khuatir bahawa bank-bank tempatan akan menghadapi masalah. Dahlah projek ratusan bilion, pinjaman ratusan bilion yang dilakukan oleh negara Malaysia, kesemuanya akan melalui bank ini, sudah pastinya. Saya hendak jaminan daripada Menteri, bank ini tidak akan diberikan layanan istimewa seperti mana yang nak diberikan kepada syarikat-syarikat kontraktor dan sebagainya yang daripada negara China. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya ingin meletakkan isu ini- kita lihat pemberian lesen kepada ICB, *International Chinese Bank, I can't remember* tapi ICB dan lagi satu CCB. Kedua-dua mereka ini kalau di-*apply* lesen ke Bank Negara, Bank Negara akan proses lesen ini mengikut prosedur yang telah ditetapkan, tidak ada *any interference from any ministry- in as far as Bank Negara is concern*. Macam mana dia *asses Standard Chartered, Citibank, HSBC* dan juga *foreign bank* yang lain, begitu juga dia *asses* kedua-dua bank yang telah diberi lesen.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bank yang mohon lesen ke Malaysia ini, ia bukan bank yang tidak ada kekuatan. Ia ini, *I was told, I don't have the detail*. Kalau ada *detail* nanti I bagi kat *you* tapi kalau *you measure* dia daripada segi konteks kekuatan saiz bank tersebut, *I think* dalam Asia ini, *I think that is consider one of the biggest*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya terima jawapan Yang Berhormat Menteri sebagai satu jaminan bahawa bank ini walaupun ia telah runding boleh dikatakan *G-to-G*, ia telah diberikan segala jaminan untuk nak dapatkan *business* dan sebagainya bahawa ia bukan merupakan satu kompromi yang diberikan supaya nak dapat pinjaman yang ratusan bilion itu.

Oleh sebab itu, bank-bank ini akan terpaksa melalui proses yang sama, dapat lesen yang sama, dapat peraturan dan undang-undang beroperasi kena sama, tidak ada layanan yang istimewa kerana seperti mana Yang Berhormat Menteri sendiri telah sebut, mereka bukan kecil-kecil anak punya bank, bank besar. Kita nak tentukan bahawa kemasukan mereka ke dalam negara Malaysia ini tidak akan menjadikan satu suasana di mana bank-bank yang lain, khususnya bank-bank tempatan akan terpinggir, *di-pushed off* oleh sebab kekuatan yang ada pada bank itu dan layanan istimewa, kalau ada yang diberikan. Saya pegang Menteri kepada janji Menteri ini. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Boleh, saya bagi komitmen tersebut.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mana-mana bank, tidak kira kecil atau besar, apabila ia bagi pinjaman, ia kena ada *capital* yang mencukupi ikut dia punya *capital adequacy ratio*. *The more they underwrite the loan, the more capital they have to put. That is the standard rule* dalam *international banking*. Saya terus kepada soalan yang seterusnya.

Untuk menjawab Yang Berhormat Rantau Panjang, mohon penjelasan daripada Kerajaan Pusat bagaimana negara mampu untuk menjadi negara yang maju hanya dengan diberikan 18 peratus peruntukan pembangunan daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan dalam ucapan Bajet 2017.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita tengok dua puluh tahun dahulu dengan sekarang, Oleh sebab negara kita ini diterima dia punya *risk* begitu baik, *rating* yang bagus. Maka, kita boleh melakukan *development expenditure* ini dengan dua cara.

Satu, *development expenditure* yang kita tidak ada dapat hasil secara *direct*, kita boleh gunakan duit kerajaan secara *direct*. Yang kedua, kita boleh gunakan *development expenditure* secara *off budget*, yang kita buat MRT, LRT, *Pan Borneo* dan sebagainya, itu secara *off budget* kerana kebolehan untuk pelabur-pelabur untuk *subscribe* bon tersebut untuk kita mulakan pembangunan infrastruktur ini sekarang, *instead of* kita *wait for next 10 to 20 years*. *That is the* kekuatan yang ada buat masa ini, sebab itu kita gunakan. Jadi, sebab itu kalau kita nak tengok daripada segi kenapa kerajaan *spend* 18 peratus, kita kena tengok daripada segi konteks apa yang kita buat, infrastruktur daripada segi *off budget* macam MRT, LRT dan sebagainya.

■2040

Kemudian, saya teruskan untuk Yang Berhormat Sungai Petani.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Penjelasan sedikit boleh Yang Berhormat ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan dengan kita hendak mencapai negara maju 2020 hanya tinggal tiga tahun

sahaja lagi. Dengan keadaan infrastruktur kita yang masih banyak kekurangan, sekolah-sekolah daif yang kita sudah tahu, dengan keadaan peruntukan yang banyak dipotong.

Jadi kita hendak mencapai negara maju hanya tinggal tiga tahun lagi sedangkan masih banyak kekurangan. Bajet untuk pembangunan pun kita terpaksa berhutang sebab defisit bajet kita RM40 bilion. Itu yang saya persoalkan dalam perbahasan.

Jadi saya ingin tahu macam mana kerajaan untuk memastikan lonjakan atau pacuan ekonomi ini lebih ke depan dengan keadaan rakyat sekarang pun berdepan dengan tekanan hidup yang semakin tinggi. Satu jawapan yang saya masih tunggu ialah tentang hapus kira hutang-hutang syarikat besar yang berbilion ringgit. Ini menyebabkan hilangnya wang negara masih belum diberi jawapan juga oleh Yang Berhormat Menteri. Minta penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, daripada segi hutang negara ini sebenarnya kalau kita tengok daripada segi hutang untuk *development* ini *even* sebahagian daripada kita punya negara-negara di luar sana, walaupun sudah mencapai negara maju, mereka masih berhutang untuk terus membangunkan negara. Kita tengok Amerika *today* dia punya GDP USD17 trilion dan hutangnya USD20 trilion. Bukan kita hendak ikut Amerika tetapi apa yang saya hendak tekankan sebuah negara yang betul-betul *developed*, GDP dia USD17 trilion. Kita punya GDP RM330 bilion. Dia USD17 trilion. Dia masih berhutang.

Apa yang perlu kita tekankan ialah apabila kita berhutang, apa yang kita hutang? Untuk apa? Kalau kita berhutang untuk kita buat *development*, untuk negara kita *stimulate economy* saya ingat tidak menjadi masalah. Ketiga, kita pastikan hutang yang kita ambil ini mestilah hutang yang boleh kita bayar ataupun kita servis.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tadi soalan yang tanya kenapa kita *write off some of the* hutang. Kita *write off some of the* hutang kerana macam Perwaja. Apabila kita bagi pinjaman dan dia tidak boleh bayar, syarikat sudah tutup. Jadi tak kan kita hendak *carry* dalam *book*. Kita terpaksa *write of* perlahan-lahan dalam kita punya buku. *Over the period of time*.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Peraturan Mesyuarat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Menteri ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat Serdang?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Peraturan Mesyuarat 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Peraturan Mesyuarat 36(12) ya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya rasa tadi Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan yang mulia ini kerana sudah dua kali menyebut bahawa Pan Borneo Highway ini adalah *off-budget item*. Akan tetapi apabila saya merujuk kepada anggaran bajet ini memang ada satu perkara 82000 Lebuhraya Pan Borneo di bawah *development expenditure* ataupun perbelanjaan pembangunan sebanyak RM1.5 bilion yang telah dikeluarkan. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh perbetulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tadi Yang Berhormat tidak ada semasa saya bincang benda ini. Saya sebut Pan Borneo Highway adalah projek yang kita tidak *collect* tol. Apabila tidak *collect* tol, ia akan datang daripada *development budget* kita. Akan tetapi oleh sebab kita hendak tunggu daripada *development budget* ini, *highway* ini tidak boleh buat. Oleh sebab itu kita pinjam duit melalui DanaInfra, pinjam duit itu untuk buat tol tersebut.

Apa Yang Berhormat tengok dalam bajet itu adalah peruntukan semasa yang kita beri untuk Pan Borneo Highway tersebut. Akan tetapi *the huge amount, total about* RM20 bilion, RM23 bilion kita pinjam separuh dahulu awal. Kemudian setiap tahun kita akan *allocate figures* tersebut. Apa yang *you* tengok itu adalah *allocation* yang kita buat untuk tahun 2017. Okey. [Tepuk]

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Rantau Panjang bangun lagi. Ya sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas penjelasan tentang hutang yang telah dihapus kira. Akan tetapi persoalan saya sekarang ini ialah apabila kita semak hutang ini jumlahnya begitu banyak. Sedangkan hutang PTPTN, anak-anak kita tidak mampu bayar kerana mereka tidak ada peluang pekerjaan yang baik. Sedangkan mereka disenaraihitamkan nama, tidak boleh keluar negara dan mereka tidak boleh buat pinjaman peribadi.

Jadi kalau hutang syarikat besar yang nilai berjuta ringgit, berbilion ringgit kita boleh hapus kira dalam keadaan kita tidak boleh bertolak ansur dengan anak-anak pelajar kita yang belajar terpaksa meminjam kerana untuk belajar. Saya ingin penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, kalau ada mana-mana pelajar yang habis belajar, selepas itu dia tidak ada kerja dan disenaraihitamkan. Datang jumpa

saya, saya hendak cakap dengan *chairman* PTPTN. Kalau dia tidak ada kerja kenapa kita senarai hitamkan? Mereka yang disenaraihitamkan ini ialah apabila dia dapat kerja dia tidak mahu bayar. Itu sahaja. *[Tepuk]*

Akan tetapi kalau dia tidak kerja, mana-mana pelajar yang tidak kerja lagi, tidak dapat kerja, ada hutang jadi takkan dia tidak ada kerja hendak pergi hutang dekat bank? Dia tidak akan dapat hutang pasal dia tidak boleh hutang sebab dia tidak ada kerja. Akan tetapi apa yang kita hendak tekankan kalau sudah kerja, kalau tidak boleh bayar RM200, bayarlah RM100. Tidak boleh RM100, bayarlah RM50. *[Tepuk]*

Yang Berhormat, saya hendak teruskan Yang Berhormat Sungai Petani. Sejauh manakah Kerajaan Persekutuan melaksanakan pengagihan pendapatan mengikut Jadual Kesepuluh Perlembagaan kepada negeri Sabah dan Sarawak? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan ada menyediakan peruntukan perbelanjaan mengurus pada setiap tahun bagi membiayai operasi-operasi agensi Persekutuan seperti pendidikan, keselamatan, kesihatan dan lain-lain keperluan sosial.

Bagi tahun 2015 sahaja, peruntukan perbelanjaan mengurus kepada agensi-agensi Persekutuan di Sabah adalah sebanyak RM7.5 bilion dan sebanyak RM7.3 bilion di negeri Sarawak. Selain daripada itu, bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi setiap tahun. Pada tahun 2015 kita peruntukan RM29 bilion kepada negeri Sabah dan RM2.4 bilion kepada negeri Sarawak.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Di samping itu, kita juga memberi pemberian. Kita anggap sebagai pemberian. Macam tahun 2015 kita beri pemberian RM1.1 bilion telah disalurkan kepada negeri Sabah dan sebanyak RM1.2 bilion kepada negeri Sarawak. So dari segi konteks kita tengok pengagihan ini, kita juga kena tengok apa yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri ini.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Penampang bangun.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya sentuh berkenaan dengan bahagian 10 Yang Berhormat Menteri? Jumlah yang diberi sejak tahun 1969 adalah RM26.7 *million* dengan izin. *Inflation was*

never calculated and it remains hingga ke hari ini at RM26.7 million. Itu adalah *special grant* kepada Sabah.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, kenapakah jumlah ini tidak dikaji balik ataupun *was not reviewed to fit with what is 2/5 of the gross net income collected from* negeri Sabah? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak Yang Berhormat lihat dari segi bantuan yang diberi kepada Sabah dan Sarawak ini kita tengok dari segi konteks keseluruhan. *Don't be specific on only one segment of the* bantuan. Ini kerana saya sebut tadi, daripada segi mewujudkan prasarana-prasarana seperti contoh sekolah, hospital dan banyak lagi agensi Kerajaan Persekutuan ini dibuat di Sabah dan Sarawak juga memerlukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Kemudian di samping bantuan-bantuan ini saya ingat kalau kerajaan berkebolehan untuk bagi saya tidak nampak kenapa kerajaan tidak boleh bagi.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Penampang bangun. Sila.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *Funding* ataupun *development grants* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu *that is normal* antara *Federal* dan *state*. Akan tetapi ini adalah *special* perjanjian antara Sabah dan Kerajaan Persekutuan pada penubuhan Persekutuan Malaysia. So ia dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

So RM26.7 million ini sepatutnya lebih daripada *you know what we are getting today* sebab dalam bahagian 10, *it is said that this 2/5 of the net revenue collected* dari Sabah. *So we cannot mix it* dengan *development grants*. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, saya tidak ada jawapan spesifik. Nanti saya tengok dan saya beritahu Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching. Ya sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut dalam tahun lalu sejumlah lebih kurang RM7 bilion daripada perbelanjaan pengurusan, *expenditure* yang diberi kepada Sabah dan RM7 bilion diperuntukkan untuk Sarawak. Soalan saya adalah, berapa peratusan daripada RM7 bilion yang diperuntukkan untuk Sarawak daripada keseluruhan angka yang diperuntukkan di bawah perbelanjaan pengurusan?

■2050

What is the percentage of that RM7 bilion, itu RM7 bilion daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan pengurusan yang diperuntukkan dalam tahun lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani juga bangun. Ya, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri *just for the record*. Saya hendak tahu kedudukan sebenarnya dalam Perlembagaan ini. Adakah Jadual Kesepuluh Bahagian III bermaksud *these are the special fund should be given to Sabah dan Sarawak - two fifth*. Tidak termasuk seperti apa yang Menteri kata tadi, *monthly development fund* dan juga lain-lain *existent*. Adakah ia *totally separate* ataupun perkiraannya itu *whatever is given then* dia tolak daripada situ barulah maksud Jadual Kesepuluh Bahagian IV ini terjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, saya tidak boleh bagi *interpretation* itu, *I think I have to come back to you, I think ya*. Untuk Yang Berhormat Kuching tadi bila saya sebut RM7.5 bilion, kalau hendak tanya dari segi *percentage*, kalau kita ambil kita punya belanja mengurus *about 150, so it is possibly about five percent*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau begitu, mengikut angka yang diberikan iaitu yang diperuntukkan untuk Sarawak hanya lebih kurang lima persen daripada jumlah peruntukan yang diluluskan dalam Dewan ini. Manakala pada masa yang sama, populasi di Sarawak adalah lebih kurang 10 peratus daripada populasi keseluruhan Malaysia. Maka soalan saya, bukankah ini merupakan satu ketidakadilan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional atas orang Sarawak dan orang Sabah. *We have 10 percent of the population but we only get five percent of the total allocation*.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya sebut bahawa bila kita hendak tengok benda ini *you don't go only be specific on the OE. You must look also development expenditure that we have given over the period of time*, kita juga beri pemberian yang kita bagi tiap-tiap tahun. Dalam masa yang sama kita kena juga tengok bagaimana kita memberi infrastruktur, contoh Pan Borneo. Kita beri Pan Borneo tanpa meletakkan tol, contoh kalau kita bandingkan sebahagian daripada dalam *Peninsular* yang kita buat.

Jadi, saya ingat kita hendak tengok dari segi pengagihan ini kita kena tengok secara keseluruhan. Ada negeri-negeri yang dapat lebih awal kelebihan apabila mereka telah membangun dan kita alihkan pembangunan ini kepada tempat lain. Jadi *this is*

depend on bagaimana kita memberi perkembangan sesuatu negeri itu bergantung kepada *allocation* yang kita buat tiap-tiap tahun.

Okey, saya *move next one*. Bantuan Rakyat 1Malaysia. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Penampang dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah mengimbangi kenaikan kos sara hidup dalam membeli barangan keperluan harian dan bukannya bertujuan untuk membasmi kemiskinan.

Walau bagaimanapun kerajaan mempunyai program-program lain yang boleh membantu rakyat secara keseluruhan untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan. Antara program-program yang dilakukan oleh kerajaan ialah dengan menggalakkan program keusahawanan yang diuruskan oleh agensi-agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, TEKUN, MARA dan SME Bank. Di samping itu kerajaan juga menyediakan kemudahan pendidikan dan latihan kemahiran kepada rakyat bagi membantu mereka agar lebih berdaya saing.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa di samping itu kerajaan juga melaksanakan program-program penjanaaan pendapatan rakyat seperti:

- (i) Program MySuria;
- (ii) Program Mobilepreneur;
- (iii) Agropreneur;
- (iv) eUsahawan;
- (v) eRezeki;
- (vi) meneruskan pemberian subsidi dan insentif kepada golongan sasaran yang berpendapatan rendah;
- (vii) meningkatkan bantuan pendidikan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah;
- (viii) meningkatkan taraf hidup secara keseluruhan B40 dengan memberi pelbagai kemudahan pembiayaan melalui pinjaman-pinjaman kecil.

Saya juga ingin menjawab soalan Yang Berhormat Julau mengatakan bahawa negara perlu mempunyai pangkalan data BR1M yang tepat supaya bantuan yang diberikan sampai kepada golongan sasar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang sebelum pemberian BR1M dilakukan mereka akan dibuat verifikasi kepada Jabatan-jabatan Pendaftaran Negara, LHDN, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, JPJ, SSM dan juga Kementerian Pendidikan.

Kemudian Yang Berhormat Tanah Merah, mencadangkan supaya separuh pemberian BR1M diberikan dalam bentuk tunai dan separuh lagi diberi dalam bentuk kad kredit. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menukar bantuan BR1M kepada kad debit mengambil kira keutamaan keperluan rakyat serta kemudahan infrastruktur setempat. Walau bagaimanapun memandangkan hampir 90 peratus penerima BR1M menerima BR1M melalui akaun bank, penerima bolehlah menggunakan fasiliti kad debit yang ditawarkan oleh bank kepada semua pemegang akaun simpanan.

Berapa banyak orang Sabah yang menerima BR1M...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada yang minat bertanya BR1M ya. *[Ketawa]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Penampang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hendak tunggu 1MDB. *[Ketawa]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: ...Berapa banyak orang Sabah yang menerima BR1M. Penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia Sabah bagi negeri Sabah pada tahun 2016 adalah seramai 655,125 orang. Kemudian membangkitkan sama ada agihan BR1M adalah betul kerana dakwaan ada lebih daripada seorang penerima BR1M dalam satu keluarga. Sebenarnya BR1M boleh diberi lebih daripada satu orang dalam satu keluarga sekiranya kalau dia mempunyai nenek atau datuk yang tinggal dalam rumah tersebut salah seorang daripada mereka boleh dapat dan dalam rumah tersebut kalau dia ada emak dan bapa, sama ada emak atau bapa boleh dapat.

Kalau mereka mempunyai anak lebih daripada 21 tahun juga boleh dapat dan kalau ada anak yang sudah berkahwin juga boleh dapat dan kalau ada cucu yang berumur lebih 21 tahun juga boleh dapat. Itu kadang-kadang kita ingat dalam satu rumah itu mungkin ada tiga atau empat orang isi rumah yang boleh dapat. Saya teruskan...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri boleh celah? Hendak minta laluan. Sini depan, depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Klang.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ha, Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik kepada isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri berkait dengan menampung kos kehidupan dan juga cara-cara untuk membantu keluarga-keluarga miskin, membantu rakyat. Isu

yang saya telah bangkit ialah dalam perbahasan saya, saya telah bangkit bahawa satu daripada empat rakyat Malaysia akan menghidap kanser sebelum mereka berumur 75 tahun. Saya telah minta supaya kerajaan fikir mempertimbangkan kemungkinan supaya semua GST dikecualikan ataupun GST dikecualikan untuk semua pesakit kanser termasuk dengan NGO-NGO yang kerja untuk menangani isu kanser. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat jawapan itu saya bagi kejap lagi sebab *I already address that issue. So...*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang juga bangun. Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya ingin mencadangkan supaya kita melihat jauh untuk kebajikan keluarga yang miskin yang termasuk dalam golongan penerima BR1M. Sekarang ini kerajaan memberi sumbangan RM1,200 setahun. Apa kiranya supaya kerajaan memikirkan juga sebahagian kecil daripada sumbangan ini dimasukkan dalam Tabung Takaful Keluarga supaya apabila berlakunya kemalangan atau berlaku yang melibatkan keluarga penerima BR1M ini dia boleh mendapat banyak perlindungan.

Jadi perkara ini mungkin perlu diambil kira sebagaimana yang kita pernah buat di Kelantan untuk skim warga emas yang berumur lebih daripada 60 tahun, jadi perkara ini sangat bermanfaat. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Setuju Yang Berhormat, nanti kita bincang dengan penerima-penerima BR1M sama ada dia setuju untuk tolak RM50 seorang. Kalau dia setuju kita boleh panggil *insurance company* untuk bagi. Saya hendak terus kepada subjek lain iaitu GST. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seramai 15 orang Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Simpang Renggam dan Yang Berhormat Pandan yang telah membahaskan isu GST.

Pertama untuk pengetahuan Yang Berhormat, berdasarkan kepada pemerhatian setelah lebih setahun GST dilaksanakan, tahap kefahaman masyarakat umum adalah baik dan tiada isu kritikal yang dibangkitkan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

■2100

Bagi langkah baru yang diumumkan dalam Bajet 2017, pihak JKDM akan melaksanakan program penerangan terutamanya kepada kumpulan sasar yang terlibat supaya layanan GST difahami dengan tepat. Peruntukan seksyen 33 di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 menetapkan peniaga yang telah dilesenkan perlu mengeluarkan resit transaksi penjualan barang atau perkhidmatan. Bagi memastikan peruntukan tersebut dipatuhi oleh setiap pelesen, setiap pengguna hendaklah memastikan resit setiap pembelian dipinta daripada pembekal barangan dan perkhidmatan.

Pendekatan ini adalah perlu untuk memastikan semua pihak memainkan peranan supaya undang-undang dipatuhi pada setiap masa. Pihak JKDM (kastam) juga menjalankan penguatkuasaan untuk meningkatkan tahap pematuhan peniaga antara lain melalui tindakan khusus seperti menjalankan Ops Jejak GST, menjalankan operasi kastam *Blue Ocean Strategy*, memastikan cukai GST juga yang tertunggak dibayar oleh pendaftar mengikut tempoh yang ditetapkan dan sebagainya.

Seterusnya dalam rangka polisi dan Model GST Malaysia, kerajaan sememangnya telah melihat, meneliti dan membuat perbandingan kaedah pelaksanaan GST yang dilaksanakan bukan sahaja di Australia dan United Kingdom tetapi juga di Singapura, New Zealand, Indonesia, Thailand dan Afrika. Amalan baik di negara tersebut ada yang telah diadaptasi di dalam Modul GST Malaysia seperti beberapa skim khas yang diperkenalkan bagi membantu para peniaga. Walaupun GST telah dilaksanakan, kerajaan akan terus membuat perbandingan dengan negara luar bagi memantapkan lagi pelaksanaan GST di Malaysia.

Selain itu, perlu juga diingatkan bahawa modul GST di Malaysia adalah lebih baik berbanding dengan negara lain. Ini dapat dilihat apabila bilangan barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST adalah lebih besar. Langkah yang diambil oleh kerajaan ini adalah bagi memastikan impak pelaksanaan GST adalah pada tahap minimum kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Seterusnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Bagan bangun. Ya, sila.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri sama ada sekiranya GST adalah berdasarkan apa yang diamalkan di negara-negara luar, adakah pihak kementerian bersedia untuk memulangkan bayaran GST kepada negeri-negeri. Ini kerana seperti mana yang diamalkan di Australia, semua kutipan GST dipulangkan 100 peratus kepada negeri

masing-masing. Kami tidak meminta bahawa ia dipulangkan 100 peratus tetapi sebahagiannya harus dipulangkan.

Kedua, adakah pihak Kerajaan Persekutuan bercadang untuk memansuhkan atau mengecualikan pembayaran GST di kalangan kerajaan negeri ataupun kerajaan tempatan. Ini kerana ia harus diberikan pengecualian apabila mereka menjalankan projek-projek kerajaan untuk orang awam, tidak ada sebab mengapa ia harus dikenakan GST sehingga di Johor dan di Sarawak pun tidak bersetuju dengan langkah ini. Maka mereka telah pun mengecualikan pembayarannya ditanggung sendiri oleh kerajaan tempatan masing-masing juga di Pulau Pinang. Di sini kerana kami tahu bahawa Kerajaan Persekutuan enggan memansuhkan GST tetapi adakah langkah-langkah tambahan ini boleh dilaksanakan untuk mengurangkan beban kepada rakyat.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Daripada segi kutipan GST ini, kalau kita mengikut di mana GST itu dikutip dan kemudian dipulangkan balik, kita takut bahawa pembangunan negara kita ini tidak seimbang terutamanya kalau kita lihat di Selangor dan di Pulau Pinang ataupun di Johor. Ini adalah merupakan negeri-negeri yang kita dapat lihat banyak aktiviti ekonomi yang begitu rancak. Jadi, kalau kita kutip apa yang dapat dalam itu dan kemudian kita bagi kepada *state* itu, ia kemungkinan besar ia akan menidakan banyak negeri lain yang tidak dapat dibangunkan dengan hasil yang kita kutip.

Kedua, mungkin buat masa ini saya rasa model itu tidak sesuai di Malaysia tetapi apabila kita telah menjadi negara maju, bermakna dari Perlis sampai Johor, Sabah dan Sarawak, kemungkinan besar pada ketika itu seperti mana Yang Berhormat sebut daripada segi Australia punya konsep bahawa mereka ini dianggap sebagai negara maju dan rating pun bagus, *triple 'A'*. Jadi saya ingat pada ketika itu mungkin kita boleh pertimbangkan.

Kedua soalan Yang Berhormat tadi ialah soal projek-projek kerajaan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sandakan juga bangun.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Sekejap, nanti *I reply one more* Yang Berhormat. Projek-projek kerajaan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, semua projek Kerajaan Persekutuan bukan sahaja negeri, Persekutuan pun juga kita tidak mengecualikan GST. Kalau kita tengok semua benda yang kita bagi daripada segi *tax exemption* ataupun *corporate tax exemption* tetapi GST kita tidak bagi. Ini kerana apabila kita bagi *exemption* dalam sistem kita ini, ia akan menyebabkan susah kita

hendak memantau daripada ekosistem untuk projek-projek yang di luar kawalan kerajaan terutamanya yang melibatkan banyak *private sector*.

Jadi, *there will be a lot of abuses* daripada segi *claiming one particular project but they assume that the rest of the project also exempted from tax*. Jadi kita hendak buat pemantauan susah. Oleh sebab itu kalau kita tengok banyak projek mega kerajaan, kita tidak kecualikan GST. Yang lain walaupun kita bagi *corporate tax exemption but not GST because* kita tidak hendak dia *disrupt the ecosystem of claiming gross and input tax* supaya sistem itu dia akan berjalan secara automatik dan senang untuk dipantau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Adakah Kementerian Kewangan ada memberi timbang rasa kepada Sabah sebab kita punya barang yang lebih mahal, jadi ini menyebabkan kita akan bayar GST yang lebih mahal. Jadi adakah kerajaan berniat untuk menurunkan GST di Sabah? Tadi Menteri ada beritahu kalau sesuatu negeri yang jauh tertinggal di belakang yang akan memberi peruntukan bajet yang lebih. Akan tetapi macam Sabah yang begitu jauh ketinggalan tetapi peruntukan setiap tahun pun begitu lima peratus sahaja. *I think* apa pandangan Yang Berhormat Menteri ini?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sistem GST ini ia tidak boleh kita menukar *rate* mengikut negeri. *Rate* ini kena *standardize so that easy* untuk dipantau. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, walaupun kita ada *zero tax* dan *exempt tax* GST, kita juga berdepan dengan banyak masalah pemantauan. *It is not easy to* pantau apabila setiap peniaga *claim that is a zero tax, GST tax*. So bila kita buat audit, baru dia tahu yang itu bukan *zero tax then* kita *penalize* dia. *Then* esok kita balik, esok dia buat balik semula. *So it's not easy to control and not easy to* pantau *every shop*.

Jadi saya rasa buat masa ini memang tidak boleh kita tukar *rate* Sabah tiga peratus ataupun Semenanjung enam peratus, agak sukar. Apa yang kita boleh lihat ialah apabila kewangan kerajaan mengizinkan, kita akan cuba beri banyak peruntukan kepada Sabah dan Sarawak sebagai contoh macam kita buat Pan Borneo Highway, kalau kita hendak biarkan kerajaan negeri sudah tentu kerajaan negeri tidak mampu untuk buat. Di sini baru Kerajaan Persekutuan akan salurkan peruntukan-peruntukan untuk pastikan infrastruktur-infrastruktur ini dibangunkan supaya boleh dapat *state* tersebut dibangunkan dengan lebih kompetitif.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun lagi. Saya ingat Yang Berhormat Shah Alam hendak tunggu isu 1MDB ya?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, ya sedang menunggu. Tidak ke mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hanya saya hendak sokong permohonan daripada Sabah memandangkan mereka sudah dikenakan kabotaj dan selepas itu dikenakan GST atas kabotaj itu sendiri. *So in a way, it is a form of double taxation.* Saya mengharapkan bahawa permintaan Ahli Parlimen Sabah dan saya rasa Ahli-ahli Parlimen Sabah daripada Barisan Nasional juga akan menyokong.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Supaya ditangani masalah itu sama ada hendak dikurangkan kadar GST tetapi kalau sistem yang dibeli itu murah sangat dan dia tidak boleh *adjust* ikut negeri-negeri, maka mungkin perlu ditolak kabotaj itu kerana kabotaj itu atau pun kabotaj itu sudah merupakan satu corak percukaian tiba pula kena lagi cukai. *So it's double taxation,* jadi saya rasa agak tidak adil.

■2110

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Pasal kabotaj ini nanti kita akan bawa perkara ini kepada Kementerian Pengangkutan, tengok bagaimana kita *standardized* ini semua tidak membebankan Sabah dan Sarawak.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pandan bangun.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dalam belanjawan tahun lepas dan yang sedang dibahaskan kali ini, kerajaan dianggarkan mengutip antara RM30 bilion ke RM39 bilion dalam bentuk GST. Kemudian, dengan cadangan Yang Amat Berhormat Pekan untuk menaikkan BR1M seperti yang diumumkan, saya menganggarkan kos untuk membayar BR1M mungkin mencecah RM10 bilion. Maknanya, daripada RM30 bilion ke RM39 bilion yang dikutip daripada semua orang, akhirnya satu pertiga atau satu perempat akan dikembalikan sebagai BR1M.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, apabila GST dikutip sebagai satu sumber pendapatan negara, ia menaikkan harga dan semua yang membeli barang baik miskin dan lebih banyak orang miskin yang dicukai itu, menyebabkan harga dan inflasi berterusan. Pada masa yang sama, apabila kerajaan memulangkan balik wang itu, satu pertiga hingga satu perempat yang dikutip sebagai BR1M, nilai yang diberikan kepada

penerima BR1M ini saban tahun akan berkurang dari segi nilainya kerana inflasi dan juga kerana harga barang berterusan naik disebabkan oleh GST.

Jadi tidakkah Menteri bersetuju bahawa gabungan GST dan BR1M yang ada sekarang ini sebenarnya tidak membantu ekonomi negara, menyusahkan semua orang dan tidak betul-betul membantu golongan yang paling bawah? Dan cara yang lebih baik, Yang Berhormat Menteri, ialah kalau mahu diberikan bantuan dalam bentuk bantuan tunai seperti BR1M, cara yang lebih baik ialah tidak mengutip cukai seperti GST sebaliknya mengurangkan pembaziran dan rasuah kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Menteri, sedikit. Menteri, sedikit.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri, sedikit Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua yang bangun. Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Bagan Serai. Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Menteri. Tentang isu GST. Oleh kerana kerajaan menjangkakan akan mendapat *income* yang besar melebihi sasaran awal kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk mengembalikan semula cukai itu untuk diberi peluang kepada orang-orang yang berbelanja dengan jumlah yang kecil di pasar raya di kalangan orang miskin untuk mereka *claim* balik GST mereka? Contohnya, kalau mereka hanya membeli sekitar RM100 ke bawah, GST tidak dikenakan di pasar raya, mereka *claim* balik. Seperti mana hari ini pelancong, mereka datang ke negara kita kena GST, keluar boleh *claim* balik. Supaya kita pulangkan semula kepada orang miskin yang tidak patut dikenakan GST dipulangkan balik duit mereka. Apa pandangan Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Saya terpanggilah, Tuan Yang di-Pertua, untuk bangun sekali kerana mendengar banyak pendapat di sebelah sana yang mungkin boleh memesongkan rakyat jauh lebih lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri, GST ini adalah cukai kepenggunaan. Lebih banyak yang kita pakai, lebih banyak yang kita kena dan yang banyak kena adalah orang-orang yang kaya yang banyak duit dan orang-orang yang miskin, banyak barang-barang telah dikecualikan pun... [Disampuk] Dok diamlah, dengar dulu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi cukai yang dikutip ini memang diberikan kepada rakyat. Jadi apa yang saya hendak tanya kepada Menteri, adakah suara-suara yang mengatakan GST ini hisap darah, GST ini menyebabkan rakyat menderita, adakah mereka sebenarnya menyokong orang-orang yang melakukan ketirisan ini? Ini kerana GST ini mengelakkan ketirisan, menyelamatkan duit-duit rakyat. Terima kasih. [*Dewan riuh*]

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih. Saya hendak jawab kepada Yang Berhormat...

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sedang menjawab ini. Yang Berhormat Shah Alam duduk ya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya hendak jawab Yang Berhormat Pandan ini. Saya ingat teori Yang Berhormat Pandan ini dari segi sudut yang Yang Berhormat Pandan cerita ini adalah soal kutip duit, bagi BR1M RM6.8 bilion, *balance* itu—magnanya kenapa tidak bagi semua?

Sebenarnya kita tengok BR1M ini adalah salah satu daripada *income* yang kita dapat daripada kutipan sistem *tax* yang kita tukar daripada SST kepada GST. Katakan kita *collect* RM38 bilion. RM38.5 bilion kita *collect* kita bagi kepada mereka yang berpendapatan rendah yang *spend 75 percent* barang yang dia pakai *exempt*, cuma yang dia bayar 25 peratus sahaja—kebanyakan. Kalau mereka yang mendapat BR1M ini, kalau kita tengok analisa *spending pattern* dia, 75 peratus barang yang dia beli ini semua *exempt* GST ataupun *zero* GST. Yang dia kena bayar, saya mengaku, ada juga yang kita tidak boleh elakkan, dia kena bayar 25 peratus.

Akan tetapi, kalau kita tengok 25 peratus yang kita bayar ini dan kemudian kita bagi BR1M, dia sebenarnya sudah *equalize* ataupun dia sudah *cover*. Akan tetapi, apa yang saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Pandan ialah kita *collect* RM38 bilion tapi dalam masa yang sama, lebih duit itu sebenarnya masuk dalam *consolidated account*. *Consolidated account* itu di mana perbelanjaannya? Kalau saya hendak bagi tengok—dari segi pendidikan, kesihatan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan rendah dan tinggi, Kementerian Keselamatan, kemudian pertahanan. Saya sebut lima sahaja kementerian kerana lima-lima kementerian ini memang tidak ada *income* yang boleh bagi buka sekolah, bagi cikgu dan sebagainya—RM108 bilion.

Jadi kalau kita tanya bahawa di mana pergi duit ini, duit ini pergi—saya bercakap dengan Yang Berhormat Pandan bahawa duit ini pergi kepada rakyat. Kita

menyediakan sekolah untuk orang-orang yang mana tidak mampu masuk *private school* macam anak Yang Berhormat Pandan. Kita menyediakan kemudahan kesihatan kepada mereka yang tidak status macam Yang Berhormat Pandan pergi hospital yang boleh berbayar. Jadi, kita kena tengok dari segi konteks yang lebih besar.

Jadi apa yang saya hendak tekankan, Yang Berhormat Pandan, saya mengaku bahawa apa yang Yang Berhormat Pandan tekankan dalam analisa Yang Berhormat Pandan waktu ucapan Yang Berhormat Pandan mengatakan bahawa kita belanja banyak dan sebagainya, saya hendak bacakan sedikit statistik supaya Yang Berhormat Pandan dapat melihat dari segi fakta. Kita tidak mahu cerita ini pasal teori, profesor, kira-kira semua ini kita tidak mahu. Kita *go for the fact*.

Saya bertahu, tahun 2003, emolumen yang diberikan kepada kakitangan kerajaan cuma RM21.7 bilion. Tahun 2003. Sekarang ini kita bayar RM77.4 bilion. Dia pergi ke mana? Dia bukan pergi beli barang-barang ini, dia pergi kepada kakitangan. Jadi soal ini, Yang Berhormat Pandan akan tanya saya, "*Kenapa kita bayar banyak sangat?*" RM21.7 bilion tapi hari ini tahun 2017, kita bayar RM77.4 bilion. Kita lihat dari segi *scale* gaji yang kita ada. Kalau *compare* tahun 2003, lain.

Kedua, kita tengok *retirement charges* kita. Pada tahun 2003, *retirement charges* kita RM5.8 bilion. Sekarang ini *retirement charges* kita RM21.7 bilion. Adakah orang yang sudah pencen ini kita berhentikan, kita tidak payah bayar? So ini saya hendak bagi contoh.

Ketiga, kita tengok dari segi konteks subsidi dan bantuan sosial. Subsidi dan bantuan sosial dulu pada tahun 2003 kita ada RM2.6 bilion. Sekarang ini subsidi dan bantuan sosial RM22.4 bilion. Jadi saya hendak kita tengok dalam konteks itu. Kalau kita cerita soal *collect* RM38 bilion kemudian bagi RM6.8 bilion, lainnya patut kita bagi semua, saya ingat ini adalah pandangan yang sempit apabila kita tengok dari segi ekonomi. [*Tepuk*] [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Menteri, Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat, diam, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya melihat Yang Berhormat Menteri Kewangan II dia telah bagi isyarat kepada Yang Berhormat Pandan untuk membuat pencelahan. Sila Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin jelaskan balik soalan asal saya yang mungkin tidak begitu difahami oleh Yang Berhormat Menteri...

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tetapi saya takkan panjangkan. Saya hendak jelaskan bahawa soalan asal saya ialah saya mempersoalkan kebijakan mengutip cukai yang menyebabkan segala harga barang naik, kemudian dipulangkan kepada rakyat yang mana pada setiap tahun nilai BR1M itu sebenarnya semakin mengecil dari segi nilai sebenar akibat daripada cukai yang dikutip itu sebenarnya menaikkan inflasi.

■2120

Akan tetapi yang saya hendak betulkan Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan kononnya tahun 2003, emolumen atau pun penggajian hanya RM21 bilion lalu dibandingkan sekarang tahun 2016, RM70 bilion lebih. Seolah-olah beri gambaran semua perbelanjaan yang naik ini, yang naik gaji kakitangan kerajaan. Yang Berhormat Menteri sebenarnya sepatutnya memberikan gambaran yang lebih ikhlas iaitu peratusan sebenar emolumen berbanding dengan perbelanjaan mengurus.

Tahun 2003 perbelanjaan mengurus RM75 bilion. RM21 bilion ialah lebih kurang satu per tiga. Tahun 2016, RM215 bilion perbelanjaan mengurus, emolumen RM70 bilion lebih, maknanya dari segi peratusan emolumen daripada perbelanjaan mengurus Yang Berhormat Menteri, tidak naik pun. Sebab itu saya tanya, dulu tahun 2003, satu per tiga bayar gaji, sekarang tahun 2016, satu per tiga bayar gaji, saya tanya, yang dua per tiga itu, pergi ke mana Yang Berhormat Menteri?

Kalau Yang Berhormat Menteri itu kata bakinya itu dibelanjakan untuk kesihatan, pendidikan dan lain-lain, macam mana kita hendak jawab kerana kita semua tahu universiti potong peruntukan, sekolah potong peruntukan, hospital potong peruntukan. Jadi, mana pergi wangnya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pandan, saya ingat kalau *you manage* ekonomi ini, akan ada masalah. Pasal apa— ada masalah. Saya ingat kalau *you manage* ekonomi, kalau Yang Berhormat Pandan *manage* ekonomi macam ini, saya ingat susah kita. Sebab kita tidak tengok konteks ekonomi itu dari segi konteks yang besar. Kalau Yang Berhormat cakap tahun 2003 sekarang ini dah jadi tahun 2017, benda semua sama, mana boleh sama.

Saya bagi contohlah, saya bagi contoh. Kita tengok, kalau dulu kita pergi hospital, tahun 2003, kita ada 123 buah hospital. Sekarang kita ada 145 buah hospital yang servisnya berbeza daripada dulu. Sekarang ini semua orang boleh pergi *general hospital*, sebab apa? Servisnya *different* dengan *general hospital* dulu. Jadi, apabila kita bagi peningkatan servis yang begitu tinggi, maka kita pun kena bayar orang begitu tinggi. Kalau *you* hendak bagi orang yang bergaji rendah, siapa yang hendak kerja dalam *service sector* dalam kerajaan?

Kedua, saya hendak beritahu Yang Berhormat Pandan. Dulu tahun 2003, kita ada 7,600 buah sekolah, sekarang kita ada 10,100 buah sekolah. Apabila sudah buat sekolah, sudah buat sekolah, tidak payah ada cikgu? Kena masuk cikgu. Kena bayar cikgu. Ketiga, saya hendak beritahu, purata gaji- Yang Berhormat Pandan, cukuplah itu. Bukan...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *[Bangun]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri, hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Shah Alam, tidak bagi jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak cakap dengan Yang Berhormat Menteri. Ya. Yang Berhormat Menteri kata, kalau Yang Berhormat Pandan menguruskan ekonomi sudah pasti akan ada masalah. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, yang BN yang tengah urus ekonomi sekarang dan memang sudah ada masalah. Itu yang Yang Berhormat Menteri buat adalah satu hipotesis. Satu hipotesis, satu andaian bahawa akan ada masalah kalau Yang Berhormat Pandan atau Pakatan Rakyat menguruskan ekonomi. Saya hendak beritahu, Pakatan Harapan menguruskan ekonomi, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, sekarang ini UMNO, Barisan Nasional yang mengurus. Ia bukannya andaian, hakikatnya ekonomi negara kita benar-benar bermasalah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itulah sebabnya dan itulah sebabnya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kena pergi ke negara China buat pinjaman beratus-ratus bilion. Jual negara. Kata pelaburan, pelaburan, pelaburan tetapi bila kita *check*, ia bukan pelaburan. Ia pinjaman.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sudah pusing.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dan memberikan pelbagai kemudahan dan layanan yang istimewa kepada negara China.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat Menteri?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tanpa kena bayar GST, rakyat kena bayar GST.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Rompin bangun, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, *if there is any problem, it is the result of UMNO-Barisan Nasional*. Bukan kerana Yang Berhormat Pandan. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat? Yang Berhormat Rompin dan Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jalanlah.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey. Yang Berhormat Kuala Nerus, sistem yang Yang Berhormat Kuala Nerus cadangkan itu agak sukar untuk kita lakukan kerana ia akan melibatkan isu pemantauan yang begitu *complicated*. Jadi, saya ingat kita memang tidak boleh buat sistem itu. Ketiga, Yang Berhormat Bagan Serai. Setujulah Yang Berhormat Bagan Serai sebab sebelum kita *introduced* GST ini, kita pakai SST. SST ini kita cuma kutip RM18 bilion. Banyak syarikat yang sepatutnya bayar SST, dia tidak bayar. Dia tidak bayar. Hari ini terbukti, 70 peratus kutipan yang kita buat, *additional on top of the RM18 billion*, dulu kita ada RM18 bilion SST, sekarang kita buat GST, kita kutip RM38 bilion. *70 percent of that collection additional* ini adalah *are the same company* yang dulu tidak pernah bayar SST.

Jadi sekarang ini, saya hendak beritahu Yang Berhormat, harga naik ini sebenarnya sistem yang kita tukar daripada SST kepada GST ini, ia akan menyebabkan kenaikan, kerana apa? Kerana peniaga-peniaga yang tidak pernah bayar SST selama ini, dia kena bayar GST, bermakna dia kena *up* dia punya *price*. Kalau dia tidak *up* dia punya *price*, dia tidak akan dapat untung macam mana dia untung sebelum ini. Sebab ini masalahnya.

Akan tetapi walau bagaimanapun, saya percaya sistem ini, kalau diberi masa *implementation* ini, ia akan- kita akan berdepan bahawa semua syarikat yang hendak berniaga dalam negara ini, ia kena *surface*. Saya bagi contoh. Ada satu MNC, *multinational company*. Saya berjumpa dengan dia, saya cakap, *now, you* ada masalah untuk buat sistem GST untuk—Dia cakap, *no*. Dia cakap dia lebih suka sistem GST ini kerana dia boleh memastikan semua *supplier* yang *supply* pada dia bertahun-tahun ini adalah *supplier* yang betul-betul *register* supaya dia boleh *claim* dia punya *import tax and* orang ini juga boleh *claim* dan boleh bayar GST. Dia hendak *the proper system*. Kalau tidak sebelum ini, dia tidak payah buat *input claim*, *so they could not be bother supplier* mana, sama ada *supplier* itu daftar atau tidak.

Jadi, itu *the beauty of GST* ini. Akan tetapi saya bersetuju bahawa apabila kita laksanakan sistem ini, kita dapat kutipan tambahan, kita kena pastikan perbelanjaan yang kita dapat ini mestilah akhirnya balik kepada rakyat untuk pastikan kita dapat manfaat. *[Tepuk]* Yang Berhormat Kuala Nerus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Saya hendak bangkitkan, isu ini isu besar yang kita bahas banyak tahun dan berbangkit lagi sekarang ini. Dalam hujah yang saya bagi sebelum ini tentang GST iaitu isu dari sudut syarak, iaitu cukai yang tidak dapat membezakan antara yang kena cukai itu kaya dan miskin. Itu sistem GST. Sedangkan jika sistem cukai tidak boleh beza antara yang kaya dan yang miskin, ia tidak bertepatan dengan syarak.

Kerana itulah saya mencadangkan bahawa jika sekiranya kerajaan boleh usahakan untuk orang-orang miskin yang dikenakan cukai tadi tanpa kita sedar, dengan perbelanjaan kecil mereka itu, dibuat sistem yang boleh mengembalikan balik pulangan apa yang mereka bayar, maka itu akan mengelakkan persoalan syariah. Walaupun Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebelum ini menyebut tentang isu GST ini, kata mereka kalau mereka belanjakan pada tempat yang betul, maka boleh terimalah.

Ia tidak bincang tentang konsep, cara GST mengutip hasil rakyat. Maka kerana itu, saya menegaskan *point* tadi bahawa kerajaan kena usahakan satu sistem yang boleh pulangkan balik setiap sen yang diambil daripada orang miskin. Yang saya ambil contoh, sebagai mudah kalau kita menggunakan kad ATM Maybank untuk diambil duit daripada CIMB, tetap dikenakan GST 6 sen daripada orang miskin, satu. Kedua, dengan *income* yang makin besar tadi daripada GST, tidakkah kerajaan ingin mencadangkan

supaya *rate* GST yang enam *percent* tadi dikurangkan hingga tiga atau 2.5 *percent*? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit Yang Berhormat, bersekali boleh? Isu *consumption*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hargai jawapan. Saya hanya ingin dapatkan penjelasan sedikit kerana Yang Berhormat Bagan Serai sebut tentang isu *consumption* di bawah GST. Saya rujuk kepada Laporan Bank Negara Malaysia, di mana Bank Negara Malaysia mengatakan bagi isi rumah sekeluarga yang mendapat gaji RM10,000 ke atas, mereka hanya menggunakan 18 sen bagi setiap *extra* RM1.00, tambahan seringggit. Manakala keluarga yang gaji bawah RM1,000 menggunakan pakai sebanyak 81 sen daripada setiap seringggit tambahan.

■2130

Jadi memandangkan cukai GST ini menambahkan daripada segi *when they consume, as they consume they pay more*, ternyata menerusi laporan BNM menunjukkan bahawa mereka daripada keluarga berpendapatan rendah ini membayar lebih banyak dari segi *consumption pattern*. Jadi saya mohon penjelasan kerana pada saya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi itu tidak bertepatan dengan laporan BNM.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin bangun.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Lembah Pantai, saya bersetuju daripada segi konteks Yang Berhormat sebut tetapi kalau kita tengok balik kalau mereka ini yang mempunyai pendapatan RM1,000, kita tengok paten perbelanjaan mereka itu apa barang yang dibeli. Kalau kita tengok paten orang yang mempunyai pendapatan RM1,000, barang-barang yang dibeli ini majoriti daripada barang-barang itu adalah tidak dikenakan GST. Ada juga sebahagian kecil *percentage* yang saya sebut tadi apa-apa *it's about 25 percent*, dia akan beli barang-barang yang ada GST. Di sinilah saya sebut tadi bahawa bantuan yang diberi melalui BR1M ini juga sebenarnya hendak *equalize* dia punya kos yang dikenakan daripada GST.

Yang Berhormat Kuala Nerus, tadi *you* sudah sebut tadi keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan membenarkan sistem ini. Cuma lagi *argument*

Yang Berhormat Kuala Nerus ialah kepada konsep orang miskin yang dikutip GST. Kita ada *compensatory element* makna kalau orang itu miskin, pendapatannya rendah, perbelanjaan yang diguna pakai adalah banyak barang yang dikecualikan daripada GST. Mana-mana barang yang dikenakan GST ini kita dapat balik, bagi dia melalui bantuan BR1M. Manakala orang yang mempunyai pendapatan tinggi, tidak dapat BR1M. Itu dia punya *compensatory element*. Saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat.

Saya akan teruskan saya punya jawapan ini, untuk Yang Berhormat Batu Gajah memohon supaya pengecualian GST kepada OKU diperluaskan bagi *urine bag*, beg penampung air kencing dan lampin pakai buang. Yang Berhormat, kita akan kaji benda ini dan kalau ia betul-betul diperlukan oleh orang ramai, kemungkinan besar kita akan masukkan dalam senarai yang diperlukan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selain daripada itu, saya juga mohon supaya Yang Berhormat Menteri mengkaji untuk pengecualian GST bagi insurans kesihatan. Pada masa ini, memang kita hendak menggalakkan supaya lebih ramai orang membeli insurans kesihatan dan ini juga meringankan beban kerajaan menampung kos hospital semakin tinggi. Jadi adalah baik sekiranya kerajaan boleh meniadakan GST untuk insurans kesihatan, terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, nanti kita tengok perkara itu. Yang Berhormat Klang memohon supaya GST dikecualikan kepada keseluruhan rawatan kanser melalui ubat-ubatan, perunding perubatan dan rawatan. Ubat rawatan kanser telah dimasukkan dalam kategori ubat terkawal dan dengan itu ia tidak dikenakan GST. Selain itu, rawatan kanser juga tidak dikenakan GST tertakluk kepada rawatan tersebut diperoleh daripada mana-mana pusat jagaan kesihatan swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan.

Di samping itu Yang Berhormat Klang juga memohon supaya GST dikecualikan daripada NGO yang terlibat dalam aktiviti berkaitan penyakit kanser. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, NGO yang merupakan badan amal swasta, *private charitable entity* yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 dan jabatan kebajikan masyarakat layak memohon pelepasan GST bagi barang-barang tertentu di bawah butiran 8.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya telah berjumpa dengan MAKNA iaitu Majlis Kanser Nasional dan mereka merupakan NGO yang *lead the fight against cancer* dalam kes swasta. Akan tetapi mereka mengatakan mereka telah terima daripada kementerian Yang Berhormat mengatakan GST untuk mereka tidak akan dikecualikan. *This make no sense* sebab

mereka *depends on public funds and therefore to tax them more needs rethinking* Yang Berhormat, minta pandangan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, nanti saya lihat pasal MAKNA itu ya. *Okay*, Yang Berhormat Tanah Merah mohon kelepasan GST kepada golongan OKU tanpa melalui entiti berdaftar bagi mengurangkan beban mereka, kita sudah *implement* untuk tahun 2017.

By the way Yang Berhormat Klang, *I just got the information*. MAKNA bukan entiti yang berdaftar di bawah *care center* dan JKM. *So, you ask them to register under this then maybe we can consider. Okay, all right.*

Okey, saya hendak pergi kepada seterusnya Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Ini semua saya sudah *cover*. Mohon kerajaan mengkaji pengecualian cukai tertinggi kepada individu Yang Berhormat Pengkalan Chepa, memohon kerajaan mengkaji mengenakan cukai yang tinggi kepada individu yang memiliki pendapatan yang tinggi cukai ke atas simpanan dan cukai pegangan saham. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan melalui Bajet 2016 telah meminda pendapatan bercukai pada kadar cukai yang tinggi daripada 25 peratus kepada 26 peratus bagi individu yang mempunyai pendapatan bercukai antara RM600,000 ke RM1 juta. Manakala individu yang mempunyai pendapatan bercukai melebihi RM1 juta, kadar cukai telah dinaikkan daripada 25 peratus kepada 28 peratus.

Okey, saya pergi kepada Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan memohon *confirmation* daripada segi kenapa pencarum-pencarum KWSP yang telah mencarum selepas 70 tahun tidak dapat dividen? Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Putatan, kita telah menukar akta ini. Makna selagi duit itu simpan dalam EPF *up to 100 years*, dia akan dapat dividen.

MAS, untuk Yang Berhormat Kuala Langat membangkitkan tentang isu pelantikan pegawai-pegawai kakitangan kanan MAS. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Ketua Pegawai Operasi Malaysia Airlines semasa pelaksanaan pelan pemulihan MAS di bawah kepimpinan Christoph Mueller pada tahun 2014, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif MAB yang baru pada 1 Julai 2016. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, beliau telah diarahkan untuk mencari pengganti beliau selepas sahaja tamat kontrak beliau nanti. Mereka yang hendak dilantik, kita lihat, kita hendak cari *local talent* untuk ganti CEO Malaysia akan datang.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, pencerahan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *Yes?*

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, isu bukan sahaja CEO. Isunya keseluruhan pengurusan MAS itu dikendalikan oleh penjawat ataupun anggota-anggota yang pekerja asing, yang melibatkan jutaan ringgit dibelanjakan untuk mereka. Soalan saya ialah apakah tidak boleh pekerja tempatan, yang pegawai-pegawai tempatan ataupun pengurusan tempatan itu diberi peluang? Ini kerana telah dibuktikan oleh Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman bahawa kegemilangan MAS itu dapat dicipta oleh anak tempatan, itu maksud saya.

Kita tidak perlu membuang duit berjuta-juta untuk kita mengangkat pekerja asing sebagai pengurusan MAS yang sekarang ini permasalahan MAS tidak selesai pun. Jadi isu ini ialah kita mesti ada anjakan paradigma untuk kita kembali balik sejarah kegemilangan untuk diberi peluang kepada pengurusan tempatan, itu maksud saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okeylah. *Last topic* 1MDB. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di kalangan barisan kepimpinan tertinggi Malaysia Airlines hanya dua sahaja daripada lapan orang anggota pengurusan kanan yang terdiri daripada negara asing. Pertama, Ketua Pegawai Eksekutif. Kedua, Ketua Pegawai Komersial. Tidak apa Yang Berhormat, kalau ada calon hantar resume nanti saya *passkan* kepada...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya, okey MAS.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bangkit— terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat sebut tadi hanya ada dua orang sahajakan daripada dua? Akan tetapi yang saya dimaklumkan ada empat orang iaitu CEO dia, *Technical Director Paul Kear* dan juga tadi disebut *Chief Commercial Officer* dan juga Claudia Maria Cadena, *Chief HR Officer*, empat orang. Keempat-empat ini ialah orang luar. Ini yang dipertikaikan. Malah saya dimaklumkan Paul Kear, *Technical Director* ini pun turut dipersoalkan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia kerana tidak mempunyai keupayaan yang sebenar untuk diletakkan sebagai *technical director*.

■2140

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Makluman yang saya dapat ini, pegawai sumber manusia itu, Claudia Maria ini, dia merupakan pemastautin, penduduk tetap Malaysia. Dia *permanent resident*. Dia ada PR dekat Malaysia. So, yang dua itu Peter Bellew *and also*— yang itu saya dapat dua. Lagi satu itu siapa?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Technical director...*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tidak apa, nanti saya *check*, saya *confirm*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Akan tetapi isu dia Tuan Yang di-Pertua, isu dia ialah bila saya bertanya, kementerian sendiri menjawab kata bahawa kita cari seantero dunia, tidak ada rakyat tempatan. Ini bagi saya suatu yang memalukan. Kenapa, apa kerja Khazanah dalam hendak melihat perkara-perkara ini? Apatah lagi, bila CEO yang sebelum ini Christoph Mueller, dia telah pun berhenti, akhirnya pergi bekerja dengan Emirates. Sebelum dia berhenti dengan Emirates, dia telah membuat *code-sharing* dengan Emirates. Tiba-tiba selepas itu dia pergi berhenti, dia pergi bekerja dengan Emirates. Jadi, ini seolah-olah bagi saya satu penipuan. Sedangkan *code-sharing* dengan Emirates tidak pun menggunakan pesawat MAS, semuanya menggunakan pesawat Emirates. Malah, pesawat dari Kuala Lumpur ke Dubai pun menggunakan pesawat Emirates, bukan pesawat MAS.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Dahulu masa saya dekat sana, saya pun sama juga hendak orang dalam. Jadi, sabar, perlahan-lahan, kita *adjust* lepas ini.

Saya hendak jawab soalan 1MDB. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *Sub judice. [Dewan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Menteri, ada *ruling on 1MDB, sub judice on 1MDB* Yang Berhormat. *Be careful on that.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Mana ada *sub judice*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ia sama ada *decide* jawapan Yang Berhormat Menteri, tertakluk kepada *ruling Speaker on that matter.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jangan main-main ini, jawab. Kita tunggu lama.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *So I leave it to Speaker?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No, no.* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak ada. Tidak ada.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, mana boleh macam itu. Bagilah sedikit dengar penjelasan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Diutarakan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tanggungjawabnya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini tidak boleh...

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tidak kata. Boleh jawab, tetapi hati-hati dengan *ruling sub judice*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu saya terima. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *All right. All right.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey. Okey. Sabar, sabar. Saya hendak jawab soalan— sebenarnya soalan ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tambun. Yang Berhormat Tambun tidak ada di sini, tetapi tidak apa, saya jawablah untuk kepentingan kita. Mengapa 1MDB ditubuhkan? *That is* soalan Yang Berhormat Tambun.

Tuan Yang di-Pertua. 1MDB telah ditubuhkan untuk menerajui projek pembangunan strategik kerajaan untuk mengambil peluang ke atas pelaburan serta kepakaran domestik dan antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang dijalankan oleh 1MDB ialah seperti berikut:

- (i) Tun Razak Exchange. *That's one of the project* yang dibuat;
- (ii) Bandar Malaysia;
- (iii) sektor tenaga iaitu menggabungkan semua sektor tenaga ini supaya kita boleh dapat *consolidate high industry* ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memahami bahawa struktur modal 1MDB telah bergantung kepada penggunaan hutang untuk membeli dan membangunkan aset-aset, di mana aliran tunai berterusan diperlukan untuk pembayaran faedah dan prinsipal hutang. Isu 1MDB sebenarnya ialah satu isu perniagaan di mana ketidakseimbangan aliran tunai. Bagi menangani cabaran tersebut dan untuk memastikan bahawa 1MDB untuk membayar hutang-hutang mereka, maka kerajaan telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian secara strategik ataupun *strategic review* yang dikendalikan ataupun dibuat sewaktu Yang Berhormat Tambun menjadi MKII dan seterusnya melaksanakan Pelan Rasionalisasi terhadap 1MDB.

Maka, Pelan Rasionalisasi ini ialah 1MDB telah berjaya membawa masuk dana pelaburan yang signifikan kepada pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa. Antara pencapaian 1MDB telah buat ialah kita telah dapat bangunkan satu bidang tanah macam TRX ini menjadi satu tempat yang kalau siap nanti merupakan satu tempat yang

kita boleh banggakan sebagai sebuah tempat yang *center* untuk kita jadikan sebagai *business centre*.

Kedua, kita dapat menjual untuk membayar hutang-hutang kita ini, kita menjual semua kepentingan kita dalam *power plant*, *power energy business* dan kita telah bawa RM7.43 bilion pelabur daripada luar negara untuk bawa duit mereka ke dalam negara kita untuk membeli aset-aset ini dan menjana *power plant* tersebut.

Ketiga, kita juga telah bawa pelabur-pelabur untuk sama-sama membuat *joint venture* untuk membangunkan Bandar Malaysia dengan ekuiti 60 peratus dan 40 peratus MOF untuk kita bangunkan tanah yang bernilai RM12.35 bilion. Itu mengapa 1MDB ditubuhkan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya. Segambut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Bagi saya jawab semua dahulu. Bagi saya jawab semua dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk dahulu. Duduk.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Soalan kedua, mengapa 1MDB melabur lebih kurang USD4 bilion dalam Aabar PJS Limited yang bukan dimiliki oleh IPIC, sebaliknya sebuah syarikat yang dimiliki oleh dua anak raja yang didaftar di British Virgin Islands. Mengapa tindakan undang-undang tidak diambil ke atas pengurusan 1MDB kerana melabur duit dalam tempat yang tidak betul? Mengapa tindakan tidak diambil ke atas kedua-dua anak raja ini kerana menyeleweng wang tersebut? *These are the* soalan yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara Mei 2012 hingga November 2014, 1MDB telah membuat beberapa pembayaran deposit berjumlah lebih kurang RM3.5 bilion kepada syarikat Aabar Investments PJS Limited BVI. Untuk pengetahuan dalam pemindahan dana sebanyak RM3.5 bilion kepada syarikat Aabar BVI ini, pihak pengurusan 1MDB telah mengikut segala terma dan syarat yang ditetapkan berdasarkan perjanjian yang dimeterai bersama dengan pihak pengurusan tertinggi International Petroleum Investment Company (IPIC) dan anak syarikat ini dimiliki sepenuhnya oleh Aabar Investments PJS.

Pada mulanya saya pun bila saya dengar banyak sangat cerita ini, kemudian saya telah mengambil inisiatif saya untuk memohon kepada kerajaan menulis surat kepada *registrar of* BVI Cayman untuk mengesahkan bahawa Aabar PJS Limited Cayman ini bukan dimiliki oleh IPIC ataupun anak syarikat Aabar PJS di Abu Dhabi.

Saya mendapat jawapan daripada *registrar of BVI Cayman* mengesahkan bahawa syarikat Aabar PJS BVI Limited ini adalah kepunyaan Aabar PJS Abu Dhabi dan Aabar PJS Abu Dhabi ialah dimiliki oleh IPIC.

Jadi, isu dia sekarang ini ialah *acquisition* yang mengatakan bahawa Aabar PJS Limited ini bukan anak syarikat IPIC. *This is where we have all these dispute*, sebab *registrar of BVI, this is not coming from the company, from BVI*, dia mengesahkan bahawa itu adalah syarikat Aabar PJS Abu Dhabi dan juga terletak dalam golongan IPIC Group. Jadi, isu dia sekarang ini kalau kita mengatakan bahawa duit RM3.5 bilion sudah hilang dan sebagainya, *this is where we are facing the dispute with IPIC*. So, *dispute* ini telah dibawa kepada timbang tara dan kita cuba menyelesaikan isu ini. Kita tidak boleh menggalah macam itu sahaja mengatakan, “*Ya because semua orang cakap bahawa Aabar PJS BVI ini bukan milik IPIC, therefore kita surrender kita punya duit.*” *We cannot. We have to fight as a country, we must make sure that we get back our money. [Tepuk]*

So, that is the issue. So, my point is kalau apa-apa sahaja *argument* yang kita buat dalam Dewan ini atau di luar sana, kita kena berdasarkan kepada fakta. Jadi kalau fakta yang kita ada di pihak kerajaan yang dapat daripada *authority* yang *legitimate* dalam Cayman, macam mana kita hendak *argue* yang benda itu bukan? Itu saya punya masalah. Jadi, itu pendirian yang pengurusan 1MDB buat setakat hari ini.

■2150

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yes, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Dua perkara sahaja. Nombor satu, tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa masalah 1MDB adalah akibat ketidakseimbangan aliran tunai. Memang benar kerana apa yang dipinjam oleh 1MDB sebahagian daripadanya sudah diselewengkan. Akibatnya, memang tidak akan seimbang. So masalah sekarang, adakah kerajaan termasuk Kementerian Kewangan akan mencari apa sebabnya wang itu hilang? Sebab ini bukan sahaja kita yang kata. Ketua Audit Negara telah pun melaporkan kepada PAC dan ada dalam laporan PAC bahawa aset dan transaksi sebanyak USD7 bilion tidak dapat disahkan oleh Ketua Audit Negara kerana... [Tepuk] ...1MDB tidak menyerahkan dokumen-dokumen termasuk *bank statement* dan tidak mungkin hilang. Kalau hilang pun boleh *produce* semula. Sudah minta satu tahun, tidak serahkan kepada Ketua Audit Negara. Itu soalan nombor satu.

Soalan nombor dua, mengenai isu sama ada Aabar Investments PJS Limited itu anak syarikat atau bukan anak syarikat kepada Aabar Investments PJS atau IPIC, itu saya terima. Akan tetapi masalahnya, 1MDB pinjam USD3.5 bilion. Dengar baik-baik. Pinjam USD3.5 bilion pada tahun 2012 tetapi sudah bayar balik kepada IPIC ataupun Aabar sebanyak USD3.51 bilion dan masih hutang lagi USD3.5 bilion. Masuk akalkah? Tidakkah Yang Berhormat Menteri Kewangan rasa ada masalah dalam 1MDB ini? Kenapa kita pinjam USD3.5 bilion, sudah bayar USD1.4 bilion sebagai cagaran pada tahun 2012. Selepas itu opsyen bila kita tamatkan, kita bayar sebanyak USD1 bilion, lebih kurang USD1 bilion sebagai pampasan. Selepas itu tahun 2014, tambah lagi cagaran sebanyak USD1.2 bilion. Kenapa? *Why do we add additional collateral to the guarantee that has already been given two years before?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: So, itulah sebabnya kita hendak tanya kenapa perkara ini tidak disiasat? Kenapa pegawai-pegawai dalam 1MDB tidak diambil tindakan? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Bagi saya jawab ini dahulu. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya bersetujulah dengan apa Yang Berhormat sebut ini iaitu kita IPIC *guarantee USD3.5 billion. That one we do not give anything. So now the point is, when someone give you USD3.5 billion, there must be an arrangement. What is the arrangement? It could be the arrangement is that I then now transfer the USD3.5 billion for your investment. I am not sure but this is where...*

[Dewan riuh]

No, no. Wait, wait. Listen, listen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dengar, dengar.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, *you* dengar fasal *you* duduk dalam PAC. *You have seen how detail PAC have done the investigation, okay. So now my point is* kalau *you* tengok dalam ini ialah *you* punya *question* tadi, *USD3.5 billion in USD3.5 billion guarantee. That is the reason why we signed the, the 1MDB signed the settlement agreement. They swapped— that was the intention. That is what they dispute. The question is okay—* ini Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya tidak hendak *deliberate too detail because I do not like to deliberate*

something detail that I have do not have the fact. Okay, I do not have the fact but whatever the fact that I have on paper today, I can confirm with you, there is a payment paid USD3.5 billion to Aabar BVI. That is real because that was the real.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kenapa kita bayar USD3.5 bilion kepada IPIC? Kalau kita boleh bayar USD3.5 bilion kepada IPIC, kita tidak perlukan *guarantee* daripada IPIC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *Hang on, hang on. I do not want to argue with all this, but you look at— no, no.* Nanti kejap Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. *You* duduk dalam PAC punya *committee*. *You* tahu dalam PAC punya *committee*, dalam PAC report, *PAC has already told you how they pay the USD3.5 billion, right?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *No. 1MDB told PAC and* Ketua Audit Negara. Ketua Audit Negara tidak puas hati dengan jawapan yang telah pun diberikan oleh 1MDB.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey. Oleh sebab PAC, Ketua Audit Negara tidak puas hati, sebab itu hari ini kita lihat bahawa ada penyiasatan yang dilakukan oleh pihak PDRM...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya hendak tanya soalan. Saya mahu tanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, ada dua perkara yang timbul.

Satu, saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar, *do you personally know what is the status of investigation by PDRM?* Kerana pada hari itu kita ada Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang datang ke Dewan ini dan kata soalan-soalan itu akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Isu itu nombor satu.

Nombor dua berkenaan dengan apa yang disebut sebagai wang RM2.6 bilion yang dikatakan ada di dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Pekan. Seharusnya Yang Berhormat Pekan datang ke Parlimen hari ini untuk jawab soalan itu... *[Tepuk]* seperti mana dijawab tadi oleh Yang Berhormat Kota Belud. Boleh, dia boleh berdiri. *Where is the Prime Minister? Why is he not here to answer these questions?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, pencelahan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bangun]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *He is inside somewhere waiting.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mencilah, mencilah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:Tidak boleh datang sekarang.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Puchong, tidak relevan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Semua rakyat mahu tahu. Manakah Yang Berhormat Pekan?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Puchong, kita ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *out of order* Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Puchong, ini bukan drama masuk TV.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling tidak boleh bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dan Menteri Kewangan II.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ... Saya hendak ajukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling, duduk Yang Berhormat Baling.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya rasa Yang Berhormat Puchong hendak main politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sedar bahawa dalam keadaan ini, daripada wang RM2.6 bilion ini dikatakan bahawa sejumlah besar wang ini diberikan balik kepada penderma.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Puchong. Menteri boleh jawab.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Adakah *Ministry of Finance* lihat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita ada Menteri Kewangan boleh jawab.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Kepada *money trail* atau minta untuk *money trail* untuk sahkan daripada mana datangnya wang ini dan kepada siapa kita bagi balik derma yang dia sebut, yang dikatakan derma itu kononnya? Itu soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin kembali kepada soal risiko kerajaan dan rakyat menanggung untuk membayar hutang kepada IPIC sebanyak USD3.5 bilion ataupun RM14 bilion. Saya faham Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa kita akan melalui proses *arbitration* dan kalau IPIC tidak yakin mereka mempunyai tuntutan ataupun kes yang boleh menang, mereka tidak akan membuat pendirian untuk menuntut jumlah itu. Maknanya apabila mereka membawa kes ini ke *arbitration*, mereka juga yakin bahawa mereka boleh menang dan saya faham Yang Berhormat Menteri hari ini dalam Dewan kata, kita juga ada kes yang baik.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau maksudnya paling hebat pun kerajaan kita hanya ada maksimum 50 peratus peluang untuk menang. Kalaulah kita kalah dan kita kena bayar USD3.5 bilion ataupun RM14 bilion...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak ada kalau, kalaulah Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

[*Dewan riuh*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dalam Parlimen ini tidak ada kalau-kalau. Kalau-kalau...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, *whose floor is this?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling, mencelah Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mengapa tiap-tiap kali tidak ada teguran?

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You are wrong also. He is wrong and you are wrong.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mana boleh. Tidak bolehlah ini kalau-kalau punya *judgement*. Kalau *just fine...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling, duduk. Ringkaskan Yang Berhormat Pandan, ringkaskan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Negara ini akan bankrap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling, duduk Yang Berhormat Baling.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tengok ini! Tengok ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia buat macam... *[Tidak jelas]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sekali bayar... *[Tidak jelas]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya. Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Kapar duduk.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Pergi bayar denda dahulu. Dia pergi tabur fitnah, pergi bayar denda dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Barulah cakap banyak.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *Speaker, do we have a Speaker in this House?*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini pakar fitnah. Pakar fitnah, kalau-kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *We have. I am the Speaker in the House.* Saya sudah minta berhenti.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Tidak jelas]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *He is wrong, Yang Berhormat Baling is wrong, Yang Berhormat Kapar is wrong* kerana mencelah dalam

pencelahan. *That is why I said* kalau hendak tegur, tegur semua. Tegur Yang Berhormat Kapar juga ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Baik Tuan Yang di-Pertua. Saya suka kepada Yang Berhormat Baling kerana selalunya aksi-aksi begitulah yang mempopularkan kami bila masuk dalam. *[Ketawa]* Saya hendak sudahkan soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tetapi Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat, ringkaskan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya hendak sudahkan soalan yang sangat penting untuk rakyat kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam keadaan paling terbaik pun kedudukan kerajaan kita ialah 50 peratus peluang untuk menang. Maknanya kita juga kena bersedia secara kewangan, kemungkinan 50 peratus kita akan kalah.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kita kena bayar RM14 bilion ini, macam mana kita hendak bayar Yang Berhormat Menteri dalam masa tempoh yang diberikan? Kalau kekurangan 200 juta, 300 juta kita sudah kena potong subsidi minyak, kita kena potong peruntukan kepada universiti.

■2200

Saya tak tahu dan tak boleh bayangkan apa yang akan dipotong dan bagaimana Yang Amat Berhormat Pekan hendak cari wang RM14 bilion untuk bayar yang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. *I know*, penyiasatan itu masih berjalan dan *I cannot give you more than that*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Oh, *but are you aware of the details?*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *I am not aware of the details. The police not aware ...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *So you are not in the position to say anything in this Dewan and Menteri Dalam Negeri, he likes when you said that you will answer, isn't it?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *That is what you all do. That's why where is the Prime Minister? He should come and answer these questions now. Why is he hiding inside there? Why not you all MP's from BN calling him to come in and answer.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Puchong, *who is hiding? Who is hiding?* *[Dewan riuh]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya, terima kasih. Terima kasih. Yang Berhormat Puchong, *I have ever said what I know.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You don't know anything Sir. [Dewan ketawa] You have said, you have said, you don't know anything.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *No, I didn't said I do not know. I said I know it's under penyiasatan.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *That means you know nothing. We all know it's under penyiasatan. The question is what is the status and what is the siasatan? [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Minister of Finance should resign.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *Okey. Your next question is what?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *My next question is, in respect of RM2.6. Do you have the money trail? Kalau ada money trail yang diberikan balik wang itu kepada yang dikatakan balance, hundred of millions of our money. Ministry of Finance tadi kata, you said, I think we must fight! Kerana negara kita, wang kita. Now, what about this?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Okey Yang Berhormat, isu-isu 2.6, 1MDB, DOJ..*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Tuan Yang di-Pertua, don't do this lah come on...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I got to say this, I got the ruling by the Speaker.*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *Oh, terbaik, terbaik.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You must respect the standing order that has been ruled by the Speaker.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] : *Timbalan, Timbalan hendak jawablah.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Undilah, habis cerita. Kita undi je. Cakap banyak tak guna. [Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Siapa yang sokong ketirisan? Siapa yang sokong ketirisan? Tadi kata TSP sokong ketirisan. Nampak sangat .*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Itulah undang-undang. Kita ada undang-undang dalam Dewan ini. We follow the procedure. Call for undi, habis cerita.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Ini rasuah dan penyelewengan.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kamu itu bapa rasuah. Kamu itu bapa rasuah.. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Shah Alam duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu depan tu, depan tu. Bapa rasuah depan, depan kamu itu. Cakap rasuah, tengok seluar belakang koyaklah. Baru cerita sekolah...

Seorang Ahli: Eh, apa ini?

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *what kind of language is this? What kind of language is this? [Dewan riuh] Why do we want to put up this kind of rubbish? This is rubbish, this is rubbish.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cerita fasal *old stories. All your stories are recycled. You all are rubbish.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling duduk, Yang Berhormat Baling ya.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Hei Yang Berhormat Baling, *shut up you* Yang Berhormat Baling. *Stupid, empty...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat yang lain duduk Yang Berhormat.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri sedikit, Indera Mahkota.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Gelang Patah.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Indera Mahkota sikit.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Memberitahu Dewan ini sama ada rahsia Kabinet dibongkarkan dan sama ada Yang Berhormat daripada Semporna, Pagoh dan Tambun adalah bongkar rahsia Kabinet apabila dalam ucapan mereka dalam perbahasan debat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri. *[Dewan riuh]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya dekat sini ini saya hendak jawab bajet. Saya hendak jawab bajet. Akan tetapi kalau mana-mana perkara yang melibatkan penyiasatan polis, *I am not privy to tell you every detail.*

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Itu bukan, soalan saya ialah bagi tahu kerajaan dan jawab mengenai bajet sama ada bukan sahaja ucapan Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Tambun ada pecah rahsia Kabinet dalam perkara ini.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Atau Yang Berhormat langsung tak tahu, apa pun tak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau tak ada berkaitan dengan kementerian, tak perlu jawab Yang Berhormat ya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, yang itu saya biarkan penyiasatanlah.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang kedua, saya hendak jawab, saya hendak jawab.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Tambun, Yang Berhormat Pagoh tak datang sebab dia orang tahu dia dah buat salah, sebab itu dia orang tak datang.

[Dewan terlalu riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, ya. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Baling tak nampak 'Pekan' tadi. Dia bagi bola tanggung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Dia baru tadi saya nampak Yang Berhormat Kapar bangun pasal *standing order*.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang bangun ramai-ramai ini tak masuk *standing order*.

Seorang Ahli: *Out of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Out of order*, ya.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri, sikit, sikit Indera Mahkota.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Awak tak mahu tanya, tak usah tanya, saya hendak tanya, bodoh.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okeylah. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Baling, duduklah Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: India ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita boleh buat secara tertib Yang Berhormat. Pakai tertib ya. Tak perlu bangun serentak, tak perlu bangun.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri, Indera Mahkota. *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Buat secara tertib ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya, boleh?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tapi sebelum..

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, dia dah bagi Indera Mahkota.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, sebelum saya bagi jawapan, sebelum saya hendak jawab bagi, kalau *you* hendak tanya pasal benda-benda yang menyiasat di luar daripada bajet, saya tak boleh jawab.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Bagi saya? Saya boleh tanya? Terima kasih. Yang Berhormat Menteri bagi saya bertanya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Maybe the wrong ministry.* Ada jawapan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Dalam Dewan Yang Berhormat Menteri kata tidak ada apa-apa kesalahan. Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Semporna dan Yang Berhormat Tambun bercakap mengenai 1MDB. Kenapa takut kata begitu dalam Dewan yang mulia ini? Di luar Dewan berani kata, di dalam Dewan takut. Kenapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, duduk, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk, duduk, duduk dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat Menteri nak jawab.

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Tadi Yang Berhormat Menteri kata di luar bajet tak boleh jawab. Soalan saya senang sahaja, satu sahaja. Di mana Yang Berhormat Pekan sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, seorang-seorang Yang Berhormat, Menteri sudah jawab dahulu Yang Berhormat. Duduk dulu. Yang Berhormat Bukit Gelugor duduk. Yang Berhormat Indera Mahkota. Duduk dulu Yang Berhormat, Menteri hendak jawab beberapa pertanyaan, dia hendak jawab dulu.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Menteri bagi laluan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan? Okey, hendak bagi jalan. Yang lain duduk ya.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya hendak tanya soalan *simple* sahaja, mudah sahaja. Kita ini pening kepala, orang ini kata begitu, orang ini kata begini. Saya hendak tanya sikit sahaja. Kalau bagi kita baca *Auditors Report, I think everything will be clear. Thank you* Yang Berhormat. *[Dewan ketawa]* Boleh tak?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri, sehubungan dengan itu Yang Berhormat Menteri, Kuala Krai. Menteri, sedikit sambung yang itu.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri, sebab saya ini Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang, seorang Yang Berhormat, saya nampak, saya nampak, seorang, seorang Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Kalau *the same subject matter, it will not just an answer, why you ask this question?*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey Yang Berhormat Menteri, *subject matter* yang lain, *subject matter*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang Berhormat, duduk dulu. Siapa yang bercakap? Ya, Yang Berhormat Menteri nak jawab.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua..

Seorang Ahli: Satu soalan Yang Berhormat.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Akhir... *[Dewan riuh]* This one question.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Gelugor duduk dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri nak jawab.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali... *[Tepuk]* Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua.

[Dewan riuh]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini masalah dia..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat senyap Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Apalah, ini gila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: 2.6 bilion itu senang sahaja. *The bank,*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Belah bahagi, belah bahagi. Pokok Sena cadang belah bahagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Belah bahagilah. Lebih 15 orang. *[Dewan riuh]* Setuju 15 orang.

[Ahli-ahli Pembangkang bersorak]

Ahli-ahli Pembangkang: Pekan, Pekan, Pekan, Pekan, Pekan, Pekan, Pekan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat, duduk. Oleh sebab lebih 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4) saya memerintahkan satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Dewan riuh]

■2210

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. Keputusan Belah Bahagi sebentar tadi adalah seperti berikut: Ahli-ahli yang tidak mengundi 11. Yang

tidak bersetuju rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua 70. Yang bersetuju rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua 117. *[Tepuk]*

Maka atas sebab itu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 8 November 2016. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada jam 10.25 malam]